

---

# Selamat Tinggal Era Mahathir

---

Lee Ban Chen

**Strategic Information Research Development**

Malaysia

1150011

## ***Selamat Tinggal Era Mahathir***

**Hak cipta Terpelihara © Lee Ban Chen 2003**

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

### **Diterbit Oleh**

Strategic Information Research Development (SIRD)

11, Lorong 11/4E  
46200 Petaling Jaya  
Selangor, Malaysia

### **Dicetak Oleh**

Vinlin Press Sdn Bhd  
56, 1st Floor, Jalan Radin Anum 1,  
Bandar Baru Sri Petaling,  
57000 Kuala Lumpur,  
Malaysia

### **Direka Oleh**

Arc Radius Designs  
[www.arcradius.net](http://www.arcradius.net)

**ISBN : 983-2535-17-4**

M  
923.2595  
LEE

M

**1126644**

14 OCT 2003

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

### **Kata Pengantar - Rustam A. Sani**

Buku ini merupakan himpunan tulisan Lee Ban Chen dalam kolumnya "Bumi Dipijak" yang tersiar dalam laman web berita Malaysiakini.com sepanjang tahun 2002. Pada tahun lalu telah terbit buku Bumi Dipijak yang menghimpunkan tulisan-tulisannya dalam kolom yang sama sepanjang tahun 2001. Tulisan-tulisan Lee Ban Chen dalam kolom tersebut merupakan komentar beliau tentang peristiwa dan isu politik semasa. Dan kerana kekerapan tulisan beliau disiarkan, Lee Ban Chen berpeluang melalui kolumnya itu meliputi pelbagai bidang dan sudut dalam perkembangan politik Malaysia yang amat kompleks itu.

Laman web berita seperti Malaysiakini.com memanglah merupakan bentuk penyaluran karya penulisan yang penting dan canggih pada zaman ini. Namun di Malaysia saluran seperti ini masih merupakan saluran yang terlalu baru. Malah saluran ini masih dianggap sebagai saluran pinggir yang masih bertungkus lumus untuk mendapat pengiktirafan. Yang masih dianggap saluran karya dan penulisan yang utama masih lagi media cetak "aliran utama". Kalau dalam bahasa Melayu antara media cetak itu adalah akhbar-akhbar seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Di sinilah terletaknya ironi pertama Lee Ban Chen sebagai seorang penulis penting di Malaysia hari ini. Beliau merupakan seorang penulis penting kerana beberapa sebab yang akan saya perkatakan sebentar lagi, namun tulisan beliau hanya tersiar dalam saluran yang masih dianggap pinggir seperti dalam sebuah laman web berita seperti Malaysiakini.com. Hanya sekali sekala tulisan beliau itu "diterbitkan semula" dalam beberapa penerbitan cetak yang tidak dianggap "aliran utama" pula - seperti Berita Keadilan dan Suara PRM.

Mengapakah saya menganggap Lee Ban Chen seorang penulis dan penganalisis politik yang penting di Malaysia hari ini? Pertamanya, bagi saya, perkara ini harus dilihat dari sudut suasana kecendekiawanan dan penulisan di negara kita selama ini - dan keadaan ini sedikit sebanyak masih berterusan hingga sekarang. Sebagaimana masyarakat Malaysia masih terbagi-bagi menurut sempadan bahasa dan budaya, maka dunia penulisan dan kecendekiawanan Malaysia juga masih terasing-asing menurut garis sempadan yang sama. Terdapat di satu pihak alam penulisan dan kecendekiawanan Malaysia berbahasa Melayu dengan sifat dan cirinya yang tersendiri - dengan para penulis dan para penyumbang yang tersendiri, dan yang lebih memudaratkan lagi, dengan khalayaknya yang tersendiri pula.

Dengan dunia kecendekiawanan yang begitu terasing-terasing, maka bukan sahaja terdapat kemungkinan besar untuk tidak timbulnya persefahaman yang benar lagi mendalam, malah terdapat ruang yang besar bagi kepentingan-kepentingan politik yang mau menimba manfaat daripada pengasingan itu untuk terus mempertahankan pengasingan budaya tersebut. Kita ambil sebagai contoh perjuangan mempertahankan bahasa ibunda dan pendidikan dalam bahasa ibunda yang begitu penting di kalangan masyarakat Tionghua di Malaysia - sehingga telah melahirkan beberapa tokoh dan wira dan beberapa badan dan kesatuan untuk memperjuangkannya.

Perjuangan itu telah lahir semasa dan serentak dengan perjuangan para nasionalis Melayu sendiri untuk memulakan pendidikan tinggi dalam bahasa Melayu di negara ini. Oleh yang demikian, dua perjuangan itu telah dicirikan oleh semacam rasa bersaing dan rasa bermusuhan. Terdapat di kalangan orang Melayu yang memperjuangkan pendidikan Melayu pada zaman selepas kemerdekaan anggapan bahawa perjuangan pendidikan China itu merupakan suatu penentangan terhadap kedudukan yang diimpikan bagi bahasa Melayu yang pada waktu itu belumpun mencapai kedudukan sebuah bahasa yang sudah digunakan di sekolah menengah. Banyak orang Melayu yang melihat perjuangan pendidikan bahasa ibunda China itu sebagai suatu pengucapan sikap kesombongan budaya masyarakat China terhadap budaya Melayu.

Meskipun sikap kesombongan budaya itu mungkin wujud pada peringkat awal pergeseran tersebut di kalangan kelompok-kelompok kaum China yang tertentu, namun sejak akhir-akhir ini sikap yang demikian ternyata sudah tidak wujud lagi. Sikap penentangan, apa lagi penolakan, terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah tidak lagi merupakan ciri penting perjuangan pendidikan bahasa ibunda di kalangan orang China. Malah pemeliharaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah berbahasa pengantar China di negara ini sering ternyata begitu mantap sekali - malah sering kali lebih mantap daripada di institusi pendidikan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan sendiri. Perjuangan membela dan mempertahankan pendidikan dalam bahasa ibunda tidak lagi diasaskan pada suatu sikap kelebihan dan ketinggian budaya tetapi pada prinsip hak asasi manusia yang dipertahankan oleh PBB sendiri, yang membela hak sesuatu kelompok itu untuk memperoleh pendidikan dalam bahasa ibunda masing-masing.

Namun sikap syak wasangka antara pelbagai kelompok budaya itu sudah begitu kuat dan mendarah daging sehingga seringkali rasa syak wasangka

itu dapat diperalatkan oleh pihak-pihak yang mahu memeralatkannya. Sewaktu timbul isu penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran Sains dan Matematik baru-baru ini, misalnya, terdapat bantahan yang sama kuat pada mulanya dari kalangan para pejuang bahasa ibunda China dan bahasa Melayu. Namun dalam usaha pihak tertentu untuk mengasingkan kedua-dua golongan itu, unsur syak wasangka itu telah cuba ditimbulkan kembali - dengan menimbulkan rasa khuatir lama orang Melayu terhadap para pejuang pendidikan bahasa ibunda China itu dengan menuduh mereka sebagai golongan pelampau dan golongan ekstremis perkauman China.

Mujurlah percubaan memecah belahkan yang terakhir ini tidak menimbulkan kesan seburuk yang mungkin ditimbulkannya katakanlah pada tahun tujuh puluhan atau delapan puluhan dulu. Orang Melayu tidak lagi secara mudah dan secara emosional percaya bahawa perjuangan pendidikan bahasa ibunda China itu bertujuan untuk mencabar kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini dan dengan itu tidak lagi percaya bahawa perjuangan mereka sendiri harus mengambil bentuk menentang perjuangan orang China yang diasaskan pada usaha mempertahankan hak asasi mereka sebagai suatu kelompok kaum itu. Pengasingan budaya dan kecendekiawanan lama di antara kaum di negara ini ternyata masih wujud, namun bentuk kewujudannya sudah agak berubah kini daripada bentuk asalnya yang terdapat pada tahun lima puluhan dan enam puluhan dulu.

Dalam hubungan dengan pengasingan budaya antara dunia-dunia kecendekiawanan yang berasingan inilah Lee Ban Chen, menurut hemat saya, merupakan seorang penulis Malaysia yang penting. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Lee Ban Chen memang mempunyai akar umbi yang kuat dalam dunia kecendekiawanan masyarakat China di negara ini. Sebelum ini beliau memang sudah dikenali sebagai seorang penulis dan penganalisis politik, sosial dan budaya di kalangan khalayak Tionghoa di negara ini. Namun Lee Ban Chen tidak membiarkan dirinya terus terkepung dalam lingkungan sempit khalayak tersebut. Dia mencuba meninjau setiap persoalan politik yang diperkatakannya daripada sudut khalayak tersebut sahaja, tetapi beliau turut juga mencuba memahaminya dari perspektif yang lebih luas. Lebih daripada itu, Lee Ban Chen tidak sekadar menulis dalam bahasa Tionghua, menggunakan gaya wacana yang selesa bagi khalayak pembaca dalam bahasa Tionghua.

Bila Lee Ban Chen menulis dalam bahasa Melayu, dia sebenarnya berusaha mencapai lingkungan khalayak yang lebih luas. Dia mencuba membawa

unsur kesegaran kepada penulisannya itu kerana dia memperkenalkan suatu sudut pandangan atau perspektif yang selama ini dikenali hanya oleh khalayak pembaca dalam bahasa Tionghua. Sebagai seorang penulis dan penganalisis yang berakar umbi pada dunia kecendekiawanan khalayak pembaca berbahasa Tionghua, dengan menulis dalam bahasa Melayu Lee Ban Chen sebenarnya telah melakukan lebih banyak daripada sebarang penulis lain yang saya ketahui di Malaysia hari ini bagi menjambatani dunia khalayak kecendekiawanan yang terasing-asing itu.

Kesan yang saya perolehi daripada membaca himpunan tulisan Lee Ban Chen dalam buku ini ialah beliau sedikit sebanyak telah berjaya melepaskan dirinya daripada kongkongan kelompok kecendekiawanannya sendiri. Dia tidak memilih untuk memperkatakan hanya persoalan-persoalan yang menjadi kegemaran di kalangan orang-orang China di Malaysia semata-mata - katakanlah persoalan-persoalan seperti sekolah wawasan dan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik. Dia tidak ragu-ragu untuk memperkatakan persoalan yang selalunya cuba dielakkan oleh para penulis yang tidak beragama Islam - misalnya persoalan negara Islam, hak mengemukakan pendapat dalam Islam, dan persoalan hukum hudud. Oleh kerana semua persoalan itu tidak ditimbulkan oleh seorang penulis yang biasanya dikongkong oleh lingkungannya yang khusus, maka tulisan Lee Ban Chen tentang perkara-perkara tersebut amat terasa kesegarannya.

Hampir keseluruhan tulisan Lee Ban Chen dalam buku ini merupakan ulasan semasa penulisnya tentang peristiwa politik semasa - dari isu hukum hudud kepada pendidikan China hinggalah kepada analisis keputusan pilihanraya kecil. Oleh yang demikian, seorang pembaca yang tidak biasa dengan tulisan dan sumbangan Lee Ban Chen akan menyangka bahawa beliau tidak lebih daripada seorang pengambil gambar snapshot tentang peristiwa sehari-hari politik negara ini yang amat kompleks itu. Namun jika kita berusaha untuk merenungkan sudut pandangan yang cuba dikemukakannya di sebalik snapshot itu, maka akan nyatalah kepada kita bahawa penulisan beliau senantiasa dipandu oleh suatu sikap dan pandangan yang jelas tentang perspektif politik Lee Ban Chen. Jelas daripada tulisan-tulisannya ini andaian dasarnya tentang politik yang bertunjangkan demokrasi, yang memperjuangkan keadilan untuk semua kelompok dan golongan, yang berasaskan persefahaman dan saling menghormati antara pelbagai kaum, yang berasaskan sikap tegur menegur yang jujur lagi ikhlas dan terbuka.

Bagi saya, sifat menjambatani antara dunia realpolitik seharian dan dunia pemikiran dan pandangan politik yang mendalam ini merupakan suatu lagi sifat Ban Chen yang amat menarik - dan memperteguhkan anggapan saya bahawa beliau merupakan salah seorang penganalisis politik yang penting di negara ini pada waktu ini. Saya mulai mengenali tulisan Lee Ban Chen sewaktu saya masih menjadi seorang guru Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 70-an. Pada waktu itu meskipun saya belum mengenali Lee Ban Chen secara peribadi namun saya amat tertarik dengan sebuah buku kecil tentang pengantar kepada ilmu filsafat yang telah dihasilkannya. Saya menganggap buku kecil itu sebagai suatu sumbangan penting dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar wacana filsafat - sehingga saya menganjurkan buku itu sebagai rujukan murid-murid saya yang mengikuti kursus saya tentang teori ilmu sosial.

Pada waktu itu saya tidak mengenal siapa Lee Ban Chen. Tidak saya sedari bahawa penulis yang begitu selesa memeperkatakan ilmu filsafat itu juga seorang yang amat terlibat dalam politik seharian secara yang agak giat - bergerak dalam parti politik, terlibat dalam gerakan massa, malah menjadi mangsa penahanan ISA selama beberapa tahun kerana kegiatan politiknya itu. Seorang yang dengan selesanya dapat menjambatani dunia kecendekiawanan dan pemikiran dengan dunia kegiatan politik seperti Lee Ban Chen ini merupakan seseorang yang luar biasa. Kita bersyukur kerana Lee Ban Chen yang sama kini masih terus menulis, terus bergiat, terus terlibat dalam dunia kecendekiawanan, politik dan sosial masyarakat kita.

Dunia politik Malaysia yang amat rencam ini amat memerlukan sumbangan luarbiasa yang dapat diberikan oleh seorang penyumbang yang penting seperti Lee Ban Chen.

Rustam A. Sani  
Gombak, Kuala Lumpur.

21hb Januari 2003

## ***Kata Pengantar - Lee Ban Chen***

'**Selamat tinggal era Mahathir**' adalah buku kedua kumpulan ulasan semasa kolum [Malaysiakini.com](http://Malaysiakini.com) yang saya tulis sepanjang tahun 2002. Manakala buku pertama saya '**Bumi Dipijak**', yang juga mengandungi ulasan semasa saya dalam kolum yang sama bagi tahun 2001 telahpun diterbitkan tahun lalu. Dalam buku ini satu prolemik yang agak penting ialah berkaitan dengan dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik mulai tahun 2003. Melalui perdebatan, maka terdedahlah :

- (i) Bagaimana dasar pendidikan negara kita telah dipolitikkan oleh Barisan Nasional.
- (ii) Bagaimana ketatnya media massa arus perdana dikawal dan dikuasai parti pemerintah.
- (iii) Bagaimana dasar bahasa Inggeris cuba diputarbelitkan sebagai isu perkauman.
- (iv) Bagaimana Dong Jiao Zong yang membela sekolah bahasa ibunda semua kaum sebagai hak asasi manusia, dituduh sebagai Cauvinis Cina dan kumpulan pelampau, serta diancam dengan tindakan ISA (Akta Dalam Negeri) dan Akta Hasutan.
- (v) Bagaimana suatu dasar bahasa yang mengagung-agungkan bahasa Inggeris/asing yang ditentang oleh pencinta bahasa ibunda semua kaum, dipaksakan ke atas sistem pendidikan kebangsaan kita tanpa dipersetujui pihak-pihak terbabit.

### **Agenda tersembunyi**

Dasar itu ditentang bukan sahaja kerana dianggap tidak berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris seperti yang dikehendaki, tetapi juga kerana kesangsian wujudnya 'agenda tersembunyi' untuk menghapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ( SJKC) dan Tamil (SJKT) melalui Projek Sekolah Wawasan yang menempatkan dua atau tiga aliran sekolah dalam kawasan yang sama. Dengan menempatkan dua atau tiga aliran sekolah dalam kawasan yang sama, di samping kurikulum bersama bagi mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, dikhuatiri langkah berikutnya ialah mencantumkan semua sekolah terbabit menjadi sekolah bersepadu sepertimana yang pernah dilaksanakan di Singapura.

Tidak dapat dinafikan bahawa Rejim Lee Kuan Yew di Singapura menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk menghapuskan sekolah bahasa ibunda Cina, Melayu dan India. Sejarah itu tidak sewajarnya dibenarkan berulang di negara kita.

### **Isu negara Islam dan pelampau militan**

Dalam ulasan saya tahun lalu, penulis telah menegaskan bahawa "isu negara Islam dan pelampau militan akan terus menghantui Barisan Alternatif (BA) pada masa akan datang. Kemampuan parti komponen BA untuk menangani kedua-dua isu tersebut, akan menentukan jatuh bangunnya pakatan tersebut." Rasanya, ulasan tersebut tidak meleset. Maklumlah, selepas peristiwa 911, suasana politik yang tidak menguntungkan negara kita telah dieksploitasi sepenuhnya oleh kerajaan BN, antaranya PAS digelar 'Taliban Malaysia' dan gerakan reformasi dicemar sebagai gerakan militan bagi menimbulkan huru-hara dan menumbangkan kerajaan secara kekerasan.

### **Tahanan ISA**

Tambahan pula parti pembangkang, terutamanya PAS dan DAP, gagal menyusun strategi politik yang bijaksana dan realistik untuk menangani kedua-dua isu di atas. Ini ditambah dengan kegagalan parti pembangkang menyelesaikan pergeseran dalaman sesama sendiri. Bagaimanapun, komplot politik untuk mencemarkan gerakan reformasi telah terbongkar pada 7 Sept 2002, apabila Mahkamah Persekutuan sebulat suara memutuskan penahanan lima tahanan ISA ( Mohd Ezam Noor, Tian Chua, Saari Sungib, Raja Petra dan Hishamuddin Rais) selama 60 hari oleh polis mengikut Seksyen 73(1) ISA April tahun lalu, adalah tidak sah dan mala fide (berniat jahat). Penal empat orang hakim mendengar permohonan habeas corpus kelima-lima tahanan ISA itu, dengan diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Mohamad Dzaidin Abdullah.

Namun kerajaan BN masih berdegil dan enggan membebaskan lima tahanan ISA tersebut sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, mahkamah yang tertinggi di negara ini. Sebaliknya, ISA lebih kerap digunakan untuk menahan dan memburu berpuluh-puluh aktivis Islam yang didakwa terlibat dalam gerakan Kumpulan Mujahidin/Militan Malaysia (KMM) dan Jemaah Islamiah (JI) tanpa bukti yang kukuh. Malah ada ura-ura ISA akan dipinda dan diperketatkan lagi, kononnya, untuk menentang keganasan.

### **Alasan pihak berkuasa**

Nyata sekali, jika anti-komunis dan anti-subversif dijadikan alasan untuk menahan musuh politik Perikatan, dan kemudiannya BN pada tahun 60-an hingga 80-an sebelum Parti Komunis Malaya (PKM) menamatkan perjuangan bersenjatnya, kini, anti-keganasan dan anti-kumpulan militan pula yang sering dijadikan alasan untuk menindas musuh politik BN.

Perkembangan ini harus diperhati dan dibantutkan sebelum ISA digunakan

secara lebih bermaharajalela! Di samping menentang segala undang-undang seumpama itu, semua pihak harus menggembelng tenaga untuk meneruskan gerakan mansuhkan ISA sehingga undang-undang itu dihapuskan.

Kita sewajarnya tidak dikelirukan oleh cadangan berkompromi supaya tuntutan tahanan ISA dibebaskan tanpa sebarang syarat atau dibicarakan di 'mahkamah terbuka' digantikan dengan apa yang dinamakan 'tribunal bebas'. Jika kebebasan mahkamah terbuka juga tidak terjamin, bagaimanakah dapat diharapkan 'kebebasan' tribunal? Jika perkembangan politik BA dijangka penuh dengan pelbagai kemungkinan, politik BN, terutamanya Umno juga nampaknya sukar untuk menghindari krisis perebutan kuasa dan perbalahan puak, memandangkan Dr Mahathir Mohamad akan berundur pada Okt depan. Itupun, jika beliau tidak mengingkari janji seperti Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Datuk Zainal Rampak untuk melepaskan jawatannya.

### **Nafas baru**

Yang ironik sekali ialah apabila Dr Mahathir membelasah mentaliti tongkat kaum Melayu dan orang Umno, beliau sendiri menjadi tongkat terbesar untuk Umno dan BN bersandar. Tanpa Dr Mahathir selepas Okt depan, entah apalah yang akan berlaku kepada Umno dan BN! Pemergian Dr Mahathir akan menandakan noktah eranya. Ini mungkin bermakna masa berundur juga sudah tiba bagi pemimpin BN yang sezaman dengannya, umpamanya presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dan pemimpin veteran pembangkang yang sudah menjadi beban partinya. Untuk memberi 'nafas baru' kepada parti-parti terbabit, ada baiknya mereka mencontohi Dr Mahathir yang mematuhi pesan ibunya: "berhenti bila makan tengah sedap"!

Tahun 2003 memang penting bagi semua parti politik kerana terpaksa bersedia untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang. Senario politik pada keseluruhannya dianggap lebih menguntungkan BN berbanding dengan pilihanraya umum yang lalu. DAP yang telah meninggalkan BA, PAS yang tegas dengan idealisme Negara Islam acuannya dan berghairah dalam pelaksanaan Hudud, Parti Keadilan yang akan bercantum dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM), masing-masing mempunyai masalah sendiri.

### **Pakatan pembangkang**

Rasanya sukar bagi mereka bergabung tenaga untuk menghadapi BN sebagai sebuah pakatan politik yang mempunyai manifesto bersama seperti

tahun 1999. Antaranya, pembahagian kerusi untuk ditandingi DAP dan parti komponen BA akan menjadi lebih sukar kerana DAP sudah meninggalkan BA. Kegagalan berkompromi akan merugikan pembangkang jika berlaku pertandingan tiga penjujur kerana, selain BN, mereka turut menentang sesama sendiri.

Suatu senario politik negara kita yang muram ialah pemerintahan BN menjadi semakin autokratik dan opresif manakala pembangkang pula menjadi kucar-kacir akibat ditindas dan konflik dalaman. Dalam suasana porak-peranda, pelbagai puak pelampau/militan dan kaedah perjuangan di luar landasan perlembagaan, mungkin berpeluang bertapak dan memainkan peranan masing-masing dalam pancaroba politik yang akan datang.

Di samping itu, kestabilan negara kita juga akan dipengaruhi unsur antarabangsa, terutamanya tercetusnya pada bila-bila masa pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap mana-mana negara 'paksi jahat' dengan helah anti-keganasan, seperti yang berlaku kepada Iraq.

#### **Senario politik semasa**

Krisis Malaysia-Singapura berikutan isu `harga air dan tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih, juga makin membimbangkan. Bagaimanapun, semasa kita mengharap dan memperjuangkan prospek politik yang lebih cerah, kita juga terpaksa bersedia untuk menghadapi senario politik yang lebih kompleks dan sulit.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada editor-editor Malaysiakini yang bertungkus-lumus menyelenggarakan kolum saya selama ini, dan terhadap Sdr. Rustam A Sani yang sudi menulis satu lagi kata pengantar untuk menyerikan buku kedua saya ini.

Lee Ban Chen  
Cheras, Kuala Lumpur

1hb Mei 2003

# Kandungan

---

Kata Pengantar - Rustam A. Sani	i
Kata Pengantar - Lee Ban Chen	vi
1. Perpaduan Tidak Boleh Dipaksa	1
2. Membuka Minda Tertutup	4
3. Perjuangan Dan Jasa Lim Fong Seng ( I )	8
4. Perjuangan Dan Jasa Lim Fong Seng ( II )	13
5. Meritokrasi Yang Tidak Merit	17
6. Memperlihatkan Semangat Fairplay	22
7. Dasar Buka Pintu	26
8. Uji Sebelum Guna Bahasa Inggeris	30
9. Malaysia Bukan Britain, Bukan Amerika	36
10. Dasar Inggeris Dan Ugutan ISA	41

11. Teori Komplot Dan Logik Samseng	47
12. Kajian Semula Dasar Bahasa Inggeris	52
13. Hipokresi Tan Sri Musa Mohamad	57
14. MCA Dibelasah Media	61
15. Jangan Api-Apikan Sentimen Perkauman	67
16. Formula 2-4-3 Dan Masalahnya	72
17. Sikap Anti-Demokrasi Pemuda UMNO	78
18. Menaruh Garam Pada Luka	83
19. Bezakan Kawan Daripada Lawan	88
20. Dari 911 Ke 119	91
21. Chandra Mencabar Anwar	95
22. Hudud Oh Hudud	99
23. Hudud Sebagai Strategi Politik	104
24. Bulan Belum Pudar Lagi	109
25. Keadilan Masih Berdiri Di Tengah Jalan	113
26. DAP vs Keadilan	118
27. Belanjawan BA Patut Dialu-alukan	122
28. Pemimpin Gergasi Bangsa Kerdil	127
29. Era Mahathir Di Penghujung Jalan	131
30. Dr. Mahathir Bertolak Ansur Dengan Dr. Mahathir	135
31. Berhenti Bila Makan Tengah Sedap	139
32. Percaturan Politik Sekitar Isu KMM Dan JI	143

33. Malaysia Terperangkap Strategi Anti-Keganasan AS	148
34. Pelan Damai PM Yang Tidak Mendamaikan	153
35. MCA : Tunduk Atau Tidak Tunduk	157
36. Adun MCA Terpaksa Dikorbankan	161
37. Ceti Haram Sudah Jadi Sah	165
38. Tudung Dan Multi-Kulturalisme	170
39. Demokrasi Digundik Oleh Ceramah Umum?	174
40. Titisan Air Mata Patricia	178
41. Kisah Mogok Lapar Saya	182
42. Syabas, Pemogok Lapar Anti ISA	189
43. Terus Memperjuangkan Kebebasan Media	193
44. Zaman Kegemilangan ISA	197
45. Ezam : Kebanggaan Rakyat Malaysia	205
46. Kes ISA 5 Dan Komplot Politik BN	209
47. Menteri Diheret Ke Mahkamah	214

## 1 Perpaduan Tidak Boleh Dipaksa

Pencabulan hak perhimpunan rakyat secara damai kian menjadi-jadi. Bukan saja ceramah politik pembangkang sering dilarang, sekarang mesyuarat pendidikan juga diganggu.

Kes terbaru ialah polis yang diketuai oleh ketua polis daerah Dang Wangi di Kuala Lumpur telah masuk ke Dewan Perhimpunan Cina Selangor untuk melarang lebih kurang 300 peserta daripada memasuki dewan untuk menyertai suatu mesyuarat pendidikan yang dianjurkan oleh Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia atau lebih dikenali sebagai Dong Zong. Ketegangan yang timbul akibat tindakan polis yang tidak munasabah ini adalah sangat-sangat dikesali, kerana:

- (i) Perhimpunan pendidikan tersebut diadakan dalam Dewan Perhimpunan Cina di mana pejabat Dong Zong berada;
- (ii) Ratusan malah ribuan mesyuarat/perhimpunan Dong Zong telah diadakan dalam Dewan Perhimpunan Cina tanpa sebarang permit dalam puluhan tahun kebelakangan ini;
- (iii) Dong Zong adalah sebuah NGO pendidikan yang bertanggungjawab dan terkenal dalam memperjuangkan pendidikan bahasa ibunda sebagai hak asasi manusia melalui saluran demokrasi secara lobi.

### ***Penyelesaian mudah***

Mengikut Dr Yap Sin Tian, timbalan pengerusi Dong Zong, dua agenda utama perhimpunan tersebut ialah taklimat mengenai pengaruh pembinaan Sekolah Wawasan di Subang Jaya, Selangor, serta keadaan pembangunan SJK(C) Chee Wen, juga di Subang Jaya.

Bangunan baru Chee Wen memakan belanja RM1.5 juta jumlahnya, mengikut dasar "satu ringgit untuk satu ringgit" bagi pembinaan bangunan sekolah bantuan modal. Kerajaan harus menanggung beban RM750,000 bukan RM500,000 saja seperti yang diperuntukkan.

Pihak sekolah dan komuniti Subang Jaya tidak puas hati dengan peruntukan yang tidak adil itu, dan tidak mahu ia dijadikan suatu 'precedence' yang tidak diingini.

Jika penyelewengan dari dasar "satu ringgit untuk satu ringgit" tersebut bukan merupakan perubahan dasar kerajaan, penyelesaiannya mudah saja: ditambah peruntukan RM250,000 lagi untuk mencukupi kuota yang harus ditanggung oleh kerajaan.

Pembinaan Sekolah Wawasan Subang Jaya/USJ jika tidak ditangani dengan cermat, ia mungkin mencetuskan bantahan besar-besaran daripada komuniti Subang Jaya / USJ khasnya dan masyarakat bukan-Melayu amnya, kerana Sekolah Wawasan memang merupakan suatu isu yang agak sensitif.

### ***Dasar hegemoni***

Oleh kerana dari mula-mula lagi, buku panduan Sekolah Wawasan telah secara terang-terang menyatakan tujuan konsep Sekolah Wawasan ialah untuk melaksanakan "matlamat muktamat" (ultimate objective) dasar pendidikan negara yang ingin menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua aliran sekolah.

Dengan perkataan lain, meletakkan dua atau tiga aliran sekolah dalam satu kampus hanya merupakan langkah pertama untuk memupuskan sekolah rendah aliran bahasa Cina [SJK(C)] dan sekolah rendah aliran bahasa Tamil [SJK(T)] secara berperingkat-peringkat, sungguhpun kerajaan menafinya sekarang.

Menggunakan "perpaduan nasional" sebagai dalih untuk menindas malah memupuskan bahasa, pendidikan dan kebudayaan kaum minoriti di negara kita sebaliknya akan menghancurkan perpaduan nasional.

Memang keterlaluan dan tidak dapat diterima oleh mana-mana kaum minoriti di mana-mana negara sekalipun, andainya kaum majoriti yang

---

memerintah melaksanakan dasar hegemoni bahasa, pendidikan dan kebudayaan untuk mengasimilasi dan memupuskan bahasa, pendidikan dan kebudayaan kaum-kaum minoriti.

Padahal teori kementerian pendidikan tentang perpaduan nasional melalui pergaulan pelajar pelbagai kaum dalam kampus yang sama juga boleh dipertikaikan memandangkan polarisasi kaum yang berlaku secara meluas di sekolah menengah kebangsaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) walaupun mereka telah belajar di bawah satu bumbung.

### ***Prinsip muafakat***

"Teori Campur-gaul" (the Contact Theory) pada hakikatnya bukan dapat menjamin perpaduan. Kenyataan hakikat di kampus negara kita malah membuktikan kegagalan teori tersebut, sehingga ada cadangan supaya siswa berlainan kaum berkongsi bilik untuk memperbaiki hubungan kaum.

Dalam masyarakat majmuk seumpama negara kita, prinsip hormat-menghormati dan muafakat hendaklah diamalkan oleh semua pihak yang terbabit.

Semua manusia yang rasional dan bersemangat demokrasi tentu tidak percaya akan "perpaduan paksaan".

Jangan paksakan Sekolah Wawasan ke atas masyarakat bukan-Melayu jika mereka masih meragui tujuan konsep tersebut. Melaksanakan Sekolah Wawasan secara paksaan, walau bagaimana kecil sekalipun bilangannya, akan menjejaskan keikhlasan kerajaan. Ia mungkin juga akan mencetuskan bantahan masyarakat bukan-Melayu secara besar-besaran, dan dengan itu menjejaskan pula perpaduan nasional -- ini tentu bukan tujuan melaksanakan Sekolah Wawasan, bukan?

18hb Januari 2002

## 2 Membuka Minda Tertutup

Dalam ucapan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad di majlis perasmian persidangan "Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu/Islam" anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur pada 29 Januari 2002, beliau berkata:

"Kita memilih tajuk ini tentulah kerana kita berpendapat bahawa minda Melayu/Islam tidak terbuka atau kurang terbuka dan pembukaan minda Melayu/Islam akan menguntungkan kita, menjadikan kita manusia yang lebih baik, lebih berjaya mungkin."

Penulis tidak begitu bersetuju minda mana-mana kaum atau agama dianggap sebagai terbuka atau tertutup walaupun minda terbuka penting dan harus digalakkan dalam masyarakat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan seperti di negara kita.

Tidak guna soal sikap dan minda terbuka hanya retorik semata-mata tanpa dipraktikkan, terutamanya sebagai dasar konkrit sebuah kerajaan yang memerintah. Contohnya, melarang pelajar Islam bertudung atau pelajar Sikh berserban - tidak kira di mana ia berlaku, oleh sesiapa pun - merupakan diskriminasi agama oleh pihak berkuasa yang berminda tidak terbuka yang patut ditentang.

---

Pada masa yang sama, memaksa pelajar bukan Islam untuk bertudung/bersongkok atau memaksa pelajar bukan Sikh untuk berserban, juga merupakan diskriminasi agama yang patut ditentang, tidak kira di mana ia berlaku dan oleh sesiapa pun.

Ia sedang berlaku di institusi pengajian tinggi awam kita di mana graduan bukan Islam dipaksa untuk bersongkok dalam majlis penganugerahan ijazah, sehingga ada yang memboikotnya.

### ***Tema yang relevan***

Baru-baru ini, 50 siswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di kampus Skudai, Johor, membuat bantahan beramai-ramai kerana pameran dan pertunjukan kebudayaan Cina yang disediakan selama enam bulan terpaksa dibatalkan.

Difahamkan ia berikutan tindakan pihak Hal Ehwal Pelajar universiti itu menarik balik, pada saat-saat akhir, kebenaran penggunaan Dewan Sultan Iskandar di kampus itu sebagai tempat pameran dan pertunjukan itu dijadualkan berlangsung.

Alasan yang dikemukakan dianggap tidak munasabah, iaitu dewan berkenaan hanya boleh digunakan untuk tujuan akademik.

Pameran dan pertunjukan kebudayaan tersebut sempena Tahun Baru Cina merupakan aktiviti tahunan yang telah diadakan 10 tahun berturut-turut. Temanya pula meliputi sejarah kedatangan kaum Cina ke Malaysia, fahaman Konfusianisme, Seni Perang Sunzi, hari perayaan tradisi Cina, halatuju fahaman politik Cina Malaysia, pendidikan Cina Malaysia, kampung-kampung baru Cina, refleksi mengenai kebudayaan Cina, refleksi mengenai kebudayaan konsumsi masyarakat kontemporari dan refleksi dan sorotan mengenai fahaman perkauman Malaysia.

Nyata sekali tema-tema tersebut bukan saja penting bagi siswa Cina khususnya, ia juga penting bagi siswa pelbagai kaum amnya. Ia sudah barang tentu merupakan tema yang relevan bagi dialog budaya yang sewajarnya digalakkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA)

### ***Unit perisik***

Apa yang dikesalkan, inisiatif dan usaha siswa Cina UTM tersebut bukan saja tidak dihargai pihak universiti, malah dirintangi dengan sedaya upaya, sehingga aktiviti terbabit bagi tahun 1998 hingga 2000 dan tahun ini terpaksa dibatalkan.

Persatuan bahasa Cina, umpamanya, selalu tidak dibenarkan didaftar, kononnya ia merupakan "aktiviti perkauman". Mengapa tidak menggalakkan siswa bukan Cina untuk mempelajari bahasa Cina supaya ia tidak merupakan aktiviti satu-satu kaum saja?

Sekiranya siswa bukan Cina tidak berminat mempelajari bahasa Cina, adakah aktiviti siswa Cina mempelajari bahasa ibundanya boleh dicapai sebagai aktiviti perkauman?

Sekatan dan larangan pelajaran dan penggunaan bahasa dan kebudayaan bukan Melayu dalam kampus IPTA telah wujud berpuluh-puluh tahun. Ia sebenarnya merupakan pelaksanaan dasar bahasa, pendidikan dan kebudayaan BN dalam kampus yang pada asasnya merupakan hasil minda yang tidak terbuka.

Kini, warga kampus dan kakitangan kerajaan dikehendaki menandatangani surat aku janji, yang tujuan utamanya untuk mengawal mereka daripada terlibat dalam aktiviti yang dianggap anti-kerajaan dan anti-nasional.

Jika mereka hanya dibenarkan menyokong parti pemerintah dan terlibat dalam aktiviti pro-kerajaan, bolehkah manusia yang mindanya terbuka kepada propaganda dan kepentingan kerajaan sahaja dianggap sebagai manusia yang benar-benar berminda terbuka?

Andainya selain cawangan khas polis, pasukan keselamatan kampus, ditubuh pula 'unit perisik' dalam IPTA untuk mengintip setiap gerak-geri warga kampus, adakah manusia yang hidup dalam suasana curiga-mencurigai ini dapat memupuk minda yang terbuka?

### ***Tipu-helah parti***

Mungkin dalam kacamata Dr Mahathir, parti PAS, yang merupakan Melayu/Islam, yang tidak atau kurang berminda terbuka. Misalnya, parti itu dituduh ingin melaksanakan Negara Islam ala Taliban sekiranya ia mendapat kuasa pemerintahan.

Namun, adakah Dr Mahathir berminda terbuka dalam mengisytiharkan bahawa negara kita merupakan sebuah Negara Islam tanpa dibahaskan dalam Parlimen atau dipinda Perlembagaan Persekutuan?

Mungkinkah minda yang terbuka tidak sensitif dan peka terhadap hasrat dan hak rakyat bukan Islam yang merupakan hampir separuh penduduk negara kita?

Selama ini PAS sering dikritik kerana tidak memberi kedudukan setaraf

---

kepada kaum wanita, termasuk tidak mengizinkan mereka bertanding dalam pilihanraya. Baru-baru ini, PAS telah mengumumkan bahawa parti itu akan menurunkan calon wanita dalam pilihanraya umum yang akan datang.

Aneh sekali, pihak yang mengkritik PAS, terutamanya Umno, bukan mahu mengalu-alukan perubahan PAS yang positif itu, sebaliknya, pelbagai andaian dilontarkan, termasuk menuduh ia sebagai tipu-helah parti semata-mata.

Umno dan pihak yang tidak mempercayai PAS memang berhak mengesyaki keikhlasan cadangan PAS untuk menurunkan calon wanita dalam pilihanraya umum akan datang. Namun membuat tuduhan melulu tanpa pertimbangan lanjut, tentu tidak boleh dianggap sebagai bersikap minda yang terbuka.

Pemimpin PAS telah dicap sebagai manusia yang tidak mampu mengaku salah dan meminta maaf, termasuk tidak membenarkan ahli wanita untuk bertanding dalam pilihanraya umum. Tuduhan ini terbukti tidak berasas.

Rasanya semua pihak, termasuk parti pemerintah dan parti pembangkang, perlu membuka minda yang tidak atau kurang terbuka. Ini adalah unsur yang penting sekali sekiranya mereka ingin terus maju dan diterima rakyat pelbagai kaum.

4hb Februari 2002

---

### **3** Perjuangan Dan Jasa Lim Fong Seng (i)

Lim Fong Seng (1925-2002) - seorang pemimpin gerakan pendidikan bahasa ibunda, tokoh hak sivil dan hak asasi manusia, telah meninggal pada 13 Mac 2002 di Hong Kong akibat serangan sakit jantung. Beliau berumur 77 tahun.

Lim pernah menjadi penasihat Dong Jiao Zong (ringkasan untuk Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia dan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia), dan merupakan bekas pengerusi Dong Zong (1973-1990) serta pengerusi Universiti Merdeka Sdn Bhd (1974-1986).

Pemergiannya tentu meninggalkan pengaruh besar terhadap gerakan yang dipimpin dan disertainya. Untuk memperingati jasa dan sumbangannya, Jawatankuasa Urusan Perkabungan/Pengebumian besar-besaran yang disertai 21 badan utama pendidikan dan kebudayaan dan ratusan pemimpin masyarakat telah ditubuhkan.

Mulai 14 Mac hingga hari pengebumian (19 Mac) lalu, akhbar-akhbar tempatan dipenuhi liputan berita, belasungkawa dan rencana mengenai sumbangan bakti dan pengorbanan mendiang Lim. Manakala iklan takziah daripada semua lapisan masyarakat, termasuk pemimpin parti pembangkang dan parti pemerintah turut mencurahi ruangan akhbar-akhbar tempatan.

---

Pada pagi hari pengebumian, ribuan manusia membanjiri kediaman Lim di Jalan Sempurna, Gombak untuk menghadiri upacara perkabungan yang bersejarah itu. Dan barisan yang dianggarkan sepanjang 4km mengekori kereta jenazah yang membawa mendiang Lim.

Pada tengah harinya, ketika kereta jenazah mendiang Lim itu singgah di Kolej New Era Kajang, sekali lagi beribu-ribu aktivis gerakan pendidikan bahasa ibunda dan hak asasi manusia, pensyarah, kakitangan dan peajar Kolej New Era, kakitangan Dong Jiao Zong, pelajar sekolah menengah Cina (swasta) dan penduduk Kajang telah berkumpul di situ untuk mengucapkan selamat tinggal kepada pemimpan tersayang mereka.

### ***Menyara hidup 11 adik-beradik***

Apabila mengimbas kembali riwayat hidup mendiang Lim, memang sewajarnya beliau diberi penghormatan itu. Pada zaman pelajar lagi, beliau merupakan seorang penyajak yang progresif dan romantik. Sebelum tamat pelajaran menengah tinggi, beliau terpaksa berhenti sekolah akibat pendudukan Jepun. Setelah Jepun menyerah diri, Lim tidak mampu kembali bersekolah kerana kemiskinan keluarganya.

Untuk menyara hidup 11 adik-beradik, beliau terpaksa berhijrah ke Singapura untuk bekerja sambil belajar bahasa Inggeris. Beliau pernah bekerja dengan akhbar Nan Cao Jit Poh sebagai pengalihbahasa berita. Namun impiannya untuk melanjutkan pelajaran tidak pernah luntur.

Peluang keemasan itu muncul apabila beliau ditawarkan biasiswa oleh pihak pengurusan Nan Cao Jit Poh untuk ke Amerika Syarikat sebagai pemberita khas sambil belajar di sana. Tetapi pada masa yang sama, ayahnya yang mendapat sejumlah wang pampasan peperangan, mahu beliau kembali ke Kuala Lumpur untuk memulihkan lombong bijih timah milik keluarganya.

Dan akhirnya Lim, seorang penyajak yang romantik, memilih menjadi seorang pelombong. Dari tahun 1940-an hingga tahun 1960-an, Lim menjadi seorang pelombong yang berjaya. Pada kemuncak kerjayanya, beliau pernah menjaga 12 lombong pada masa yang sama.

### ***Gerakan pendidikan bahasa ibunda***

Sebagai seorang bekas pelajar aliran sains, Lim menitikberatkan kerja kajian dan ujian. Oleh itu, beliau turut memberi sumbangan kepada pembangunan industri bijih timah di negara kita. Beliau juga pernah menyandang jawatan pengerusi Persatuan Pelombong-Pelombong Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Lim tidak berpuas hati sebagai seorang pelombong yang berjaya. Berasaskan kepada falsafah hidup "nyawa seseorang itu hanya bermakna setelah ia memberi sumbangan kepada masyarakat", dan memandangkan krisis yang melandai pendidikan Cina pada masa itu, beliau menceburkan dirinya dalam gerakan pendidikan bahasa ibunda mulai tahun 1970-an.

Kerana keunggulan kepemimpinannya, dalam masa yang singkat sahaja, Lim dipilih sebagai pengerusi Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) pada 1973 sehingga 1990. Bersama-sama Sim Mou Yu, pengerusi Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Lim berada di barisan terdapan untuk memperjuang, mempertahankan dan mengembangkan pendidikan bahasa ibunda kaum Cina.

Suatu garis panduan bertindak telah dirumuskan untuk "mempertahankan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan SRJK(C), mengembangkan sekolah menengah (swasta) Cina, dan menubuhkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) Cina".

Garis panduan ini merupakan strategi berperingkat tetapi saling berkaitan antara satu sama lain. SJK(C) merupakan akar umbi pendidikan Cina. Jika akar umbi ini tercabut, bermakna tamatlah riwayat pendidikan Cina di Malaysia.

Kewujudan SJK(C) terancam oleh Fasal 21(B) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menukarkan bahasa pengantarnya daripada bahasa Cina kepada bahasa Malaysia pada masa yang dianggapnya sesuai. Fasal 21(B) ini diumpamakan tali gantung yang terletak di leher SJK(C). Ia akan mencabut nyawa sekolah rendah Cina pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh Menteri Pelajaran negara kita. Oleh itu, memperjuangkan pemansuhan fasal tersebut merupakan tugas utama dalam proses mempertahankan SJK(C).

### ***Ditipu MCA***

Sebelum negara kita mencapai kemerdekaan pada 1957, pendidikan Cina merupakan suatu aliran sistem pendidikan yang lengkap, terdiri daripada 1,276 sekolah rendah, 71 sekolah menengah dan sebuah universiti - Universiti Nanyang di Singapura (ditubuhkan oleh rakyat Persekutuan dan Singapura sebagai rakyat Malaya pada 1956).

Pada tahun 1962 - melalui Akta Pelajaran 1961 - 54 daripada 71 Sekolah Menengah Cina Swasta (SMCS) telah dipujuk (atau dengan lebih tepat, ditipu) oleh MCA, dan akhirnya bersetuju untuk ditukar menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), dengan jaminan satu pertiga mata pelajaran akan diajar dalam bahasa Cina, selebihnya diajar dalam bahasa

Inggeris (kemudiannya dalam Bahasa Malaysia).

Kini, semua SMJK sudah menjadi Sekolah Kebangsaan seperti kehendak "matlamat muktamad" Akta Pelajaran 1961 dan juga Akta Pendidikan 1995 yang ingin menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam semua aliran pelajaran. Dengan lain perkataan, 54 sekolah menengah Cina telah secara beransur-ansur ditukar menjadi sekolah menengah kebangsaan. Ini adalah hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun.

Sebanyak 17 SMCS yang enggan ditukarkan menjadi SMJK, kebanyakannya mengalami krisis kemerosotan bilangan pelajar dan masalah kewangan. Manakala 54 SMJK baru itu juga menghadapi masalah besar - ramai pelajar mereka keciciran kerana gagal menguasai bahasa Inggeris yang bukan merupakan bahasa ibunda mereka. Kebanyakan sekolah tersebut terpaksa mengadakan kelas SMCS di sebelah petang untuk menampung mereka yang keciciran. Lama-kelamaan SMCS pun meningkat sehingga 60 buah.

Semasa mendiang Lim menyandang jawatan pengerusi Dong Zong, SMCS berada dalam keadaan kucar-kacir dan kurang bersemangat kerana kebanyakannya bukan lagi merupakan sekolah yang menggunakan bahasa ibunda/bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama tetapi menggunakan bahasa Inggeris selepas ditukar menjadi SMJK atau mengikut jejak SMJK.

### ***Gerakan pemulihan SMCS***

Pada tahun 1973, suatu gerakan pemulihan semula SMCS telah dimulai di Perak. Ia disusuli dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja SMCS oleh Dong Jiao Zong untuk melaksanakan pelan induk, meliputi saranan konkrit yang dirumuskan oleh suatu jawatankuasa khas mengenai matlamat dan dasar, kurikulum, pendidikan/latihan guru, pemeriksaan, pengambilan pelajar dan urusan kewangan SMCS.

Pelan induk ini menitikberatkan ciri SMCS sebagai pendidikan bahasa ibunda yang merupakan pendidikan secara langsung (tanpa gangguan bahasa) dan berkesan sekali berbanding dengan pendidikan yang menggunakan bahasa bukan ibunda (umpamanya bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia) sebagai bahasa pengantar utama. Ia juga berpendapat bahawa SRJK(C) saja tidak mencukupi untuk mewarisi kebudayaan Cina kerana pendidikan bahasa ibunda adalah merupakan hak asasi manusia dan hak setiap kaum yang tidak boleh dirampas dengan apa alasan sekali pun.

Untuk melaksanakan pelan induk pemulihan semula SMCS, satu dana SMCS telah diwujudkan dan beratus-ratus tenaga manusia dalam bidang pendidikan, akademi dan profesional telah dikerah untuk memberi

sumbangan dalam kerja-kerja sukarela mengemaskinikan kurikulum, menyusun semula buku teks baru, menyelenggara peperiksaan bersama, melatih semula guru-guru SMCS dan sebagainya.

Semua ini merupakan kerja yang memerlukan jangka masa berpuluh-puluh tahun untuk mencapai hasilnya. Namun, dari permulaan lagi, gerakan pemulihan semula SMCS sudah tidak disenangi Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran ketika itu.

27hb Mac 2002

---

## 4 Perjuangan Dan Jasa Lim Fong Seng (ii)

Apabila peperiksaan bersama Sekolah Menengah Cina Swasta (SMCS) yang pertama hendak diadakan pada 1975, pemimpin gerakan pendidikan bahasa ibunda Lim Fong Seng dan pemimpin Dong Jiao Zong yang lain dipanggil oleh Menteri Pendidikan ketika itu, Dr Mahathir Mohamad, ke pejabatnya. Beliau memberitahu mereka bahawa Kabinet memutuskan untuk melarang peperiksaan bersama SMCS diadakan. Jika diteruskan juga mereka akan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Berikutan itu, banyak mesyuarat tergeper diadakan, di samping meminta nasihat perundangan mengenainya, tetapi Lim dan pemimpin Dong Jiao Zong yang lain sukar hendak diyakini bahawa ianya menjadi kesalahan di sisi undang-undang untuk mengadakan peperiksaan bersama itu. Namun mereka sedar jika diteruskan juga mereka mungkin menjadi mangsa ISA seperti yang disebut oleh Mahathir.

Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk mengadakan juga peperiksaan bersama SMCS itu. Bagaimana pun, mereka bernasib baik kerana Kabinet telah bertukar fikiran dan mereka tidak ditahan di bawah ISA. Kini, Sijil Peperiksaan Bersama SMCS menjadi ukuran pencapaian akademi pelajar lepasan SMCS yang diakui ratusan kolej dan universiti di merata dunia. Berikutan itu, pelajar lepasan SMCS dapat melanjutkan pelajaran mereka di kolej dan universiti terbabit, tetapi tidak di institusi

pengajian tinggi awam (IPTA) negara kita sendiri!

Setelah berpuluh-puluh tahun bekerja keras, Jawatankuasa Kerja SMCS berjaya mengemaskinikan kurikulum dan penerbitan buku teks baru, latihan semula guru dan sebagainya. Jumlah pelajar SMCS juga meningkat daripada 20,000 hingga 60,000 orang. Kakitangan di sekretariat Jawatankuasa Kerja SMCS juga bertambah daripada hanya seorang sahaja, kepada lebih 100 sekarang.

Selain itu, bangunan Pusat Pendidikan Dong Jiao Zong telah dibina pada 1993 di Kajang, dan permohonan penubuhan Kolej New Era juga diluluskan dan pengambilan pelajar bermula pada tahun 1998.

Bagaimanapun, Lim tidak begitu nasib baik kerana ditahan di bawah ISA bersama Sim Mou Yu, Dr Kua Kia Soong dan Dr Tuang Pik King sewaktu Operasi Lalang pada 1987 disebabkan penglibatannya dalam gerakan pendidikan bahasa ibunda. Lim dibebaskan selepas merengkuh selama lapan bulan dalam tempat tahanan di Kamunting. Beliau menyimpan jangkit sebagai bantahan tidak bersuara!

### ***Operasi Lalang***

Tidak sukar difahami mengapa Lim menjadi mangsa Operasi Lalang. Sebabnya ialah kerana beliau dianggap sebagai seorang yang berani menentang kerajaan Barisan Nasional (BN). Pada tahun 1978, apabila permohonan penubuhan Universiti Merdeka ditolak, Majlis Universiti Merdeka pimpinan Lim telah membawa kes penolakan penubuhan Universiti Merdeka ke mahkamah, kerana keyakinannya bahawa menerima pendidikan bahasa ibunda dan mengembangkan pendidikan bahasa ibunda sehingga ke peringkat yang tertinggi merupakan hak asasi setiap kaum yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Justeru itu, apabila kes Universiti Merdeka gagal pada 6 Jun 1982, Lim membuat kesimpulan bahawa: "Kes Universiti Merdeka dibawa ke mahkamah bagi menunjukkan tekad Majlis Universiti Merdeka untuk menuntut dan mengembang hak sivil rakyat dan semangat perundangan. Dan kegagalan kes Universiti Merdeka telah mendedahkan kelemahan Perlembagaan Persekutuan dalam melindungi kedudukan bahasa setiap kaum di negara kita. Ia merupakan suatu kegagalan bagi gerakan hak sivil dalam negara kita."

Kesedaran beliau tentang hak sivil dan hak asasi manusia sangat penting kerana ia telah meningkatkan asas perjuangan bahasa, pendidikan dan kebudayaan- daripada asas tuntutan satu-satu kaum kepada asas tuntutan hak sivil dan hak asasi manusia semua rakyat tanpa mengira kaum.

Menjelang pilihanraya umum 1986, Lim dan pemimpin 15 Persatuan Pimpinan Utama pimpinannya telah mengemukakan satu dokumen bersejarah - Deklarasi Bersama Persatuan-persatuan Cina Malaysia - dengan sokongan lebih 5,000 persatuan Cina. Dokumen itu mengandungi pelbagai permintaan dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sosial. Bagaimanapun, kandungan dokumen itu dianggap lebih sederhana jika dibandingkan dengan rayuan Suqiu menjelang pilihanraya umum 1999.

### ***Konsep dua parti***

Pada masa yang sama, sebagai timbalan pengerusi Jawatankuasa Hak Sivil Persatuan Cina Malaysia, Lim dengan tegas menyokong dan menyebarkan konsep sistem dua parti atau dua barisan sebagai sistem yang lebih menguntungkan perkembangan demokrasi di negara ini.

Ini nyata sekali menunjukkan bahawa pendirian politik Lim telah semakin matang, berbanding dengan sokongannya kepada lapan orang pemimpin gerakan pendidikan Cina yang menyertai parti Gerakan pada 1982, termasuk Ker Kim Tim dan Dr Koh Su Koon untuk "membetulkan dasar pendidikan BN dari dalam".

Pada tahun 1990, setelah melalui ujian ISA dan penjara, di samping terdedah kepada pelbagai kemelut politik negara, Lim kian menyedari monopoli dan hegemoni Umno dalam BN. Lim juga menyedari kelemahan parti pembangkang untuk mencabar Umno dan BN yang merupakan punca utama gerakan sivil dan hak asasi manusia negara ini semakin susut, sehingga ruang bagi gerakan bahasa, pendidikan dan kebudayaan pelbagai kaum kian menjadi sempit dan tertekan.

Kali ini, Lim tidak menghadkan kempennya di bidang pendidikan atau bidang hak sivil, tetapi turut merangkumi politik. Dan secara terus-terang Lim mengisytiharkan bahawa 24 pemimpin dan kader gerakan pendidikan akan menyertai DAP untuk menguatkan parti pembangkang, dan mengimbangi sistem demokrasi negara ini yang terlalu condong kepada parti pemerintah!

### ***'Pemberontakan hak sivil'***

Tindakan yang cukup berani ini amat mengagumkan. Sim Mou Yu menggelarkannya sebagai "pemberontakan hak sivil". Tindakan 24 pemimpin dan kader gerakan pendidikan Cina ini mendapat liputan utama semua akhbar Cina arus perdana!

Sungguhpun "pemberontakan" kali ini tidak mencapai matlamatnya, namun ia sebenarnya merupakan peringkat pematangan sistem dua barisan yang terbentuk selepas tertubuhnya Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan

Ummah (APU) menjelang pilihanraya umum 1990, dan Barisan Alternatif (BA) pada pilihanraya umum 1999.

Dari analisis tersebut, Lim terbukti adalah seorang pemimpin yang berani mempraktikkan teorinya. Jika didapati salah, beliau berani pula mencari jalan yang betul dan membuat cubaan baru.

Beliau sanggup memainkan peranan berbeza jika perlu, demi mencapai kesetaraan kedudukan bahasa, pendidikan, kebudayaan dan kesamarataan kedudukan kaum. Justeru itu, sebagai seorang pemimpin persatuan Cina, pejuang hak sivil dan tokoh penganjur sistem politik dua barisan, pendirian Lim adalah konsisten - yang ubah hanya cara dan bidang perjuangannya .

Keberanian Lim dalam menghadapi segala risiko yang mungkin menyimpannya, pantang tunduk kepada kezaliman ISA dan rela kehilangan kebebasan demi membela prinsip perjuangan; malah dengan gigih sekali memimpin pemberontakan sivil dalam bidang politik demi memperjuangkan sistem dua barisan - membuktikan bahawa Lim bukan seorang pemimpin sembarangan!

Pepatah Cina ada berkata: kematian seseorang itu mungkin lebih ringan daripada bulu burung, atau lebih berat daripada Gunung Tai. Maka berasaskan kepada jasa, sumbangan dan pengorbanan Lim kepada perjuangan pendidikan bahasa ibunda, hak sivil, hak asasi manusia dan sistem dua parti yang lebih demokratik, pemergian beliau pasti lebih berat daripada Gunung Tai!

Saudara Lim Fong Seng, beristirahatlah dalam persemadian yang aman dan damai!

8hb April 2002

## 5 Meritokrasi Yang Tidak Merit

Tahun ini adalah tahun pertama percubaan pelaksanaan sistem meritokrasi untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pengumuman Kementerian Pendidikan bahawa 22,557 atau 68.9% pelajar bumiputra, 8,665 atau 26.4% pelajar Cina dan 1,530 atau 4.7% pelajar India berjaya memasuki IPTA, seolah-olah tidak dapat dipercayai dan diterima oleh semua pihak terbabit.

Semua pihak, termasuk kaum Melayu sendiri, tentu terperanjat macam mana pelajar bumiputra dapat mencapai keputusan yang begitu cemerlang sekali! Ini bukan akibat rasa dengki atau cemburu, tetapi kerana sebelum sistem meritokrasi ini dilaksanakan, ramai pejuang nasionalis Melayu, termasuk ahli akedemik yang bukan calang-calang orangnya telah meramal dan memberi amaran serius bahawa sekiranya sistem meritokrasi dilaksanakan, banyak kuota bumiputra akan dibolot oleh bukan-bumiputra, terutamanya pelajar Cina.

Tambahan pula, pada tahun lepas, pernah heboh kerana kuota pelajar Melayu dikatakan tidak dapat dipenuhi sementara ramai pula pelajar bukan bumiputra dengan pencapaian cemerlang tidak dapat tempat di IPTA.

Malah Dr Mahathir Mohamad pernah memberi amaran kepada pelajar bumiputra, jika mereka tidak menghargai kuota yang diagihkan kepada

mereka, tempat yang tidak dapat dipenuhi itu, terpaksa diberi kepada mereka yang layak. Satu tahun saja bezanya, pelajar Melayu sudah menjadi begitu hebat sekali, siapakah yang tidak akan meragui?

Setelah berpuluh-puluh tahun melaksanakan sistem kuota, semua kaum telah terlalu sensitif mengenai bilangan pelajar yang berjaya memasuki IPTA dengan ukuran kuota yang diperuntukan, iaitu 55% bagi pelajar bumiputra, 35% bagi pelajar Cina dan 10% bagi pelajar India. Jika keputusannya tidak seimbang, maka kecohlah kaum yang menganggap hak pendidikan pelajar kaumnya telah dirampas.

Pelajar bumiputra khasnya dan kaum bumiputra amnya selain daripada terperanjat, gembira dan bangga, kerana mencapai keputusan (68.9%) yang amat memuaskan, berbanding dengan peruntukan kuota (55%) sebelum ini.

Namun, ada juga yang khuatir kuota pelajar bumiputra di kursus-kursus tertentu akan dikurangkan akibat pelaksanaan sistem meritokrasi. Oleh itu, mereka terus meminta jaminan kuota pelajar bumiputra di kursus-kursus kritikal dikekalkan seperti tahun-tahun dahulu.

### ***Pemuda Umno***

Bagaimanapun, prasangka bumiputra terhadap sistem meritokrasi sebagai ancaman terhadap hak istimewa mereka juga sekaligus terhapus. Rasanya permintaan jawatankuasa rayuan pilihanraya Cina (Suqiu) agar sistem kuota kemasukan IPTA digantikan dengan tindakan afirmatif tanpa mengira kaum sebagai perlindungan kepada golongan lemah yang memerlukan bantuan, yang terpaksa diketepikan akibat tekanan perkauman daripada Pemuda Umno dan kerajaan, juga perlu dipulihkan. Pemuda Umno harus meminta maaf kepada Jawatankuasa Suqiu kerana memberi tekanan yang tidak rasional itu.

Sistem meritokrasi yang dilaksanakan hendaklah tulen dan merupakan "pertandingan yang dibuat di atas padang yang sama rata" sepertimana yang dipertahankan oleh Kementerian Pendidikan, bukan dimanipulasi dan diubahsuai oleh pihak-pihak yang tertentu untuk menjamin "hak istimewa" yang dinikmati pelajar bumiputra dalam sistem kuota tidak terjejas.

Namun Kementerian Pendidikan harus berhati-hati. Pendirian dan hujah mereka sekarang bermakna pelajar bumiputra bukan saja mampu bersaing dengan pelajar bukan-bumiputra di atas padang yang sama rata, malah pencapaian mereka terbukti lebih cemerlang daripada mereka.

Dengan kata lain, pelajar bumiputra tidak layak lagi menikmati sebarang tindakan afirmatif untuk membolehkan mereka memasuki IPTA seperti

---

sebelum ini, termasuk program matrikulasi dan Univerisiti Teknologi Malaysia (UiTM) yang dihaskan atau dikuasai oleh pelajar bumiputra.

Jika tindakan afirmatif masih diperlukan, ia hendaklah ditujukan kepada pelajar daripada golongan yang belatarbelakangkan sosial-ekonomi yang lemah tanpa mengira kaum. Lebih-lebih lagi, setelah padang pertandingan disamaratakan, sekiranya pelajar bumiputra tidak mencapai keputusan cemerlang, malah lebih buruk daripada masa pelaksanaan sistem kuota, maka mereka juga hendaklah akur dengan keputusan itu.

Pendek kata, kita memerlukan semangat fair-play. Umpamanya pada tahun ini UiTM ada 2,690 tempat kosong untuk diisi mereka yang berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan melalui saingan yang berasaskan sistem meritokrasi, peratusan pelajar bumiputra yang berjaya hanya 47.3 peratus. Hakikat ini sudah sukar ditelan, umpamanya oleh Pemuda Umno.

Kali ini, hanya 4.7% pelajar India yang berjaya memasuki IPTA, berbanding dengan 10% yang diperuntukkan mengikut sistem kuota. Maka tidak hairanlah jika Presiden MIC Samy Vellu, melenting dan terus membawa isu ini ke kabinet.

### ***Mentaliti kuota***

Membayangkan jika peratusan pelajar bumiputra yang berjaya memasuki IPTA tidak sampai separuh kuotanya, iaitu hanya lebih kurang 26 peratus, apakah yang akan jadi? Reaksi Pemuda Umno umpamanya, tentu lebih radikal daripada Samy Vellu! Demikianlah "mentaliti kuota" yang telah berakar umbi di minda semua kaum yang terbabit.

Namun demikian, tidak perlu disangsikan bahawa pelajar bumiputra sekarang telah mempunyai daya saing yang tidak kurang, malah lebih unggul daripada pelajar kaum lain, terutamanya memikirkan kelebihan-kelebihan mereka berikut:

(i) Mempunyai majoriti bilangan yang terbesar sekali; Bahasa Melayu adalah bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar utama dalam Sekolah Kebangsaan kita, pelajar bukan-bumiputra dari aliran SJK(C) dan SJK(T) terpaksa menghadapi rintangan bahasa dalam Sekolah Kebangsaan;

(ii) Program Matrikulasi di 26 universiti dan kolej dihaskan untuk pelajar bumiputra, pelajar bukan-bumiputra terpaksa mengambil STPM yang lebih sukar dan membebankan;

(iii) Dilindungi oleh Kerajaan Umno yang melaksanakan Dasar bumiputraisme dan Ketuanan Melayu.

Sungguhpun demikian, mentaliti rakyat negara kita sekarang, terutamanya bumiputra padahal tidak menguntungkan pelaksanaan sistem meritokrasi yang tulen. Dan penafian mana-mana pihak bahawa pertandingan masih belum dilakukan di atas padang rata, sebenarnya merupakan perbuatan "tipu orang dan tipu diri".

Sia-sia saja Kementerian Pendidikan cuba menegakkan benang basah dalam mempertahankan kesetarafan dua peperiksaan yang berlainan sama sekali: peperiksaan matrikulasi dan STPM.

Harus diingati bahawa program walaupun matrikulasi adalah satu langkah untuk membantu melahirkan bilangan calon pelajar bumiputra secara besar-besaran untuk memenuhi kuota kemasukan IPTA, tetapi taraf akademiknya juga boleh dipertikaikan.

Umpamanya, apabila ditanya Profesor Diraja Ungku Aziz, mempertahankan pengekalan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya, dan mengibaratkan program matrikulasi sebagai "kilang tauhu" (pengeluaran besar-besaran), sungguhpun ia disangkalkan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Mengikut statistik yang didedahkan oleh Menteri Pendidikan, pelajar Program Matrikulasi tahun lepas berjumlah 13,597 - antaranya 90.6% atau 12,316 telah berjaya memasuki IPTA.

Pada tahun ini, mengikut beliau juga, kira-kira 12,000 pelajar program tersebut telah berjaya memasuki IPTA, namun beliau tidak mendedahkan jumlah pelajar program matrikulasi dan peratusan pelajar program itu yang berjaya memasuki IPTA .

### ***Tidak setaraf***

Jika Musa cakap serupa bikin, secara telus mendedahkan peratusan pelajar Program Matrikulasi dan peratusan pelajar STPM yang berjaya memasuki IPTA, beliau tentu terpaksa mengakui bahawa Pelajar Program Matrikulasi memang lebih mudah memasuki IPTA berbanding pelajar STPM.

Menurut pendapat Dr Yang Chuan, Profesor Madya Jurusan Pendidikan Universiti Sains, kedua peperiksaan tersebut tidak dapat disetarafkan kerana: Taraf akademik STPM jauh lebih tinggi daripada taraf akademik Program Matrikulasi: STPM merupakan peperiksaan bersama yang terbuka seragam dan berwibawaan, walhal peperiksaan Matrikulasi merupakan peperiksaan dalaman universiti dan kolej yang berkenaan; kurikulum, kaedah dan ukuran pengredan kedua-dua program tersebut adalah berlainan. Oleh itu, ia tidak dapat disamatarafkan menerusi sistem Purata

---

Nilai Gred Keseluruhan (CGPA) seperti yang dilakukan Kementerian Pendidikan sekarang, umpamanya gred C Matrikulasi disamatarafkan dengan gred D STPM, ini adalah andaian subjektif, tiada perbandingan objektif dilakukan.

Hakikat nyata tersebut jika tidak berani diakui Kementerian Pendidikan, bukan saja ia tidak layak bercakap tentang ketelusan, malah integriti profesionalisme mereka yang terlibat juga boleh diragui.

Sebelum penjelasan yang meyakinkan dapat dikemukakan kepada mereka yang mempertikaikan, khabarnya "Kabinet telah mengarahkan Kementerian Pendidikan mengkaji kemungkinan menggabungkan sistem merit dan kuota dan Menteri Pendidikan akan membentangkan formula baru itu dalam mesyuarat kabinet minggu depan." (Utusan Malaysia, 16 Mei 2002).

Sekejap sistem kuota, sekejap sistem meritokrasi, sekejap sistem gabungan kuota-meritokrasi, semua pihak sudah pening kepala, Tan Sri Musa Mohamed bukan superman, bagaimana beliau boleh tidak pening kepala? Dalam keadaan yang kelam kabut ini, siapakah yang berkeyakinan bahawa keputusan yang akan diambil Kabinet nanti tidak silap lagi?

Rasanya semua ini harus diberhentikan. Penggubalan dasar pendidikan bukan hak monopoli Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Musa Mohamed, atau kabinet, biar badan-badan pendidikan semua kaum, badan bukan kerajaan (NGO) dan parti-parti yang berkaitan, mengambil bahagian dalam proses penggubalan dasar pengambilan pelajar IPTA, demi menjamin ketelusan, demokrasi, dan keseimbangan.

22hb Mei 2002

## 6 Memperlihatkan Semangat Fairplay

Beberapa hari kebelakangan ini saya asyik membaca himpunan kertas kerja "Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam" terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Sesudah mentelaah pendapat Dr Ahmad Amin dari Baling Kedah (Cuba satukan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)-Matrikulasi-Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang disiarkan pada 22 Mei 2002 dalam ruangan rencana Utusan Malaysia, saya berbisik dalam hati: Nah, seorang lagi pendidik Melayu yang berminda tertutup!

Dalam ucapan perdananya, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Yang benar dan nyata harus diakui walaupun pedih dan yang benar dan nyata harus memandu pemikiran yang terbuka."

Kepentingan bahasa Inggeris dan juga bahasa Mandarin semakin ketara akibat globalisasi dan kebangkitan Negeri China sebagai kuasa besar ekonomi. Justeru itu, pada satu ketika dahulu, Dr Mahathir bersetuju untuk menimbangkan pemulihan semula sistem aliran Inggeris di negara kita, jika ianya adalah kehendak rakyat.

Saya tidak setuju dengan cadangan yang 'terlalu terbuka' itu, kerana bahasa Inggeris adalah bahasa asing, dan sistem aliran Inggeris wujud di negara

---

kita akibat penjajahan British.

Mementingkan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan bahasa teknologi tidak semestinya bermakna mendewakan bahasa itu seperti zaman penjajahan. Memadailah sekadar menguasai bahasa tersebut sebagai suatu subjek yang diutamakan.

### ***Pendidikan ibunda***

Tidak dapat dinafikan, rakyat kita juga makin mementingkan bahasa Mandarin, memandangkan kebangkitan Negeri China sebagai kuasa besar ekonomi di rantau ini. Justeru, lebih 60,000 ibu bapa bukan Cina telah menghantar anak mereka ke SJK(C).

Dalam keadaan sedemikian, sekolah aliran Cina bukan lagi dipelajari pelajar Cina sahaja. Yang lebih penting ialah sekolah Cina dan Tamil merupakan pendidikan ibunda untuk kaum Cina dan kaum India negara kita, dan pendidikan ibunda merupakan hak asasi manusia setiap kaum yang tidak boleh dirampaskan oleh sesiapa pun.

Walhal pelajar aliran Cina dan Tamil menghadapi lebih rintangan berbanding dengan pelajar Melayu, kerana mempertahankan pendidikan ibunda. Mereka terpaksa bertukar bahasa pengantar apabila mereka meningkat ke Sekolah (Menengah) Kebangsaan.

Kerana sekatan sistem kuota, kebanyakan mereka terpaksa melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang hampir kesemuanya berbahasa Inggeris. Sekali lagi mereka terpaksa menukar bahasa pengantar mereka.

Mereka yang belajar di IPTS bukan kesemuanya dari keluarga berada seperti yang dijangkakan. Banyak yang berhutang, jual rumah atau kebun, malah banyak yang bekerja untuk tempoh beberapa tahun, sebelum masuk ke IPTS.

Ada pula yang bekerja sambil melanjutkan pelajaran, dengan mengikuti kursus malam atau kursus hujung minggu. Pendek kata, IPTS telah memberi sumbangan dalam mengeluarkan ramai tenaga kerja yang diperlukan oleh pembangunan negara kita, meskipun kebanyakan mereka bukan-bumiputra.

### ***Sistem kuota***

Ketidak-seimbangan kaum dalam IPTS, sungguhpun merupakan suatu masalah yang patut diatasi, namun IPTS tidak melaksanakan sebarang sistem kuota. Mereka juga tidak melaksanakan diskriminasi kaum.

Pelajar semua kaum, malah pelajar negeri asing sekali pun, dialu-alukan atas perhitungan meraih keuntungan. Dalam keadaan demikian, siapakah yang harus disalahkan?

Seramai 60,000 pelajar di Sekolah Persendirian Cina hanya merupakan 10 peratus pelajar kaum Cina yang belajar dalam sekolah menengah, manakala 90 peratus lagi di Sekolah (Menengah) Kebangsaan.

Mereka dibiayai keluarga dan masyarakat, lepasan Sekolah Persendirian Cina selain menduduki peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC) atau Sijil Peperiksaan Bersatu, banyak juga yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Adalah tidak benar untuk mengatakan kurikulum UEC berasal daripada kurikulum Taiwan dan China. Pemegang UEC yang berkemampuan (dari segi kewangan) sebenarnya lebih gemar melanjutkan pelajaran ke negara Barat yang berbahasa pengantar Inggeris, seperti Amerika Syarikat, Britain, Kanada, Australia dan New Zealand.

Ramai juga yang pergi ke Jepun, Perancis dan Jerman, selain daripada Singapura, Taiwan dan China. Jika keadaan kewangan tidak mengizinkan, mereka akan memilih IPTS tempatan.

Dengan kata lain, Dong Jiao Zong dan pemegang sijil UEC adalah berminda terbuka dalam menuntut ilmu, tidak kira di Barat atau Timur, berbahasa pengantar Cina, Melayu, Inggeris, Jepun, Perancis atau Jerman.

Dong Jiao Zong, secara berdikari telah menyelenggarakan pendidikan berkualiti. Melalui UEC, ia telah berjaya menghasilkan ramai tenaga profesional yang turut mengambil bahagian dalam pembangunan negara. Kenapakah dayausaha ini tidak dapat dihargai?

Mereka juga dirampas peluang untuk bersaing dengan pelajar aliran kebangsaan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Mereka dengan sabar menerima nasib yang malang kerana dianaktirikan. Kenapakah dalam keadaan demikian, masih ada "pendidik" yang sampai hati mencadang untuk menghapuskan UEC?

Dari analisis tersebut, ternyata cadangan untuk menyatukan STPM-Matrikulasi-Asasi Sains bagi mewujudkan satu sistem kemasukan ke IPTA sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan kewujudan SJK(C) atau SJK(T), peperiksaan UEC dan masalah IPTS.

Lebih penting lagi ialah sistem meritokrasi tulen memerlukan persaingan adil di atas padang yang sama rata. Dan bukannya pelajar bumiputra menunjukkan daya saing mereka yang cemerlang sekali, seperti yang diakui oleh kebanyakan pejuang nasionalis?

Atau daya saing yang ditunjukkan mereka sebenarnya akibat persaingan yang berat sebelah di atas padang yang tidak sama rata? Bagaimana pun, kita harus memperlihatkan semangat 'fairplay'!

29hb Mei 2002

---

## **7** Dasar Buka Pintu

Dari bulan lepas (Mei 2002) hingga sekarang, dasar pendidikan kebangsaan kita seolah-olah kucar-kacir dan tidak tentu arah setelah menghadapi kejutan demi kejutan.

Kejutan pertama, bahasa Inggeris akan digunakan sebagai bahasa pengantar bagi matapelajaran Matematik dan Sains mulai Tahun Satu di samping memperkenalkan kesusasteraan Inggeris kontemporari, setelah cadangan mewujudkan semula aliran bahasa Inggeris ditolak.

Kejutan kedua, penggunaan buat kali pertama kaedah meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), dan pelajar bumiputra mencapai peratusan cemerlang di luar dugaan.

Kejutan ketiga, pada minggu lepas, Kabinet telah memutuskan supaya kuota 10 peratus diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputra untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan mengikuti program matrikulasi.

Berbanding dengan kejutan pertama dan kedua, kejutan ketiga rasanya lebih hebat lagi kerana program matrikulasi dan MRSM yang diadakan secara eksklusif untuk pelajar bumiputra selepas 13 Mei 1969, bertujuan membolehkan mereka memasuki jurusan kritikal dalam IPTA bagi mengimbangi pelajar bukan bumiputra.

---

Dengan kata lain, kehadiran pelajar bumiputra dalam program matrikulasi dan MRSM sebenarnya merupakan kuota yang terlindung daripada saingan pelajar bukan bumiputra yang sebelum ini dipercayai lebih cemerlang dalam pencapaian akademik mereka, sungguhpun rumusan ini boleh dipertikaikan.

Oleh itu, ia sering dianggap sebagai hak istimewa pelajar bumiputra untuk menjamin kuota mereka dalam jurusan kritikal IPTA. Dengan pelaksanaan dasar buka pintu tahun depan, bermakna "terdapat kuota dalam kuota", dan mereka terpaksa bersaing dengan pelajar bukan bumiputra dalam padang yang sebelum ini eksklusif bagi pelajar bumiputra sahaja.

### **Percanggahan pandangan**

Terdapat dua sikap yang agak berlainan terhadap dasar buka pintu tersebut. Satu menganggap hak istimewa pelajar bumiputra dalam program matrikulasi dan MRSM harus dikekalkan, seperti yang ditegaskan oleh Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim: "Kita berpendapat kepentingan orang Melayu tidak boleh diketepikan atau digadai mana-mana pihak dan kerana itu ia harus dipertahankan sampai bila-bila pun."

Berpegang kepada pendirian tersebut, 26 NGO Melayu, termasuk GPMS, Barisan Bertindak Melayu (BBM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan sebagainya, yang mendakwa mewakili kepentingan orang Melayu, telah mencapai sebulat suara meminta kerajaan menangguhkan peruntukan kuota 10 peratus kepada bukan bumiputera di MRSM dan Program Matrikulasi setelah majlis dialog pendidikan diadakan di Kolej Islam Antarabangsa K.L. pada 4 Jun 2002.

Satu lagi beranggapan tibalah masanya hak istimewa pelajar bumiputera itu ditarik balik secara perlahan-lahan. Dalam hal ini, pandangan Awang Sulung boleh dikatakan antara yang paling berani sekali :

"Pada hemat Awang, hak istimewa itu kini telah menjadi musuh besar orang Melayu dan bumiputra lain. Ia membuatkan mereka mengambil mudah banyak perkara dan membesar dengan mentaliti subsidi - semuanya mesti ditolong, mesti diberi dan mesti dipermudahkan kerana mereka Malayu."

"Meratap dan menangis supaya hak dan keistimewaan kita dikekalkan sampai bila-bila samalah seperti mengakui kita masih lemah dan tidak boleh hidup tanpanya. Ia juga menunjukkan bahawa kita takut menghadapi bukan Melayu di atas padang yang sama rata."

"Jika Melayu masih memerlukan perlindungan yang sama setelah 30 tahun,

mereka sepatutnya berasa malu. Keistimewaan itu yang dianggap sebagai hak kelahiran boleh bertukar menjadi satu penghinaan terhadap mereka."

Rasanya, pertentangan dua sikap tersebut akan menyulitkan dasar buka pintu berkenaan. Bagaimanapun, pencapaian cemerlang pelajar bumiputra bagi kali pertamanya, selepas sistem meritokrasi digunakan dalam pengambilan pelajar IPTA, sudah barang tentu akan meyakinkan lagi pelajar bumiputera khususnya dan kaum Melayu amnya untuk bersaing dengan pelajar bukan bumiputera dalam padang yang sama rata.

### ***Dasar pintu terbuka***

Namun demikian, jika ditinjau sistem meritokrasi yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan, pembukaan kuota 10 peratus dalam Program Matrikulasi dan MRSM merupakan "pengunduran" ke sistem kuota, bukannya mara ke sistem meritokrasi seperti yang dijanjikan oleh kerajaan.

Berdasarkan latar belakang Program Matrikulasi dan MRSM dilaksanakan bagi menjamin kuota pelajar bumiputera dalam jurusan kritikal IPTA dan bagaimana orang Melayu memandangnya sebagai hak istimewa, ternyata ia adalah hasil sistem kuota yang bertentangan dengan sistem meritokrasi yang ingin dilaksanakan, dan dasar buka pintu juga merupakan kuota dalam kuota semata-mata.

Justeru itu, apabila pemeriksaan matrikulasi disetarafkan dengan pemeriksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) untuk kemasukan pelajar ke IPTA tahun ini melalui apa yang dinamakan sistem meritokrasi, pelajar dan kaum bukan bumiputra secara amnya merasa tidak berpuas hati.

Ini kerana mereka sebenarnya bukan bertanding atas padang yang benar-benar sama rata, tetapi "disamaratakan" secara arbitrari untuk tujuan yang tertentu.

Jika sistem meritokrasi tulen yang menjadi tujuan kita, maka pemeriksaan bersama untuk semua pelajar tanpa mengira kaum adalah satu-satunya penyelesaian yang logik dan munasabah yang perlu diusahakan.

Jika ada apa-apa tindakan yang perlu diambil untuk membantu mereka yang lemah dalam kedudukan sosial-ekonomi, maka latar belakang kaum juga tidak patut diambil kira.

Berasaskan analisis tersebut, dasar buka pintu Kabinet sebenarnya sangat mengelirukan: Kembali ke sistem kuota atau menuju ke sistem meritokrasi? Atau meritokrasi sebagai retorik, padahal imbang-mengimbangi kuota bagi kaum-kaum berkenaan masih diutamakan?

---

Prestasi Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dalam kontroversi-kontroversi tersebut sangat mengecewakan, terutamanya dalam mempertahankan kesama-tarafan pemeriksaan matrikulasi dengan STPM - dua pemeriksaan yang memang tidak dapat disama-tarafkan dari segi jangka masa program, kurikulum, kaedah dan tujuan pemeriksaan.

Kini, dapatkah beliau mengemukakan sesuatu untuk membimbing dasar pendidikan negara daripada terjerumus dalam jalan buntu? Sekurang-kurangnya memberitahu apakah yang kerajaan mahu: sistem kuota, sistem meritokrasi, atau campuran sistem kuota dengan sistem meritokrasi (yang mengikut beliau tidak dapat dikompromikan antara satu sama lain)?

5hb Jun 2002

## **8** Uji Sebelum Guna Bahasa Inggeris

Dalam satu dua minggu kebelakangan ini, kontroversi mengenai pendidikan negara telah mencapai kemuncaknya, terutamanya dalam media bahasa Melayu, setelah beberapa perkembangan terbaru, seolah-olah telah menggoncangkan beberapa 'mitos' dan dasar pendidikan negara kita.

Sebelum ini memang sukar dipercayai sistem meritokrasi boleh membawa tuah dan kebanggaan kepada pelajar Melayu khususnya dan kaum Melayu amnya.

Juga sukar dipercayai bahawa tiada penentangan hebat daripada "pejuang nasionalis Melayu" terhadap kesediaan kerajaan menimbang diwujudkan semula sekolah aliran Inggeris, disusuli dengan keputusan menggunakan bahasa Inggeris bagi subjek matematik dan sains, mulai Tahun Satu, dan langkah memperkenalkan kesusasteraan Inggeris Semasa (kontemporari).

Yang aneh ialah ketiga-tiga perkembangan yang 'cukup berani' itu kesemuanya bukan atas dayausaha Kementerian Pendidikan, tetapi dari 'ilham' Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri. Kini beliau merupakan pemimpin paling berkuasa dalam semua bidang penting negara, termasuk bidang politik, ekonomi dan pendidikan.

---

Keputusan beliau membuat cadangan atau keputusan atas nama 'rakyat' kadang-kadang mengelirukan banyak pihak, bagaimana hendak memberi reaksi terhadapnya.

Umpamanya pada 6 Mei 2002, Dr Mahathir mengumumkan kerajaan sedia menimbang cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan, jika rakyat mahu ia dilakukan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar .

Pada 11 Mei 2002, beliau mengumumkan pula bahawa Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak cadangan itu kerana ia tidak sococok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sebaliknya penggunaan bahasa Inggeris akan diperluaskan di sekolah melalui pengajaran subjek Sains dan Matematik dari Tahap Satu, di samping memperkenalkan kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Apakah Dr Mahathir tidak menyedari bahawa menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem sekolah negara tidak secocok dengan 'matlamat muktamad' Dasar Pendidikan Kebangsaan?

#### ***Pak turut***

Ditanya mengapa Umno menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris sebelum mengambil kira pandangan semua lapisan masyarakat, Dr Mahathir berkata cadangan parti itu adalah gambaran kehendak rakyat!

Ketika sokongan lapisan masyarakat yang mengagungkan bahasa Inggeris dan "pak turut" Dr Mahathir mencurah-curah dalam media arus perdana, manakala 'pejuang nasionalis' pula masih belum pasti apa yang sedang berlaku, dalam tempoh kurang dari seminggu Dr Mahathir telah menarik balik cadangan itu!

Pujangga China Lu Hsun pernah mengibaratkan bagaimana jika seorang penyewa ingin membuka tingkap rumah sewanya, tetapi tidak dibenarkan oleh tuan rumah berbuat demikian.

Katanya, penyewa itu, terlebih dahulu, boleh menggertak hendak merobohkan rumah sewa itu, lalu berkompromi meminta dibukakan satu tingkap. Maka peluang untuk tuan punya rumah membenarkan tingkap itu dibuka, adalah baik.

Adakah Dr Mahathir juga menggunakan taktik yang sama - mencadang 'diwujudkan semula sekolah aliran Inggeri' terlebih dahulu, lalu berkompromi dengan keputusan supaya bahasa Inggeris digunakan

sebagai bahasa pengajaran subjek Sains dan Matematik, dari Tahun Satu serta memperkenalkan Kesusasteraan Inggeris Kontemporari?

Kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan bahasa teknologi memang tidak perlu dipertikaikan, terutamanya dalam zaman globalisasi sekarang. Namun tidaklah patut didewa-dewakan kepentingan bahasa Inggeris, umpamanya dengan mengatakan kononnya lebih 90 peratus graduan Melayu menganggur kerana mereka tidak mahir berbahasa Inggeris.

Mengapakah sebelum ini graduan Melayu yang tidak begitu mahir berbahasa Inggeris tidak menganggur? Bukankah kegawatan ekonomi negara merupakan faktor yang lebih berkaitan?

### ***Salah siapa***

Tahap kemahiran yang bagaimanakah yang diinginkan? Jika dalam tempoh 15 tahun, bermula dari Tahap Satu pelajar Melayu mempelajari bahasa Inggeris hingga menjadi graduan, tetapi masih tidak dapat menguasai bahasa itu, maka siapakah yang harus dipersalahkan - kaedah mengajar dan kaedah belajar?

Atau salah tenaga mengajar yang tidak mencukupi dan tidak berkelayakan? Atau kekurangan motivasi belajar dan persekitaran yang tidak menguntungkan? Atau kesemua ini yang harus dikaji dan dikenal pasti sebelum sebarang rumusan dicapai dan sebarang penawar dikemukakan.

Pelajar aliran kebangsaan sebenarnya lebih untung, berbanding dengan pelajar aliran Cina dan Tamil, yang mula belajar bahasa Inggeris pada Tahun Ketiga dan kebanyakannya terpaksa menukar bahasa pengantar dari bahasa ibunda (bahasa Cina atau Tamil) kepada bahasa Melayu.

Di peringkat institusi pengajian tinggi awam atau swasta pula, mereka terpaksa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dalam keadaan ini, sekiranya mereka dapat menguasai bahasa Inggeris, kenapa pelajar Melayu tidak boleh?

Pelajar lepasan Sekolah Menengah Cina Swasta yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar juga dapat mengatasi masalah penguasaan bahasa Inggeris bila mereka melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej di dalam atau luar negeri.

Mereka mungkin tidak begitu mahir berbahasa Inggeris, tetapi ianya mencukupi untuk mengikuti kursus-kursus yang dipilih. Dalam bidang kerja pula, kelemahan mereka dalam bahasa Inggeris dapat diatasi

---

mengikut perjalanan masa. Dan ini dilengkapi pula dengan kelebihan mereka menguasai tiga bahasa - Mandarin, Melayu dan Inggeris.

Mereka juga melanjutkan pelajaran ke Jepun, Perancis dan Jerman. Untuk itu, mereka perlu mempelajari bahasa pengantarnya (bahasa Jepun, Perancis atau Jerman) dalam tempoh sembilan bulan hingga setahun sahaja. Hasilnya, mereka mampu mengikuti kursus pilihan masing-masing di negara berkenaan dan jarang gagal kerana rintangan bahasa.

### ***Kedaulatan bahasa Kebangsaan***

Jika dalam tempoh tak cukup setahun, mereka boleh menguasai bahasa Jepun, Perancis dan Jerman yang sama sekali asing bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran ke negara-negara berkenaan, kenapa pula dalam tempoh 15-16 tahun, pelajar kita masih belum dapat menguasai bahasa Inggeris?

Saya tidak faham mengapa rakyat Malaysia, baik Melayu, Cina, India atau kaum yang lain, harus 'mahir' dalam bahasa Inggeris seperti orang Barat? Dan apa logiknya graduan yang mencari kerja di negara sendiri diwajibkan 'mahir' dalam bahasa Inggeris, sungguhpun ia dianggap sebagai satu kelebihan?

Takkan semua kerja memerlukan bahasa Inggeris yang sukar-sukar. Jika begitu keadaannya, di manakah kedaulatan bahasa Kebangsaan yang sering dilaung-laungkan?

Harus diingati bagaimana penting sekali pun bahasa Inggeris, ia adalah bahasa asing bagi rakyat dan negara kita. Dan juga harus diingati bahawa konsep 'mempelajari bahasa Inggeris' adalah berlainan dengan konsep 'menuntut ilmu (umpamanya Sains dan Matematik) melalui bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya.

Dengan kata lain, menggunakan bahasa ibunda untuk menuntut ilmu, baik Sains, Matematik atau ilmu yang lain, adalah yang paling berkesan sekali, kerana tiada rintangan bahasa.

Kerana rintangan bahasa, jika bahasa Inggeris digunakan untuk menuntut ilmu, misalnya Sains dan Matematik, maka guru terpaksa mengajar bahasa itu terlebih dahulu, sebelum menjelaskan ilmu yang hendak diajarinya.

Ini bermakna, ianya bukan cara mempelajari bahasa Inggeris yang berkesan, dan juga bukan cara menuntut ilmu yang berkesan. Akhirnya pelajar juga yang menjadi korban!

### ***Kajian di luar negara***

Oleh itu, seandainya bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar pelajar Melayu yang masih lemah dalam subjek-subjek berkenaan, mungkin sudah jelas apa kesudahannya!

Pada 1978, berasaskan analisis pencapaian 23 sekolah Cina yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar subjek Sains, maka Laporan Kajian Pendidikan Goh Keng Swee Singapura merumuskan bahawa tiada kemajuan dalam taraf bahasa Inggeris, sebaliknya pencapaian subjek Sains telah merosot!

Prof Siao Bing-ji dari Universiti Hongkong juga, dalam kajiannya membuat rumusan berikut:

- (i) Menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah tidak semestinya dapat meningkatkan taraf bahasa itu, tetapi bergantung kepada asas bahasa dan kualiti pelajar;
- (ii) Kajian Cummins (1976) Kanada mengenai projek pendidikan dwibahasa, mendapati ia tidak dapat mencapai matlamatnya kerana ada kaitan dengan perkembangan psikologi dan taraf bahasa pelajar terbabit;
- (iii) Jumlah masa bagi bahasa yang dipelajari tidak semestinya membantu pelajaran atau penguasaan bahasa berkenaan.

Pengalaman Dong Jiao Zong mengenai perkara ini, melalui Sekolah Menengah Cina Swasta, boleh dikatakan cukup luas sekali. Dalam tahun 60-an hingga 70-an, banyak sekolah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar subjek Sains dan Matematik, dan matlamat mereka juga untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris.

Malangnya, pencapaian akademik pelajar mereka dalam subjek Sains dan Matematik, terutama biologi dan fizik, terus merosot, manakala taraf bahasa Inggeris juga tidak meningkat sepertimana yang diharapkan.

### ***Dong Jiao Zong***

Sekolah-sekolah ini, terutama di kawasan desa, di mana persekitaran untuk mempelajari bahasa Inggeris amat tidak menguntungkan, hampir ditutup kerana kemerosotan pencapaian akademik dan kekurangan pelajar. Hanya setelah mereka kembali menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, barulah taraf akademiknya meningkat dan sekolah-sekolah berkenaan berjaya mencapai perkembangan yang menggalakkan. Pengalaman ini bukan hanya di satu sekolah sahaja, tetapi di puluhan sekolah.

Berasaskan kepada pengalaman pahit Sekolah Menengah Cina Swasta tersebut, maka pimpinan Dong Jiao Zong dengan tegas menentang subjek Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina atau SJK(C) diajar dalam bahasa Inggeris.

Ini kerana Dong Jiao Zong tahu melalui pengalaman praktikalnya, bahawa bahasa ibunda adalah bahasa pengantar yang paling berkesan sekali, berbanding dengan penggunaan bahasa bukan ibunda, lebih-lebih lagi bahasa asing .

Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak harus terburu-buru menerima cadangan Umno mengenai perkara itu kerana keputusan tersebut mungkin membawa masalah kepada sistem pendidikan negara kita.

Cara yang lebih bertanggungjawab ialah dengan mengadakan kelas ujian terlebih dahulu. Jika hasilnya dapat membuktikan bahawa rumusan kajian di Singapura, Hongkong, Kanada dan pengalaman di Sekolah Menengah Cina Swasta itu, adalah salah, maka barulah ada asas bagi Kementerian Pendidikan untuk melakukan rombakan radikal terhadap dasar pendidikan negara.

15hb Mei 2002

---

## 9 Malaysia Bukan British, Bukan Amerika

Setelah membaca ruangan "Bisik-bisik Mingguan" (Mingguan Malaysia 4 Ogos 2002) yang berjudul 'Malaysia bukan China, bukan Taiwan', saya terpenggil untuk menulis ulasan ini untuk berbincang dengan penulis Awang Sulung.

Ulasan ini, selain daripada dihantar kepada Utusan Malaysia, ia juga dihantar kepada malaysiakini

Andainya ia tidak disiarkan oleh Utusan Malaysia (seperti nasib rencana saya 'Melayani Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) dengan minda terbuka' yang dikirimkan pada Mac tahun ini), sekurang-kurangnya ia akan dimuat dalam kolom saya di malaysiakini.

Bagaimanapun, saya yakin Awang Sulung tentu menggalakkan dialog yang membina, terutamanya mengenai isu yang agak kontroversil seperti pengajaran/pembelajaran matapelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Saya akan berterus-terang sepertimana Awang Sulung, tetapi tidak bermaksud untuk menyinggung perasaan mana-mana pihak, atau berniat mengeruhkan lagi keadaan yang sudah dikeruhkan. Saya hanya ingin memaparkan pandangan saya dari perspektif yang berlainan.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Pepatah ini sudah menjadi senjata stereotaip bagi penulis atau pembahas bumiputera ketika bertikai dengan bukan-bumiputera. Taktik mempersoalkan kesetiaan pihak lawan terhadap bumi (negara) ini, bertujuan untuk memamatkan langkah lawan sebelum perbahasan bermula.

### ***Kaum pendatang***

Di negara ini, kesetiaan seolah-olah dimonopoli oleh bumiputera. Oleh itu, kesetiaan rakyat bukan bumiputera yang dianggap sebagai 'kaum asing/kaum pendatang' itu boleh dipersoalkan oleh mana-mana bumiputera pada bila-bila masa sahaja!

Namun sejarah negara kita membuktikan bahawa kesetiaan/patriotisme bukan sifat semulajadi yang boleh dimonopoli oleh mana-mana kaum. Umpamanya, dalam perjuangan anti-Jepun dan anti-British dahulu, kaum Cina dengan gigih bersama kaum lain, turut sama membela bumi ini dengan darah dan nyawa mereka. Pada masa yang sama, tali barut yang mengkhianati rakyat dan bumi ini, juga melampaui batasan kaum.

Dalam isu yang dipertikaikan, Awang Sulung menyokong penggunaan bahasa Inggeris bagi matapelajaran Sains dan Matematik. Yang menentang pula mahukan bahasa ibunda masing-masing - bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil - terus digunakan sebagai bahasa pengantar seperti sediakala.

Bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil adalah bahasa utama rakyat negara ini, dengan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara ini. Manakala bahasa Inggeris pula adalah bahasa asing/bahasa antarabangsa.

Oleh itu, kalau mengikut kayu ukur pepatah bumi-langit, bukankah bahasa Melayu, bahasa Cina dan Bahasa Tamil lebih layak dijunjung berbanding dengan bahasa Inggeris? Tampaknya, Awang Sulung sangat marah kerana "tidak faham kenapa masih ada yang bermati-matian hendak mempertahankan sifat keCinaan di sekolah".

Jika tidak begitu emosional, boleh dianggap wajar juga sekiranya Sekolah Cina (SJKC) mahu mempertahankan ciri keCinaannya, seumpama Sekolah Kebangsaan dengan keMelayuannya dan SJKT dengan kelIndiaannya.

### ***Tidak bermaruah***

Jika kita menerima pendidikan ibunda sebagai hak asasi setiap kaum, tidak kira ia kaum majoriti atau minoriti; jika kita menerima kepelbagaian budaya sebagai satu aset, bukan liabiliti masyarakat kita; jika kita menerima dasar kesetaraan kaum, bukan dasar bumiputeraisme

yang mendiskriminasi kaum bukan-bumiputera; kenapa tiada sikap bertoleransi bila kaum Cina ingin mempertahankan 'keCinaan'nya, sesuatu tindakan yang wajar sekali sepertimana kaum Melayu cuba mempertahankan keMelayuannya?

Cina yang tidak menghargai keCinaannya, sepertimana Melayu yang tidak menghargai keMelayuannya, adalah kaum yang tidak bermaruah dan bertulang belakang.

Sesuatu negara dengan kaum-kaum yang tidak bermaruah dan bertulang belakang, tentu tidak dapat menghadapi cabaran globalisasi yang merupakan dominasi kuasa besar terhadap negara kecil, termasuk dominasi bahasa dan budaya.

Negara seperti Perancis, Jerman, Jepun, China dan Korea Selatan - kerana menghargai bahasa ibunda masing-masing - tidak menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik. Namun mereka tetap menjadi negara maju yang berpengaruh.

Kata Awang Sulung, Melayu yang 'berisi' tidak takut sifat kemelayuannya terhakis. Begitu jugalah dengan Cina yang 'berisi'. Mengikut logik ini, maka orang Perancis, Jerman, Jepun, China dan Korea Selatan, semuanya tidak 'berisi' kerana terlalu menghargai bahasa ibunda masing-masing!

Oleh itu, memakai bahasa Inggeris untuk menggantikan bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam pengajaran/pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah, mempunyai implikasi yang lebih teruk lagi.

### ***Pesan Awang Sulung***

Ia bermakna penafian kedudukan ketiga-tiga bahasa di negara kita itu sebagai bahasa moden, sehingga ianya tidak layak digunakan dalam pengajaran/pembelajaran Sains dan Matematik, walaupun di peringkat sekolah rendah sekalipun!

Jika kita warganegara yang bermaruah, dan "hidup sebagai rakyat Malaysia yang bersemangat Malaysia" seperti pesan Awang Sulung, hati kita tentu terguris memandangkan bahasa rakyat kita diinjak-injak dan dihina.

Awang Sulung mengingatkan kaum Cina bahawa Malaysia bukan Republik Rakyat China, bukan Taiwan. Ini memang tidak dapat dinafikan. Namun beliau seolah-olah sudah lupa bahawa Malaysia juga bukan Britain, bukan Amerika Syarikat!

Tanya Awang Sulung: "Terdapatkah kajian yang menunjukkan negara yang

mengguna bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik tidak mencapai tahap pencapaian yang tinggi?"

Dalam rencana saya (Uji sebelum guna bahasa pengantar Inggeris, 20 Mei 2002 di malaysiakini), telah mengutarakan beberapa laporan kajian mengenainya. Di sini memadailah untuk saya memetik dua contoh saja.

Yang pertama, pada tahun 1978, berasaskan kepada analisis pencapaian 23 sekolah Cina yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar matapelajaran Sains, maka Laporan Kajian Pendidikan Goh Keng Swee Singapura telah merumuskan bahawa tiada kemajuan dalam tahap penguasaan bahasa Inggeris, manakala pencapaian matapelajaran Sains telah merosot!

### ***Pencapaian merosot***

Yang kedua, pengalaman pahit Dong Jiao Zong dalam penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar matapelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Menengah Cina Swasta, terutamanya pada tahun 60-an hingga tahun 70-an.

Matlamat mereka juga ialah untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris. Malangnya, pencapaian akademik pelajar mereka dalam matapelajaran Sains dan Matematik, terutamanya biologi, fizik dan kimia terus merosot, manakala tahap Inggeris mereka juga tidak meningkat.

Sekolah-sekolah ini - terutama di kawasan desa, di mana persekitaran untuk mempelajari bahasa Inggeris amat tidak menguntungkan - hampir terpaksa ditutup kerana kemerosotan pencapaian akademik dan kekurangan pelajar.

Hanya setelah mereka kembali menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, barulah tahap akademiknya meningkat dan sekolah-sekolah berkenaan berjaya mencapai perkembangan yang menggalakkan.

Ini bukan kerana bahasa Cina (Mandarin) lebih unggul sebagai bahasa pengantar, tetapi kerana sebagai bahasa ibunda ( bahasa Melayu untuk Sekolah Kebangsaan (SK) dan bahasa Tamil untuk SJKT ), ia lebih mudah difahami pelajar sekolah rendah berbanding bahasa Inggeris yang begitu asing bagi mereka.

### ***Sanggup berkorban***

Jika pihak berkuasa terus berdegil hendak melaksanakannya mulai tahun depan, maka pelajar tingkatan satu SJKC dan SJKT, terpaksa menggunakan bahasa Inggeris yang langsung mereka tidak faham untuk mempelajari Sains - satu lagi subjek baru bagi mereka. Tidakkah perbuatan

seperti ini melampau sangat?

Pada masa yang sama, mereka juga mempelajari bahasa ibunda (bahasa Cina atau Tamil) dan bahasa Melayu.

Berdasarkan analisis tersebut, maka penentangan mereka bukanlah kerana prejudis, angkuh atau fanatik sesuatu kaum sepertimana yang disalahanggap oleh sesetengah penganalisis, termasuk Awang Sulung dan Dr. Jamilah Mustafa (Wawancara Mingguan Malaysia, 4 Ogos 2002).

Hairan sekali apabila Dr Jamilah Mustafa sanggup bertanya: "Kalau orang Melayu sanggup berkorban untuk membenarkan bahasa Inggeris digunakan dalam pengajaran Sains dan Matematik di sekolah kebangsaan, saya tidak nampak mengapa orang Cina tidak dapat berkorban di SJKC."

Soalan saya pula ialah: Kenapa pelajar Melayu harus dan sanggup dikorbankan? Kenapa Dr Jamilah Mustafa sampai hati mempertahankan suatu dasar pendidikan yang akan mengorbankan kepentingan pelajar Melayu? Dan Kenapa pula pelajar Cina dan India perlu dikorbankan bersama? Adakah kesemua ini masuk akal?

7hb Ogos 2002

---

## 10 Dasar Inggeris Dan Ugutan ISA

Suasana negara kita tiba-tiba menjadi tegang selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran keras terhadap 'puak ekstremis Cina', Dong Jiao Zong (Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia).

Kononnya mereka telah "bermain api dengan terus membangkitkan sentimen perkauman dalam isu pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam matapelajaran Sains dan Matematik".

Tegas beliau lagi: "kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap puak terbabit yang cuba membakar perasaan kaum Cina sehingga boleh mencetuskan huru-hara di negara ini."

Ketika mengulas amaran Perdana Menteri tersebut, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidan Zin berkata kerajaan akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam usaha menbendung kegiatan ekstremisme perkauman.

Sikap Dr Mahathir dan Kerajaan BN tersebut adalah "melampau, lari dari isu sebenar dan berbau hasutan" sepertimana tuduhan Pemuda Umno terhadap Pengerusi Dong Zong, Quek Suan Hiang.

Dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam matapelajaran Sains dan Matematik itu bukan dasar yang digubal secara demokratik dan saksama dengan penyertaan dan persetujuan semua pihak yang terbabit, tetapi ia dipaksakan oleh Dr Mahathir dan konco-konconya secara terburu-buru ke atas Umno, Kabinet Barisan Nasional (BN), Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah yang berkenaan.

### ***Masalah siswazah Melayu***

Mereka sebenarnya bukan pakar dalam bidang pendidikan. Mereka tidak berkemampuan untuk meyakinkan pihak-pihak yang menentang dasar berkenaan kerana mereka sendiri juga tidak begitu pasti tentang tujuan dan kesudahan pelaksanaan dasar terlibat.

Pada mulanya, Dr Mahathir mendapat 'inspirasi' dan berura-ura hendak memulihkan aliran bahasa Inggeris untuk mengatasi masalah siswazah Melayu yang kononnya gagal mendapat kerja kerana tidak dapat menguasai bahasa Inggeris -- suatu pandangan yang keliru dan mengelirukan.

Cadangan Dr Mahathir yang cukup 'radikal' ini tentu sukar diterima oleh Umno yang selama ini mengamalkan dasar ketuanan Melayu. Sebagai tolak ansur (baca:memberi muka kepada Dr Mahathir), suatu dasar yang dianggap tidak begitu radikal, iaitu penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik pun diluluskan.

Setelah disangsikan keberkesanan meningkatkan tahap Inggeris melalui penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, dasar itu pun dipertahankan dengan alasan baru bahawa pelaksanaannya bertujuan untuk meningkatkan pencapaian ilmu Sains dan Matematik.

Pengalaman dan kajian di Hong Kong, Singapura dan Sekolah Menengah Cina swasta di negara kita sendiri, mendapati penggunaan bahasa Inggeris bagi matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah aliran Cina, tidak dapat meningkatkan tahap bahasa Inggeris, malah tahap pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut turut terjejas. Bak kata pepatah Melayu: *Yang dikejar tak dapat, yang dikandung kecurian!*

Dalam keadaan ini, dasar berkenaan bukan saja ditentang oleh Dong Jiao Zong, ia turut ditentang banyak pertubuhan nasionalis Melayu, termasuk Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dan Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM).

### ***Alasan yang menyakinkan***

Turut menentanginya ialah Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Kesatuan Pekerja Dewan Bahasa dan Pustaka dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan banyak lagi pertubuhan bukan-kerajaan India (NGO) dan pendidik India.

Di samping Dong Jiao Zong, Persatuan Guru-Guru Besar Sekolah Cina Malaysia juga menentang dasar tersebut, dengan mengeluarkan kenyataan panjang lebar mengandungi alasan-alasan yang berasaskan pengalaman/pengetahuan praktikal mereka mengajar murid di sekolah masing-masing.

Ramai guru besar, guru dan ibubapa pelajar Sekolah Tamil juga menyuarakan penentangan mereka tanpa menghiraukan tekanan politik yang mereka hadapi dari MIC. Jika dibenarkan dan berpeluang, saya yakin pendidik dan ibubapa Sekolah Kebangsaan tentu tidak kurang lantang menyuarakan penentangan mereka.

Mengikut media, dilaporkan DBP sedang dalam proses pemungutan tandatangan sejuta orang untuk menentang dasar tersebut. Memandangkan PAS, Parti Rakyat Malaysia (PRM), Keadilan dan DAP turut menentang dasar tersebut, maka MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan parti komponen BN yang lain, menjadi serba-salah dan buat sementara itu, cuba duduk di atas pagar.

Jika ada mana-mana pihak yang menjalankan pemungutan suara secara besar-besaran dan tersusun, mendapat sejuta tandatangan penentang, tentu tidak menjadi masalah!

Jika dasar penggunaan Inggeris itu diperdebatkan secukupnya secara terbuka dan demokratik tanpa sebarang sekatan, amaran serta ugutan dan selepas itu, suatu pungutan suara diadakan di seluruh negara, saya yakin dasar itu tentu dapat ditolak oleh rakyat pelbagai bangsa yang cintakan bahasa ibunda masing-masing.

Oleh itu, yang menentang dasar itu yang membabitkan ratusan malah ribuan pertubuhan bukan-kerajaan dan parti-parti politik pelbagai bangsa, kenapa Dong Jiao Zong saja yang dijadikan kambing hitam? Kenapa Quek Suan Hiang dan Sim Mou Yu yang dijadikan sasaran amaran sebagai 'puak ekstremis Cina' dan ugutan ISA digunapakai untuk menganiayai mereka?

### ***Bermain dengan api***

Dong Jiao Zong dicap sebagai "puak ekstremis Cina yang bermain api dan akan mencetuskan huru-hara", betul-betul tuduhan yang "lari dari isu" dan

tidak berasas sama sekali, kerana tiada sesiapa yang tidak setuju untuk meningkatkan tahap bahasa Inggeris di sekolah kita. Perselisihan faham hanya mengenai cara untuk mencapainya.

Dalam sebuah negara yang kononnya mengamalkan sistem demokrasi, bukankah sepertimana NGO yang lain, Dong Jiao Zong juga berhak menyuarakan penentangannya sekiranya ia berpendapat dasar berkenaan akan mengorbankan kepentingan pelajar di SK, SJKC dan SJKT? Masakan ini boleh dicap sebagai membakar sentimen perkauman?

Soal sekarang bukanlah orang Cina bertentangan dengan orang Melayu, tetapi isu bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil bertentangan dengan bahasa Inggeris.

Pertentangan tersebut tidak bermakna mereka memusuhi bahasa Inggeris, sebaliknya mereka bersetuju untuk meningkatkan tahap bahasa Inggeris di sekolah masing-masing, tetapi bukannya melalui penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran/pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik. Itu saja!

Pada hakikatnya tiada sesiapa yang sedang membakar sentimen perkauman dalam ertikata mengadu-dombakan satu kaum dengan kaum yang lain. Oleh itu, tidak mungkin huru-hara akan dicituskan, selain daripada ketegangan yang ditimbulkan akibat ugatan penggunaan ISA!

Cara penyelesaian yang diperlukan sekarang bukan penggunaan ISA, tetapi amalan demokrasi yang tulen, iaitu mencari kata sepakat melalui perundingan dengan pihak-pihak berkenaan! Anggapan Dong Jiao Zong bahawa pelaksanaan dasar itu akan menghakiskan ciri atau identiti SJKC juga berasas.

### ***Puak ekstremis Melayu***

Cuba fikirkan, jika dasar itu dilaksanakan, bermakna dalam lima mata pelajaran peperiksaan UPSR -- iaitu bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains dan Matematik -- hanya satu kertas saja bahasa Cina digunakan sebagai pengantar, maka bolehkah ia masih dikenali sebagai SJKC? Jika kita tidak berprasangka, kita tentu setuju ia lebih sesuai dipanggil sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris (SJKI)!

SK dan SJKT juga akan mengalami nasib yang sama. Adakah sesiapa yang mendedahkan hakikat ini juga akan dituduh sebagai 'puak ekstremis Melayu' dan 'puak ekstremis India' yang cuba membakar sentimen perkauman Melayu dan sentimen perkauman India?

Kenapa hanya membenarkan Dr Mahathir dan konco-konconya untuk mengagung-agungkan bahasa Inggeris, tetapi tidak membenarkan rakyat pelbagai bangsa untuk membela bahasa ibunda masing-masing?

Dr Mahathir dan konco-konconya malah cuba menghasut kaum Melayu agar salah faham dan bermusuhan dengan Dong Jiao Zong dan pemimpin-pemimpinnya. Kononnya "ada orang fikir mereka begitu penting sehingga orang lain tidak berani bertindak", dan "orang ini bukan sahaja tidak mahu bahasa Inggeris, mereka juga tidak mahu budak Melayu dan Cina bercampur. Dekat pun tak boleh. Sebab itu, mereka menentang Sekolah Wawasan."

Maklumlah pemimpin masyarakat Cina juga manusia biasa. Mana ada manusia biasa yang tidak takut kepada ISA? Jika mereka terpaksa menggagahkan diri untuk menghadapi undang-undang zalim itu, sudah pasti bukan kerana mereka memikirkan mereka begitu penting sehingga Dr Mahathir tidak berani bertindak, tetapi kerana mereka juga ada maruah dan sudi berkorban untuk mempertahankan bahasa dan pendidikan ibundanya.

Kenapa diheret pula isu Sekolah Wawasan yang tidak berkaitan dengan isu penggunaan bahasa Inggeris ini? Mengikut panduan Projek Sekolah Wawasan, prinsip sukarela telah digunapakai.

### ***Pengalaman pahit***

Dengan perkataan lain, sekolah yang terbabit berhak untuk memilih sama ada menyertai projek berkenaan atau kekal seperti sedia kala. Jika kita semua bersetuju bahawa perpaduan tidak boleh dipaksakan, maka isu Projek Sekolah Wawasan tentu telah selesai.

Maklumlah bahawa Dong Jiao Zong menaruh syak wasangka terhadap Projek Sekolah Wawasan bukan tanpa sebab. Pengalaman lampau mereka terlalu pahit untuk dilupakan, akibat senantiasa terancam oleh matlamat muktamad Dasar Pelajaran Nasional yang ingin menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam semua aliran sekolah.

Namun demikian, menuduh Dong Jiao Zong tidak mahu budak Melayu bercampur dengan budak Cina, dekat pun tak boleh (hasutan yang terang lagi menyuluh) jelas sekali berniat jahat. Jika benar, masakan Dong Jiao Zong bersetuju pada 1981 dan mencadang semula sekarang supaya Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan yang melibatkan lapan aktiviti itu dilaksanakan!

Berdasarkan analisis tersebut, nampaknya Dr Mahathir dan konco-konconya sedang melalui media yang dikuasainya, secara sistematik, berkomplot

untuk menghasut dan membakar sentimen perkauman Melayu untuk memusuhi Dong Jiao Zong dan pemimpinnya, agar ISA dapat digunakan terhadap mereka sekiranya mereka tidak tunduk kepada ugutan dan gertakan ISA dan terus menentang dasar Inggeris yang mahu dilaksanakan tahun depan.

Saya yakin kaum Melayu yang kian insaf kini tentu tidak begitu mudah tertipu oleh komplot Dr Mahathir dan konco-konconya . Umpan seumpan, kail sebertuk, masakan dapat membendung gerakan penentangan rakyat pelbagai bangsa yang kian merebak di seluruh negara itu!

14hb Ogos 2002

---

## 11 Teori Komplot Dan Logik Samseng

Setelah ugutan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak begitu berkesan untuk membendung penentangan pelaksanaan dasar bahasa Inggeris, taktik hasutan perkauman terus digunakan tanpa menghiraukan akibat buruknya.

Kali ini, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin pula menuduh Sekolah (Menengah) Cina Swasta sebagai "sudah lama menjalankan program bahasa Inggeris secara rahsia" dan kononnya "kumpulan terbabit (baca: Dong Jiao Zong) hanya mahu kaumnya yang maju dengan menyekat kaum lain menyaingi kemahiran itu."

Tambah beliau: "Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bimbang dengan perkembangan ini, bertindak bijak dengan tidak membenarkan kumpulan terbabit bermaharajalela", oleh itu, "kita tidak akan tunduk terhadap tekanan mereka."

Dalam tuduhannya itu, Dong Jiao Zong digambarkan sebagai kumpulan hipokrit yang 'cakap tak serupa bikin' - di satu pihak menentang dasar penggunaan bahasa Inggeris kerajaan, manakala di satu pihak lagi, melaksanakan program bahasa Inggeris yang sama secara 'rahsia'.

Dwistandard itu seolah-olah suatu komplot untuk memajukan kaum Cina,

dan pada masa yang sama, ingin pula menyekat kaum lain daripada menguasai kemahiran berbahasa Inggeris dengan penentangan pelaksanaan program yang terbabit. Oleh itu, kerajaan tidak akan tunduk kepada tekanan mereka yang bersikap maharajalela itu, kata Abdul Aziz.

Tuduhan itu serius dan tidak berasas sama sekali. Sebagai suatu gerakan memperjuangkan kewujudan dan perkembangan bahasa dan pendidikan ibunda sebagai hak asasi manusia, hak ibubapa pelajar dan hak sesuatu kaum, Dong Jiao Zong juga tidak pernah mengkompromikan kualiti pendidikan.

### ***Bahasa ibunda***

Berasaskan pengalaman amali berpuluh-puluh tahun mereka dalam menguruskan Sekolah Menengah Cina Swasta, Dong Jiao Zong mendapati penggunaan bahasa ibunda untuk pembelajaran semua mata pelajaran, melainkan mata pelajaran bahasa bukan ibunda, adalah paling berkesan dalam pencapaian akademik.

Oleh itu, penggunaan bahasa ibunda, iaitu bahasa Cina dalam konteks ini, sebagai bahasa pengantar utama (termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik) di Sekolah Menengah Cina Swasta telah menjadi dasar Dong Jiao Zong yang konsisten sejak tahun 1970-an.

Namun demikian, kerana Dong Jiao Zong bukan badan berkuasa seperti Kementerian Pendidikan, ia tidak dapat memaksa semua Sekolah Menengah Cina Swasta (berjumlah 60 buah) untuk mengikuti dasar bahasa pengantarnya. Oleh itu, terdapat juga sejumlah sekolah, terutama di Sabah dan Sarawak, dan beberapa sekolah di bandaraya (seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru) yang menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik.

Ada juga beberapa sekolah yang menggunakan bahasa Melayu untuk mata pelajaran Sains dan Matematik, di samping terdapat banyak sekolah yang mengadakan kelas petang untuk menyediakan pelajarannya yang ingin menduduki peperiksaan kerajaan - Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Program-program ini diluluskan oleh Lembaga Pengurus Sekolah terbabit dan dilaksanakan oleh pihak sekolah secara terbuka - bukan secara rahsia seperti yang digambarkan di atas oleh timbalan menteri pendidikan, kerana tidak perlu dirahsiakan.

Ia dijalankan selama puluhan tahun, sebelum dasar penggunaan bahasa

Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik digubal dan dijadual dilaksanakan mulai tahun depan. Program berkenaan tidak pernah (juga tidak perlu) direstui Dong Jiao Zong. Sebaliknya, ia sering dibidas oleh Dong Jiao Zong dari segi kepentingan pendidikan bahasa ibunda dan keberkesanan/pencapaian akademik.

### ***Tuduhan tidak berasas***

Oleh itu, teori komplot oleh Abdul Aziz merupakan tuduhan liar yang boleh dijadikan bahan ketawa di kalangan mereka yang mengetahui fakta sebenar. Lantaran itu, memang tidak masuk akal jika Dong Jiao Zong didakwa sebagai berniat untuk menyekat orang Melayu dari menyaingi kemahiran bahasa Inggeris.

Cuba fikirkan! Berbanding Umno yang berkuasa dan sikit-sikit saja menggertak menggunakan ISA dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) untuk menindas mereka yang berani menentang, masakan pimpinan Dong Jiao Zong - yang berada dalam dilema dan menghadapi risiko demi mempertahankan pendidikan bahasa ibunda - berani dan berkemampuan untuk menyekat orang Melayu dari membuat sesuatu yang mereka relai?

Dengan menyifatkan Dong Jiao Zong sebagai "bermaharajalela", ia mengingatkan saya mengenai cara samseng yang hendak mencari pasal. Taktik yang sering digunakan ialah si mangsa dicabar dengan tenungan provokatif. Sekiranya tenungan itu dibalas, maka si mangsa dituduh mencabarnya.

Setelah si mangsa menderita kerana keganasan si samseng tadi, yang bersalah tetap si mangsa itu kerana - mengikut logik si samseng - si samseng terpaksa bertindak sedemikian untuk mempertahankan maruahnyanya (seumpama Umno terpaksa mengambil tindakan untuk mempertahankan maruah bangsa Melayu), kerana pantang tunduk kepada tekanan/cabaran Dong Jiao Zong yang dicap sebagai "puak ekstremis Cina" umpamanya! Padahal yang bermaharajalela ialah samseng, dan yang tertekan/tercabar dan dianiaya adalah si mangsa.

Berbalik kepada isu pertukaran bahasa pengantar, Dong Jiao Zong dan penentang lain dari pelbagai kaum ialah pihak tertekan dan mungkin menjadi mangsa ISA dan OSA sekiranya mereka tidak tunduk kepada dasar bahasa Inggeris kerajaan.

### ***Bahasa komuniti***

Dari segi ini, yang bermaharajalela sebenarnya kerajaan Umno, tak mungkin Dong Jiao Zong yang ditekan dan digertak. Dong Jiao Zong memang berpengalaman dan pakar dalam pendidikan bahasa ibunda dan faham

benar tentang kesan negatif penggunaan bahasa Inggeris dalam peringkat sekolah rendah dan menengah.

Namun Kementerian Pendidikan begitu angkuh dan birokratik. Mereka enggan berjumpa dengan Dong Jiao Zong, usahkan mengambil iktibar dari pengalaman mereka, tetapi sebaliknya bermati-matian hendak melaksanakan dasar bahasa Inggeris yang barang tentu akan membawa malapetaka kepada ketiga-tiga aliran sekolah negara kita.

Yang ironis sekali ialah bila kementirian pendidikan kita bersedia menggantikan bahasa ibunda dengan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik; di Britain, guru bahasa komuniti kaum minoriti seperti Arab, Punjabi, Mandarin, Turki, Urdu dan bahasa Benggali sebaliknya dilatih untuk mengajar murid yang belum mahir berbahasa Inggeris.

Menurut laporan editor pendidikan *The Independent*, Richard Garner pada 4 Ogos 2002, kursus latihan perguruan untuk mengajar mata pelajaran bahasa Arab, Mandarin dan Punjabi akan ditawarkan oleh kolej Goldsmith, Universiti London mulai September depan.

Sebelum ini, latihan perguruan bagi bahasa Turki ditawarkan oleh Universiti Middlesex, bahasa Urdu oleh Sheffield Hallam, dan bahasa Bengali oleh East London. Manakala Sekolah White Hart Lane telah menggunakan bahasa Turki untuk mengajar mata pelajaran Sains bagi 371 pelajar Turki dan 113 pelajar Kurd.

### ***Sekolah rendah***

Kata Encik Daniels, guru kanan sekolah tersebut: "Ini bukan soal meningkatkan tahap pencapaian, tetapi membebaskan pencapaian yang akan diperolehi. Pada permulaannya, mereka mungkin memperoleh 80 peratus melalui bahasa ibunda, tetapi hanya 20 peratus melalui bahasa Inggeris."

Inilah juga hujahan Dong Jiao Zong dan pertubuhan bahasa dan pendidikan Melayu dan India, tetapi tidak diendahkan oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya.

Sekarang Gerakan mulai mengeluarkan pendapat yang lebih kurang sama, mengenai kesan negatif penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik pada peringkat sekolah rendah (mereka tidak berani menentang pertukaran bahasa pengantar di peringkat sekolah menengah yang juga akan mendatangkan kesan negatif). Tak sangka Pemuda Umno sanggup menyokongnya!

---

Kini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Dr Mahathir dilaporkan sedang membantu lima parti berasaskan kaum Cina dalam BN untuk mencapai kata sepakat. Dan Dr Mahathir juga janji akan menimbang semua cadangan yang dikemukakan, termasuk cadangan Gerakan.

Adakah cadangan Gerakan akan merupakan anak tangga untuk Dr Mahathir dan konco-konconya turun daripada harimau yang ditungganginya? Bersama-sama kita tunggu perkembangannya.

21hb Ogos 2002

Full page from the book 'Teori Komplot Dan Logik Samseng' by Samseng

## 12 Kajian Semula Dasar Bahasa Inggeris

Penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan merupakan isu serius kerana ia melibatkan lima juta pelajar dari tahun satu sehingga ke institusi pengajian tinggi. Dan pendidikan ibunda semua kaum akan terjejas akibat pelaksanaannya.

Tak kira apa alasan untuk mempertahankan dasar baru itu, suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah akibat pelaksanaannya, ciri-ciri Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) akan bertukar menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris (SJKI).

Ini kerana, daripada lima matapelajaran bagi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), hanya tinggal satu sahaja dalam bahasa ibunda (bahasa Melayu bagi SK, bahasa Cina bagi SJKC atau bahasa Tamil bagi SJKT). Manakala kertas ujian dalam bahasa Inggeris sebaliknya bertambah menjadi tiga - Sains, Matematik dan bahasa Inggeris.

Selain itu, mungkin wujud pula agenda tersembunyi berhubung pelaksanaan Sekolah Bersepadu (Integrated School) - untuk menghapuskan pelbagai aliran sekolah rendah melalui Sekolah Wawasan yang akan dilaksanakan.

---

Baru-baru ini, secara mendadak masalah polarisasi kaum sekali lagi menjadi topik hangat selepas isu itu dibangkitkan oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad. Para pak turut yang datang sebelum dipanggil dan pergi sebelum disuruh, serta-merta menjadikan apa yang dinamakan polarisasi kaum ini, sebagai tumpuan utama.

Maka media arus perdana pun dengan ghairahnya menyalahkan kewujudan pelbagai aliran sekolah rendah sebagai punca berlakunya polarisasi kaum di negara kita. Dan Sekolah Wawasan pula dianggap sebagai projek penyelesaian yang paling berkesan, sungguhpun projek tersebut sebelum ini telah ditolak oleh sekolah-sekolah yang berkenaan.

### ***Sekolah bersepadu***

Setelah dasar bahasa Inggeris dilaksanakan, dan apabila dua atau tiga sekolah berlainan aliran diletakkan di bawah satu bumbung, kerana adanya empat matapelajaran bersama - Sains, Matematik, Bahasa Kebangsaan, dan Bahasa Inggeris maka akan wujudkan Sekolah Bersepadu (Integrated School) seperti yang dilaksanakan di Singapura. Dengan lain perkataan, semua aliran sekolah ibunda akan dihapuskan, dan yang wujud sebenarnya Sekolah Bersepadu yang menggunakan bahasa Inggeri sebagai bahasa pengantar utama.

Jika bahasa utama negara kita, iaitu bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil, tidak layak dijadikan bahasa pengantar dari tahun satu hingga Institusi Pengajian Tinggi (IPT), bermakna kedudukannya sebagai bahasa moden atau potensinya untuk dibina sebagai bahasa moden, telah dinafikan.

Tidakkah ianya seolah-olah kita telah terjerumus dalam perangkap kuasa besar Barat untuk menakluki negara-negara kecil dan lemah, termasuk negara kita dalam bidang bahasa, kebudayaan, ekonomi dan politik melalui proses globalisasi? Dari segi ini, dasar bahasa Inggeris sebenarnya merupakan dasar anti-nasional dan tidak patriotik.

Bagi sesuatu kaum, bahasa bukan hanya sesuatu alat yang boleh diguna pakai atau dibuang dan diganti dengan sesuka hati. Ia merupakan salah satu ciri jati diri kaum yang penting, yang berkait rapat dengan riwayat kehidupan dan sejarah perkembangan serta bangkit jatuhnya sesuatu kaum. Dalam hubungan ini, ia adalah jiwa sesuatu kaum.

Umpamanya, bahasa Melayu adalah lingua franca rantau ini dalam zaman kegemilangan Kesultanan Melaka, tetapi terbantut di bawah pemerintahan penjajah Portugis, Belanda, British dan Jepun.

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, barulah bahasa Melayu berpeluang untuk berkembang dengan pesat sekali, bukan saja sebagai bahasa komunikasi antara rakyat pelbagai bangsa, juga merupakan bahasa ilmu, pentadbiran, perundangan, politik, ekonomi dan sebagainya.

### ***Pengaruh Barat***

Ratusan, malah ribuan tesis kajian ilmiah ilmu kesusasteraan dan sains bagi ijazah sarjana dan Phd telah ditulis dalam bahasa Melayu. Sekarang ia dengan mendadak dianggap sebagai suatu bahasa yang tidak layak untuk pengajaran/pembelajaran bagi tahun satu sekalipun!

Tidak dapat dinafikan, akibat pemerintahan penjajah British dan pengaruh Barat, rakyat kita, terutamanya elit pemerintah, lapisan profesional dan kalangan perniagaan, masih amat mengagung-agungkan bahasa Inggeris, sehingga mempercayai bahawa pengangguran siswazah Melayu adalah kerana mereka tidak dapat menguasai bahasa Inggeris.

Dan kononnya melalui pengajaran/pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, maka diplomat dan perunding perdagangan kita akan bersifat antara bangsa yang akan bertutur bahasa Inggeris seperti orang putih, tanpa telo Melayu, telo Cina atau telo India!

Ini adalah cerita dongeng dan kepercayaan karut mereka yang tidak mengetahui selok-belok menguasai sesuatu bahasa. Yang lebih tidak masuk akal iaitu buat apa menyusahkan lima juta pelajar kita, sedangkan hanya sebilangan kecil saja pelajaran kita yang akan terlibat dalam bidang diplomasi dan bidang perdagangan antara bangsa?

Jangan lupa, di sini adalah Malaysia, bukan Britain, bukan Amerika Syarikat! Oleh itu, jelas sekali isu bahasa Inggeris adalah suatu non-isu yang telah diada-adakan oleh seorang pemimpin besar orang Melayu yang berjiwa Barat, dan telah kehilangan keyakinan diri kerana terlalu kecewa dengan rakyat Malaysia amnya dan kaum Melayu khususnya.

Bagaimanapun, harus ditegaskan bahawa isu bahasa pengantar Inggeris ini bukan isu perkauman yang ditimbulkan oleh apa yang dinamakan "puak ekstremis" Dong Jiao Zong, atau mana-mana pihak dari mana-mana kaum yang menentang pelaksanaan dasar yang anti-nasional dan pro-Barat itu, seperti dakwaan Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya.

Justeru kerana sikap mengagung-agungkan bahasa Inggeris, ketidak-bijaksanaan dan kedegilan Dr Mahathir dan konco-konconya, kewujudan pendidikan ibunda rakyat pelbagai kaum telah terancam, dan mungkin diporak-perandakan jika dasar berkenaan tetap dilaksanakan tahun depan.

### ***Kepentingan kaum***

Dalam proses perdebatan dasar bahasa Inggeris, maka telah terdedah sifat parti-parti yang mendakwa dirinya sebagai mewakili kaum Melayu, Cina, India dan sebagainya, yang sanggup mengkhianati kepentingan kaum yang kononnya diwakilinya.

Parti-parti terbabit memonopoli kuasa membuat keputusan tanpa menghiraukan hak-hak komuniti dan golongan terbabit yang sepatutnya dibenarkan mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan.

Nyata sekali isu bahasa Inggeris telah dipolitikkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional, terutamanya Umno, kuasa membuat keputusan telah dimonopoli oleh Dr Mahathir dan kabinetnya, tanpa menghiraukan tentangan yang begitu luas sekali dari rakyat pelbagai kaum.

Untuk mengelakkan kesudahan yang begitu serius sekali akibat pelaksanaan dasar bahasa Inggeris itu, tindakan bersama yang lebih berkesan harus dirancang dan diselaraskan untuk menghentikan pelaksanaan dasar terbabit sebelum terlewat.

Umno, terutamanya Dr Mahathir Mohamad tidak perlu menipu diri bahawa dasar tersebut mendapat sokongan rakyat majoriti negara kita. Barisan Alternatif yang mewakili lebih daripada 40 peratus pengundi negara kita telah menyatakan penentangannya.

### ***Pencinta bahasa***

Malah ahli akar umbi dalam parti-parti komponen Barisan Nasional juga ramai yang menyuarakan penentangan mereka. Pendapat dalam Umno juga berbelah-bagi.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-VI anjuran Gapena (Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia), Persatuan Linguistik Malaysia dan Persatuan Penterjemah Malaysia, telah berlangsung di Dewan Tun Abdul Razak, Tanjung Malim, Perak pada 5 Sept 2002.

Kongres yang telah dihadiri oleh 500 pejuang dan pencinta bahasa Melayu itu, telah "melahirkan kebimbangan yang amat besar terhadap langkah kerajaan menukar bahasa pengantar matapelajaran Matematik dan Sains, daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris.

Menurut mereka, langkah tersebut akan menghentikan perkembangan sihat ilmu dan teknologi dalam bahasa Melayu, dan membawa kesan negatif kepada khususnya anak-anak Melayu luar bandar dan mereka daripada golongan tidak berada.

Oleh itu, Kongres antara lain, telah mengusulkan supaya "kerajaan mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran sains dan matematik dalam sistem pendidikan negara."

Sebanyak 36 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu yang berdialog dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 24 Ogos lalu, juga telah mengemukakan pandangan yang bercanggah dengan dasar yang berkenaan.

### ***Puak ekstremis***

Sungguhpun Dr Mahathir cuba memencilkan Dong Jiao Zong yang dianggap sebagai "puak ekstremis", dan hanya sudi berdialog dengan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM) dan Tujuh Persatuan Kebangsaan Sukubangsa Cina, tetapi mereka juga menyuarakan pendirian yang selaras dengan pendirian Dong Jiao Zong, iaitu menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap bahasa Inggeris dalam semua aliran sekolah, tetapi tidak setuju matapelajar Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah.

Jika Dr Mahathir masih bersemangat demokrasi, maka sudah memadai untuk beliau membuat kesimpulan bahawa banyak pihak menyuarakan penentangan terhadap dasar yang kontroversil itu, yang akan mengkuarkacirkan sistem pendidikan negara kita. Sebagai seorang Perdana Menteri yang akan berundur, beliau tidak harus secara terburu-buru membuat sesuatu perubahan yang begitu drastik sekali terhadap dasar sistem pendidikan negara kita.

Tindakan yang lebih praktikal dan rasional sekarang ialah membatalkan pelaksanaan dasar bahasa Inggeris itu buat sementara, dan satu Jawatankuasa Bebas Kajian Semula Sistem Pendidikan yang diwakili semua pihak terlibat, termasuk parti pembangkang dan NGO hendaklah ditubuhkan, untuk mengkaji semula secara demokratik dan menyeluruh sistem pendidikan negara semata-mata demi kepentingan pendidikan, tanpa penglibatan kepentingan politik.

Jika Dr Mahathir sudi berbuat demikian, beliau bukan saja dapat menyelesaikan suatu kontroversi pendidikan yang dicituskannya, malah beliau juga akan dikenang sebagai seorang yang berjasa kepada sistem pendidikan negara, sekiranya penubuhan jawatan bebas itu menjadi kenyataan dan reformasi pendidikan dijalankan dengan kerjasama semua pihak terbabit.

9hb November 2002 (Teks ucapan di seminar pendidikan ibunda anjuran Kumpulan Rakyat Perihatin (GCC) pada 8hb September 2002.)

---

## **13** Hipokrasi Tan Sri Musa Mohamad

Dalam Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat pada 20 September 2002, kerajaan Barisan Nasional (BN) telah membuat keputusan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Bagi tujuan itu, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM5 bilion bagi tempoh tujuh tahun dari tahun 2002 hingga 2008.

Dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada 17 September, 2002 terdapat 31 pertanyaan daripada 30 ahli Parlimen daripada parti pembangkang dan BN yang menyentuh isu bahasa Inggeris. Ini membuktikan isu terbabit masih merupakan isu amat kontroversial yang masih dipertikaikan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad hanya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak. Apa yang dikesalkan, jawapannya menimbulkan lebih masalah daripada meyakinkan pihak-pihak yang menentang dasar tersebut.

Yang tidak dapat dipercayai, tetapi diakui Musa sendiri, ialah selama ini, Kementerian Pendidikan hanya mengadakan tujuh perjumpaan dan perbincangan secara formal dengan badan pendidikan dan tokoh pendidik yang "sebulat suara menyokong penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik".

Dengan perkataan lain, Kementerian berkenaan tidak pernah mengadakan perjumpaan dan perbincangan formal dengan badan pendidikan dan tokoh pendidik yang tidak setuju dengan dasar bahasa Inggeris terbabit, umpamanya 500 pencinta dan pejuang bahasa Melayu yang menghadiri Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-VI, Dong Jiao Zong dan badan bukan kerajaan yang mewakili kaum India.

Musa perlu menjelaskan sama ada Kementerian Pendidikan tidak berani menghadapi mereka yang tidak setuju dengan dasar itu ataupun kerana berprasangka terhadap mereka yang dipandang serong sebagai "puak pelampau" dan sebagainya, atau langsung tidak mengendahakan kewujudan mereka yang menentang dasar bahasa Inggeris kerajaan.

### ***Kajian ilmiah***

Seperti diakui Musa sendiri, tiada mana-mana pihak yang mempertikaikan perlunya diperhebatkan usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar kita. Malah banyak saranan telah dikemukakan untuk tujuan tersebut.

Namun, kenapa Jawatankuasa Khas (yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan tahun lalu) bagi mengkaji strategi meningkatkan prestasi bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah, tidak diteruskan tugasnya sepertimana tujuan asal penubuhannya?

Menurut Musa lagi, tujuan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah untuk membolehkan pelajar "mencapai kefasihan yang tinggi dalam bahasa Inggeris saintifik" dan "menjadikan pelajar kita benar-benar dwibahasa".

Benarkah bahawa melalui pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, umpamanya di sekolah di kampung Melayu, ladang pekerja India dan kampung baru Cina, maka para pelajarnya akan "mencapai tahap kefasihan yang tinggi dalam bahasa Inggeris saintifik" dan "menjadi pelajar yang benar-benar dwibahasa"?

Tak usahlah tokoh pendidik, malah ibubapa dan guru mereka juga akan memberitahu kita bahawa ini adalah mustahil!

Tetapi mengikut Musa, kononnya pelbagai kajian ilmiah yang dilakukan di sini, di Amerika Syarikat, Kanada, Singapura dan Switzerland, menunjukkan pencapaian akademik pelajar dwibahasa lebih baik daripada pelajar yang mahir dalam satu bahasa.

Saya sangsi apakah Musa boleh memberikan walau satu pun kes rujukan kajian ilmiah yang relevan, terutamanya yang dibuat di negara kita, yang membuktikan bahawa pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, akan benar-benar membolehkan pelajar kita di kampung Melayu, di ladang dan di kampung baru Cina, menguasai dwibahasa serta fasih dalam bahasa Inggeris saintifik.

Di satu pihak, Musa menafi tuduhan bahawa kerajaan bertindak terburu-buru dalam keputusannya untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tahun depan. Di pihak yang lain, beliau mengakui pula, kerajaan masih meminta Kementerian Pendidikan mengkaji sedalam-dalamnya berhubung pengenalan dasar ini.

### ***Anti-demokrasi***

Belum pun pengenalan dasar ini dikaji sedalam-dalamnya, mengapa sudah dibuat keputusan untuk dilaksanakan tahun depan? Jika ini bukan terburu-buru namanya, dalam keadaan bagaimanakah yang boleh dianggap sebagai terburu-buru?

Kata Musa lagi: "Kerajaan berpendirian bahawa dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris boleh dan akan dilaksanakan. Walaupun begitu, kerajaan akan mengambil kira pandangan daripada semua pihak mengenai cara pelaksanaannya."

Jika kerajaan berpendirian ianya "boleh dan akan dilaksanakan" serentak mulai tahun depan bagi tahap satu, tingkatan satu dan tingkatan enam bawah semua sekolah, sepertimana yang dihuraikan oleh Musa, jadi apa perlunya lagi bagi kerajaan mengambil kira pandangan semua pihak mengenai cara pelaksanaannya? Bukankah ini contoh tipikal apa yang dinamakan sebagai terburu-buru?

Sikap Musa mengenteng-entengkan penentangan meluas daripada masyarakat Melayu, Cina, India, semua parti pembangkang dan sesetengah parti komponen BN, memperlihatkan sikap anti-demokrasi dan tidak bertanggungjawab beliau terhadap suatu dasar yang akan membawa pengaruh besar yang negatif terhadap sistem pendidikan negara kita.

Penafian beliau tentang kebimbangan pihak-pihak yang terbabit bahawa dasar ini akan menghakis identiti sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan dan menyisihkan bahasa ibunda dalam pendidikan Sains dan Matematik juga sia-sia saja. Ini kerana dasar dwibahasa ke arah mencapai kefasihan dalam bahasa Inggeris saintifik adalah di atas pengorbanan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Amatlah tersergah hipokrasi Musa tatkala beliau berhujah: "Saya percaya walaupun bahasa Malaysia tidak lagi menjadi bahasa pengantar bagi Sains dan Matematik apabila dasar baru ini dilaksanakan, bahasa Malaysia tidak semestinya berhenti menjadi bahasa ilmu dalam bidang sains dan matematik selagi usaha dibuat untuk menggalakkan para ilmuwan berkarya dalam Bahasa Malaysia walaupun melibatkan ilmu sains dan matematik."

Kalau pelajar kita sudah merupakan pelajar yang benar-benar dwibahasa dengan mencapai kefasihan tinggi dalam bahasa Inggeris saintifik seperti yang dijanjikan oleh menteri pendidikan itu, maka buat apa para ilmuan kita pula digalakkan berkarya dalam bahasa Malaysia yang telah dinafikan kelayakannya sebagai bahasa saintifik?

26hb September 2002

---

## 14 MCA Dibelasah Media

Selepas berlakunya pengeboman di Bali pada 12 Oktober lalu, media tempatan dipenuhi liputan berita dan analisis mengenai kejadian keganasan tersebut. Dalam keadaan ini, isu-isu lain seolah-olah telah ditenggelamkan buat sementara .

Ia hanya berubah pada 20 Oktober lalu, apabila Berita Minggu dan New Straits Times menyiarkan di muka depan masing-masing, berita mengenai MCA menentang cadangan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik .

Laporan ini menghidupkan semula isu bahasa Inggeris yang sebelumnya menjadi tumpuan media kerana ditentang oleh badan bahasa dan pendidikan pelbagai kaum, walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui Kementerian Pendidikan, berkeras hendak melaksanakannya.

Penentangan MCA terhadap penggunaan bahasa Inggeris itu bukanlah sesuatu yang baru. Malah, dalam mesyuarat agung parti itu pada 27 Julai lalu, Setiausaha Agungnya, Dr Ting Chew Peh, apabila ditanya pemberita, telah mendedahkan sikap parti itu, dengan berkata MCA akan mempertahankan ciri-ciri sekolah Cina.

Dan pada Ogos lalu pula, lima parti Cina dalam BN - MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Liberal Demokratik(LDP) dan

Parti Maju Sabah (SAPP) - juga, pada prinsipnya, telah mencapai pendirian yang sama mengenai isu ini. Mereka tidak menyatakan penentangan secara terbuka demi menjaga "semangat muafakat" BN dan mengelakkan tekanan daripada Umno, khususnya Dr Mahathir Mohamad.

### ***Kepentingan beberapa individu***

Parti Gerakan bagaimanapun, menyarankan supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris mulai peringkat sekolah menengah.

Difahamkan, saranan itu telah mendapat reaksi menggalakkan dari beberapa pihak dalam Umno. Satu ketika dulu, dikhabarkan hanya Dr Mahathir dan beberapa konconya yang berkeras hendak melaksanakan dasar kontroversial itu. Dan ia dipercayai mungkin ada kaitan dengan kepentingan beberapa individu yang terlibat dalam pelaksanaan dasar tersebut.

(Tiba-tiba saya teringat akan satu berita mengenai seorang usahawan yang mendakwa ditipu oleh seorang Datuk palsu sebanyak RM300,000, kononnya untuk "perbelanjaan" mendapat projek pelaksanaan dasar bahasa Inggeris. Sebanyak RM5 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan dasar pendidikan tersebut.)

Sungguhpun demikian, berita utama mengenai MCA sebulat suara menolak cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik menjelang mesyuarat Dewan Tertinggi BN, dan keputusan mutakhir kabinet, membawa makna tersendiri .

Selama ini, liputan media arus perdana (termasuk Berita Harian dan New Straits Times), mengenai isu bahasa Inggeris memang berat sebelah - ruang hanya diberi kepada pihak yang menyokongnya, sedangkan mereka yang menentangny diwujudkan sasaran (kali ini MCA, dulu Dong Jiao Zong ).

Satu contoh yang mengelirukan dan telah disandiwarkan ialah mengenai 500 persatuan Cina yang diwakili oleh apa yang dinamakan Gabungan Persatuan Pedagang Cina pimpinan Liew Poon Siak, menyatakan sokongan mereka terhadap dasar itu sewaktu berlangsungnya perhimpunan 10,000 di Stadium Bukit Jalil pada 9 Oktober lalu.

### ***Majoriti senyap***

Perhimpunan itu yang bertemakan "Terima Kasih Dr Mahathir" dihadiri persatuan-persatuan (yang didakwa berjumlah 500 buah, tetapi tiada siapa yang tahu jumlah sebenarnya) yang dijemput untuk memeriahkan majlis itu.

Tidak semuanya telah "dibawa" oleh Liew Poon Siak untuk menyatakan ikrar sokongan padu mereka terhadap dasar bahasa Inggeris Dr Mahathir, yang mendapat laporan meluas dalam media arus perdana.

Sebut saja nama Liew Poon Siak, ramai di kalangan masyarakat Cina yang menggeleng kepala! Memadailah dinyatakan bahawa pada 17 Oktober lalu, beliau telah mengeluarkan kenyataan dalam akhbar Cina untuk 'menjelaskan' bahawa beliau tidak pernah menyokong penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di SJKC. Adalah diharapkan agar kandungannya tidak terus 'diputarbelitkan' oleh mana-mana pihak!

Manusia haprak seperti ini telah berdiri di samping Dr Mahathir untuk "mewakili" apa yang dinamakan sokongan "majoriti senyap" masyarakat Cina terhadap dasar bahasa Inggeris yang ditentang secara meluas. Sandiwara hitam ini bukan saja memalukan masyarakat Cina, tetapi juga Dr Mahathir!

Mengikut logik politik perkauman BN, jika Liew Poon Siak juga boleh mewakili masyarakat Cina, apa gunanya lagi ada Dr Ling Liong Sik dan Dr Lim Keng Yaik? Sesiapa yang celik ABC politik masyarakat Cina tentu faham bahawa Dong Jiao Zong, Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM), dan Hua Zong (Gabungan Dewan Perhimpunan Cina) adalah antara badan terpenting/terpengaruh sekali di kalangan pertubuhan bukan kerajaan.

### **Dominasi Umno**

Perlu diingatkan bahawa dalam isu bahasa Inggeris, selain ACCIM yang enggan melibatkan diri, yang tiga lagi telah sebulat suara menentang dasar itu dilaksanakan di SJKC. Jika ditambah dengan DAP, dan kata sepakat lima parti yang mewakili kaum Cina dalam BN, terutamanya MCA dan Gerakan, siapakah yang dapat meragui lagi kata sepakat masyarakat Cina menentang dasar tersebut dilaksanakan di SJKC?

Jika kata sepakat masyarakat Cina yang begitu utuh sekali masih boleh dipertikaikan dan MCA dibelasah sebagai membelakangi "semangat muafakat" BN (baca: dominasi Umno), apa gunanya lagi "semangat muafakat" itu?

Apatah lagi apabila cadangan penggunaan bahasa Inggeris itu dikemukakan oleh Umno (lebih tepat Dr Mahathir) secara unilateral (satu pihak), apakah Umno pernah mencari kata sepakat parti-parti komponen BN terlebih dahulu melalui "semangat muafakat" yang diwar-warkan itu sebelum ianya diumumkan?

Hingga sekarang, pada teorinya, keputusan berhubung pelaksanaan dasar bahasa Inggeris itu masih belum dibuat oleh kabinet, malah kata sepakat BN masih belum dicapai. Oleh itu, kenapa pula Kementerian Pendidikan telah membuat segala persiapan, seolah-olah ianya telah menjadi dasar yang pasti akan dilaksanakan tahun depan? Inikah yang dinamakan "semangat muafakat"?

Kata Dr Mahathir: "MCA seharusnya memberi peluang kepada BN membincangkan isu tersebut terlebih dahulu dan mencapai keputusan bersama tanpa mengira sama ada menerima, menolak atau mengubahsuai cadangan tersebut. Kalau kita tidak bersetuju, tidak bersetujulah, kalau kita setuju, setujulah. Walau apa pun, kita bincang dalam BN."

Sebelum berbincang dalam BN, parti komponen mesti ada pendiriannya sendiri, bukan? Apa salahnya MCA mengambil pendirian tidak bersetuju, jika siang-siang lagi Umno telah mengambil pendirian tidak berkompromi dan mendesak semua pihak untuk bersetuju?

#### ***Semangat muafakat BN***

Kenapa Umno tidak memberi peluang kepada BN untuk menerima, menolak atau mengubahsuai cadangan terbabit seperti yang disaran oleh Dr Mahathir sendiri?

Jika pihak yang tidak setuju akan dicap sebagai "membelakang semangat muafakat", "terkeluar daripada amalan BN", "tidak bertanggungjawab", malah "mengugut BN", maka bertikata "semangat muafakat" sebenarnya ialah "semangat pengabdian" kepada dominasi dan paksaan Umno!

Apakah Dr Ling Liong Sik berani mengugut Umno? Dakwaan ini amat melucukan! Selama ini, beliau sebenarnya tunduk kepada "semangat muafakat" BN, sehingga kata sepakat lima parti Cina dalam BN, juga tidak berani didedahkan kepada media. Dan dia juga sering berdolak-dalik bila ditanya mengenai isu ini.

Keputusan sebulat suara Ahli Jawatankuasa Pusat MCA untuk menolak pelaksanaan dasar bahasa Inggeris di SJKC, juga tidak diumumkan (sebaliknya dihebohkan oleh Berita Minggu dan New Straits Times untuk tujuan membelasah MCA). Malah setelah dibelasah, beliau juga tidak berani mempertahankan pendirian MCA. Mengikut katanya, beliau patuh kepada prinsip tidak membincang isu bahasa Inggeri secara terbuka dalam media!

Ini bukan kali pertama MCA dibelasah media arus perdana. Sebelum ini, parti itu telah dibelasah kerana tidak menjalankan tugas untuk menjelaskan dasar bahasa Inggeris kepada masyarakat Cina, MCA tunduk kepada

golongan 'pelampau Cina', dan sebagainya. Tentu tidak sukar untuk dijangka siapa sebenarnya yang mendalangi laporan media arus perdana tersebut.

### **Penyesuaian**

Dalam suasana krisis seperti di atas, mesyuarat Dewan Tertinggi BN pun diadakan kelmarin, dan mengikut laporan media yang bercanggahan hari ini, masih sukar dipastikan apa sebenarnya yang telah diputuskan.

Mengikut laporan Utusan Malaysia, kesemua lima parti komponen Cina dalam BN yang diketuai MCA, diberi tempoh seminggu untuk mengemukakan pendekatan bagi pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di SJKC mulai tahun depan.

Jelas Dr Mahathir: "Kita bukan mengecualikan SJKC dalam pelaksanaan bahasa Inggeris, cuma kita nak cari jalan bagaimana nak sesuaikan."

Lidah pengarang Berita Harian (Rabu, 23 Oktober) memberi amaran: "Jika parti berasaskan kaum Cina itu menerima semula cadangan kerajaan, ia akan lebih melicinkan proses pengajaran bahasa Inggeris di sekolah yang akan dilaksanakan mengikut peringkat itu. Sebaliknya, jika parti berasaskan kaum Cina gagal mencari penyelesaian sesama sendiri atau memberi cadangan balas yang tidak wajar diterima, tidak mustahil SJK(Cina) terkecuali daripada arus pendidikan negara. Inilah risiko yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat Cina."

Tajuk berita muka depan akhbar New Straits Times juga membayangkan yang lebih kurang sama, iaitu Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk semua sekolah rendah, sekolah Cina dibenarkan membuat penyesuaian.

### **Keputusan yang kabur**

Laporan media Cina sebaliknya membawa makna yang berlainan. Umpamanya, tajuk berita Nanyang Siang Pau berbunyi: Lima parti komponen Cina mengambil pendirian sama dalam mesyuarat BN, SJKC dikecualikan daripada pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Tajuk berita Sin Chew Daily lebih jelas: SJKC kekalkan pengajaran dalam bahasa ibunda. Perdana Menteri: Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi SK dan SJKT mulai tahun depan.

Rasanya isu ini masih dalam perkembangan. Apakah perdebatan dan kempen membelasah MCA dan parti komponen berasaskan kaum Cina yang lain, akan dihentikan setelah keputusan yang begitu kabur dicapai?

Jika SJKC perlu "disesuaikan", kenapa SK dan SJKT tidak perlu? Kenapa dalam keadaan yang kucar-kacir ini, pelaksanaan dasar bahasa Inggeris yang terlalu kontroversi ini masih tidak ditangguhkan?

Sama ada "semangat muafakat BN" masih wujud atau tidak, ini adalah masalah BN, sedangkan dasar bahasa Inggeris secara langsung membabitkan kepentingan pelajar dan ibu-bapa semua kaum. Mengapa suara mereka tidak didengar? Mengapa mereka harus dipaksa menerima sesuatu dasar yang tidak dapat meyakinkan parti-parti komponen BN sendiri?

24hb Oktober 2002

## 15 Jangan Api-Apikan Sentimen Perkauman

Awang Sulung, dalam kolumnya pada 27 Oktober lalu, telah membelasah "histeria anti-Islam" Australia ekoran kejadian letupan bom di Bali, tetapi pada masa yang sama, beliau juga begitu emosi sekali ketika membidas rakyat keturunan Cina berhubung isu bahasa Inggeris.

Reformasi pendidikan sepatutnya masalah akedemik yang melibatkan kepentingan pelajar, ibu-bapa, guru dan pendidik semua kaum. Malangnya, ia telah dipolitikkan oleh Dr Mahathir Mohamad yang mahu melakukan reformasi itu secara tergesa-gesa sebelum bersara Oktober tahun depan, agar namanya tercatat dalam sejarah reformasi pendidikan negara kita!

Justeru itu, cadangan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dikemukakannya (melalui Umno) secara unilateral (satu pihak) tanpa permuafakatan secukupnya dalam Barisan Nasional (BN).

Meskipun cadangan itu ditentang oleh badan bahasa dan pendidikan pelbagai kaum, parti pembangkang dan juga beberapa parti komponen BN sendiri, Dr Mahathir tetap berkeras melaksanakannya mulai tahun depan, tetapi bersetuju kaedah pelaksanaannya "disesuaikan" (satu konsep yang kabur sekali) di SJKC.

Jelas sekali, tentangan terhadap cadangan itu tidak terhad kepada rakyat

keturunan Cina dan parti berasaskan kaum Cina saja. Misalnya, PAS, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) juga menentang cadangan tersebut, sepertimana yang dibayangkan oleh Awang Sulung.

Di bawah kawalan ketat media massa, kita tidak dapat memastikan hebat atau tidak, tentangan orang Melayu terhadap cadangan tersebut, terutamanya dari kalangan pejuang nasionalis dan penyokong parti pembangkang.

### ***Pengalaman pahit***

Tentangan hebat rakyat keturunan Cina yang dipimpin oleh Dong Jiao Zong tidak sukar difahami. Ini kerana sebagai sebuah gerakan pendidikan Cina yang veteran, Dong Jiao Zong mempunyai pengalaman cukup pahit dalam penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah menengah Cina swasta yang diselenggarakannya.

Dalam tahun 1960-an dan 1970-an, pencapaian akademik dan bilangan pelajar di banyak sekolah menengah Cina swasta, terutama di desa, telah merosot akibat penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Kecemerlangan sekolah-sekolah tersebut dipulihkan setelah bahasa Mandarin digunakan semula sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Oleh itu, sungguhpun Dong Jiao Zong menyokong segala usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di semua sekolah di negara kita, tetapi ia tidak dapat menyokong pelaksanaannya di sekolah rendah semua aliran.

Penentangan itu bukannya berpunca daripada sentimen perkauman, tetapi berasaskan kepada keberkesanan tuntutan ilmu pengetahuan sains dan matematik. Namun demikian, Dong Jiao Zong hanya layak mewakili SJKC di bawah jagaan gerakan itu sahaja.

Maklumlah selama ini, MCA tidak sealiran dengan Dong Jiao Zong yang dianggapnya sebagai "puak pelampau", manakala MCA pula dianggap oleh masyarakat Cina sebagai "puak petualang" yang tertunduk kepada Umno.

### ***Tiada dialog***

Dengan perkataan lain, kaedah "penyesuaian" yang masih kabur itu mungkin suatu "kompromi politik" antara parti komponen BN untuk menjamin sokongan pengundi Cina yang amat diperlukan dalam pilihanraya umum akan datang, bukan kerana MCA dan parti-parti berasaskan kaum Cina yang lain, tunduk kepada Dong Jiao Zong, ataupun

Umno tunduk kepada MCA dan parti-parti berasaskan kaum Cina yang lain, seperti analisis Awang Sulung.

Menganggap MCA tunduk kepada Dong Jiao Zong, dan Umno tunduk kepada MCA adalah satu andaian yang amat melucukan. Hingga sekarang, MCA, tak usahkan Umno, masih begitu angkuh sekali.

Mereka tidak pernah dan tidak bersedia untuk berdialog dengan Dong Jiao Zong untuk mencari penyelesaian bagi isu bahasa Inggeris itu, termasuk juga mengenai apa yang dinamakan "kaedah" yang ingin "disesuaikan" dalam SJKC.

Amat dikesali, Awang Sulung secara sedar atau tidak, terlanjur dalam mengapi-apikan sentimen perkauman dalam hujah-hujahnya. Misalnya rakyat keturunan Cina dituduh sebagai "berperasaan besar diri" di atas kejayaan yang mereka capai dalam semua bidang, terutama ekonomi.

Menurut beliau, kejayaan ini memperkukuhkan keyakinan mereka selama ini bahawa mereka boleh hidup sendiri, tanpa perlu berada dalam arus perdana, tanpa perlu ke sekolah kebangsaan, tanpa perlu menguasai bahasa Melayu atau Inggeris dan tanpa bantuan kerajaan.

Sebaliknya, Dong Jiao Zong menyokong dasar peningkatan tahap bahasa Inggeris dengan meminta pengajaran bahasa itu bermula dari tahun satu, bukan tahun tiga seperti sekarang.

### **Putarbelit fakta**

Yang mereka tidak setuju hanya kaedah peningkatan tahap bahasa Inggeris melalui pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik, kerana mereka percaya, cara yang berkesan sekali untuk menuntut ilmu sains dan matematik adalah melalui bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil, masing-masing bagi Sekolah Kebangsaan (SK), SJKC dan SJKT.

Pendek kata, Dong Jiao Zong percaya bahawa penggunaan bahasa ibunda lebih berkesan daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar; itu sahaja! Awang Sulung telah memutarbelitkan fakta yang semudah ini, sebagai mencerminkan sikap 'angkuh' kaum Cina yang 'anti-arus perdana', 'anti-sekolah kebangsaan', 'anti-bahasa Melayu' dan 'anti-bahasa Inggeris'!

Sudah terlalu jauh penyelewengan beliau sehingga rakyat keturunan Cina digambarkan sebagai manusia yang begitu hodoh, biadab dan tidak rasional!

Adalah wajar sekali bahasa ibunda bagi kaum Cina, kaum Melayu atau kaum India dikekalkan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, dan ia langsung tiada kaitan dengan apa yang disebut perasaan besar diri sepertimana yang dituduh Awang Sulung.

Mereka yang menafikan kelayakan bahasa ibunda, baik bahasa Melayu, mahu pun bahasa Cina dan Tamil untuk mempelajari ilmu sains dan matematik, sebaliknya boleh disangsikan sama ada mereka mengalami penyakit rendah diri, kerana terlalu mengagung-agungkan bahasa Inggeris.

### ***Naik tocang***

Teori parti-parti Cina naik tocang dan sedang menguji Umno yang dikemukakan Awang Sulung juga sengaja diada-adakan sebagai batu api untuk menyemarakkan sentimen orang Umno supaya menolak sebarang permintaan pengecualian atau penyesuaian yang dikemukakan oleh MCA dan parti-parti Cina yang lain.

Memang sukar dipercayai pemimpin seperti Dr Ling Liong Sik berani "naik tocang". Jika teori naik tocang Awang Sulung itu terbukti benar, maka dunia ini tentu sudah terbalik, dan tiada sesiapa lagi dapat meramalkan senario politik negara kita selepas itu.

Awang Sulung juga mendesak supaya dasar tersebut dilaksanakan seperti dirancang, tanpa sebarang pengecualian mahupun penyesuaian; jika tidak, lebih baik jangan dilaksanakan langsung.

Saya juga setuju, lebih baik dasar tersebut dibatalkan, bukan setakat dikecuali atau pun disesuaikan dengan SJKC. Ini kerana pelaksanaan dasar itu juga akan membawa akibat negatif kepada SK dan SJKT dalam pencapaian ilmu sains dan matematik. Pada masa yang sama, tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka juga tidak dapat ditingkatkan.

### ***Tersinggung***

Namun, saya sukar hendak mengikuti logik Awang Sulung. Jika beliau benar-benar mempercayai dasar tersebut akan membawa kebaikan kepada sekolah yang melaksanakannya, kenapa perasaan orang Melayu akan tersinggung, dan masa depan mereka akan terganggu, jika yang dikecualikan atau disesuaikan adalah SJKC, bukan SK?

Atau Awang Sulung juga berpendapat: Jika orang Melayu boleh berkorban, kenapa orang Cina tidak boleh? Namun buat apa perlu "berkorban"? Jika "berkorban" dengan sukarela, buat apa memaksa orang lain untuk "berkorban" bersama?

Dalam kes ini, kenapa ia dijadikan isu menang-kalah antara kaum Cina dengan kaum Melayu? Bukankah ini akibat politik perkauman BN dan analisis Awang Sulung yang berlandaskan sentimen perkauman? Kenapa keadaan tiba-tiba boleh menjadi begitu serius sekali, sehingga perlu Awang Sulung memberi nasihat (atau gertak?) supaya yang menang tidak jadi abu, dan yang kalah tidak jadi arang?

Tidak kira apa keputusan yang akan diambil oleh Dewan Tertinggi BN esok - sama ada SJKC "disesuaikan" atau tidak - isu bahasa Inggeris ini akan terus ditentang dan dipertikaikan kerana pandangan pihak penentang pelbagai kaum, tidak pernah diambilkira dan langsung tidak mempunyai suara dalam proses penggubalan dasar yang melibatkan perubahan yang begitu drastik sekali.

30hb Oktober 2002

## 16 Formula 2-4-3 Dan Masalahnya

Pada 31 Oktober lalu, Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) telah menerima formula kompromi (dikenali sebagai formula 2-4-3) yang dikemukakan oleh empat parti komponen BN yang berasaskan kaum Cina - MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Progresif Sabah (SAPP) - sebagai penyelesaian muktamad bagi isu pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Mengikut formula itu, 9 waktu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) diperuntukkan bagi bahasa Inggeris (2 waktu), bahasa Inggeris untuk Matematik (4 waktu), dan bahasa Inggeris untuk Sains (3 waktu). Manakala 6 waktu dan 3 waktu, masing-masing dibenarkan digunakan untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Mandarin.

Pengubahsuaian itu menyebabkan jumlah waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) SJJC ditambah dari 46 waktu kepada 50 waktu seminggu, dan pelajaran bahasa Mandarin dikurangkan dari 15 waktu kepada 12 waktu, pelajaran Pendidikan Moral dikurangkan dari 5 waktu kepada 4 waktu, dan pelajaran Pendidikan Jasmani dikurangkan dari 3 waktu kepada 2 waktu.

Formula penyelesaian itu, yang dianggap sebagai "muktamad", "kemenangan semangat muafakat BN", dan "formula menang-menang"

---

dari segi politik BN, telah menimbulkan beberapa masalah yang belum terjawab dari segi pendidikan, yang mungkin menyebabkan kepentingan pelajar dan sistem pendidikan kita dikompromikan akhirnya!

Kekhuatiran ini terbukti berasas setelah membaca wawancara dengan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat (dalam Minggu Malaysia 3 Nov 2002) dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad (Minggu Malaysia 10 Nov 2002).

Mengikut Abdul Rafie: "Kita akan memastikan supaya tidak ada sekolah dari mana-mana aliran ketinggalan dari segi pelaksanaan, kesan dan hasil pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Maksud saya, kita akan pastikan supaya tidak ada sekolah yang dapat 'dos lebih' dan 'dos kurang'."

### **Diperdaya**

Tegas beliau lagi: "Semua pihak kena jelas sekarang bahawa keputusan kerajaan ialah soalan-soalan untuk Matematik dan Sains bagi peperiksaan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) pada tahun 2008 akan disediakan dalam bahasa Inggeris"

Penjelasan Ketua Pengarah Pendidikan tersebut diulangi menteri pendidikan sendiri dengan perkataan yang lain sedikit tetapi maksudnya masih sama, iaitu: "Kesemua pelajar akan menduduki peperiksaan yang sama tetapi diberi pilihan untuk menjawab dalam bahasa Inggeris atau bahasa ibunda mereka. Namun, peperiksaan dwibahasa itu akan diteruskan sehingga tahun 2008."

Kenyataan menteri pendidikan itu bahawa "Peperiksaan dwibahasa itu akan diteruskan sehingga tahun 2008" sebenarnya membawa maksud yang sama dengan penjelasan ketua pengarah pendidikan yang berbunyi: "Soalan-soalan untuk Matematik dan Sains bagi peperiksaan UPSR pada tahun 2008 akan disediakan dalam bahasa Inggeris."

Hingga sekarang, masyarakat Cina amnya masih diperdaya oleh MCA dan Gerakan untuk mempercayai bahawa Matematik dan Sains di SJKC akan diajar dalam bahasa ibunda dan soalan Matematik dan Sains dalam UPSR pada 2008 juga disediakan dalam dwibahasa - Mandarin dan bahasa Inggeris - dan pelajar SJKC dibenarkan menjawab dalam salah satu bahasa tersebut.

Jika sukatan pelajaran untuk semua aliran adalah sama, dan soalan Matematik dan Sains bagi UPSR pada 2008 juga disediakan dalam bahasa Inggeris, jadi macam mana Matematik dan Sains dapat diajar dalam bahasa

ibunda (bahasa Mandarin) seperti yang dijanjikan oleh MCA dan Gerakan?

Mengikut Tan Sri Musa: "Kerajaan bersetuju untuk membenarkan SJKC menentukan sendiri topik yang perlu diajar dalam bahasa Mandarin atau bahasa Inggeris. Kita serahkan kepada budi bicara mereka untuk menentukannya. Yang kita tahu, asalkan sekolah itu menepati keperluan kurikulum kebangsaan, kita akan menerimanya."

### **Rekaan**

Soalannya ialah bagi topik-topik yang diajar dalam bahasa Mandarin, bagaimanakah pelajar SJKC mampu mengerti soalnya yang disediakan dalam bahasa Inggeris dan dikehendaki menjawabnya dalam bahasa yang sama?

Nampaknya, SJKC terpaksa juga mengajar kesemua topik kurikulum dalam bahasa Inggeris seperti di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), terlebih dahulu, manakala waktu-waktu selebihnya baru digunakan untuk mengulang kaji topik-topik yang sama dalam bahasa Mandarin.

Menggunakan serentak bahasa ibunda (bahasa pertama) dan bahasa ketiga (bahasa Inggeris) sebagai dwibahasa pengantar bagi mata pelajaran yang sama - Matematik dan Sains bagi pelajar tahun satu - adalah merupakan rekaan negara kita, yang tidak pernah diamalkan di mana-mana negara di seluruh dunia!

Cuba fikirkan, pelajar yang baru masuk sekolah, sudah dikehendaki mempelajari serentak tiga bahasa - Mandarin, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris - dan bahasa Inggeris pula dibahagi menjadi tiga - Inggeris biasa, Inggeris untuk Matematik, dan Inggeris untuk Sains! Menurut Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) atau ringkasnya Dong Jiao Zong (DJZ), formula 2-4-3 itu memburukkan lagi ketidak-seimbangan struktur mata pelajaran di SJKC.

Melalui formula itu, menurut DJZ, pendidikan ilmu lebih ditekankan kepada subjek bahasa, Sains dan Matematik yang merangkumi 78 peratus jumlah masa pembelajaran di SJKC.

### **Paksaan**

Selepas ditolak masa perhimpunan, tegas DJZ, subjek lain termasuk Pendidikan Moral (dikurangkan satu waktu), Jasmani (dikurangkan satu waktu), Muzik dan Seni hanya mencakupi 20 peratus jumlah masa pembelajaran.

Nyata sekali formula tersebut yang 'gila bahasa', terutama bahasa Inggeris, bertentangan dengan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan kita yang bertujuan memupuk insan yang menyeluruh dan seimbang, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga fizikal, emosi dan rohani.

DJZ, dalam kenyataannya menegaskan: "Formula ini turut mengabaikan ciri-ciri dan keperluan kanak-kanak bagi proses pembangunan kerohanian dan jasmani. Penyaluran sejumlah besar ilmu pengetahuan secara paksaan serta pengabaian pembangunan kerohanian dan jasmani di kalangan kanak-kanak, akan membawa akibat yang buruk."

Masalah tersebut langsung tidak diendahkan oleh Kementerian Pendidikan. Bila ditanya tentang keperluan tempoh percubaan dan masa penilaian kepada pelaksanaan dasar bahasa Inggeris tersebut, ketua pengarah pendidikan menjawab:

"Apa perlunya tempoh percubaan? Segala-galanya sudah kita buat. Apa yang kita lakukan sekarang cuma menukar medium saja. Ia sama macam menoreh getah, kalau dulu kita pakai pisau getah, sekarang ini kita guna mesin toreh getah bentuk lain."

Mengibaratkan penggantian bahasa ibunda dengan bahasa Inggeris sebagai "menggantikan pisau toreh getah dengan mesin toreh getah" menyerghakan kecatikan Abdul Rafie yang jelas tidak mengetahui teori pendidikan yang diakui umum bahawa bahasa ibunda merupakan bahasa pengantar yang paling berkesan sekali!

### **Retorik kosong**

Oleh itu, keyakinan penuh beliau kepada "mesin toreh getah" sehingga menafikan keperluan tempoh percubaan dan masa penilaian, adalah merupakan retorik kosong seorang birokrat yang buta teori dan amali pendidikan.

Begitu juga dengan Menteri Pendidikan. Bila ditanya wartawan mengenai dakwaan bahawa pelajar Melayu di luar bandar akan menjadi mangsa dasar bahasa Inggeris itu, beliau menafikannya dengan alasan-alasan yang tidak dapat meyakinkan.

Antaranya, beliau berkata, mereka mempunyai enam tahun untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris mereka; kelemahan mereka akan diatasi dari segi prasarana, guru dan alam sekeliling; dan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar anak-anak dalam Matematik dan Sains di peringkat taman didikan kanak-kanak (tadika).

Jika sebelum ini, siswazah kita yang mempelajari bahasa Inggeris selama 15-16 tahun juga dianggap gagal menguasai bahasa tersebut, kini masakan enam tahun sudah cukup untuk memantapkan penguasaannya?

Jika pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dimulakan di peringkat tadika seperti cadangan Musa, maka tempoh pembelajarannya hanyalah tujuh tahun. Jika ditambah setahun lagi sebagai didikan dalam perut, ia hanya lapan tahun, dan masih singkat berbanding dengan 15-16 tahun!

### **Kekok**

Kelemahan sekolah luar bandar dari segi prasarana dan guru, sebenarnya bukan hanya disedari sekarang, begitu juga dengan janji-janji untuk mengatasinya. Tetapi kelemahan masih tinggal kelemahan. Jadi, apakah jaminan kali ini bukan merupakan satu retorik kosong sahaja?

Cuba gambarkan: Guru luar bandar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Inggeris, tiba-tiba dikehendaki mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa asing itu kepada murid yang hanya faham bahasa ibundanya dan langsung tidak mengerti bahasa Inggeris!

Kata Musa, guru akan merasa "kekok". Kalau guru sudah "kekok" dalam pengajaran, apakah yang dapat diharapkan oleh muridnya yang seperti "itik mendengar guruh" (tak faham) itu?

Luar bandar memang bukan persekitaran yang sesuai untuk berbahasa Inggeris. Kelemahan ini tentu tidak begitu mudah diatasi dengan hanya memperhebatkan pembinaan beberapa makmal bahasa dan makmal sains saja!

Memaksa guru yang tidak biasa/mampu bertutur dalam bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa itu secara "kekok", akan menjadi beban dan menyiksa jiwa mereka sebagai seorang guru yang bermaruah dan dihormati penduduk kampung.

### **Sukar**

Lantaran itu, Tan Sri Musa mengakui jika ada sebarang kebimbangan pun, ianya adalah mengenai pihak sekolah yang tidak mahu berusaha sepertimana yang diharapkan. Rasanya ini bukan masalah kemahuan, tetapi masalah kebiasaan dan kemampuan. Bertutur bahasa Inggeris dalam persekitaran kampung memang sesuatu yang amat sukar, jika bukan mustahil!

Sungguh teruk teori Tan Sri Musa bahawa Matematik dan Sains sewajarnya

---

dipelajari melalui bahasa Inggeris, malah pengajarannya dimulakan di peringkat tadika!

Beliau tentu terperanjat besar bila mengetahui pemenang Hadiah Nobel Ilmu Fizik, Prof Yang Zhen-ning dan Prof Li Zheng-dao, umpamanya, mempelajari ilmu Matematik dan Sains melalui bahasa ibunda mereka (bahasa Cina)!

Dan tentu ramai lagi pemenang Hadiah Nobel dari Perancis, Jerman dan negara-negara bukan berbahasa Inggeris yang lain, mempelajari ilmu Matematik dan Sains melalui bahasa ibunda masing-masing!

Hanya katak di bawah tempurung saja yang begitu mengagung-agungkan bahasa Inggeris sehingga mempercayai bahasa ibunda tidak layak menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran Matematik dan Sains walau pun di peringkat tadika!

13hb November 2002

## **17** Sikap Anti-Demokrasi Pemuda Umno

Pada zaman di mana pendemokrasian merupakan arus yang tidak terbendung di dunia, terutama di rantau ini, Pemuda Umno masih begitu gilakan kuasa mutlak, angkuh dan tidak mengenang budi dalam menangani masalah negara kita, termasuk isu pendidikan semasa.

Dua contoh yang menonjol sekali ialah sikap anti-demokrasi pergerakan itu terhadap Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan reaksi emosi Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno, Dr Adham Baba berhubung penentangan Dong Jiao Zong terhadap dasar bahasa Inggeris kerajaan.

Pada 25 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menghentikan bantuan perkapita kepada SAR kerana mendakwa terdapat sekolah terbabit dipergunakan untuk tujuan politik.

Buktinya ialah beliau telah diberitahu tentang pelajar SAR yang telah meminta ibubapa mereka menurunkan gambar beliau sebagai "Firaun".

Seperti kata naib presiden PAS, Datuk Dr Hassan Ali, tidak ada sebab mengapa nasib 600,000 pelajar SAR diperjudikan atas alasan yang tidak pernah terbukti kebenarannya hingga hari ini.

Sekalipun apa yang diberitahu kepada Perdana Menteri itu adalah benar,

---

namun, berapa ramaiakah pelajar yang terlibat, seorang? Sepuluh orang? Atau seratus orang?

### ***Sekolah agama***

Dan adakah bukti kukuh bahawa yang mempengaruhi pelajar berkenaan adalah guru-guru SAR, bukan bahan propaganda atau ceramah politik parti pembangkang atau badan bukan kerajaan yang anti-kerajaan di luar sekolah?

Tidak dapat dinafikan selama berpuluh-puluh tahun ini, SAR telah banyak memberi pengajaran agama kepada pelajar Melayu, terutama di desa yang tiada sekolah agama kerajaan.

Memang munasabah pendapat Ustaz Mohamad El-Muhammady, fellow di Institut Kefahaman Islam (IKIM), bahawa kerajaan patut mengelak dari mengambil langkah drastik dengan menarik balik bantuan kewangan secara total kepada SAR.

"Mungkin pihak kerajaan boleh memanggil pihak pentadbir SAR atau gurugurunya yang telah dikenalpasti dan menasihati mereka. Jika mereka masih berdegil barulah langkah drastik itu diambil," hujah beliau.

"Langkah drastik" jika diambil sekalipun, sepatutnya terhad kepada mereka yang sabit bersalah, bukan semua SAR turut dihukum kerana kesalahan individu tertentu.

Penggantungan bantuan perkapita itu bukan saja akan memburukkan lagi keadaan kewangan SAR yang kebanyakannya begitu daif sekali, ada kemungkinan sesetengah SAR terpaksa ditutup kerananya.

### ***Hilang fungsi***

Bila ketua Biro Agama Pemuda Umno, Ustaz Shamsul Najmi Shamsudin ditanya mengenai kemungkinan tersebut, beliau berkata, masalah itu tidak akan timbul jika SAR mendapat bantuan penuh dari kerajaan.

Bantuan perkapita digantung, bantuan penuh pula ditawarkan, apakah udang di sebalik batu?

Menurut Ustaz Shamsul, hasrat Pemuda Umno ini telah disalahtafsirkan sebagai bertujuan untuk mengambilalih pentadbiran sekolah-sekolah tersebut. Adakah ini "salahtafsir" semata-mata?

Hal yang sama sebenarnya telah berlaku kepada Sekolah Menengah Cina (SMC) pada tahun 1962 setelah Akta Pelajaran 1961 dilaksanakan. SMC

ditawarkan bantuan penuh untuk menganbilalih kuasa pentadbirannya dari segi membuat keputusan dasar. Akibatnya SMC ditukar bahasa pengantarnya menjadi Sekolah Menengah Inggeris. Sekolah yang hendak mempertahankan cirinya sebagai sekolah Cina terpaksa menghadapi hukuman: ditarik balik segala bantuan, dan menjadi Sekolah Menengah Cina Swasta (SMCS) yang bersandar sepenuhnya kepada bantuan masyarakat.

Pendidik veteran masyarakat Cina sering mengeluh: "Pada zaman penjajah British, SMC masih mendapat bantuan perkapita sebanyak 3 ringgit seorang pelajar, setelah merdeka, SMCS tidak dapat satu sen pun daripada kerajaan!"

### ***Reaksi melampau***

Oleh itu, SAR sekarang adalah senasib SMC pada tahun 60-an, tujuan dan cara yang digunakan kerajaan Perikatan/Barisan Nasional juga sama: menggunakan kewangan sebagai senjata untuk mengambilalih SMC atau SAR. Pengalaman pahit SMC sewajarnya diambil iktibar oleh pentadbir SARI!

Fakta sejarah telah membuktikan Umno memusuhi sekolah rakyat, baik SMC atau SAR, yang bebas daripada penguasaan mereka. Mereka menuduh SMC/SAR telah dipergunakan tujuan politik, padahal merekalah yang ingin menguasai sekolah tersebut untuk tujuan politik Umno.

Justeru itu, bila Dong Jiao Zong menentang dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik, Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Umno pun melenting dan bereaksi secara melampau.

Kononnya "penentangan keras Dong Jiao Zong merupakan satu barah dalam kemajuan pendidikan. Barah adalah penyakit yang sukar untuk diubati melainkan membuangkannya terus supaya tidak menjangkiti anggota badan yang lain." Angkuh betul dan langsung tidak mengenang jasa masyarakat Cina yang telah banyak memberi sumbangan kepada pendidikan negara kita.

Maklumlah selama ini di bawah pimpinan Dong Jiao Zong, berbilion ringgit disumbangkan oleh masyarakat Cina untuk pendidikan bahasa ibunda di negara kita, yang sepatutnya menjadi tanggungjawab kerajaan; dan puluhan ribu tenaga profesional telah dihasilkan dari aliran SMCS demi pembangunan negara.

### ***Berbaur hasutan***

Hanya kerana tidak setuju bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik di SJKC ditukar kepada bahasa Inggeris, ia sudah menjadi barah

yang harus dibuang! Entahlah perasaan Pemuda Umno akan tersinggung atau tidak sekiranya Umno yang diibaratkan sebagai barah yang harus dibuang kerana terlalu mengagung-agungkan bahasa Inggeris?

Dong Jiao Zong mengibaratkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di SJKC sebagai nahas kepada sekolah Cina. Ini adalah pendapat mereka. Mengapa pula kerana pendapat itu, semua SJKC harus ditutup? Bukankah ia merupakan "satu prasangka jahat yang berbaur hasutan"?

Amaran Dr Adham juga amat dikesali: "Mereka mungkin lupa, tolak ansur kita ada batasannya. Kita harap mereka tidak cuba-cuba untuk menguji kita kerana kita tahu perkara-perkara sensitif seperti ini bakal mengundang bencana!"

Apakah yang sensitif sangat? Soalnya mudah saja. Semua pihak setuju untuk meningkatkan tahap bahasa Inggeris. Yang dipertikaikan hanya cara untuk meningkatkannya.

Dong Jiao Zong berpendapat peningkatan tahap bahasa Inggeris sewajarnya dilakukan melalui mata pelajaran bahasa Inggeris. Mereka tidak setuju bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Ini kerana perbuatan itu bukan saja tidak akan mencapai tujuan meningkatkan tahap bahasa Inggeris, sebaliknya pencapaian akademik ilmu Sains dan Matematik akan terjejas.

Mereka yakin bahasa ibunda adalah bahasa pengantar yang paling berkesan berbanding bahasa asing. Kenapa kerajaan tidak boleh bertolak ansur dengan pendapat yang munasabah ini?

Padahal, ia bukan pendapat Dong Jiao Zong saja. Ramai pendidik pelbagai kaum juga akur dengan teori pendidikan yang diakui seluruh dunia ini. Ianya tiada kena-mengena dengan mana-mana kaum tertentu.

### ***Isu sensitif***

Sekiranya masyarakat Cina lebih meyakini keberkesanan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan meminta supaya SJKC dibenarkan menggunakannya untuk mengajar mata pelajaran berkenaan, kenapa tidak boleh dibenarkan? Kenapa ia dijadikan batasan yang tiada tolak ansur?

Kenapa gertakan "bakal mengundang bencana"? Bencana apa? Menjadi korban Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Hasutan? Atau lebih teruk lagi?

Seorang ketua biro sudah begitu berlagak, sehingga menjanjikan bencana untuk kaum lain hanya kerana mereka lebih meyakini keberkesanan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Bukankah manusia seperti ini yang menjadikan semua perkara sensitif, dan hubungan baik kaum dikeruh dan tegangkan?

Seorang ketua biro sudah dibenarkan mempersoalkan keikhlasan lima parti komponen BN yang terbabit sebagai "bermain sandiwara" dan "bertaktik halus dengan agenda tertentu". Di manakah semangat muafakat BN yang digembar-gemburkan selama ini?

Berlandaskan analisis tersebut, rasanya penggantungan bantuan perkapita kepada SAR harus segera ditarik balik. Dr Adham juga patut menarik balik gesaan beliau untuk menutup SJKC dan gertakan bencana untuk masyarakat Cina.

Beliau perlu meminta maaf kepada pihak-pihak terbabit sekiranya beliau masih berakal budi dan mempunyai sedikit sebanyak semangat demokrasi, dan benar-benar menghargai hubungan baik antara kaum.

20hb November 2002

---

## 18 Menaruh Garam Pada Luka

Maklumlah kebelakangan ini, gerakan pendidikan Cina, Dong Jiao Zong yang menentang penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sedang menghadapi serangan terancang dari alat-alat propaganda kerajaan Barisan Nasional (BN) seperti Utusan Malaysia, Berita Harian dan RTM.

Dalam masa genting di mana ia amat memerlukan bantuan, Dr Too Chee Chong, bekas pengerusi (1965-1966) Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) tiba-tiba muncul, bukan untuk mempertahankan pendidikan bahasa ibunda, sebaliknya ditikamnya dari belakang!

Dr Too sedar tindakannya yang ibarat "menambah garam pada luka" itu tentu tidak akan diterima baik oleh masyarakat Cina amnya dan Dong Jiao Zong khususnya. Oleh itu, awal-awal lagi Dr Too menjelaskan bahawa beliau tidak "diarah" atau "dibayar" untuk berbuat demikian, dan bersedia "sekali lagi dilabelkan sebagai pengkhianat pendidikan Cina".

Hakikat bahawa Dr Too dilayan sebagai "bintang media", terbukti sekurang-kurangnya beliau telah diperalatkan oleh media propaganda kerajaan untuk menjejaskan pergerakan pendidikan bahasa ibunda yang dipelopori Dong Jiao Zong, sungguhpun beliau telah berundur (mengikut versi Too sendiri) atau disingkirkan (mengikut versi Loot Ting-yi, seorang pemimpin Jiao Zong

yang berwibawa) 36 tahun lalu.

Dia menyifatkan tindakan Dong Jiao Zong menentang dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, sebagai satu tragedi kepada masyarakat Cina. Penulis kasihan melihat seorang bekas pemimpin Dong Zong, setelah disingkirkan 36 tahun lalu kerana terlalu mengagungkan bahasa Inggeris, masih tidak menginsafi kesalahannya.

Kasihan juga melihat Dr Too yang berlagak sebagai wakil "majoriti senyap" masyarakat Cina, kerana tidak dapat membezakan tujuan peningkatan tahap penguasaan bahasa Inggeris yang disetujui semua pihak, dengan kaedah penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik yang dipertikaikan sekarang.

### ***Salah-tafsir***

Lantaran itu, sungguhpun selama ini SJKC dan Sekolah Menengah Cina Swasta (SMCS) menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di samping bahasa ibunda/Cina, beliau tetap tidak mengaku bahawa SJKC dan SMCS sebenarnya melaksanakan dasar tribahasa.

Oleh itu, beliau masih bermati-matian menganggap dasar bahasa Dong Jiao Zong sebagai dasar ekabahasa sepertimana salah-tafsiran Sin Chew Daily dalam tinjauan pendapat oleh akhbar itu pada tahun 1980-an.

Berikutan itu, sudah barang tentu majoriti pembaca Sin Chew Daily menyokong dasar tribahasa (yang telahpun dilaksanakan Dong Jiao Zong), dan menolak apa yang dinamakan dasar ekabahasa Dong Jiao Zong yang telah disalah-tafsirkan dalam tinjauan pendapat berkenaan.

Dong Jiao Zong mengemukakan bantahan keras terhadap tinjauan pendapat yang mengelirukan itu tetapi tidak dilayani pihak Sin Chew Daily. Akibatnya, akhbar itu dipulaukan oleh Dong Jiao Zong dan penyokongnya.

Tanpa menjelaskan latar belakang di atas, Dr Too boleh dianggap tidak bertanggungjawab dalam menggunakan statistik tinjauan pendapat terbabit untuk sekali lagi mengelirukan pembaca.

Menentang pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, tidak bermakna Dong Jiao Zong menentang dasar dwibahasa seperti anggapan Dr Too. Dong Jiao Zong amat menitikberatkan dasar tribahasanya melalui pengajaran dan pembelajaran matapelajaran bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di samping bahasa ibunda.

### **Dasar dua landasan**

Sekolah pujaan Dr Too ialah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Ling yang disifatkannya sebagai sekolah yang melaksanakan dasar "dua landasan".

Yang melaksanakan dasar "dua landasan" itu hanyalah sekolah Cina pada namanya saja. Yang diutamakan ialah peperiksaan kerajaan, sama ada berbahasa pengantar Inggeris atau Melayu. Hanya mata pelajaran bukan-peperiksaan sahaja yang menggunakan bahasa Mandarin.

Tidak dapat dinafikan, sebagai sekolah elit, Chung Ling agak berjaya di segi kelulusan pemeriksaan kerajaan, tetapi lebih banyak Sekolah Menengah Cina Swasta, terutamanya yang menampung pelajar desa, yang menjadi kucar-kacir setelah mencontohi Chong Ling. Ada yang hampir ditutup kerana kemerosotan pencapaian akademik dan kekurangan pelajar.

Oleh itu, mulai tahun 70-an, satu kempen pemulihan SMCS tajaan Dong Jiao Zong yang berlandaskan falsafah pendidikan bahasa ibunda telah dilancarkan, dan hasil memuaskan dari segi pencapaian akademik dan bilangan pelajar.

Perkembangan pesat pergerakan pendidikan bahasa ibunda dalam puluhan tahun terakhir ini sengaja diabaikan Dr Too yang masih mengenang Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chong Ling yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama.

Dr Too amat marah, kerana pendirian ini telah menyebabkannya digelar sebagai "Anjing Imperialis British" ketika beliau disingkir daripada pergerakan pendidikan bahasa ibunda itu. Kini, ia seolah-olah hendak membalas dendam kerana pendiriannya telah merupakan dasar kerajaan BN!

### **Tidak beretika**

Sungguhpun tidak setuju dengan pendapat Dr Too, kita hormati haknya untuk bersuara. Namun, ini tidak bermakna dengan sokongan media kerajaan, beliau bebas untuk menyelar Dong Jiao Zong secara tidak berasas dan beretika.

Memang tidak dapat dimaafkan keterlampauannya dalam menyahut serangan kerajaan yang menuduh Dong Jiao Zong berfahaman cauvinis. Harus ditekankan bahawa mempertahankan hak pendidikan ibunda adalah hak asasi manusia semua kaum di negara kita. Ia langsung tidak kena-mengena dengan fahaman cauvinis yang ingin memaksakan bahasa, pendidikan atau kebudayaan sesuatu kaum ke atas kaum yang lain.

Dalam kes dasar bahasa Inggeris, kerajaan ingin memaksakan bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar Sains dan Matematik bagi menggantikan bahasa ibunda semua aliran sekolah. Oleh itu, jika ada mana-mana pihak yang patut digelarkan sebagai cauvinis, ia sudah barang tentu bukan cauvinis Melayu, Cina atau India!

Pun tidaklah berpatutan Britain dituduh sebagai cauvinis dalam kes ini, kerana bukan mereka yang cuba memaksakan bahasa Inggeris ke atas pendidikan ibunda pelbagai kaum di negara kita. Yang bersalah ialah Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya yang berjiwa barat, termasuk manusia seperti Dr Too Chee Chong!

Justeru itu, tentu tidak adil Dong Jiao Zong dikambinghitamkan, sedangkan mereka yang berjiwa barat sebaliknya dilepaskan.

Dalam perkataan lain, yang mempertahankan pendidikan bahasa ibunda pasti bukan cauvinis. Sebaliknya mereka yang sanggup menggadaikan bahasa ibunda pelbagai kaum, yang patut dipersalahkan kerana bersikap anti-nasional dan tidak patriotik.

#### ***Hak setiap kaum***

Lebih tidak masuk akal Dong Jiao Zong dipertanggungjawabkan oleh Dr Too bagi kewujudan fenomena polarisasi masyarakat Cina menjadi "orang Cina yang cakap bahasa Cina" dan "orang Cina yang cakap bahasa Inggeris".

Selain bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semua kaum di negara kita, adalah wajar sekali orang Cina cakap bahasa Cina, seperti orang Melayu cakap bahasa Melayu, dan orang India cakap bahasa India.

Jika ada orang Cina yang hanya dapat bercakap bahasa Inggeris, dan langsung tidak tahu bercakap bahasa Cina, ianya adalah umpama "kacang lupakan kulit", yang harus dipertanggungjawabkan kepada dasar penjajah British, bukan Dong Jiao Zong yang memperjuangkan pendidikan ibunda sebagai hak manusia dan hak setiap kaum.

Apatah lagi Dong Jiao Zong sebenarnya melaksanakan dasar tribahasa, bukan ekabahasa seperti dakwaan Dr Too. Dalam hubungan bahasa, di samping bahasa kebangsaan, bahasa ibundalah yang wajib diutamakan dan didahulukan, sungguhpun kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dalam zaman globalisasi, tidak dapat dinafikan.

Adalah keterlaluan jika hendak menjadikan bahasa Inggeris sebagai lingua franca masyarakat Cina, malah rakyat Malaysia. Harus diingati Malaysia bukan Singapura, meskipun Dr Too pernah menjadi penyokong kuat

Lee Kuan Yew sehingga mewakili PAP (People's Action Party) untuk bertanding di Kawasan Batu melawan calon Front Sosialis, mendiang Dr Tan Chee Khoon, dan gagal dalam pilihanraya umum tahun 1964 .

Tidak lama dahulu Dr Mahathir mendakwa beliau mendapat sokongan "majoriti senyap" masyarakat Cina. Kini, dakwaan tersebut terbukti "benar" kerana beliau telah mendapat sokongan Dr Too yang mendabik dada mendakwa dirinya sebagai mewakili mereka, sungguhpun beliau hanya seorang bekas pemimpin yang telah disingkirkan oleh Dong Zong 36 tahun lalu kerana terlalu mengagung-agungkan bahasa Inggeris!

27hb November 2002

## 19 Bezakan Kawan Daripada Lawan

Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, Perlis pada 19 Januari depan, menjadi tumpuan semua pihak terlibat. Suasana politik selepas peristiwa 11 September rasanya lebih menguntungkan BN selepas PAS dikaitkan dengan kumpulan militan di dalam dan luar negara, sehingga digambarkan sebagai "Taliban Malaysia".

DAP yang telah menarik diri daripada Barisan Alternatif (BA) pula cuba menonjolkan isu negara Islam anjuran PAS sebagai alasan kenapa parti itu tidak membantu kempen BA dalam pilihanraya kecil Indera Kayangan - sesuatu yang menghampakan pembangkang, khususnya Keadilan.

Manakala propaganda BN melalui media arus perdana, pula memainkan isu "Taliban Malaysia" dan kemudian mendesak PAS meminta maaf kepada kerajaan BN kerana menganggap kes kumpulan Al-Ma'unah di Sauk sebagai satu sandiwara.

PAS pula kini berada dalam keadaan "mempertahankan diri". Sekiranya PAS bersedia melancarkan kempen besar-besaran untuk mengikis gambaran parti itu sebagai "Taliban Malaysia" seperti yang dijanjikan, ia harus berhati-hati agar tidak terperangkap dengan muslihat BN, kerana bukan mudah untuk mengubah tanggapan umum bahawa PAS lebih pro-Taliban berbanding dengan Umno.

---

### **Taliban Malaysia**

Tidak dapat dinafikan bahawa PAS memang bersimpati dengan Taliban yang menjadi sasaran serangan Amerika Syarikat dan sekutunya, dan parti itu juga mungkin menyokong beberapa dasar Taliban. Namun adalah keterlaluan untuk menuduhnya sebagai "Taliban Malaysia".

Bagaimanapun, masalah yang bersimpang-siur ini tidak mudah diperjelaskan dalam masa kempen yang begitu singkat di Indera Kayangan. Lebih penting lagi, dari segi taktik, memang ada baiknya PAS berkempen dalam konteks BA berasaskan persefahaman bersama.

Justeru itu, eloklah PAS menghindari isu-isu kontroversial seperti isu negara Islam yang menyebabkan ia dituduh sebagai "Taliban Malaysia". Ini semua untuk menjamin perpaduan BA dan demi menjaga sentimen pengundi. Pendek kata, lancarkan kempen ofensif bersama, dan biarlah BN yang mempertahankan diri.

Mengenai tekanan BN supaya PAS meminta maaf kerana menganggap kes Sauk sebagai sandiwara, tindak-balas PAS juga mengecewakan. PAS dan beberapa pihak lain membuat dakwaan itu ketika ia berlaku dua tahun lalu, berlatarbelakangkan kebankrapan kewibawaan dan ketidaktelusan kerajaan BN kerana sering berbohong dan berkonspirasi untuk melibatkan parti pembangkang dan aktivis reformasi.

Namun, setelah perbicaraan di mahkamah terbuka selesai dan tiga ahli Al-Ma'unah dijatuhkan hukuman mati dan 16 lagi dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat, tentulah tidak bijaksana sekiranya ada yang masih lagi menganggap kes tersebut sebuah sandiwara.

Dari segi pertimbangan politik, terpujanglah kepada PAS sama ada hendak meminta maaf atau tidak. Bagaimanapun, penulis berpendapat PAS perlu meminta maaf kepada rakyat negara ini kerana tidak sensitif dan tidak mengambil berat tentang kebangkitan gerakan militan di negara kita, sehingga mengaburkan pendirian parti itu dan memberikan peluang kepada BN untuk melibatkan PAS dengan pertubuhan dan aktiviti militan.

Dengan lain perkataan, PAS perlu mengambil kesempatan ini untuk membetulkan pendiriannya mengenai kes Sauk dan dengan tegas mengulangi dasar dan cara perjuangannya melalui sistem demokrasi berparlimen serta menentang sebarang pertubuhan dan gerakan militan melalui keganasan, baik Al-Ma'unah atau Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan sebagainya.

***DAP tidak praktikal***

Sementara itu, keputusan DAP untuk menjauhkan diri daripada pilihanraya kecil Indera Kayangan juga tidak praktikal, kerana realitinya ialah DAP tidak mungkin berkecuali. Keengganannya membantu BA sudah tentu menguntungkan BN.

Keputusan DAP itu tentu mudah difahami jika calon BA bagi Indera Kayangan adalah dari PAS. Namun, calon BA kali ini adalah daripada Keadilan, parti yang baru-baru ini diajak oleh DAP untuk menubuhkan barisan pembangkang baru. Selain itu, calon BN pula adalah dari MCA, musuh ketat DAP.

Keenggan DAP membantu calon keadilan, bermakna parti itu membantu calon MCA secara tidak langsung. Kalau begitu, bagaimanakah DAP hendak membela pendiriannya itu?

Seandainya pengundi Indera Kayangan bertanya kepada DAP, calon manakah yang patut mereka undi - Keadilan atau MCA, hanya ada tiga kemungkinan: pertama, mengundi calon Keadilan; kedua, mengundi calon MCA; dan ketiga, terpulang kepada pengundi untuk membuat putusan sendiri.

Jika jawabannya ialah mengundi calon Keadilan, maka kenapa tidak turun ke padang untuk membantu berkempen? Jawabannya tak mungkin mengundi calon MCA yang merupakan musuh ketat DAP, tetapi keengganannya berkempen untuk calon Keadilan boleh diterjemahkan sebagai menyokong calon MCA secara tidak langsung .

Besar kemungkinan jawabannya ialah berkecuali, iaitu terpulang kepada pengundi Indera Kayangan untuk membuat keputusan. Ini bermakna peranan DAP menjadi tidak relevan dalam pilihanraya kecil Indera Kayangan, satu pilihanraya kecil yang begitu penting sekali menjelang pilihanraya umum yang akan datang.

Keputusan DAP yang akan menguntungkan BN ini akan meminggirkan lagi DAP yang semakin susut pengaruhnya dan ia mungkin juga merupakan punca baru perselisihan fahaman dalam parti itu. Dalam keadaan sedemikian, tentulah bukan mudah untuk Keadilan yang masih dalam proses pemulihan daripada pergolakan fahaman kepuakan baru-baru ini, untuk menghadapi ujian yang begitu berat sekali. Namun begitu, tidak mustahil pencapaian Lunas dapat diulangi kali ini di Indera Kayangan!

## 20 Dari 911 Ke 119

911 dan 119 - dua angka yang mempunyai seribu satu makna ini akan terus disebut oleh orang politik dan penganalisa hal-ehwal semasa, sehinggalah pilihanraya umum akan datang.

Angka 911 merujuk kepada peristiwa serangan maut 11 Sep di Amerika Syarikat, manakala 119 pula merujuk kepada pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan di Perlis, yang diadakan pada 19 Januari lalu. Ia dianggap dua peristiwa berasingan yang berkaitan rapat.

Sudah diakui umum bahawa peristiwa 911 bukan saja mengubah senario politik dunia, tetapi ia juga mempengaruhi perkembangan politik negara kita. Malah tidak sedikit penganalisa politik menganggap 911 sebagai faktor utama kemenangan BN di Indera Kayangan.

BN menang dengan majoriti 2,592 undi, bertambah 618 undi daripada pilihanraya umum 1999. Calon MCA, Oui Ah Lan memperolehi 4,279 undi manakala calon Keadilan memperolehi 1,687 undi.

Walaupun pertandingan itu membabitkan calon MCA dan Keadilan, tetapi penganalisa politik arus perdana berpendapat isu sebenarnya dalam pilihanraya kecil Indera Kayangan ialah mengenai "negara Islam ala Taliban" anjuran PAS berlawanan dengan "negara Islam sederhana" anjuran Umno.

Tetapi menganggap Keadilan sebagai proksi PAS dalam pilihanraya kecil berkenaan, samalah dengan menuduh parti itu telah diperalatkan oleh PAS, padahal Keadilan tidak bersetuju PAS mengemukakan konsep Negara Islamnya dalam konteks BA.

Maka jelaslah, ianya tidak berasas sama sekali untuk menganggap Keadilan sebagai proksi PAS di Indera Kayangan, dalam memperjuangkan "Negara Islam ala Taliban".

### ***Isu Negara Islam***

Bagi MCA pula, sungguhpun parti itu tidak berani hendak menentang Negara Islam acuan Dr Mahathir Mohamad, ia juga tidak begitu jahil sehingga menjadikan isu tersebut sebagai isu utama dalam kempen pilihanraya kecil kali ini.

Ini kerana telah diketahui umum bahawa MCA, yang selama ini berlagak sebagai wira anti-Negara Islam, telahpun bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa Malaysia merupakan sebuah Negara Islam!

Kempen PAS yang tidak begitu menonjol di Indera Kayangan juga menyebabkan media arus perdana menuduh (ini telah dinafikan PAS) parti komponen BA itu tidak bersungguh-sungguh membantu Keadilan. Apa yang nyata, PAS nampaknya lebih berhati-hati kali ini supaya isu sensitif, seperti Negara Islam, tidak ditimbulkan dan digunapakai untuk menakutkan pengundi Cina.

Dalam keadaan sedemikian, tentulah tidak adil jika pertandingan di antara calon Keadilan dan MCA dalam pilihanraya kecil Indera Kayangan dipandang sebagai perlawanan proksi antara "Negara Islam ala-Taliban PAS" dengan "Negara Islam acuan Dr Mahathir". Ini kerana mereka yang "turun ke padang" telah membayangkan bahawa isu Negara Islam jarang ditimbulkan oleh kedua-dua pihak.

Walaupun isu Negara Islam merupakan satu isu penting yang perlu ditangani BA dan BN pada masa yang akan datang, tetapi tentulah tidak logik jika ada mana-mana pihak yang menyifatkan kekalahan calon Keadilan kali ini sebagai penolakan pengundi terhadap "Negara Islam ala-Taliban PAS", atau mereka telah menerima "Negara Islam acuan Dr Mahathir".

### ***Undi Melayu susut***

Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh BA di kalangan orang Melayu telah susut. Umpamanya di Seberang Bakau, di mana 96.63 peratus pengundinya adalah Melayu, undi Keadilan telah merosot daripada 487 pada tahun 1999 kepada 363 undi dalam pilihanraya kecil

Indera Kayangan yang lalu.

Manakala 700 pengundi pos bagi Indera Kayangan kali ini memilih BN dan hanya 22 orang mengundi Keadilan, berbanding dengan 115 pada pilihanraya umum 1999.

Jumlah undi yang diperolehi Keadilan kali ini ialah 1,687, atau 28 peratus daripada jumlah keseluruhan undi, berbanding 1,851, atau 33 peratus pada tahun 1999. Ini bermakna jumlah undi yang diperolehi Keadilan kali ini susut 5 peratus.

Undi Melayu pula susut hampir 20 peratus, tetapi jumlah undi semua kaum hanya susut 5 peratus. Ini bermakna undi Cina dan India telah tambah. Rasanya munasabah juga jika undi Cina dan India dianggarkan telah bertambah lebih kurang 15 peratus.

Kritikan Kit Siang mengenai kelemahan Keadilan dalam memberi angka yang berbeza-beza dan tidak munasabah adalah objektif. Tetapi nampaknya beliau juga keberatan untuk menerima hakikat bahawa undi Cina yang diperolehi Keadilan telah tambah.

Ini mudah difahami, kerana beliau beranggapan bahawa secara logiknya, undi bukan Melayu yang diperolehi Keadilan akan merosot lebih teruk, berbanding undi Melayu berikutan peristiwa 911 dan isu Negara Islam.

Kit Siang beranggapan pengundi bukan Melayu lebih takut atau lebih mudah ditakuti oleh propaganda BN mengenai isu Negara Islam dan keganasan militan Islam.

### **Diiringi FRU**

Tidak dapat dinafikan bahawa selepas peristiwa 911, imej PAS telah terjejas akibat pendiriannya yang pro-Taliban dan penarikan diri DAP daripada pakatan BA atas isu Negara Islam. Tambahan pula, selepas mahkamah menjatuhkan hukuman mati dan penjara sepanjang hayat ke atas ahli-ahli Al-Maunah baru-baru ini, media arus utama telah memainkan isu itu secara besar-besaran.

Media arus perdana juga turut memperbesarkan isu pendirian PAS yang mengangap kejadian Sauk sebagai sebuah sandiwara dan mendesak parti itu meminta maaf kepada kerajaan. PAS enggan berbuat demikian atas alasan politik, dan kerana itu parti itu telah digambarkan sebagai manusia yang bersalah tetapi tidak pernah meminta maaf.

Organisasi yang lebih lengkap dan tenaga manusia yang mencukupi juga,

merupakan suatu kelebihan BN. Mengikut laporan akhbar, pada setiap masa, sekurang-kurangnya 300 ahli Puteri Umno berkempen di Indera Kayangan, termasuk 100 ahlinya yang tinggal bersama "keluarga angkat" mereka.

Mengikut Menteri Besar Perlis Shahidan Kassim, pemuda juga telah memberi sumbangan besar dari segi keselamatan, gerak-gempur, menampal poster dan lain-lain.

Bagaimana pula dengan isu pengintipan pelajar, kerosakan kenderaan dan kecederaan pekerja BA seperti yang dilaporkan? Cuba bayangkan bagaimanakah suasana ketegangannya, sehingga sepasukan anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) diarah untuk mengiringi calon Keadilan itu dan presiden Keadilan Dr Wan Azizah semasa berkempen dua hari sebelum hari mengundi?

Selain peristiwa 911 dan isu Negara Islam, bukannya kejadian-kejadian tersebut juga memerlukan perhatian?

28hb Januari 2002

Peristiwa 911

## 21 Chandra Mencabar Anwar

Selepas meninggalkan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Disember tahun lalu(2001), bekas timbalan presiden parti tersebut, Dr Chandra Muzaffar telah berkali-kali berjanji tidak akan membuka pekung di dada parti yang dibinanya bersama itu.

Namun hari ini, sama ada dengan inisiatifnya sendiri atau sebagai balasan sebaliknya, beliau telah membuat beberapa tuduhan yang agak serius terhadap kepimpinan parti itu, termasuk:

(i) Tidak puas hati terhadap tindakan beberapa pemimpin parti menghalalkan cara-cara yang tidak beretika untuk mencapai matlamat.

(ii) Kesedaran beliau terhadap pemimpin sebenar (de facto leader) Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, merupakan salah satu sebab beliau meninggalkan parti.

(iii) Mendakwa beliau amat tahu mengenai politik 'Machiavellian' ahli dan pemimpin Keadilan yang berkisar di sekitar wang dan kuasa .

(iv) Mencabar Anwar dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berterus terang kepada rakyat mengenai "perjuangan untuk keadilan yang didakwa diperjuangkan oleh mereka".

"Matlamat menghalalkan cara" merupakan tuduhan yang sering dilemparkan Umno terhadap parti pembangkang, terutamanya Pas. Kini, Chandra pula melemparkan tuduhan yang sama terhadap beberapa pemimpin Keadilan tanpa memberikan bukti yang konkrit, dengan alasannya tidak mahu mendedahkan 'rahsia' Keadilan.

Pada hemat penulis, apabila tuduhan sudah dibuat, ada apa 'rahsia' lagi? Tanpa memberi bukti konkrit apakah ianya adil kepada 'pemimpin Keadilan' terbabit? Kerana tidak menamakan 'beberapa pemimpin Keadilan' terbabit itu, maka semua pemimpin Keadilan kini disyaki sebagai yang tertuduh. Apakah ini adil kepada mereka yang tidak terbabit?

Tatkala meninggalkan alam politik partisan, Chandra memberi alasan bahawa beliau ingin kembali kepada peranan lamanya sebagai penggiat NGO dan penganalisis politik bebas yang "dipandu semata-mata oleh prinsip kebenaran".

Alasan ini sedikit 'menggusarkan' editor Suara PRM, Rustam A Sani, kawan sejawatannya di Universiti Malaya sebelum beliau disingkirkan. Menurut Rustam, Chandra seolah-olah sependapat dengan Zam (Zainuddin Maidin, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan), yang pernah menganggap Rustam sudah hilang 'intelektualiti' sejak menyertai politik pembangkang. (sila rujuk kepada Suara PRM /31 Disember 2001, ms.10)

### ***Pengaruh Anwar***

Tidak mungkin Chandra sudah hilang 'intelektualitinya' seperti anggapan Zam, apabila beliau memerlukan masa lebih dua tahun berada dalam Keadilan untuk menyedari bahawa Anwar Ibrahim merupakan pemimpin sebenar Keadilan.

Penulis tidak tahu sama ada Anwar merupakan pemimpin sebenar Keadilan atau tidak, tetapi mengikut pengetahuan umum, pengaruh beliau lebih ketara sewaktu kemuncak gerakan reformasi yang tertumpu kepada kezaliman Dr Mahathir dan pihak polis terhadap beliau, berbanding dengan musim surutnya tatkala Chandra mengambil keputusan untuk meninggalkan parti itu.

Dengan lain perkataan, Chandra sepatutnya menyedari hakikat ini lebih awal lagi, bukan ketika dia meninggalkan Keadilan. Dan seandainya kesedaran ini begitu penting bagi prinsip politik beliau, kenapa beliau tidak meninggalkan Keadilan awal-awal lagi?

Pengaruh Anwar dalam Keadilan juga tidak perlu diragukan. Jika tidak, tak mungkin Dr Wan Azizah bisa dijadikan Presiden Keadilan, dan tokoh-tokoh

seperti Chandra, Zainur Zakaria dan Marina Yusoff masing-masing sanggup menjadi timbalan presiden dan naib presiden di bawah beliau.

Jika bukan kerana pengaruh Anwar, rasanya Barisan Alternatif (BA) juga tidak begitu mudah ditubuhkan, dan juga tidak mungkin ada ura-ura ketika pilihanraya umum 1999 bahawa Anwar akan dilantik sebagai perdana menteri jika BA berjaya berkuasa.

Sama ada peranan Anwar dan Wan Azizah sesuai atau tidak, dan sama ada perjuangan Keadilan terlalu tertumpu kepada isu Anwar dan pembebasannya, ia merupakan masalah yang relevan dan boleh dikaji semula. Namun Chandra tidak perlu berpura-pura, seolah-olah selama ini beliau tidak menyedari hakikat ini.

Wan Azizah yang lebih merupakan pemimpin simbolik bagi pihak Anwar, tentu tidak banyak dipertikaikan. Namun untuk mengatakan Anwar sebagai pemimpin sebenar (*de facto leader*), maksudnya mungkin perlu ditakrifkan dengan lebih jitu lagi.

Bagaimanakah Anwar yang meringkuk dalam penjara, dapat memimpin Keadilan? Adakah melalui arahan? Adakah semua arahan Anwar terpaksa diterima dan dilaksanakan oleh pucuk pimpinan Keadilan secara membabi buta? Dengan lain perkataan, apakah semua arahan Anwar itu tiada ruangan untuk dibincang, diperdebat, malah ditolak oleh pucuk pimpinan Keadilan? Adakah Chandra membiarkan kesemua ini berlaku?

Tentang politik 'Machiavellian' ahli dan pemimpin Keadilan yang berkisar di sekitar wang dan kuasa, ia merupakan tuduhan yang berat juga. Sekiranya Keadilan yang belum berkuasa sudah mengamalkan politik wang dan kuasa, dan gejala ini begitu tonjol sekali sehingga Chandra gagal membendunginya, dan begitu kecewa sehingga bertindak meninggalkan parti itu, maka apakah yang akan terjadi seandainya ia berkuasa nanti?

Justeru itu, ahli dan pemimpin yang tidak gilakan kuasa dan wang dalam Keadilan, tetapi menyokong parti itu kerana tertarik dengan janji Keadilan untuk memperjuangkan penerokaan politik baru, tentu akan mendesak Chandra untuk membuktikan tuduhannya yang sangat berat ini, demi menjaga keutuhan dan kewibawaan beliau yang sering dianggap sebagai seorang ilmuan dan pengkritik bebas yang berprinsip dan bermoral tinggi. Chandra tentunya tidak boleh 'lempar batu sembunyi tangan'!

### **Cabaran berbisa**

Yang paling bisa dan membinasakan ialah cabaran Chandra terhadap Anwar dan Wan Azizah supaya mereka berterus terang kepada rakyat

mengenai "perjuangan untuk keadilan yang didakwa diperjuangkan oleh mereka".

Tambah Chandra: "Adalah menjadi harapan dan doa saya supaya Anwar dan Dr Wan Azizah dengan kesedaran mereka sendiri memilih untuk berterusterang, jujur dan ikhlas."

Maksud tersirat beliau jelas sekali: Selama ini, Anwar dan Dr Wan Azizah tidak berterusterang, tidak jujur dan tidak ikhlas, dalam "perjuangan untuk keadilan yang didakwa diperjuangkan oleh mereka." Dengan bahasa yang lebih mudah: Mereka bukan memperjuangkan keadilan untuk rakyat seperti yang didakwa mereka!

Apabila ditanya oleh pemberita tentang cabaran Chandra tersebut, Dr Wan Azizah sebaliknya meminta Chandra mendedahkan sendiri apa yang didakwanya sebagai kelemahan Anwar dan diri beliau dalam 'perjuangan untuk keadilan' mereka.

Rasanya Chandra patut berbuat demikian, memandangkan Anwar masih meringkuk dalam penjara dan Dr Wan Azizah sendiri masih memikul tanggungjawab sebagai presiden Keadilan yang sedang dilanda pelbagai kemelut dalaman dan serangan luaran, termasuk serangan Chandra yang mungkin tidak disangkanya sebelum ini.

Kita sama-sama tunggu, sama ada atau tidak 'pukulan total' Chandra terhadap Keadilan dapat ditegakkan, dan sepertimana harapan Zam: "Sudah pasti para waratawan, peguam dan ahli akademik yang beria-ia mempertahankan Anwar sebelum ini akan merasa malu."

Atau, Chandra sendiri yang akan dimalukan, akibat terdedah bersama kelemahan-kelemahan beliau sendiri semasa memegang jawatan timbalan presiden parti berkenaan.

Atau, kedua-dua pihak juga akan mengalami 'kecederaan' akibat tindakan dedah-mendedah dan serang-menyerang antara satu sama lain, dan yang tertawa besar ialah musuh politik Keadilan!

14hb Mac 2002

## 22 Hudud Oh Hudud

Baru-baru ini saya terbaca kisah berikut: "Tiga empat tahun yang lalu, sepanjang ingatan saya (Dr Ismail Ibrahim, Mingguan Malaysia 2 Jun 2002), terdapat sebuah majalah terkemuka Barat yang memaparkan di kulit depannya, gambar seorang wanita Islam yang sedang disebat, sedangkan wanita itu dilaporkan sedang mengandung.

"Majalah itu mendakwa kejadian itu berlaku di salah sebuah negara Islam yang baru sahaja menguatkuasakan undang-undang jenayah Islam. Dan kesalahannya ialah berzina. Bukti tuduhan ialah anak yang dikandungnya, kerana wanita ini tidak dapat membuktikan yang dia telah berkahwin dengan lelaki yang menyebabkan ia hamil, kerana ia sebenarnya telah dirogol oleh lelaki yang telah pun melarikan diri."

Mengikut Dr Ismail Ibrahim, kes ini memang satu kenyataan yang berlaku di negara terbabit, sungguhpun kemudiannya negara tersebut telah membatalkan pelaksanaan undang-undang jenayah yang berkenaan kerana pihak berkuasa tidak dapat menggubalnya secara baik atas beberapa sebab tertentu. Namun, imej Islam telah tercemar akibat terdedahnya kes menzalimi wanita seperti tersebut di atas.

Kezaliman yang menimpa mangsa rogol di atas yang berlaku pada zaman sekarang di bawah apa-apa undang-undang jenayah sekalipun, tentu amat dikesali sekiranya kita benar-benar mendukung kesetarafan hak dan

kedudukan bagi kaum wanita dalam masyarakat moden ini.

Tentu amat mengecewakan, sekiranya wanita Islam dan bukan Islam di negara kita juga akan ditimpa nasib malang seperti wanita mangsa rogol di atas. Ini bukan mimpi ngeri, tetapi kenyataan yang dipaparkan dalam draf cadangan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (hudud dan qisas) Terengganu yang akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu bulan depan.

Subseksyen 48(2) draf cadangan rang undang-undang tersebut memperuntukkan wanita yang hamil dan melahirkan anak tanpa suami boleh dikenakan tuduhan zina yang mana hukumannya 100 sebatan melainkan dia dapat membuktikan sebaliknya.

Bukankah kes menzalimi wanita seperti kes atas akan berulang di negara kita jika Subseksyen 48(2) ini diluluskan dan dilaksanakan tanpa bantahan keras daripada pihak-pihak yang berkenaan, terutamanya badan bukan kerajaan (NGO) wanita?

#### ***Empat orang saksi***

Lebih teruk lagi ialah Seksyen 9 yang menyebut sesiapa yang mengadu dirogol tetapi gagal mendatangkan sebarang bukti atau qarinah (circumstantial evidence) boleh dikenakan tuduhan qazaf (tuduhan zina) atau fitnah yang mana hukumannya 80 sebatan.

Mengikut ketetapan Seksyen ini, wanita yang dirogol menjadi mangsa dua kali berturut-turut, setelah dirogol, beban membuktikannya diletakkan pula sepenuhnya di atas bahu mereka.

Pembuktian di sini bermaksud membawa empat orang saksi lelaki Islam yang akil baligh dan adil. Jika mereka gagal berbuat demikian, mereka akan disebat 80 kali!

Melainkan dirogol secara bergiliran, bagaimana dapat wujud empat orang saksi? Dan sekiranya empat orang yang menyaksikan jenayah rogol tidak cuba menegah jenayah itu daripada berlaku, umpamanya dalam kes rogol bergiliran, bagaimana mereka layak diterima sebagai bersikap adil?

Dalam wawancara dengan wartawan Mingguan Malaysia (9 Jun 2002), Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah membuat penjelasan bagi pihak Kerajaan Negeri Terengganu mengenai draf cadangan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (hudud dan qisas) yang mencetuskan kontroversi dan bantahan umum itu.

Di samping bersetuju untuk membuat beberapa pindaan, beliau telah menjelaskan bahawa:

(i) Seksyen 9, subseksyen 12(1), 43(1) dan 48(2) yang dipertikaikan sebagai menzalimi wanita itu sepatutnya dibaca dengan enam enakmen lain yang telah dilulus Dewan Undangan Negeri (DUN), Kita tidak boleh mengenal Islam sebagaimana orang buta mengenal gajah. Undang-undang Islam ini kena dilihat keseluruhannya, berantai antara satu sama lain.

(ii) Kita mengambil sikap untuk membentangkannya di DUN terlebih dulu. Selepas itu, barulah kita akan hantar kepada Pusat sebab kita mengambil kira tanggungjawab dengan Tuhan. Itu yang lebih besar daripada tanggungjawab dengan Kerajaan Pusat dan Peguam Negara.

(iii) Kita juga mengambil sikap yang positif tentang kenyataan Perdana Menteri bahawa Malaysia sebuah negara Islam. Kita mesti buktikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ini menandakan kita menuju ke arah negara Islam sebenar.

(iv) Saya melihat masyarakat umum sudah menerima hudud. Apa yang ditimbulkan ialah perkara teknikal.

(v) Jika Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu dikuatkuasakan kelak, rakyat negeri itu sama ada Islam atau bukan Islam bagaimanapun diberi pilihan menggunakan undang-undang baru itu atau undang-undang sedia ada (common law).

Dengan pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah, orang Islam tidak lagi dihukum di akhirat, dan dengan sendirinya kadar jenayah dan maksiat di kalangan orang Islam akan terhapus; walhal orang bukan Islam akan dihukum di dunia dan juga akhirat, dan keadaan moral mereka tidak akan terpelihara.

### **Negara Islam**

Dari hujah-hujah tersebut, ternyata pembentangan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (hudud dan qisas) merupakan daya usaha PAS untuk membuktikan mereka sedang menuju negara Islam yang sebenar sebagai tanggungjawab dengan Tuhan.

Oleh itu, mereka tidak peduli sangat tentang Kerajaan Pusat atau pejabat Peguam Negara, apa lagi rakyat bukan Islam. Dari aspek ini, bagi PAS, entah di mana tempat Perlembagaan Persekutuan?

Bagi Datuk Seri Abdul Hadi Awang, empat peruntukan yang dibantah atau

dipertikaikan itu seolah-olah tidak menjadi masalah sekiranya ia dibaca dengan enam enakmen lain yang telah dikemukakan terlebih dahulu.

Yang disetujui untuk dipinda hanya merupakan prosedur atau aspek teknikal, bukan perkara nas. Beliau telah menarik kesimpulan bahawa masyarakat umum sudah menerima hudud.

Dilema orang Islam, termasuk mereka yang bersikap terbuka dan progresif, seolah-olah tidak boleh menolak hudud, selain daripada membidasnya daripada aspek prosedur dan teknikal. Namun, yang menjadi masalah sekarang adakah hanya merupakan aspek prosedur dan teknikal saja?

Jika Undang-Undang Jenayah Syariah (hudud dan qisas) Terengganu dilaksanakan (padahal tidak mungkin tanpa persetujuan pejabat Peguam Negara dan Kerajaan Pusat, oleh itu ia disindir sebagai hudud pilihanraya), rakyat negeri itu diberi pilihan untuk menggunakan undang-undang baru atau undang-undang sedia ada.

Tetapi tiada jaminan fleksibiliti ini tidak ditarik balik pada bila-bila masa saja atas tanggungjawab dengan Tuhan. Dalam suasana agama yang begitu pekat sekali, adakah orang Islam bebas untuk membuat pilihan?

#### ***Hudud terjemahan PAS***

Tidakkah mereka akan dipandang sebagai kafir yang mengkhianati bangsa dan agama? Dan orang bukan Islam yang memilih undang-undang sedia ada, yang menurut pendapat Abdul Hadi, akan menyebabkan keadaan moralnya tidak terpelihara dan akan dihukum di akhirat?

Hujah Abdul Hadi Awang sendiri tentang fleksibiliti untuk memilih hudud atau undang-undang yang sedia ada telah menempatkan hudud di tempat yang lebih mulia dan unggul, bukankah begitu?

Saya tidak tahu apa ukuran Abdul Hadi Awang untuk mengatakan masyarakat umum sudah menerima hudud, jika ketua Muslimat Pas dan Keadilan juga tidak berpuas hati dengan beberapa peruntukan yang berkenaan.

Kepada masyarakat bukan Islam yang mengikut kontroversi kali ini, saya berani mengatakan peruntukan yang dibantah dan dipertikaikan itu, dengan jelas sekali mendedahkan sifat primitif yang anti-wanita dan ketinggalan zaman. Setelah berpuluh-puluh tahun bercakap tentang hudud, PAS sebenarnya gagal menggubalkan peruntukan-peruntukan hudud yang adil dan saksama.

Sekiranya PAS menggunakan hudud sebagai senjata utama untuk bersaing dengan Umno sebagai bukti memperjuangkan negara Islam yang sebenar, ia harus berhati-hati agar senjata ini tidak makan tuannya.

Saya sendiri tidak percaya orang bukan Islam akan menyokong hudud, dan begitu juga orang Islam amnya yang berminda terbuka akan menerima hudud terjemahan PAS sepertimana yang terpapar dalam draf cadangan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (hudud dan qisas) Terengganu yang dibantah oleh kaum wanita secara umum itu.

Tidak begitu bijak rasanya jika hudud yang menjadikan PAS terhakis kewibawaan dan pengaruhnya menjelang pilihanraya umum yang akan datang.

12hb Jun 2002

---

## 23 Hudud Sebagai Strategi Politik

Kerajaan Negeri Terengganu Pas telah meluluskan Undang-Undang Syariah (Hudud dan Qisas) walaupun ia ditentang dan dipertikaikan oleh banyak pihak, termasuk parti sahabat Barisan Alternatif (PRM misalnya) sendiri.

Menteri Besar Terengganu merangkap Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri pernah mengakui bahawa hukum hudud hanya 0.001 peratus daripada keseluruhan syariah Islam.

Namun demikian, kenapa Pas begitu ghairah dan secara terburu-buru hendak melaksanakan bahagian syariah yang amat kontroversial ini?

Pihak Umno menuduh hudud yang digubal oleh Kerajaan Negeri Pas sebagai muslihat politik, kerana mereka tahu penggubalan undang-undang jenayah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Oleh itu, Undang-Undang Syariah (Hudud dan Qisas) yang diluluskan, baik oleh Kerajaan Negeri Kelantan maupun Kerajaan Negeri Terengganu tidak dapat dikuatkuasakan.

Apabila penguatkuasaannya ditegah oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional (BN), maka Umno, sebagai parti Melayu dalam BN, dilihat sebagai anti-Islam.

---

### ***Perlembagaan Negara***

Oleh itu, menurut PAS, pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia sebuah negara Islam dianggap tidak betul, tetapi sebaliknya negara Islam tajaan PAS yang merupakan negara Islam tulen. Atau dengan lebih ringkas: PAS lebih Islam daripada Umno.

Menurut pemimpin PAS, mereka telah bersedia menghadapi dakwaan bahawa undang-undang hudud, qisas dan takzir Kelantan dan Terengganu bertentangan dengan Perlembagaan Negara, sekaligus ianya tidak dapat dikuatkuasakan. Namun mereka merahsiakan strategi mereka untuk menangkis dakwaan tersebut.

Malah pihak polis Terengganu telah menegaskan pendiriannya tidak dapat membantu kerajaan negeri untuk melaksanakan undang-undang berkaitan kerana bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

Bagaimanapun sesetengah pemimpin Pas (umpamanya Hassan Mohd Salleh, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Payung) berpendapat bahawa undang-undang tertinggi negara kita bukanlah perlembagaan yang digubal oleh orang Kristian, Lord Reid, tetapi adalah al-Quran.

Kepada umat Islam, ini memang kebenaran yang tidak dapat dipertikaikan, tetapi ia bercanggah dengan realiti sistem politik negara kita yang dilaksanakan selama ini.

Demikianlah percanggahan dan dilema dasar PAS yang memperjuangkan keagungan dan pelaksanaan syariah yang menyeluruh, akibat agama dicampuradukkan dengan sistem politik negara yang melibatkan rakyat semua kaum, termasuk Islam dan bukan Islam.

### ***Umno tertekan***

Dalam persaingan dengan Umno (iaitu sesama Islam), terutamanya di Kelantan dan Terengganu, hujah mengenai kewajiban untuk melaksanakan hukum hudud sebagai undang-undang Allah mungkin sukar ditepis oleh Umno khususnya dan umat Islam amnya.

Tetapi, ia tidak semestinya merupakan strategi yang bijaksana dan menguntungkan sekiranya ditinjau dari senario politik negara keseluruhannya, demi jangka masa yang pendek dan panjang.

Tinjauan ini dibuat atas tiga pertalian: Pertama, persaingan PAS dan Umno untuk menarik sokongan umat Islam; kedua, hubungan PAS dengan masyarakat bukan Islam; dan ketiga, hubungan PAS

dengan parti-parti sahabat dalam Barisan Alternatif.

Tidak dapat dinafikan, selepas tahun 1997/98, tindakan Dr Mahathir dalam menangani kes Anwar Ibrahim, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), politik wang, rasuah dan kronisme, telah menyebabkan Umno kehilangan banyak sokongan orang Melayu. Manakala PAS pula mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum 1999 dengan dakwaan mendapat sokongan daripada 60 peratus pengundi Melayu.

Umno rasanya tertekan oleh serangan PAS dari segi agama, sehingga Dr Mahathir terpaksa memainkan muslihat politik, dengan mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam pada 29 Sept 2001.

Malah, beliau juga mendakwa dirinya sebagai seorang Islam fundamentalis, bukan seorang pemimpin Islam yang sederhana seperti yang dianggap selama ini.

Nampaknya PAS dan Umno sedang berlumba-lumba untuk membuktikan bahawa masing-masing lebih bersifat Islam dan lebih radikal. Kedua-dua parti itu melipatgandakan usaha masing-masing dalam melaksanakan program-program Islamisasi.

Selama ini, hudud merupakan satu dasar yang membezakan PAS dengan Umno. PAS sejak tahun 80-an telah sibuk menyediakan draf undang-undang hudud dan cuba sedaya-upaya untuk melaksanakannya. Umno sebaliknya menentang pelaksanaannya, meskipun alasan penentangannya berubah-ubah dari masa ke semasa.

### ***Program Islamisasi***

Memandangkan hudud merupakan undang-undang yang digunapakai 14 abad dahulu, di satu pihak, ia adalah undang-undang Allah yang tidak boleh diubah oleh manusia, manakala di pihak yang lain, tanpa ubahsuai mengikut edaran zaman, ia tentu sukar dilaksanakan secara adil seperti yang dihendaki Islam.

Justeru itu, setengah negara Islam yang melaksanakan hudud telah gagal atau sedang menghadapi pelbagai masalah.

Pertikaian, perdebatan, penentangan dan permasalahan yang timbul berkaitan kezaliman dan kelemahan undang-undang hudud di Kelantan dan Terengganu sebelum ia dilaksanakan, sudah cukup untuk menjelaskan keutamaan yang diberikan oleh PAS untuk melaksanakan undang-undang hudud, tidak begitu bijaksana dari segi strategi politik.

Buat apa membebaskan diri dalam menggubal dan melaksanakan undang-undang hudud yang begitu kontroversial, sedangkan ia adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan? Kenapa tidak dibiarkan Kerajaan Barisan Nasional yang memikul beban tersebut untuk mengisi dakwaannya bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam?

Mana-mana parti politik atau pakatan parti politik yang ingin memegang tampuk kuasa pemerintahan negara mesti ingat bahawa negara kita merupakan negara berbilang kaum. Sebarang dasar yang tidak dapat diterima oleh rakyat berbilang kaum tentunya tidak dapat dianggap sebagai dasar yang bijaksana jika dipandang dari segi strateginya.

Berpura-pura hudud akan diterima oleh rakyat bukan Islam adalah tidak realistik. Mendakwa rakyat bukan Islam tidak dapat menerima hudud adalah kerana mereka belum atau kurang faham juga sangkaan subjektif yang tidak berasas.

### ***Implikasi politik***

Usahlah meyakinkan rakyat bukan Islam untuk menerima hudud, saya percaya ramai juga orang Islam yang keberatan untuk menerimanya, yang berlainan hanya mereka sebagai orang Islam sukar hendak menolak undang-undang Allah .

Satahu saya, ramai penyokong Barisan Alternatif yang menyokong PAS dalam pilihanraya umum lalu, telah berubah sikap, sama ada berpaling ke pihak Barisan Nasional atau terlalu kecewa dengan PAS sehingga teragak-agak untuk terus menyokong BA.

Ketegasan PAS dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang hudud telah menyerlahkan imejnya sebagai parti radikal yang memperjuangkan hegemoni Islam terhadap rakyat bukan Islam demi mewujudkan sistem negara teokrasi yang sukar diterima oleh rakyat bukan Islam.

Dr Syed Husin Ali, ketika menyentuh tentang hudud, dalam ucapan dasarnya sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) dalam kongres nasional parti itu yang ke-35, telah mengatakan mereka tidak faham mengapa Kerajaan Terengganu begitu terburu-buru sehingga parti-parti sahabat dalam BA pun tidak diberi peluang untuk menghalusi dan mengkaji implikasi politiknya terlebih dahulu.

Beliau juga mengatakan PRM tidak bersetuju dengan sebarang usaha oleh sesiapa pun dan dari apa agama pun, untuk mewujudkan sebuah negara teokrasi, di mana sekumpulan elit politik yang berkuasa cuba memaksakan

sistem serta nilai agamanya saja ke atas seluruh rakyat, termasuk rakyat yang berlainan agama.

Beliau berkata, sekiranya PAS beranggapan ia tidak perlu lagi berbincang dengan parti-parti sahabat dan yakin bahawa dengan membawa isu negara Islam dan akta Hudud itu, ia boleh menguat serta meluaskan pengaruhnya, maka ia bermakna kedudukan BA menjadi bertambah sulit.

### ***Kurang bijaksana***

Seterusnya, kata beliau, jikalau PAS mengutamakan strategi untuk mempertahankan dan meluaskan sokongan hanya di negeri dan kawasan majoriti besar pengundi Melayu, berertilah ia tidak begitu mementingkan peranannya dalam politik negara seluruhnya.

Seandainya semua ini berlaku, maka pentinglah bagi BA untuk segera membuat penilaian diri, dan menentukan apakah cara baru yang terbaik dan berkesan bagi semua parti pembangkang untuk menentang BN dalam pilihanraya umum akan datang. Nampaknya strategi PAS telah menimbulkan krisis baru bagi pakatan BA.

Berdasarkan analisis di atas, maka nyatalah sebagai strategi politik, keutamaan dan keghairahan PAS memperjuangkan hudud dan negara teokrasi sebenarnya telah menyerlahkan imejnya sebagai sebuah parti agama yang berwawasan sempit dan konservatif.

Ia bukan saja telah mensia-siakan hubungan baik yang telah dibinanya dengan masyarakat bukan Islam selama ini, malah menghakiskan perpaduan pakatan BA yang memperjuangkan reformasi politik negara kita.

PAS harus mengubah strategi politiknya yang kurang bijaksana ini sekiranya ia benar-benar menghargai imejnya yang lebih terbuka, progresif dan berwawasan, serta mementingkan hubungan baik parti itu dengan masyarakat bukan-Islam.

Ia juga penting untuk perpaduan pakatan BA untuk memperjuangkan suatu sistem politik baru yang lebih adil, demokratik, terbuka dan progresif untuk rakyat kita yang berbilang kaum dan agama. Bertindaklah sebelum terlewat!

17hb Julai 2002

## 24 'Bulan' Belum Pudar Lagi

Keputusan pilihanraya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit telah membuktikan bahawa 'bulan' sebenarnya belum pudar lagi, dan dakwaan Umno bahawa orang Melayu telah balik menyokong Umno adalah tidak berasas.

Mengikut pemimpin Umno tempatan, undi Melayu yang diperolehi Umno kali ini hanya 42 peratus. Ini pun setelah segala jentera kerajaan digerakkan di bawah pimpinan hampir seluruh hulubalangnyanya yang turun ke padang di samping penguasaan media, serta politik wang dan taktik kotor (umpamanya pengundi hantu).

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad begitu kecewa sekali dengan kekalahan Barisan Nasional di Anak Bukit, sehingga penyokong PAS dibidas sebagai "fanatik", dan sanggup mengundi calon PAS secara membabi buta. Kata beliau, jika tunggul kayu sekalipun dijadikan calon PAS, ia akan menang juga.

lanya seperti yang berlaku kepada penyokong kubu DAP suatu masa dahulu, kononnya walaupun seekor lembu dijadikan calon DAP, ia tetap akan menang!

Tidak dapat dinafikan bahawa Anak Bukit merupakan kawasan strategik bagi PAS untuk terus menafikan BN daripada memperolehi majoriti dua

pertiga majoriti di Dewan Undangan Negeri Kedah.

Dan kemenangan PAS di Anak Bukit juga merupakan faktor psikologi yang amat diperlukan ke arah mencapai matlamat mengambil alih kuasa pemerintahan negeri Kedah dalam pilihanraya akan datang.

### **Orang lama**

Setelah ditewaskan, calon BN, Datuk Zakaria Said mengaku jentera pilihanraya BN tidak mampu menyangi semangat jentera pilihanraya PAS. Di samping itu, beliau juga mengaku tidak begitu aktif berpolitik sejak tidak dicalonkan dalam pilihanraya umum tahun 1999.

Dengan kenyataan seperti itu, beliau seolah-olah secara tidak langsung bersetuju dengan kritikan bahawa Umno terlalu bersandar kepada "orang lama" yang tidak dapat menyumbangkan nafas baru kepada politik semasa yang lebih mencabarkan.

Di pihak yang lain, calon PAS Amiruddin Hamzah tentu bukan tunggul kayu yang diibaratkan Mahathir. Sebaliknya, sebagai seorang jurutera, beliau merupakan profesional muda PAS yang ingin membawa perubahan kepada suasana politik negara kita.

Ini membuktikan kemenangan PAS di Anak Bukit bukan atas nasib semata-mata, sunguhpun BN begitu yakin mereka akan menang di kawasan tersebut. Kerana itulah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ramai lagi pemimpin BN awal-awal lagi berkumpul di tempat penjumlahan undi di Anak Bukit.

Mereka semuanya sudah bersedia untuk menyambut kemenangan BN. PAS sendiri juga tidak bersikap optimistik kerana tertekan oleh jentera Kerajaan BN yang begitu kuat dan agresif sekali.

Bagaimanapun, Umno telah berjaya merampas semula Parlimen Pendang meskipun dengan majoriti yang kecil (283 undi), di samping mengurangkan majoriti yang dimenangi oleh Datuk Fadzil Noor pada 1999 (dari 1,840 kepada 508 undi) di Anak Bukit.

MCA Kedah mendakwa 95 peratus pengundi Cina di Pendang dan Anak Bukit memilih calon BN. Walaupun ada kemungkinan peratusan itu diperbesarkan, namun, Hadi Awang sendiri mengakui bahawa bilangan pengundi Cina yang mengundi PAS kali ini telah merosot, dan menjadi punca kekalahan calon PAS di Pendang, dan kemerosotan undi majoriti calon parti itu di Anak Bukit.

Di Pendang, terdapat pengundi bukan Melayu yang kebanyakannya kaum Cina dan Thai yang berjumlah kira-kira 5,500 orang. Seandainya PAS mampu mendapat lebih 10 peratus (550 undi) pengundi bukan Melayu, parti itu sudah tentu dapat mengekalkan kerusi Pendang.

Maksud saya, calon PAS kehilangan undi kali ini akibat eksploitasi habis-habisan oleh jentera media dan propaganda BN terhadap isu hukum hudud.

Menurut analisis di atas, keputusan pertarungan PAS dan Umno di Pendang dan Anak Bukit boleh dikatakan seri satu sama. Dacing kecundang di Anak Bukit dan bulan pula gerhana di Pendang. Oleh itu tiada mana-mana parti yang layak digelar sebagai pemenang total, dan tiada juga yang boleh dianggap sebagai gagal keseluruhannya.

Namun media elektronik dan cetak yang dikuasai BN telah memberi gambaran bahawa kempen pihak pembangkang adalah ganas, tidak beretika dan penuh dengan kekerasan serta taktik-taktik kotor.

### ***Selak kain***

Mereka menggambarkan bahawa penceramah PAS hanya pandai memakihamun, penyokong PAS didakwa menyelak kain untuk mendedahkan kemaluan, menyimbah asid dan memecahkan cermin kereta, serta menahan bas-bas yang membawa penyokong BN dengan kekerasan, berkelahi dan sebagainya.

Siapa yang sebenarnya menjalankan kempen ganas dan taktik kotor adalah sukar dikenalpasti kerana unsur sabotaj juga harus diperhitungkan. Menurut Pesuruhjaya PAS Kedah, Azizan Razak yang juga pengarah pilihanraya PAS Kedah: "Dalam pilihanraya, kadang-kadang poster PAS tetapi Umno yang buat, kadang-kadang poster Umno, PAS yang buat."

Saya diberitahu oleh seorang petugas Keadilan, bahawa dalam kempen pilihanraya kecil di Indera Kayangan, Perlis, dahulu, dalam sebuah kereta petugas BN yang terlibat dalam suatu kemalangan jalanraya, ditemui sejumlah kain rentang berbahasa Cina yang berbunyi "hanya parti PAS dan Keadilan sanggup melaksanakan negara Islam di negara ini". Ini satu contoh kain rentang BA, tetapi BN yang buat.

Pembaca tentu masih ingat pilihanraya umum tahun 1990, di mana gambar Tengku Razaleigh Hamzah, yang juga Presiden Semangat 46 dan Ketua Gagasan Rakyat ketika itu, yang memakai sigah Kadazan yang difitnah oleh BN sebagai lambang salib.

---

Berikutan itu, suatu propaganda besar-besaran dilancarkan ke seluruh negara untuk mengapi-apikan sentimen umat Islam untuk menentang Tengku Razaliyeh dan Gagasan Rakyat pimpinannya, kononnya beliau mengkhianati kaum Melayu dan agama Islam.

Bagaimanapun, dari segi budaya politik dan semangat demokrasi dan keadilan, taktik-taktik kotor sepatutnya tidak digunakan, terutamanya fitnah yang tidak berasas dan penggunaan kekerasan.

### ***Kambing hitam***

Tidak kira petugas PAS ataupun Umno atau mana-mana pihak yang menyebarkan poster-poster yang memaparkan Dr Mahathir sebagai paderi besar dan Timbalan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi pula sebagai penjual babi umpamanya, bukan saja fitnah terhadap individu terbabit, malah implikasi politiknya jauh lebih serius.

Ini kerana penganut agama Kristian dan pembela babi yang bukan Islam, seolah-olah turut dihinakan, dan mungkin berasa tersinggung.

Ahli politik yang berprinsip sudah barang tentu tidak akan mengambil risiko memburukkan hubungan baik antara kaum dan agama untuk meraihkan undi murahan seperti yang dilakukan di atas.

Mana-mana petugas parti atau pihak yang sanggup berbuat demikian ialah petualang politik yang tidak beretika dan tidak berprinsip. Mereka harus ditentang dan disingkirkan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, mesyuarat Kabinet akan membincangkan beberapa cadangan baru bagi "memastikan kempen pilihanraya secara melampau dan ganas seperti yang berlaku di Pendang dan Anak Bukit, Kedah, tidak berulang lagi".

Tambahnya, semua cadangan Kabinet tersebut akan dijadikan panduan oleh Jabatan Peguam Negara yang kini dalam proses akhir meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Nampaknya pembangkang juga yang akan dijadikan kambing hitam.

24hb Julai 2002

## 25 Keadilan Masih Berdiri Di Tengah Jalan

Bak kata Hishamuddin Rais dalam suratnya kepada Pengarang Berita Keadilan: "Pendirian wajib diambil - panggillah sebuah cangkul sebuah cangkul, kita tidak perlu jadi lalang atau berdiri di tengah jalan - berdiri di tengah jalan akan dilanggar oleh dua hala kereta - kiri dan kanan."

Bagi Hishamuddin, mengambil pendirian tentang hudud/negara Islam tidak begitu sukar. Beliau sekaligus menolak negara Islam berdasarkan prinsip: "Menolak 'eksklusiviti' terhadap kumpulan, kelompok negara Islam - hanya yang Islam saja yang boleh memerintah, yang tidak Islam tidak mungkin. Untuk saya konsep ini tidak mungkin dapat saya terima". Prinsip beliau tegas dan jitu, selaras dengan "jalurnya yang berbeza".

Justeru ingin melepaskan diri daripada dilema "berdiri di tengah jalan", sepertimana anggapan naib presiden Keadilan, Tian Chua bahawa "Sekiranya kita cuba menggambarkan pendirian yang berbeza kepada komuniti berlainan, ia akan menjadi bencana yang lebih teruk lagi", maka suatu percubaan telah dibuat dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi parti itu baru-baru ini untuk "memanggil sebuah cangkul sebuah cangkul".

Setelah 'perdebatan hangat' berjam-jam lamanya dalam mesyuarat tersebut pada 22 Ogos lalu, akhirnya Parti Keadilan Nasional mengambil satu pendirian mengenai Enakmen Jenayah Syariah (Hudud, Qisas dan Takzir) Kerajaan Negeri Terengganu, yang kemudiannya disusuli dengan kenyataan

satu muka surat yang diedarkan kepada pemberita.

Kenyataan tersebut ditafsirkan oleh pemberita malaysiakini sebagai Keadilan 'tolak hudud', tetapi dikesali oleh timbalan presiden Keadilan, Abdul Rahman Othman sebagai tidak betul dan diminta supaya diperbetulkan laporan yang disiarkan. Interpretasi beliau ialah Keadilan sebaliknya telah menerima hudud.

#### ***Pelaksanaan hukum hudud***

Bila menyiarkan pembetulan Abdul Rahman Othman tersebut, suatu nota editor turut disertai: "Laporan malaysiakini semalam dibuat berasaskan maklumbalas dari sumber-sumber yang rapat dengan Keadilan selepas mesyuarat majlis tertinggi parti itu Khamis lalu.

"Menurut sumber-sumber tersebut, selaras dengan pendirian parti itu menyokong dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, maka ia bermaksud Keadilan tidak menerima pelaksanaan hukum hudud PAS."

Nota editor tersebut adalah benar menurut perenggan ketiga kenyataan Majlis Pimpinan Tertinggi yang berbunyi: "Memperakui Keadilan secara umumnya menerima pakai Perlembagaan Persekutuan dan Kontrak Sosial 1957."

Dalam laporan pembetulan Abdul Rahman Othman, sebaliknya ditegaskan: "Bersama-sama ini disertakan pendirian Parti Keadilan Nasional mengenai Enakmen Jenayah Syariah Negeri Terengganu yang dengan jelas menghormati langkah dan hak Negeri Terengganu dan Kelantan untuk melaksanakan enakmen berkenaan."

Penjelasan ini juga tidak palsu berasaskan perenggan ketujuh kenyataan Majlis Pimpinan Tertinggi yang berbunyi: "Menghormati langkah dan hak kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan yang dipilih secara demokratik oleh rakyat kedua-dua negeri, untuk melaksanakan Enakmen Jenayah Syariah."

Penjelasan Abdul Rahman Othman tersebut diperkuatkan oleh Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Keadilan, yang menambah: "Keadilan percaya bahawa tiada Muslim yang boleh menolak Undang-Undang Syariah, termasuk hudud yang merupakan sebahagian daripada Syariah, kerana ianya selaras dengan kewajiban keagamaan orang-orang Muslim."

#### ***Mengambil jalan tengah***

Dari analisis tersebut, pemberita malaysiakini dan Abdul Rahman Othman, kedua-duanya betul dan juga salah, mereka hanya berasaskan perenggan

ketiga atau perenggan ketujuh yang padahal bercanggah antara satu sama lain.

Dengan perkataan lain, andainya "menerima pakai Perlembagaan Persekutuan dan Kontrak Sosial 1957", maka "menolak hudud" adalah akibat sewajarnya; dan akibat "menghormati langkah dan hak kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan untuk melaksanakan Enakmen Jenayah Syariah" dengan sendiri bermakna "menolak Perlembagaan Persekutuan dan Kontrak sosial 1957"!

Kenyataan Majlis Pimpinan Tertinggi Keadilan sebenarnya cuba mengkompromikan dua pendirian yang bertentangan dan tidak dapat dikompromikan. Akhirnya dengan sedar atau tidak sedar, ia sekali lagi terjerumus kembali ke 'jalan tengah' lagi, suatu dilema yang cuba dilepaskannya.

Pendirian tersebut tentu sudah menghampakan naib presiden Keadilan, Tian Chua yang berpendapat: "Keadilan seharusnya mengumumkan satu kenyataan yang jelas bahawa kita tidak setuju dengan PAS memperkenalkan Hudud dan Qisas di Terengganu secara terburu-buru. Bagaimanapun, kita akan terus bekerjasama dengan PAS dalam satu pakatan bersama memperjuangkan demokrasi dan keadilan."

Pendirian tersebut juga bercanggah dengan pendirian Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang diutarakan oleh presidennya, Dr Syed Husin Ali dalam Kongres Nasional PRM ke-35, yang mengatakan PRM tidak bersetuju dengan sebarang usaha sesiapaupun dan dari apa agama pun, untuk mewujudkan sebuah negara teokrasi, di mana sekumpulan elit politik yang berkuasa cuba memaksakan sistem serta nilai agamanya saja ke atas seluruh rakyat, termasuk rakyat yang berlainan agama.

### ***Berlandaskan reformasi***

Salah satu faktor kenapa Keadilan gagal melepaskan dirinya daripada dilema tersepit di 'jalan tengah' mungkin fahaman 'neo-taklidisme' (pengikut pandangan agama secara membabi-butu) yang dikemukakan oleh pengarang Berita Keadilan, Khalid Jaafar.

Khalid juga jenis yang "jalurnya berbeza" seperti Hishamuddin Rais. Beliau memberi dua contoh bagaimana sang reformis jangan bertaklid-taklidan. Contoh hujah pertamanya: "Kalau PAS berpendirian murtad itu dihukum mati, maka Keadilan jangan taklid dengan PAS dalam hal ini. Keadilan harus kekal dengan sifatnya sebagai parti pelbagai kaum, berlandaskan reformasi, dan memperjuangkan hak asasi manusia - yang termasuk di dalamnya kebebasan beragama - sehinga berputih tulang."

Bagi contoh keduanya, Khalid berkata: "Termasuk juga dalam agenda perjuangan Keadilan dan reformasi adalah gender equality (kesetaraan jantina). Justeru itu, mengapa kita perlu bertaklid dengan pendapat yang tidak memberikan persamaan antara wanita dan lelaki sebagai saksi? Sheikh Syaltut juga berpendapat nilai kesaksian wanita dengan lelaki tidak berbeza."

Beliau telah membentangkan satu kertaskerja yang dianggap 'berat' di kalangan pimpinan pusat Keadilan, menggesa parti mengambil pendekatan "Madrasah al-ra'yu" yang melihat masalah, atau kepentingan rakyat sebagai matlamat syariat. Dalam urusan duniawi, persoalan kenegaraan dan kemasyarakatan, tujuan atau maqasid perlu diutamakan dari bentuk lahiriah.

Menurut beliau, gesaan yang sama, sebelum ini, telah dibuat oleh Anwar Ibrahim kepada masyarakat Islam Asia Tenggara dalam bukunya Gelombang Kebangkitan Asia.

#### ***Fahaman berbeza***

Kegagalan parti Keadilan untuk melepaskan parti itu daripada dilema "berdiri di tengah jalan" pada masa ini, memperlihatkan kesukaran parti bersifat pelbagai kaum dalam menangani isu yang berunsur sentimen kaum/agama seperti hudud dan negara Islam dalam suasana keagamaan yang kian tebal sekarang.

ia bukan saja melibatkan pandangan dan pendirian yang berbeza mengikut kaum dan agama yang berlainan; ia juga melibatkan pandangan dan pendirian yang berbeza mengikut set minda, aliran fahaman dan mazhab yang berlainan dalam sesuatu kaum dan agama.

Dalam keadaan ini, semua pihak yang tidak berpengalaman, tetapi nekad untuk mencari persamaan, persefahaman dan penyelesaian dalam kepelbagaian, malah percanggahan fahaman, kepercayaan dan nilai, bukan sahaja memerlukan kesabaran, sikap dan minda yang terbuka, hormat-menghormati, dan sudi berkompromi.

Malah, ia juga hendaklah diasaskan kepada beberapa prinsip yang diakui dan sanjung oleh semua pihak terbabit, umpamanya prinsip-prinsip hak asasi manusia, kesetaraan kaum, hak minoriti dan hak perlembagaan semua kaum.

Jika parti Keadilan masih berpegang kepada sifat dan falsafah politik kepelbagaian kaum, ia perlu membuktikan pimpinan parti itu berkemampuan untuk menangani isu yang bersentimen kaum/agama

seperti Hudud dan Negara Islam.

Jatuh bangun parti itu, malah jatuh bangun Barisan Alternatif (BA) bergantung kepada sama ada parti itu sanggup melepaskan dirinya daripada dilema berdiri di tengah jalan!

4hb September 2002

---

## 26 DAP vs Keadilan

Keputusan pilihanraya kecil kerusi Parlimen Gaya, Sabah pada 12 Oktober lalu merupakan kemenangan besar bagi calon Barisan Nasional (BN), Liew Teck Chan yang memperolehi 15,639 undi.

Majoritinya 11,923 undi untuk Liew juga hampir tiga kali ganda daripada 4,117 undi yang diperolehi Datuk Yong Teck Lee (4,117 undi) dalam pilihanraya umum 1999.

Manakala calon DAP, Hiew King Cheu dan calon Keadilan, Christina Liew, pula masing-masing hanya mendapat 3,716 undi dan 2,613 undi sehingga hilang wang pertaruhan - satu kegagalan yang begitu ketara.

Bagi DAP sudah bertapak di Sabah sejak tahun 70-an. Malah di segi sejarahnya, calon DAP, Gerard Math Lee Min pernah memenangi kerusi Parlimen Gaya dengan majoriti besar (8,208 undi).

Oleh itu, 3,716 undi yang mampu diperolehi calonnya dalam pilihanraya kecil Gaya yang baru lalu, mencerminkan setakat mana 'potensinya' untuk mengisi kekosongan politik pembangkang yang ditinggalkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) yang telah kembali semula ke pangkuan BN.

Apatah lagi apabila undi yang diperolehinya itu dipercayai daripada kaum Cina. Pengundi di Gaya terdiri daripada, 40 peratus Cina, 33 peratus

bumiputra dan 22 peratus lagi bumiputra Islam. Oleh itu, kegagalan DAP memperolehi sokongan pelbagai kaum tentunya tidak begitu sihat bagi perkembangan politik negara kita yang majmuk ini.

Bagi Keadilan, kehilangan wang pertaruhan tentu amat mengecewakan. Ini merupakan petanda kurang baik bagi percubaan BA untuk menembusi kubu BN di Sabah dalam pilihanraya umum akan datang bagi memecahkan majoriti dua pertiga BN dalam Parlimen atau untuk menawan kuasa pemerintahan negara ini.

### ***Siapa lebih kuat***

Di samping itu, modal tawar-menawar Keadilan dengan DAP untuk masing-masing mendapat lebih banyak kerusi dalam pilihanraya umum akan datang, juga akan terjejas berikutan prestasi parti itu dalam pilihanraya kecil yang baru lalu.

Dalam keadaan ini, DAP tentu lebih sukar berkompromi kerana Keadilan juga gagal memperlihatkan kekuatannya sebagai sebuah parti majmuk yang mampu menarik sokongan meluas pengundi pelbagai kaum.

Dengan perkataan lain, kedua-dua parti itu, masing-masing gagal untuk membuktikan siapa yang lebih kuat, dan mampu mengisi kekosongan ruang politik pembangkang yang ditinggalkan oleh PBS.

Moga-moga kedua-dua parti pembangkang tersebut dapat mengambil iktibar daripada kegagalan kali ini dan berusaha untuk 'rujuk kembali' dan mengatur strategi baru bagi menghadapi musuh bersama dalam pilihanraya umum akan datang.

Bagaimanapun, kekalahan teruk calon-calon pembangkang di Gaya kali ini tentu merangsangkan BN untuk mengisytiharkan semula bahawa Sabah adalah kubu politik BN. Malah, kejayaan calon BN itu dialu-alukan sebagai kemenangan bergaya yang cukup membanggakan!

Namun, jika dihalusi dari aspek-aspek lain, keputusan pilihanraya kecil kali ini juga memperlihatkan beberapa kelemahan yang agak menonjol mengenai politik Sabah amnya dan kempen pilihanraya kecil di Gaya khususnya.

### ***Politik katak***

Pilihanraya kecil Gaya diadakan kerana bekas ahli Parlimen Gaya, Yong Teck Lee hilang kelayakan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan Yong terhadap keputusan Mahkamah Seksyen yang mensabitkannya terhadap

kesalahan rasuah sewaktu pilihanraya umum 1999.

Bagaimanapun, BN boleh dianggap telah menang sebelum bertanding kerana dua faktor yang menguntungkannya - pertama, faktor Pairin Kitingan yang membawa PBS kembali ke pangkuan BN; dan kedua, Keadilan dan DAP yang meletakkan calon masing-masing.

"Faktor Pairin" juga dianggap sebagai unsur penting bagi calon BN menang dengan majoriti yang begitu banyak menerusi sokongan kuat kaum Kadazandusun. Lantaran itu, beliau dilaporkan telah disambut sebagai seorang "wira" setibanya di pusat pengiraan undi pilihanraya kecil Gaya.

"Faktor Pairin" juga merupakan penjelmaan semula "politik katak" di arena politik Sabah. Umpamanya pada 1994, PBS memenangi 25 kerusi daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan membentuk kerajaan Sabah.

Namun dalam tempoh sebulan sahaja, kerajaan PBS tumbang akibat beberapa ekor katak politik PBS telah "melompat" satu demi satu ke pihak BN. Malah PBS telah dipecahbelahkan menjadi beberapa parti kecil Kadazandusun untuk "mewakili" kaum tersebut dalam BN.

### ***Musuh dalam selimut***

Sepanjang tempoh tersebut, 'katak-katak politik' Kadazandusun adalah "musuh dalam selimut" kepada Pairin dan pengikutnya.

Bagaimanapun, tidak disangka, pada awal tahun ini, mereka sendiri juga secara kolektif "melompat" masuk BN juga!

Apa yang jelas, "faktor Pairin" merupakan faktor positif kepada BN, kerana beliau masih mampu memperolehi sokongan pengundi kaum Kadazandusun dan dianggap sebagai seorang "wira".

Dalam suasana politik sekarang, kesedaran politik pengundi rasanya masih jauh ketinggalan. Mereka hanya menghiraukan isu-isu tempatan yang remeh-temeh (caj letak kereta umpamanya), Sebaliknya, isu-isu pokok yang bersangkutan-paut dengan dasar-dasar negara tidak dapat menarik minat para pengundi.

Tidakkah ini juga sesuatu yang sangat menghampakan ahli-ahli politik yang ingin memperjuangkan suatu sistem politik yang lebih adil, terbuka, demokratik dan progresif?

Tidak hairanlah proses pemilihan menjadi begitu hambar, dan pengundi hilang kehairahan untuk keluar mengundi. Tidak sampai 45 peratus keluar mengundi - suatu peratusan yang paling rendah pernah dicatatkan! Kemenangan seperti ini mana layak digelar sebagai kemenangan yang bergaya!

16hb Oktober 2002

---

## 27 Belanjawan BA Patut Dialu-alukan

---

Fenomena politik negara kita kadang-kadang tidak begitu mudah untuk difahami manusia biasa yang berfikiran lumrah. Umpamanya, pakatan Barisan Alternatif (BA) cuba mengemukakan strategi belanjawan mereka dalam Dewan Rakyat.

Bagi rakyat biasa, ini mungkin suatu sumbangan pembangkang yang positif, atau sekurang-kurangnya memenuhi tanggungjawab mereka terhadap penggubalan belanjawan 2003.

Tetapi, dayausaha BA ini telah dipertikaikan oleh pemimpin Barisan Nasional (BN) dengan pelbagai alasan yang ganjil-ganjil, termasuk alasan bahawa pembangkang tidak berkuasa untuk mengemukakan belajawan sendiri manakala perbuatan BA itu dianggap sebagai gimik politik yang melucukan.

Lebih dikesali, apabila Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menyatakan penggubalan strategi belanjawan alternatif BA tersebut mendapat data-data daripada pegawai kerajaan yang terbabit, beliau digertak akan disiasat di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Rasanya, bukan saja pembentangan belanjawan negara dijadikan kuasa monopoli kerajaan, data-data penting untuk penggubalannya juga cuba dimonopoli kerajaan. OSA akan digunakan untuk melarang pihak-pihak lain,

---

terutamanya pembangkang untuk memperolehi data-data penting itu.

Bagaimanapun, strategi belanjawan alternatif BA telah dibentangkan oleh Profesor Jomo K Sundram melalui sidang media BA pada 17 September 2002 di Bangunan Parlimen. Ia juga dikemukakan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Dewan Rakyat ketika membahaskan Belanjawan 2003 pada 23 September lalu.

### ***Anti-demokrasi***

Percubaan pemimpin BN untuk menyekat BA daripada membentangkan strategi belanjawan alternatifnya adalah perbuatan anti-demokrasi, dan gertakan menggunakan OSA untuk menyiasat dan mengheret Abdul Hadi ke mahkamah adalah amat dikesali.

Sekalipun kerajaan BN menolak mentah-mentah apa saja yang akan dikemukakan oleh BA kerana prasangka politik, tidak dapat dinafikan, BA masih berhak mengemukakan strategi belanjawan alternatifnya. Rakyat pula patut diberi peluang untuk membandingkan strategi belanjawan alternatif BA dengan strategi Bajet 2003 yang dikemukakan oleh BN.

Bukan saja ahli Parlimen, tetapi pakar dan ilmuwan dalam pelbagai bidang juga harus digalakkan mengambil bahagian dalam proses penggubalan belanjawan negara, sama ada dalam membuat kajian, memberi saranan atau berdebat mengenai pendekatan atau strategi yang digunakan.

Malah, rakyat biasa juga patut digalakkan untuk mengikuti dan memahami perbincangan terbabit kerana belanjawan negara melibatkan kepentingan rakyat sebagai pembayar cukai. Lantaran itu, pandangan mereka juga tidak patut diabaikan.

Di samping itu, perbuatan menganggap pembentangan strategi belanjawan alternatif BA sebagai gimik politik tanpa analisis yang konkrit dan juga tidak meyakinkan itu, merupakan satu retorik politik murahan.

Untuk memudahkan analisis, biarlah kita meninjau beberapa contoh daripada belanjawan alternatif BA, dari segi strateginya, dan jika perlu, dibuat sedikit bandingan dengan belanjawan 2003 BN.

### ***Utamakan rakyat***

Umpamanya, mengikut Profesor Jomo, strategi belanjawan alternatif meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan pertama. Oleh itu, pembinaan projek mega yang mewah dan membazir, seperti empangan Bakun hendaklah dihentikan. Ia sebaliknya akan diganti dengan projek yang memberi manfaat nyata kepada rakyat, terutamanya dalam bidang

pendidikan, kesihatan, perumahan dan pertanian.

Dalam teks ucapan Bajet 2003, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sungguhpun mengakui kerajaan BN telah membangunkan projek besar seperti Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), namun, beliau tidak mengakuinya sebagai projek "mega".

Menurut Dr Mahathir, mega atau tidak, adalah relatif. Projek yang kecil boleh jadi mega jika kewangan negara tidak mampu membiayainya. Projek yang besar tetapi mampu dibiayai, bukanlah mega.

Hujah ini menitikberatkan kemampuan kewangan, bukan susunan keutamaan keperluan rakyat. Asal mampu dibiayai, projek-projek boros dan membazirkan sekalipun, tidak menjadi masalah.

Strategi kedua belanjawan alternatif, menurut Prof Jomo ialah memastikan alat-alat fiskal bersifat adil, bukan seperti sekarang. Usaha ke arah keadilan ini mesti merangkumi kedua-dua aspek dasar belanjawan, iaitu dari segi kesan percukaian dan juga dari kesan perbelanjaan.

Kedua-duanya, menurut Prof Jomo lagi, yang kini bersifat regresif, harus dijadikan progresif, iaitu dasar fiskal harus mengurangkan - bukan meningkatkan - ketidakadilan ekonomi yang sedia ada.

### ***Jurang pendapatan***

Selaras dengan strategi tersebut, kenaikan gaji sebanyak RM100 bagi kakitangan kerajaan telah dicadangkan dalam belanjawan BA untuk menjaga kebajikan kakitangan kerajaan, dan pada masa yang sama, bagi merapatkan jurang perbezaan pendapatan kakitangan kerajaan.

Maklumlah kerajaan BN telah bersetuju untuk memberi bonus satu bulan gaji atau minimum RM1,200 kepada semua anggota perkhidmatan awam. Tetapi langkah itu tidak menimbangkan masalah merapatkan jurang perbezaan pendapatan.

Dari segi strategi, yang penting bukan saja kenaikan gaji, tetapi juga prinsip merapatkan jurang perbezaan pendapatan mereka. Prinsip ini bukan saja penting untuk kakitangan kerajaan, tetapi juga amat penting bagi tenaga kerja swasta, dan bagi menanggapi pendapatan rakyat pelbagai lapisan amnya demi keadilan sosial-ekonomi.

Justeru itu, insentif pengurangan cukai telah dicadangkan oleh belanjawan alternatif BA kepada syarikat industrial kecil dan sederhana (IKS) untuk membantu dan menggalakkan mereka membayar cukai.

Syarikat IKS yang memperolehi pendapatan di bawah RM20,000 dicadangkan dikenakan hanya 20 peratus kadar cukai biasa dan bagi RM80,000 berikutnya dicadangkan hanya dikenakan 50 peratus dari kadar biasa.

Bajet BN pula mencadangkan pengurangan cukai daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000. Jelas sekali cadangan BA lebih memanfaatkan syarikat IKS.

Pada masa yang sama, belanjawan BA juga tidak setuju sebarang pengurangan bagi cukai korporat ke atas syarikat besar, kerana sebarang penurunan sebanyak 1 peratus, akan mengurangkan hasil kerajaan sebanyak RM600 juta!

### ***Projek yang merugikan***

Mengenai perbelanjaan, selain perbelanjaan sosial BN yang dianggap progresif, perbelanjaan sektor keselamatan dan ekonomi BN sebaliknya dianggap sebagai regresif kerana lebih menguntungkan yang berada dan kroni kerajaan.

Dasar penswastaaan BN yang menguntungkan kroni kerajaan dan pemiliknegeraan (nationalisation) projek-projek yang rugi seperti syarikat-syarikat LRT (Putra dan Star), Indah Water Konsortium (IWK) dan Penerbangan Malaysia (MAS), juga dibidas dalam belanjawan BA yang mencadangkan supaya diwujudkan strategi yang lebih berhemah, telus dan bertanggungjawab.

Strategi mengurangkan defisit belanjawan telah dikemukakan oleh BA, antaranya ialah:

- (i)* Memastikan pembelian projek-projek kerajaan adalah pada harga pasaran dan mengelakkan "over pricing". Proses tender akan lebih telus.
- (ii)* Menghentikan pembayaran berlebihan untuk pengambilalihan semula syarikat yang diswastakan seperti MAS.
- (iii)* Mengurangkan peruntukan keselamatan untuk pembelian senjata.
- (iv)* Mengenakan cukai yang lebih tinggi ke atas syarikat monopoli yang meraih untung besar seperti Telekom dan Tenaga Nasional.
- (v)* Menaikkan cukai ke atas pembalakan, arak, judi, rokok dan barangan mewah.

la mungkin bukan merupakan strategi-strategi radikal yang sanggup membawa reformasi struktur kepada sistem masyarakat negara kita, namun, dayausahnya untuk mengatasi beberapa dasar regresif BN juga amat ketara. Oleh itu, pembentangannya bukan saja tidak patut disekat tetapi sebaliknya patut dialu-alukan!

2hb Oktober 2002

## 28 Pemimpin Gergasi, Bangsa Kerdil?

Tidak dapat dinafikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin politik negara kita yang kontroversial sekali.

Yang ironis sekali ialah semasa beliau didewa-dewakan oleh media arus perdana sebagai pemimpin agung bangsa Melayu (bahkan pemimpin yang berpengaruh dalam negara-negara Islam), beliau sebaliknya berterus-terang mengaku "saya kecewa dengan Melayu".

Setelah 21 tahun memimpin Umno dan Kerajaan Malaysia, beliau mengaku gagal mengubah orang Melayu. Beliau begitu kecewa sekali, sehingga apabila ditanya katalah jam dapat diputar ke belakang dan beliau berada pada 28 Jun 1981, hari pertama beliau menjadi Presiden Umno, apa yang akan beliau lakukan?

Entah sama ada sinis, merajuk, atau terlalu kecewa, jawab beliau: "Saya mahu jadi ahli biasa sahaja, sebab saya tak boleh buat apa-apa untuk mengubah orang Melayu."

Menurut Mahathir, orang Melayu memang teruk sangat, antara lain:

(i) Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah digagalkan, sungguhpun orang Melayu telah diberi lebih daripada 30 peratus, tetapi hampir semuanya dijual. Sekarang hanya tinggal 19 peratus, antaranya 17 peratus yang

dimiliki oleh institusi-institusi bumiputra yang diurus oleh kerajaan;

(ii) Kita ada lebih 30 dana untuk tolong orang Melayu. Tapi kalau dapat duit pun, mereka tidak berniaga betul-betul. Mereka masih hendakkan tongkat, hendak subsidi, hendak diberi keistimewaan dan sebagainya, keadaan ini samalah seperti orang asal Amerika (Native American) yang terpaksa dilindungi kerana begitu lemah dan ini akan menjadikan orang Melayu bertambah lemah;

(iii) Tiga masalah besar orang Melayu: Pertama, tidak sanggup berkerja keras atau membuat sesuatu dengan bersungguh-sungguh; kedua, Melayu mudah lupa; ketiga, tidak menghargai apa yang mereka dapat; dan

(v) Sungguhpun semua sudah dibuat - ditunjuk ajar, dipujuk, dirayu, dimarah, malah menangis dan berdoa - tetapi beliau gagal mengubah orang Melayu.

### ***Mentaliti tongkat***

Timbul persoalan di benak saya yang sukar mendapat jawapannya. Sekiranya orang Melayu yang merupakan bangsa tunjang negara kita begitu teruk sekali dan mengecewakan seperti andaian Mahathir, bagaimanakah negara kita dapat mencapai kejayaannya sebagai "model negara Islam" seperti yang selalu didakwa oleh Umno dan Kerajaan Barisan Nasional? Adakah bangsa yang kerdil dapat menghasilkan pemimpin dan negara yang agung?

Mahathir sekarang dengan sedaya-upaya membidas mentaliti tongkat, mentaliti subsidi, mentaliti hak keistimewaan. Semua ini dianggap sebagai yang memalukan dan menghinakan, dan tegas beliau: Kalau kita selalu guna tongkat, sampai bila pun kita akan tempang.

Namun, bukankah kesemua ini akibat pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang selama ini menekankan Dasar Ketuanan Melayu dan Bumiputraisme yang menjamin pelbagai hak keistimewaan orang Melayu? Bukankah kuota sini, subsidi sana, berbagai dana untuk membantu bumiputra merupakan dasar-dasar kerajaan yang ditunjangkan Umno? Dan bukankah Mahathir pemimpin yang terutama menggubal dan melaksanakan kesemua dasar-dasar tersebut?

Oleh itu, jika hendak disalahkan, siapakah yang patut disalahkan, dasar kerajaan yang dipimpin oleh Mahathir atau orang Melayu yang menyokong dasar kerajaan?

Mahathir menyalahkan orang politik, pembangkang dan juga orang Umno. Kononnya "ada orang apabila kita hendak buat perkara yang betul, maka mereka akan ancam melalui politik supaya jangan menyokong kerajaan".

Mungkin sebab itulah, kerajaan terpaksa tunduk kepada mentaliti tongkat, mentaliti subsidi, dan mentaliti hak keistimewaan yang dipandang sebagai sifat negatif sekarang.

Jika inilah yang menjadi puncanya, maka politik Ummolah yang patut disalahkan, kerana tidak berani berpegang kepada dasar yang akan menguntungkan orang Melayu pada jangka masa panjang, tetapi lebih mengendahkan sokongan terdekat orang Melayu.

### ***Hak istimewa orang Melayu***

Umpamanya sistem kuota dalam institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Selama berpuluh-puluh tahun Umno bertindak sebagai pembela nasib orang Melayu melalui sistem kuota dengan melaksanakan program Matrikulasi serta menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) khas untuk membantu pelajar bumiputra. Dasar-dasar ini dianggap sebagai hak keistimewaan orang Melayu dan tidak dibenarkan dicabar oleh mana-mana pihak.

Sekarang, secara mendadak orang Melayu diberitahu pula kuota sebenarnya merupakan tongkat yang memalukan dan akan menjadikan orang Melayu tempang selama-lamanya. Bagaimanakah orang Melayu tidak akan sangsi bahawa pemberian kuota 10 peratus untuk bukan bumiputra ke MRSM akan menguntungkan mereka kerana wujudnya persaingan?

Demikian juga Kolej Tengku Abdul Rahman (TARC) dan Universiti Tengku Abdul Rahman (Utar) yang selama ini dianggap sebagai jasa MCA untuk menjaga kepentingan pelajar orang Cina. Ia dimonopoli oleh pelajar Cina yang memang merupakan dasar kolej dan universiti berkenaan yang diakur oleh kerajaan BN.

Tiba-tiba Pemuda Umno mempersoalkan mengapa Utar hanya menerima seorang pelajar bumiputra saja. Ianya samalah jika Pemuda MCA mempersoalkan mengapa MRSM sebelum ini tidak menerima pelajar bukan bumiputra.

Yang berlainan hanya MRSM secara terang-terangan tidak mengambil pelajar bukan bumiputra, manakala Utar secara tidak rasmi menampung pelajar bukan bumiputera, terutamanya pelajar Cina. Justeru itu, pada tahun ini hanya empat pelajar bumiputra yang memohon memasuki Utar, tiga orang berjaya diterima, tetapi hanya seorang sahaja yang melaporkan diri.

Dalam keadaan ini, memang tidak perlu Pemuda Umno meminta Utar memberikan 10 peratus kuota kepada pelajar bumiputra, jika hanya empat orang yang memohon. Jadi buat apa 10 peratus kuota?

### ***Penggunaan bahasa Inggeris***

Lebih tidak bertanggungjawab ialah dakwaan Pemuda Umno bahawa hanya lima peratus pelajar bumiputra di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), padahal mengikut Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed, jumlah mereka di IPTS telah meningkat daripada 20 peratus kepada 40 peratus. Oleh itu, di manakah logiknya kuota 10 peratus itu? Dan jika IPTS sanggup menampung semua pelajar bumiputra yang memohon, kenapa perlu sebarang kuota?

Melalui dayausaha Pemuda Umno, sebelas IPTS terkemuka milik bukan bumiputra telah bersetuju untuk menyumbang RM5 juta dalam bentuk biasiswa khas bagi menambahkan bilangan pelajar bumiputra di kampus mereka.

Ini tentu dialu-alukan oleh pelajar bumiputra, tetapi tidakkah ia juga merupakan tongkat yang menyumbang kepada mentaliti subsidi yang akhirnya akan melemahkan pelajar bumiputra seperti hujah Dr Mahathir?

Sesetengah nasionalis bahasa Melayu juga dikecam oleh Dr Mahathir kerana tidak mementingkan bahasa Inggeris. Namun pada hemat penulis, mendewa-dewakan bahasa Inggeris, sehingga bahasa itu akan digunakan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran sains dan matematik tahun depan secara serentak dalam sekolah rendah dan menengah juga dasar yang melampau dan terburu-buru.

Ini kerana ia mungkin merugikan pencapaian akedamik mata pelajaran sains dan matematik kerana rintangan bahasa. Pada masa yang sama, ia tidak dapat meningkatkan taraf bahasa pelajar seperti yang diinginkan.

Nampaknya Dr Mahathir begitu berkeyakinan bahawa beliau sentiasa betul dalam segala-gala hal yang beliau bidas dan kritik. Yang menghampa dan mengecewakan beliau ialah tidak dapat mengubah sifat orang Melayu. Dalam keadaan demikian, selain daripada mengikut saja apa yang Dr Mahathir anggap betul, apa lagi orang Melayu boleh buat? Betulkah begini?

19hb Jun 2002

## 29 Era Mahathir Di Penghujung Jalan

Politik Malaysia penuh dengan paradoks. Ketika gerakan reformasi berada di kemuncak kekuatannya, dan desakan serta pekikan "Undur, Mahathir! Mahathir undur!" dilaung tanpa putus-putus, tiada sebarang bayangan Dr Mahathir Mohamad akan berbuat demikian.

Tatkala ramai percaya Dr Mahathir telah mengatasi krisis politik akibat penyingkiran timbalannya Anwar Ibrahim, dan kuasa pemerintahannya semakin kukuh, beliau menggemparkan Umno dan seluruh negara dengan pengumuman perletakan jawatan Presiden Umno, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan semua jawatan dalam parti.

Beliau membuat kejutan itu ketika menggulung perbahasannya pada Perhimpunan Agung Umno ke-56 pada 22 Jun 2002. Seluruh perwakilan dalam Dewan Merdeka terpaku dan tersentak, diikuti tangisan, jeritan, nyanyian, dan segala-segalanya menjadi kecoh dan hilang pedoman.

Keadaan ini berlanjutan hampir satu jam sehingga Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa Majlis Tertinggi (MT) Umno telah mendapat persetujuan Dr Mahathir untuk terus kekal sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN.

Pengumuman Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu disambut dengan tepukan gemuruh ahli-ahli MT, perwakilan serta pemerhati dalam dewan di

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Di luar dewan, sorakan gemuruh kedengaran dan ramai yang saling berpelukan. Adegan-adegan tersebut mendedahkan satu paradoks lagi: meskipun Dr Mahathir membidas habis-habisan mentaliti tongkat orang Melayu, malang sekali beliau sendiri telah merupakan sebatang tongkat yang terbesar sekali yang menjadi sandaran Umno, khususnya dan BN amnya.

Pada petang 25 Jun, mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno diadakan untuk menerima laporan hasil pertemuan di antara Dr Mahathir dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno yang diberi mandat untuk berjumpa dengan beliau pada jam 9 pagi di Seri Perdana di Putrajaya.

### ***Kenyataan lapan perkara***

Setelah mendengar laporan Jawatankuasa Pengurusan Umno mengenai hasil perjumpaannya dengan Dr Mahathir, maka MT Umno telah mengeluarkan kenyataan lapan perkara, yang antara lain menyebut:

*(i)* Dr Mahathir telah memutuskan untuk tetap berundur dan melepaskan semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan.

*(ii)* Dr Mahathir telah menetapkan Abdullah sebagai pengganti beliau. Dan MT memberi sokongan sebulat suara tentang keputusan itu.

*(iii)* Dr Mahathir telah menetapkan perletakan jawatan beliau akan berlaku selepas Persidangan Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2003.

*(iv)* Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, Dr Mahathir akan terus memegang semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan termasuk jawatan Menteri Kewangan.

*(v)* Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa masa perletakan jawatan sepertimana yang ditetapkan adalah untuk membolehkan peralihan kuasa dan tugas-tugas secara teratur.

Kenyataan MT Umno tersebut bukan saja tidak dapat menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku sehingga Dr Mahathir seolah-olah ingin meletakkan jawatan Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional dengan sertamerta. Malah ia telah menimbulkan kekeliruan sama ada suatu rampasan kuasa telah berlaku seperti ulasan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Jika masa perletakan jawatan sepertimana yang ditetapkan adalah kerelaan Dr Mahathir sendiri untuk \*membolehkan peralihan kuasa dan tugas-tugas

maka apakah perlunya beliau melakonkan adegan "pengumuman perletakan jawatan mengejut" itu?

### **Tongkat terbesar**

Alangkah baiknya jika ia dibuat tanpa adegan dramatik tersebut, dan Dr Mahathir sendiri memanggilkan sidang akhbar untuk mengumumkannya, dengan pengetahuan dan sokongan penuh MT Umno dan Barisan Nasional?

Sekiranya adegan perletakan jawatan mengejut itu bukan sesuatu yang dirancang, tetapi cetusan emosi yang terlalu kecewa dengan orang Melayu dan Umno seperti yang diluahkan berkali-kali baru-baru ini, maka setelah dipujuk untuk menarik balik keputusannya, habislah ceritanya.

Setelah kembali daripada cuti di Itali, segala-galanya akan pulih seperti sediakala, dan kedudukan Dr Mahathir mungkin lebih kukuh lagi setelah membuktikan beliau sebenarnya tongkat yang terbesar sekali di mana orang Melayu dan Umno bersandar.

Jaminan Abdullah bahawa beliau tidak akan mengumumkan sebarang dasar baru, selama bertindak sebagai pemangku kelak, juga menimbulkan kesangsian.

Ini berikutan pengumuman beberapa dasar baru oleh Dr Mahathir, termasuk penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek Matematik dan Sains bagi sekolah rendah dan sekolah menengah kebangsaan mulai tahun depan.

Beliau juga mengumumkan kuota 10 peratus pelajar bukan bumiputera memasuki program matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), dan pengumuman negara kita sebagai Negara Islam, dan Islam anutan Umno bukan yang sederhana tetapi fundamentalis.

Kesemua pengumuman yang begitu penting sanggup dibuat tanpa kehadiran Dr Mahathir menunjukkan mesti ada sesuatu yang tidak kena. Sebelum Dr Mahathir sendiri membuka mulut, tidak dapat disalahkan jika pelbagai dugaan akan dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Suatu gejala yang menonjolkan sekarang ialah seolah-olah MT Umno telah menjadi satu pihak, Dr Mahathir di pihak yang lain, dan apa yang diumumkan melalui kenyataan MT merupakan tolak-ansur antara perwakilan MT dengan Dr Mahathir.

Masalah sekarang ialah seandainya tarikh dan cara pengunduran Dr Mahathir bukan kerelaan beliau, siapakah dapat menjamin beliau akan mematuhi tarikh dan cara yang diumumkan oleh MT Umno itu?

Dan sekiranya pengunduran Dr Mahathir telah menjadi sesuatu yang tidak dapat diubah, siapa pula dapat menjamin Abdullah tidak akan dicabar dalam perhimpunan Umno dalam bulan Jun 2003 kelak?

Yang pasti era Mahathir telah berada di penghujung jalan, tetapi masih terlalu awal untuk memastikan siapakah penggantinya.!

26hb Jun 2002

## **30** Dr Mahathir Bertolak Ansur Dengan Dr Mahathir!

Dalam laporan muka depannya Isnin lalu (24 Jun 2002) Utusan Malaysia memetik Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata mesyuarat Majlis Tertinggi akan mengumumkan "tolak ansur" yang dipersetujui dalam pertemuan antara Jawatankuasa Pengurusan Umno (JPU) dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, Putrajaya.

Megat Junid juga dipetik sebagai berkata: "Tak ada bantahan langsung." Apa yang beliau maksudkan ialah untuk menenteramkan keadaan sebelum Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuat pengumuman mengenai jadual peralihan kuasa Dr Mahathir.

Keesokannya (25 Jun 2002), MT mengumumkan bahawa Dr Mahathir dijadualkan melepaskan semua jawatan parti dan kerajaan, termasuk kedudukannya sebagai Perdana Menteri selepas mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 24 dan 25 Oktober 2003.

Dari urutan peristiwa dan jadual peralihan kuasa Dr Mahathir itu membayangkan seolah-olah "tolak ansur" dicapai di antara JPU dan Dr Mahathir, seperti tanggapan Megat Junid.

Tetapi tak sangka pula, pada 27 Jun, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob menjelaskan bahawa proses peralihan kuasa yang diumumkan oleh MT Umno sehari sebelumnya, adalah atas kehendak Dr Mahathir sendiri,

bukannya tolak ansur dengan jawatankuasa pengurusan parti itu.

Beliau menegaskan bahawa JPU hanya mendengar versi Perdana Menteri mengenai hasrat beliau hendak berhenti, mesej dan harapannya kepada MT. Tugas JPU bukanlah untuk berunding atau pun membuat cadangan kepada Dr Mahathir.

### ***Penjelasan Megat Junid***

Tambah beliau, JPU menghormati setiap ayat yang dikatakan oleh Perdana Menteri mengenai proses pengunduran beliau sepertimana yang terkandung dalam kenyataan lapan perkara yang diumumkan oleh MT Umno pada 25 Jun lalu.

Megat Junid mengakui bahawa apa yang ditegaskan oleh Khalil itu adalah benar. Bagaimanapun, jelas Megat Junid, perkara "tolak ansur" yang dibangkitkan oleh beliau sebelum ini, juga tidak salah kerana ia memang berlaku tetapi hanya di dalam diri Dr Mahathir sendiri.

Dari segi logiknya, pengumuman asal Megat Junid bahawa Dr Mahathir bertolak ansur dengan JPU senang saja dapat diertikan: Dr Mahathir hendak meletakkan serta-merta semua jawatannya, JPU tidak mengizinkan, dan merayu supaya Dr Mahathir menarik balik dan terus menjalankan tugasnya seperti biasa.

Akhirnya, kedua-dua pihak bertolak ansur, Dr Mahathir tidak berkeras hendak meletakkan serta-merta semua jawatannya, dan JPU pula bersetuju Dr Mahathir dijadualkan melepaskan semua jawatan parti dan kerajaan selepas OIC.

Penafian Khalil dan disusuli dengan penjelasan Megat Junid menjadikan keadaan agak lucu: Dr Mahathir bertolak ansur dengan Dr Mahathir! Seolah-olah Dr Mahathir sedang bergelut dengan dirinya sendiri.

Di satu pihak, beliau berkeras hendak meletakkan semua jawatannya kerana berasa sudah tua dan sudah lama membuat keputusan hendak bersara supaya ada masa untuknya bersama keluarga dan membuat ibadat.

### ***Budak Mahathir***

Di pihak yang lain pula, beliau keberatan untuk berundur kerana berasa parti, bangsa dan negara masih memerlukannya, dan beliau mesti terus berkorban!

Akhirnya Dr Mahathir berkompromi dengan dirinya sendiri: masa yang paling baik saya berundur ialah selepas persidangan OIC tahun depan.

---

Maka keputusan atas kehendak beliau sendiri itu pun diberitahu kepada JPU, kemudiannya diumumkan melalui kenyataan MT Umno pada tanggal 25 Jun 2002.

Episod 'salah faham' antara 'budak Mahathir' (Megat Junid) dengan JPU itu, seolah-olah sesuatu yang akademik mengenai tafsiran istilah "tolak ansur". Namun, ia mungkin tersirat sesuatu yang jauh lebih penting: Sama ada Dr Mahathir bersedia untuk berundur atas kehendaknya sendiri atau beliau terpaksa berundur kerana sesuatu sebab yang masih belum diketahui umum.

Dalam wawancaranya dengan wartawan Utusan Malaysia (Mingguan Malaysia, 30 Jun 2002), anak Dr Mahathir, Datuk Mokhzani, memberitahu, setelah puas dipujuk, ayahnya pun berkata: "Baiklah saya akan fikir semula perkara perletakan jawatan ini."

"Tetapi Pak Lah kata, 'Itu tidak cukup.' Pak Lah mahu apabila dia keluar (masuk semula ke Dewan Merdeka), dia hanya mahu mengumumkan yang bapa saya telah menarik balik keputusannya. Bapa saya kata, 'Okaylah'. Setelah dipersetujui, barulah Pak Lah menaiki pentas di Dewan Merdeka dan mengumumkan penarikan balik peletakan jawatan bapa saya."

### **Strategi Dr Mahathir**

Jelas sekali, Dr Mahathir telah bersetuju untuk menarik balik peletakan jawatannya kira-kira sejam selepas pengumuman mengejut mengenai peletakan jawatannya, dan mengizinkan Pak Lah untuk mengumumkannya kepada perwakilan Umno.

Sekiranya kehendak Dr Mahathir ialah berundur secara teratur seperti yang dijadual dan diumumkan oleh MT melalui kenyataannya pada tanggal 25 Jun 2002, beliau tentu tidak akan bersetuju dengan Pak Lah untuk mengumumkan bahawa beliau bersetuju untuk menarik balik peletakan jawatannya, yang diumumkannya sejam sebelumnya, seolah-olah bersandiwara.

Apabila Mokhzani ditanya apakah pendapatannya tentang strategi Dr Mahathir membuat pengumuman di perhimpunan itu, entah sedar atau tidak sedar tentang implikasi 'strategi' itu, beliau menjawab: "Secara peribadi, bagi saya strategi beliau itu tidak begitu tepat."

Adakah peletakan jawatan secara mengejut itu semata-mata suatu 'strategi' saja? Jika ia suatu 'strategi' saja, apa pula matlamatnya? Mungkin Dr Mahathir sendiri saja yang mengetahuinya! Namun, tentu bukannya jadual berundur secara teratur seperti yang diumumkan

oleh kenyataan MT Umno!

Menurut Mokhzani lagi, kalau ayahnya menjelaskan terlebih dahulu secara beransur-ansur, kemudian baru mengumumkan perletakan jawatan, beliau percaya mungkin reaksi orang ramai terhadap keputusannya, ketika itu ialah 50-50.

Sudah tentu tidak menjadi masalah andainya kehendak Dr Mahathir hanya jadual berundur secara teratur!

Hingga sekarang, segala-galanya nampak baik dan terkawal. Namun, seluruh rakyat mahu mendengar penjelasan mengenai semua itu daripada mulut Dr Mahathir sendiri!

3hb Julai 2002

---

## **31** Berhenti Bila Makan Tengah Sedap

Selepas memberi sidang akhbar setibanya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di Subang, pada 3 Julai lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berucap kepada orang ramai yang datang menyambut kepulangannya daripada percutian di Itali.

Sungguhpun penjelasan beliau ditunggu-tunggukan oleh semua pihak, ia tidak dapat menghilangkan segala kesangsian yang timbul akibat perletakan jawatan mengejut beliau pada 22 Jun yang lalu.

Kebanyakan pihak rasanya telah menerima bahawa perletakan jawatan beliau adalah 'ikhlas', dan beliau telah mengamalkan apa yang diajarkan oleh ibunya: berhenti bila makan tengah sedap!

Pendapat umum media arus perdana lebih kurang telah bersetuju dengan anggapan Dr Mahathir: "Selama 10 hari, saya sempat untuk berfikir panjang dan saya berpendapat keputusan yang saya buat ini adalah baik untuk kita semua, negara, rakyat dan kemajuan bersama dalam negara kita ini."

Sama ada rela atau tidak, pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) terpaksa mengakui bahawa jadual pengunduran Dr Mahathir secara licin tanpa perebutan kuasa itu, adalah baik untuk Umno dan BN, juga rakyat dan negara, kerana kestabilan politik dan peralihan kuasa secara aman dan damai adalah penting bagi pemulihan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Oleh itu, alasan Dr Mahathir bahawa orang tua memang lebih emosional, juga seolah-olah telah diterima. Dan perletakan jawatan secara mengejut itu dipandang sebagai kelakuan orang tua yang emosional, bukan tindakan yang tidak bertanggungjawab atau sandiwara semata-mata.

Tidak ada pemimpin Umno atau BN yang mengendahkan sangat kenapa Dr Mahathir boleh bertindak seorang diri atas masalah yang begitu penting, dan sanggup pula menarik balik perletakan jawatannya sejam setelah diumumkan?

### ***Tindakan ganjil***

Kenapa pula kemudiannya diumumkan jadual berundur selepas Oktober 2003? Adakah jadual berundur itu kehendak Dr Mahathir sendiri, atau ia merupakan tolak-ansur antara Dr Mahathir dengan Jawatan Kuasa Pengurusan Umno? Dan kenapa Dr Mahathir sanggup membusu selama 10 hari? Kesemua ini seolah-olah sudah tidak penting lagi.

Sebelum ini, ramai yang percaya Dr Mahathir tidak akan berhenti; beliau akan "die in office". Nampaknya beliau benar-benar tersepit di antara berhenti dan tidak berhenti. Tindakan beliau yang mengejutkan, ganjil dan tidak tentu arah sebelum ini, juga mungkin membayangkan keadaan tersepit dan sikap serba-salah beliau itu.

Sekarang penyelesaian sudah dicapai: Dr Mahathir akan pergi. Beliau disorak-sorai dan dipuji setinggi langit kerana sanggup berhenti bila kuasanya masih di kemuncak dan andainya beliau ingin meneruskan jawatan sebagai Perdana Menteri, tiada sesiapa yang dapat berbuat apa-apa walaupun tidak bersetuju atau menyokong.

Keadaan sekarang adalah sebaliknya. Pemimpin dan rakyat Malaysia pada umumnya sudah menerima hakikat bahawa Dr Mahathir akan pergi, dan akan pergi dengan cara yang dianggap baik.

Oleh itu, sesiapa yang menentang jadual pengunduran Dr Mahathir tersebut, tentu akan dianggap sebagai pengacau dan ditentang sebagai musuh Umno, bangsa dan negara. Ini seperti tatkala diumumkan bahawa Dr Mahathir telah menarik balik perletakan jawatannya.

Andainya sebelum ini, Majlis Tertinggi Umno sebaliknya berkeras supaya beliau meneruskan jawatan sebagai Perdana Menteri, dan satu kempen politik besar-besaran dilancarkan di seluruh negara, dan kemuncaknya ialah ribuan rakyat berhimpun di TUDM Subang pada 3 Julai untuk merayu Dr Mahathir supaya terus menjadi Perdana Menteri.

Setelah pendapat umum terbentuk bahawa merayu supaya Dr Mahathir tidak bersara adalah sesuatu yang betul demi kebaikan Umno, bangsa dan negara. Maka sesiapa yang berpendapat sebaliknya dan berani mendesak agar Dr Mahathir berhenti, tentunya dianggap pengacau dan dilayan sebagai musuh Umno, bangsa dan negara!

### **Tradisi Umno**

Demikianlah juga bagaimana media dimanipulasi oleh pihak yang berkuasa dan berkepentingan untuk membentuk apa yang dinamakan sebagai 'pendapat umum' untuk mencapai agenda politik mereka.

Tidak kira secara rela atau terpaksa, atas kehendak sendiri atau akibat kompromi, oleh kerana Dr Mahathir sudi berundur mengikut jadual dan rancangan seperti yang diumumkan dan mungkin juga yang tidak diumumkan (umpamanya calon timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan), maka 'peralihan kuasa secara licin tanpa perebutan kuasa' telah merupakan prinsip utama yang wajib dipatuhi semua pihak.

'Peralihan kuasa secara licin tanpa perebutan kuasa' merupakan apa yang ditakrifkan oleh Dr Mahathir sebagai 'tradisi' Umno. Dr Mahathir menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) sebagai penggantinya, kononnya mengikut tradisi Umno, begitu juga untuk menamakan pengganti Perdana Menteri adalah hak istimewa Perdana Menteri yang juga Persiden Umno.

Mengikut tradisi ini, patutlah Pak Lah yang menamakan timbalannya, tetapi dengan terburu-buru Dr Mahathir telah menyebut Datuk Seri Najib Abdul Razak, sebagai calon yang paling layak dilantik timbalan perdana menteri, kerana beliau adalah yang paling kanan dan juga untuk mengelakkan perebutan kuasa.

Jika mengikut kekananan, Pak Lah tentu tidak layak dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir. Ramai lagi pemimpin Umno yang lebih kanan daripada Pak Lah, termasuk tiga bekas naib presiden Umno terdahulu - Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dan apabila Dr Mahathir sendiri dicalonkan oleh Tun Hussein Onn sebagai penggantinya, beliau juga bukan pemimpin Umno yang terkanan pada masa itu.

Jika tradisi Umno dan kekananan tidak dapat digunapakai; masih ada senjata yang paling canggih, demi 'peralihan kuasa secara licin tanpa perebutan kuasa'.

Maka jelaslah apa yang dinamakan hak istimewa presiden, tradisi Umno,

kekananan dalam hierarki Umno, malah 'peralihan kuasa secara licin tanpa perebutan kuasa', kesemuanya boleh diperalatkan oleh mereka yang berkepentingan, meskipun atas nama kepentingan Umno, BN, rakyat dan negara.

Mengikut Dr Mahathir, pemilihan Majlis Tertinggi Umno tahun depan juga akan ditangguhkan sehingga selepas pilihanraya yang akan datang. Ini bermakna hak perwakilan Umno yang dijamin perlembagaan parti itu akan turut digantung, tentu dengan alasan yang sama: demi kepentingan Umno, BN, bangsa dan negara!

10hb Julai 2002

## 32 Percaturan Politik Sekitar Isu KMM & JI

Rakyat Malaysia tentu amat marah kerana negara kecintaan kita dianggap oleh Barat, terutamanya Amerika Syarikat sebagai sarang penganas militan Islam di rantau ini.

Demikian juga sikap Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad. Beliau juga amat marah kerana Malaysia disenaraihitamkan sebagai pengkalan penganas militan Islam. Manakala syarat kemasukan rakyat kita ke Amerika juga diperketatkan, lambat memperolehi visa, dan terpaksa melucutkan kasut untuk diperiksa pengawal.

Lantaran itu, kerajaan kita tidak memberi kerjasama sepenuhnya apabila Washington meminta supaya rakyat tempatan, Yazid Sufaat, yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) diekstradisi ke Amerika bagi membantu siasatan berhubung serangan 11 September.

Malaysia juga enggan menyerahkan seorang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmed Ibrahim Bilal, yang disyaki terlibat dalam kegiatan keganasan tanpa diberi bukti yang kukuh, kepada Washington sebelum pasport beliau dibatalkan Amerika Syarikat.

Kini beliau sedang membuat permohonan habeas corpus supaya tidak dihantar pulang ke Amerika, dan juga meminta suaka politik daripada kerajaan Malaysia.

Pendirian Dr Mahathir dan kerajaan kita yang meminta Washington memberi bukti kukuh sebelum menyabitkan mana-mana pihak sebagai pegganas atau terlibat dalam kegiatan keganasan, memang wajar dan patut dialu-alukan.

Namun, berlainan pula keadaannya di dalam negeri di mana mereka yang dituduh kononnya terlibat dalam aktiviti militan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) ditahan di bawah ISA, juga tanpa bukti yang kukuh.

### ***Daulah Islamiyah***

Setakat ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata seramai 63 orang telah ditahan di bawah ISA. Sebanyak 25 diberkas dalam operasi fasa pertama (29 Mei hingga 9 November, 2001), 23 ditangkap dalam fasa kedua (9 Disember tahun lalu hingga 21 Januari lepas) Polis kemudian menahan 14 lagi dalam fasa ketiga pada 17 hingga 18 April lepas.

Operasi fasa keempat pula bermula pada 27 September baru-baru ini, dengan penahanan seorang bekas pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Wan Min Wan Mat, manakala lapan lagi sedang diburu serta ditawarkan hadiah wang tunai RM50,000(seorang) bagi sesiapa yang memberikan maklumat sehingga tertangkapnya mereka.

Kegiatan keganasan yang mereka lakukan, mengikut polis, termasuk kes jenayah seperti membunuh, cubaan membunuh, rompakan bank dan pasaraya, serangan ke atas balai polis, pengeboman kuil Hindu dan gereja, dan cubaan serta persediaan untuk mensabotaj kepentingan Barat yang dianggap musuh Islam di rantau ini.

KMM juga dikatakan berkaitan dengan Jemaah Islamiyah (JI) Singapura (di mana 18 anggota JI ditahan kerajaan Singapura tahun lalu, dan 21 bulan lalu) dan pertubuhan militan Islam lain di rantau ini.

Kononnya satu perikatan kumpulan militan yang dikenali sebagai Rabitatul Mujahideen telah ditubuh untuk menubuhkan sebuah "Daulah Islamiyah" (Negara Islam) yang terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Mindanao, Singapura dan Brunei.

Lebih-lebih lagi, ketua JI rantau ini, yang dikenali sebagai Hambali, dikatakan mahu menimbulkan sengketa etnik dengan meniupkan sentimen "Singapura Cina" supaya orang Islam bertindak balas melalui jihad dan menjadikan Malaysia dan Singapura sebagai satu lagi "Ambon" di mana tercetus sengketa antara penganut Kristian dan Islam sejak Januari 1999.

### **Unsur-unsur politik**

Namun, parti pembangkang dan setengah badan bukan kerajaan (NGO) menaruh kesangsian atas apa yang dituduh oleh pihak polis, yang dianggap telah kebangkrapan kewibawaannya, terutama setelah keputusan penghakiman kes lima tahanan ISA baru-baru ini.

Jika pemimpin parti politik pembangkang yang berjuang mengikut landasan perlembagaan dan demokrasi boleh diperlekeh sebagai aktivis militan yang mahu menimbulkan huru-hara sehingga memudaratkan keselamatan negara, dan ditahan secara tidak sah di bawah ISA, apakah jaminannya yang antara cerita KMM versi polis itu, tiada yang direka-reka untuk tujuan politik Umno dan Barisan Nasional (BN)?

Pada 30 September lalu, dalam wawancara khas wartawan Harakah, pemangku Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, apabila ditanya tentang isu KMM, beliau antara lain mengemukakan pandangan-pandangan berikut:

(i) Menahan (apa yang dinamakan) anggota KMM di bawah ISA lebih bersifat politik daripada menjaga keselamatan negara;

(ii) PAS menyedari, di kalangan mereka terdapat pemuda yang cepat melenting dan menonjol, dan tidak mustahil mereka diprovokasikan oleh ejen kerajaan sendiri melalui polis cawangan khas;

(iii) Menafi PAS mempunyai sebarang hubungan dengan KMM atau JI, kerana partinya konsisten dengan dasar dan cara mereka sendiri, melalui proses demokrasi berparlimen dan mereka akan kekal dengan cara ini selagi ada ruang dan peluang; dan

(iv) Jangan dimatikan demokrasi dan ditutup kebebasan bersuara. Jika tidak, PAS terpaksa meneruskan perjuangan mereka. BN diingati bagaimana Suharto telah digulingkan dengan cara demonstrasi, dan bagaimana gerakan Islam di negara Arab telah menyertai pilihanraya, kemudiannya diharamkan oleh kerajaan bila mereka menang pilihanraya seperti di Algeria.

Beliau menganggap dakwaan negara Islam merangkumi Filipina Selatan, Malaysia dan Indonesia yang kononnya hendak ditubuhkan oleh KMM, JI dan beberapa pertubuhan militan rantau ini, sengaja diada-adakan oleh musuh gerakan Islam sendiri.

### ***Demonstrasi***

Malah bagi beliau, gerakan Abu Sayyaf di Selatan Filipina dan beberapa anasir di Malaysia dan Indonesia diragui sebagai gerakan yang diadakan oleh pihak berkuasa terbabit untuk menghalalkan tindakan mereka terhadap gerakan Islam yang tulen.

Dengan perkataan lain, sungguhpun beliau menegaskan ketetapan PAS dalam cara perjuangan melalui proses demokrasi berparlimen, namun, beliau juga tidak menafikan kesahan rakyat Indonesia dalam menggulingkan Diktator Suharto melalui cara demonstrasi, atau keperluan gerakan Islam melancarkan perjuangan bersenjata andainya jalan pilihanraya telah ditutup dan demokrasi dimatikan.

Sesetengah pandangan Abdul Hadi itu turut diutarakan oleh Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Datuk Prof Mahmood Zuhdi Ab Majid apabila diwawancara oleh wartawan Berita Minggu pada 19 Ogos 2001.

Prof Mahmood juga berpendapat umat Islam tidak boleh menolak pergerakan secara militan itu sebagai salah satu corak jihad. Lantaran itu, istihad secara bersenjata, secara ekstrim, keras, dan agresif juga salah satu daripada cara jihad Islam.

Idea bahawa Islam tidak ditegakkan dengan jihad, tetapi ditegakkan dengan dakwah adalah penyelewengan besar yang disuntik oleh orientalis Barat.

Tentang KMM, beliau menganggap ianya perlu dihalusi dan dibezakan, sama ada ianya bertujuan membuat kacau atau sabotaj di dalam negara, ataupun ia satu rangkaian antarabangsa untuk mempertahankan negara-negara Islam daripada diperkotak-katik oleh dunia Barat.

Justeru itu, kerajaan didesak untuk mengambil pendekatan yang dinamakan "percaturan politik yang sangat halus", iaitu gerakan militan ini tidak dihancurkan seratus peratus, agar negara kita tidak dimusuhi oleh gerakan Islam sedunia, dan umat Islam negara kita tidak dianggap sebagai umat boneka Barat.

### ***Percaturan politik***

"Percaturan politik yang sangat halus" ini melibatkan kepentingan pelbagai pihak yang berlainan, umpamanya kepentingan gerakan Islam sedunia (tulen dan palsu), kepentingan gerakan Islam serantau (tulen dan palsu), kepentingan politik Umno, kepentingan politik PAS, kepentingan politik BN, kepentingan politik Barisan Alternatif (BA), dan kepentingan umat Islam/bukan Islam/rakyat pelbagai kaum dan agama/kepentingan

Malaysia sebagai negara majmuk.

Bagaimanapun, dalam situasi politik dan keadaan agama negara kita sekarang, demi keharmonian kaum, agama dan keamanan negara, kita tiada pilihan lain melainkan dengan tegas menentang sebarang tindakan keganasan jenayah, tidak kira ia dilakukan oleh mana-mana agama atas apa nama sekalipun.

Hanya dengan demikian, barulah dapat dielakkan segala permusuhan, pertentangan, malah pembunuhan antara rakyat yang berlainan atau sesama kaum dan agama.

Isu KMM dan JI juga harus dihalusi dari segi ini. Kewujudannya sungguhpun bersifat politik, namun juga tidak wajar dinafikan sebulat-bulat sebagai rekaan yang diada-adakan oleh pihak berkuasa semata-mata.

Dr Mahathir sering membidas negara Barat dalam menangani masalah keganasan, kerana tidak berani menghadapi punca yang menimbulkan keganasan. Selama ini, umat Islam di negara kita dikenali sebagai bersifat lemah lembut.

Jika ada unsur kebenaran dalam apa yang digambarkan oleh kerajaan, bahawa makin hari makin ramai pemuda Islam, termasuk golongan cerdikpandai dan profesional yang bercenderung untuk menyertai gerakan Islam yang militan, dan bertujuan untuk menumbangkan kerajaan BN, maka apakah pula puncanya?

9hb Oktober 2002

---

## **33** Malaysia Terperangkap Oleh Strategi Anti-Keganasan AS?

Baru-baru ini, Presiden Bush mengumumkan di Mexico bahawa Malaysia bersetuju menerima cadangan Amerika Syarikat supaya Kuala Lumpur menjadi lokasi penubuhan Pusat Latihan Anti-keganasan di Kuala Lumpur bagi rantau Asean yang mempunyai 10 anggota - Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Burma, Filipina, Singapura, Negeri Thai dan Vietnam.

Keperluan kerjasama antara negara anggota Asean dalam bidang anti-keganasan tidak dapat dipertikaikan, terutama selepas tragedi pengeboman Bali. Namun, kerjasama dengan Amerika sebaliknya harus lebih berhati-hati, terutama dalam aspek berikut:

Pertama, Malaysia akan dipandang dunia, terutama umat Islam, sebagai sekutu Amerika, kuasa gergasi tunggal yang pernah terbabit dalam keganasan negara ke atas banyak negara, dan kini sedang berusaha hendak menyerang Iraq serta mengancam keutuhan negara-negara "paksi jahat" yang lain.

Melibatkan Malaysia dan negara anggota Asean dalam rangkaian anti-keganasan yang dipelopori Amerika, mungkin menimbulkan anggapan bahawa kita menyokong definisi dan strategi Amerika mengenai keganasan dan anti-keganasan.

Umpamanya, perjuangan pembebasan negara jajahan juga sering dianggap oleh Amerika sebagai gerakan keganasan, dan pejuang terbabit pula dianggap sebagai pengganas.

Hakikatnya, Amerika sebenarnya adalah punca akar umbi gerakan keganasan di seluruh dunia. Namun ia dan sekutunya cuba menyelesaikan masalah keganasan tanpa menyelesaikan punca akar umbi tersebut.

### **Sasaran pengganas**

Dalam keadaan ini, menggabungkan Malaysia dalam rangkaian anti-keganasan Amerika, mengakibatkan negara kita dianggap bersetuju dengan cara penyelesaian Amerika melalui operasi ketenteraan tanpa menghiraukan punca akar umbi berlakunya keganasan, umpamanya serangan terhadap Afghanistan dan Iraq.

Anggapan seperti ini mungkin menjadikan Malaysia sasaran serangan keganasan oleh kumpulan yang memusuhi pakatan anti-keganasan Amerika, dan ini membahayakan rakyat dan negara kita.

Di segi lain, anti-keganasan merupakan antitesis keganasan. Menubuhkan Pusat Latihan Anti-keganasan Asean di Kuala Lumpur, akan menjadikan Malaysia negara strategik dalam pergelutan sengit antara gerakan keganasan dengan anti-keganasan .

Lantaran itu, bagaimanakah kita dapat menafikan bahawa Malaysia pernah/masih atau akan terlibat secara mendalam dalam konfrontasi gerakan keganasan dan anti-keganasan? Malah mungkin juga secara tidak langsung, ia menguatkan lagi imej (seperti tuduhan setengah negara Barat) bahawa negara kita adalah sarang pengganas.

Rakyat kita mungkin tertanya-tanya kenapakah Malaysia yang dipilih sebagai lokasi penubuhan Pusat Latihan Anti-Keganasan di rantau Asean, dan bukannya negara lain yang sering menghadapi serangan dan sabotaj gerakan keganasan? Dan kenapa pula Malaysia perlu menyetujui pemilihannya, dan meletakkan negara kita dalam serba-salah serta membahayakan seperti sekarang?

Atau kerajaan kita telah terperangkap dengan teori dikotomi (teori belah-dua) Amerika yang membahagikan negara dunia kepada dua kategori - penentang dan penyokong pengganas/keganasan - dan yang menentang mesti menyertai pakatan anti-pengganas/keganasan pimpinan Amerika. Jika tidak, ia akan digolongkan dalam kumpulan negara penyokong pengganas/keganasan yang memusuhi Amerika.

### ***Pengeboman di Bali***

Sedangkan Malaysia tidak perlu memusuhi atau bersekutu dengan Amerika kerana kita mempunyai pendirian sendiri yang bebas. Misalnya, kita mengutuk perbuatan kejam mereka melakukan serangan maut 11 Sept, kerana mengorbankan begitu banyak nyawa yang tidak berdosa.

Tetapi pada masa yang sama, kita juga berpendapat Amerika yang sering menggunakan keganasan, harus bertanggungjawab atas angkara mereka di merata dunia, terutama di dunia Arab, sebagai punca yang menjadikan kuasa gergasi itu sasaran.

Kita setuju bahawa masalah pengganas/keganasan perlu ditangani, tetapi bukannya dengan helah anti-pengganas/keganasan sehingga Amerika serta sekutunya pun dihalalkan menyerang Afghanistan, Iraq atau negara "paksi jahat" untuk menggulingkan pemerintahnya sebagai matlamat pencerobohan itu.

Rekod prestasi Amerika begitu buruk sekali sehingga ada yang bersorak bila berlakunya tragedi 11 Sept. Ada juga yang menuduh tragedi pengeboman Bali merupakan kerja Agensi Perisikan Pusat (CIA) untuk mengkambinghitamkan kumpulan militan Islam di Indonesia.

Memang ramai yang tidak suka kepada Amerika yang mempunyai rekod prestasi buruk. Namun ianya tidak boleh menjadi alasan untuk menjustifikasikan keganasan 11 Sept, tidak kira ia dilakukan oleh sesiapa pun juga, termasuk pihak yang kita simpati.

Walaupun CIA pernah melakukan aktiviti subversif untuk mengkambinghitamkan pihak-pihak yang dimusuhinya, tetapi tanpa bukti yang kukuh, kita juga tidak boleh menuduhnya mendalangi pengeboman di Bali, sekalipun kita membenci dan menyukainya.

### ***Jaminan keselamatan***

Bila rampasan senjata dilakukan oleh kumpulan Al-Mau'nah di Sauk dulu, pihak polis juga dituduh "bersandiwara" oleh pihak-pihak yang pernah dianiayai dan kehilangan kepercayaan kepada pihak polis.

Namun, tanpa bukti yang kukuh, membuat tuduhan melulu merupakan perbuatan kurang bijaksana, malah akan berbalik kepada diri pihak yang menuduh dan menghakiskan integritinya.

Manakala dalam kes KMM (Kumpulan Mujahidin Malaysia) dan JI (Jemaah Islamiah) pula, oleh kerana mereka ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di mana seramai 67 ditahan dalam lima fasa, tanpa

diadili dalam mahkamah terbuka, maka pendedahan pihak polis mengenainya diragui dan dianggap oleh sesetengah pihak sebagai rekaan semata-mata.

Kita sudah biasa dengan rekaan bukan-bukan pihak polis untuk menjustifikasikan penahanan pemimpin parti pembangkang di bawah ISA, khususnya dalam kes lima pemimpin Keadilan dan aktivis politik.

Namun, kita juga tidak boleh membuat kesimpulan bahawa segala yang didedahkan oleh kerajaan mengenai KMM dan JI adalah palsu belaka, termasuk keganasan yang telah dilakukan, yang dirancang tetapi tidak berjaya dilakukan, dan hubungannya dengan rangkaian pengganas di rantau ini dan antarabangsa, termasuk al-Qaeda.

Bagaimanapun, rakyat kita berhak untuk mengetahui hakikat sebenarnya gerakan keganasan/pengganas di Malaysia dan rantau ini.

### ***Pendedahan polis***

Rakyat kita juga berhak meragui jaminan pemimpin kerajaan Barisan Nasional (BN) bahawa negara kita adalah selamat, kerana mengikut pendedahan pihak polis, ramai lagi ahli KMM dan JI masih bebas, dan negara kita juga terlibat dalam rangkaian keganasan/pengganas antarabangsa.

Jika Abu Bakar Basyir yang telah ditahan dan Riduan Isamuddin yang lebih dikenali sebagai Hambali, yang masih diburu pihak berkuasa Indonesia berhubung aktiviti keganasan di republik itu, dan polis Malaysia pula mengakui kedua-duanya juga memainkan peranan penting dalam gerakan keganasan di negara kita dan rantau ini, maka apa jaminan tragedi pengeboman Bali tidak akan berlaku di negara kita?

Di samping itu, jika kita setuju gerakan keganasan hanya dapat diselesaikan setelah punca akar umbinya diketahui dan diatasi, maka rakyat kita juga berhak mengetahui apakah punca akar umbi yang menyebabkan makin ramai kaum pemuda kita, termasuk lapisan cerdikpandai dan profesional, tertarik dan menyertai gerakan keganasan di negara kita dan rantau ini?

Ini bukan saja kewajipan kerajaan, malah badan bukan kerajaan, parti pembangkang dan Barisan Alternatif (BA) juga harus menghadapi masalah ini secara lebih proaktif. Mereka juga harus turut memberi sumbangan dalam menangani isu keganasan, misalnya, dengan mengambil pendirian lebih tegas terhadap sebarang gerakan keganasan di dalam dan luar negara.

---

Dari segi teori, mereka juga harus memberi analisis yang lebih mendalam kenapa cara keganasan tidak dapat menyumbang, malah akan menjahanamkan perjuangan politik dan agama badan bukan kerajaan dan parti pembangkang.

Dari segi organisasi, mereka juga harus mengambil tindakan berkesan untuk menjamin ahli-ahli mereka tidak terlibat dalam sebarang aktiviti keganasan. Moga-moga, melalui kerjasama semua pihak, tragedi seperti pengeboman Bali, dapat dielakkan dan gerakan keganasan di negara kita dan rantau ini dapat dibendung dan diatasi akhirnya.

6hb November 2002

## **34** Pelan Damai PM Yang Tidak 'Mendamaikan'

Krisis MCA yang melibatkan pertarungan hidup mati di antara Kumpulan A yang diketuai Presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Kumpulan B yang diterajui Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek pada zahirnya telah bernoktah.

Ini berikutan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA pada 22 April 2002 yang sebulat suara memutuskan untuk mengekalkan status quo kepemimpinan parti itu di semua peringkat, termasuk bahagian, negeri dan pusat sehingga tahun 2005.

Perkembangan terbaru ini sekurang-kurangnya telah 'memberi muka' kepada "Bapa Barisan Nasional" (kata Ling) yang terpaksa 'campur tangan' dalam urusan rumahtangga MCA, kerana keadaan parti itu yang telah terbelah dua, tentunya tidak menguntungkan BN yang akan menghadapi pilihanraya umum tidak lama lagi.

Lagi 'tidak manis' ialah sebelum ini, Kumpulan Ling secara terang-terangan enggan menandatangani Pelan Damai tajaan Dr Mahathir Mohamad dengan alasan ingin berjumpa dengan PM untuk mencari penjelasan mengenai beberapa perkara dalam pelan itu yang dianggap mungkin bercanggah dengan Perlembagaan MCA.

---

Kumpulan Lim pula telah pun menandatangani Pelan Damai itu awal-awal lagi pada 18 April serta mengumumkan pembatalan rancangannya untuk mengadakan mesyuarat agung luar biasa yang dijadual berlangsung pada 21 April 2002, sebagai tanda keikhlasan menyokong Pelan Damai itu.

Usaha Mahathir selaku pengerusi BN seolah-olah tidak dihargai. Desas-desus dan khabar angin bertiup di seluruh negara. Ada dakwaan bahawa Umno telah bercampur tangan dalam urusan rumahtangga MCA.

Ada pula tuduhan bahawa Umno tidak bersikap berkecuali tetapi menyebelahi Kumpulan B. Lebih menggemparkan lagi ialah ada yang berkata MCA telah membuat keputusan untuk berundur daripada BN!

### ***Keputusan BN***

Tampaknya tidak kira bagaimana pahit sekalipun, Kumpulan A dan Kumpulan B MCA terpaksa menelan hempedu Pelan Damai tajaan Mahathir yang merupakan penawar bagi meredakan krisis MCA buat sementara waktu demi menjamin keutuhan BN dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Bagi Mahathir, kepentingan BN lebih diutamakan, bukan kepentingan Kumpulan A atau Kumpulan B MCA.

Dalam 'politik sebenar' BN, Mahathir mungkin lebih menggemari MCA yang berpuak-puak kerana ia lebih memudahkan beliau atau Umno memanipulasi dan menguasai sesebuah parti komponen yang tidak utuh dan kuat. Penyokong Ling tentu merasa bangga apabila presiden mereka mengambil pendirian untuk mempertahankan kewibawaan Perlembagaan Parti dengan tidak menandatangani Pelan Damai tajaan Mahathir yang secara terang-terangan melarang hak pertandingan bebas di peringkat bahagian, negeri dan pusat seperti yang dijamin perlembagaan parti.

Namun, selepas bertemu Mahathir, Ling sebaliknya memberi persetujuannya, dan mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA lantas mencapai keputusan sebulat suara supaya tidak diadakan pertandingan sama ada di peringkat bahagian, negeri atau pusat untuk tempoh tiga tahun sehingga 2005.

Padahal, pemilihan bahagian telah pun mula menerima penamaan calon pada jam 4 petang 22 April 2002. Pada jam 6 petang itu juga, Ling tiba-tiba mengumumkan bahawa pemilihan bahagian ditundakan sehingga 17 Mei, manakala pemilihan peringkat yang lain diteruskan seperti dijadualkan.

---

Pada keesokannya, mesyuarat Jawatankuasa Pusat pula mencapai keputusan bahawa pemilihan parti di peringkat bahagian, negeri dan pusat diteruskan, tetapi tanpa pertandingan! Ahli-ahli akar umbi MCA tentu amat kecewa kerana merasa seakan-akan dipermainkan oleh pemimpin besar mereka.

### ***Isu ahli hantu***

Kumpulan A pada mulanya berkeras hendak meneruskan pemilihan parti di semua peringkat, kerana mereka yakin dengan sokongan 168,000 ahli baru yang setengahnya disyaki 'ahli hantu' mereka dapat 'mengajar dan membersihkan' musuh-musuh politik mereka dari Kumpulan B.

Kumpulan B pula tentu mengetahui keadaan genting mereka, dan tanpa lengah-lengah lagi terus berpaut erat kepada pelan damai untuk menyelamatkan diri mereka, meskipun ia langsung tidak menyentuh 'isu ahli hantu' yang mereka pertikaikan, manakala pemilihan tanpa pertandingan pula bercanggah dengan perlembagaan parti dan lunas demokrasi.

Cuba fikirkan apakah maknanya pemilihan parti jika semua calon akan terpilih secara automatik tanpa sebarang pertandingan? Bayangkan juga sekiranya ada puak ketiga yang berjiwa demokrasi dan ingin mencabar calon Kumpulan A atau B selaras dengan kehendak perlembagaan parti?

Tidakkah ahli-ahli MCA berhak untuk meneruskan pemilihan parti? Atau mereka akan dikenakan tindakan disiplin kerana melanggar Pelan Damai dan keputusan Jawatankuasa Pusat yang terbabit?

Pelan Damai dikatakan bertujuan untuk memulihkan 'perdamaian dan kestabilan' parti. Benarkah musuh ketat yang bertarung secara mati-matian dalam pergelutan kuasa sebelum ini, dapat didamaikan hanya kerana tidak berani mengingkari hasrat Bapa BN?

Berkat perlindungan Pelan Damai itu, suka atau tidak suka, Ling yang diibaratkan sebagai 'kepala ikan busuk' oleh Kumpulan B khasnya dan masyarakat Cina amnya, kerana didakwa terlibat dalam beberapa skandal kewangan sebelum ini, dapat mempertahankan kedudukan sebagai presiden parti selama tiga tahun lagi.

Adakah dia akan meletak jawatan selepas itu? Selepas ia meletak jawatan, siapa pula yang akan dilantik sebagai presiden baru? Dan bagaimana pula dengan agihan kuasa di antara Kumpulan A dan B? Atau suatu perbalahan yang lebih sengit lagi akan tercetus selepas tahun 2005?

---

Memandangkan semua ini, pelan damai tidak akan dapat mendamaikan Kumpulan A dan B meskipun tiada sesiapa dalam MCA yang berani tampil ke hadapan untuk menentanginya!

1hb Mei 2002

## 35 MCA: Tunduk Atau Tidak Tunduk?

Apabila akhbar pro-kerajaan (Berita Harian, 30 Nov) menyiarkan di muka depannya pendirian rasmi Majlis Tertinggi Umno dengan tajuk: Pecat dua Adun MCA, hati kecil penulis pun berbisik, susahlah MCA kali ini!

Mengikut laporan itu, Dr Mahathir Mohamad telah menegaskan Umno mahu dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di Pulau Pinang - Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi) dipecat kerana tidak menyokong keputusan Barisan Nasional (BN) negeri menolak usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion ditangguhkan.

Ini sudah barang tentu kemahuan Gerakan yang lebih awal lagi telah disuarakan oleh Presidennya, Dr Lim Keng Yaik. Maklumlah, kepada Gerakan, Lim dianggap "pengkhianat" yang "belot" ke MCA setelah memenangi kerusi Datuk Keramat atas tiket Gerakan, dalam pilihanraya umum lalu. Dan sejak itu, hubungan Gerakan-MCA boleh diibaratkan sebagai "sekatil tapi tak semimpi".

Dalam laporan yang sama, Presiden MCA, Dr Ling Liong Sik dipetik sebagai berkata:

- (i) Majlis Presiden MCA akan membincangkan isu itu;

(ii) Beliau tidak akan berbincang dengan Dr Lim Keng Yaik kerana ia adalah hal-ehwal MCA;

(iii) dan Beliau telah jumpa Pak Lah (Abdullah Ahmad Badawi), dan mereka tidak mahu membincangkan semua perkara itu melalui media massa.

Laporan tersebut secara sengaja atau tidak sengaja, seolah-olah cuba mengadudombakan Dr Mahathir dengan Liong Sik dan Pak Lah. Tidaklah hairan Liong Sik tidak mengambil berat pandangan Keng Yaik, dan enggan berbincang dengannya atas alasan "ia adalah hal ehwal MCA".

Mengikut logik ini, pendirian rasmi Umno yang mahukan dua Adun MCA dipecat juga boleh diinterpretasikan sebagai cuba campurtangan dalam "hal-ehwal MCA"!

### ***Perlembagaan parti***

Kalau Pak Lah sudah setuju dengan Liong Sik bahawa kes itu tidak sesuai dibincangkan melalui media massa, ia juga merupakan kritikan terhadap Keng Yaik bahkan Dr Mahathir yang mendesak secara terbuka agar dua Adun MCA itu dipecat sebelum dibincangkan oleh Majlis Presiden MCA atau di peringkat BN.

Majlis Presiden MCA bermesyuarat pada 3 Dis dan keputusannya ialah merujuk kes Adun terbabit kepada Jawatankuasa Disiplin sepertimana dalam peraturan perlembagaan parti itu. Majlis Presiden berharap Jawatankuasa Disiplin mengemukakan hasil siasatan serta cadangan tindakan terhadap kedua-dua Adun terbabit secepat mungkin. Dan Majlis Presiden pula akan mengambil keputusan muktamad berdasarkan kepada syor Jawatankuasa Disiplin.

Setakat ini, masih terlalu awal untuk mengatakan sama ada MCA sudah tunduk atau belum, kepada tekanan Gerakan-Umno. Tetapi dari berita-berita yang disebar oleh punca-punca yang rapat dengan MCA, ternyata wujud sentimen tidak puas hati di kalangan MCA terhadap campurtangan Gerakan-Umno yang dianggap keterlaluan itu.

Tentang kes duluan (precedent) yang dinyatakan oleh Keng Yaik di mana pengerusi sementara Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming dipecat apabila bersikap berkecuali ketika pembentangan pindaan lima rang undang-undang negeri di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah pada 17 Jun 1996, ia dipertikaikan oleh pihak MCA kerana ianya membabitkan dasar penting BN.

---

Sebaliknya, MCA memberi kes duluan (precedent) yang lain di mana beberapa Adun Umno tidak mengambil pendirian menentang Rang Undang-Undang Syariah (Hudud dan Qisas) PAS yang dibentangkan di DUN Kelantan dan DUN Terengganu, walaupun ia berkaitan dengan dasar BN yang penting.

### ***Membela diri***

Walhal, dalam kes Lim dan Tan, usul DAP hanya meminta kerajaan negeri menangguhkan pelaksanaan PORR yang perlu bayar tol, bukan meminta ianya dibatalkan terus, sehingga projek Lebuh Raya Jelutong (JE) yang tidak perlu bayar tol, yang bernilai RM400 juta siap dibina.

Malah, kedua-dua Adun MCA itu mengaku tindakan mereka dibuat atas kehendak rakyat di kawasan yang mereka wakili - satu alasan yang selaras dengan lunas-lunas demokrasi, di mana kepentingan pengundi/rakyat tempatan harus diutamakan daripada kepentingan parti.

Oleh itu, sekalipun mereka melanggar disiplin parti, ianya tidak wajar dianggap sebagai kesalahan yang begitu serius sehingga mereka dipecat, seperti kehendak Gerakan dan Umno, tanpa diberi peluang untuk membela diri!

Lantaran itu, menurut punca-punca yang boleh dipercayai, ada antara ahli Jawatankuasa Disiplin MCA yang berpendapat bahawa memadailah jika keahlian Adun terbabit digantung selama tiga hingga enam bulan.

Jika inilah keputusan yang bakal diambil oleh Jawatankuasa Disiplin, dan ianya diperkenankan oleh Majlis Presiden, maka mengikut peraturan perlembagaan MCA, ia adalah keputusan muktamad.

"Muktamad" bermakna tiada mana-mana pihak, termasuk mahkamah dan tentunya BN dapat mencabarnya atau mengubahnya. Jika itulah yang bakal terjadi, dapatkah Gerakan, Umno, khasnya Dr Mahathir menjilat kembali apa yang telah diludahkan?

### ***Pendirian MCA***

Jika apa yang telah diludah pantang dijilat kembali, maka apakah yang dapat Gerakan-Umno buat? Bolehkah Dr Mahathir, selaku pengerusi BN, terus memecat kedua-dua Adun tersebut tanpa menghiraukan pendirian MCA? Dan jika MCA tidak mahu tunduk, apakah parti itu juga mungkin dipecat dari BN?

Memandangkan tiada mana-mana parti komponen, atau pemimpinnya yang berani mengingkari kemahuan Dr Mahathir, rela atau tidak rela, apakah

Jawatankuasa Disiplin MCA terpaksa 'memancing' Lim dan Tan sepertimana yang dikehendaki pengerusi BN itu?

Jika demikian halnya, maka Liong Sik dan MCA tentu dianggap sebagai "pengecut" dan "kaki bodek" dan tentunya sukar hendak menghadapi masyarakat Cina yang didakwa diwakili parti itu!

Nampaknya, kes dua Adun ini telah meletakkan MCA dan BN dalam keadaan serba salah. Bak kata pepatah: Ditelan mati bapa, diluahkan mati emak!

11hb Disember 2002

## 36 Adun MCA Terpaksa Dikorbankan

Dalam kolum minggu lepas, saya mengemukakan soalan berikut: "Memandangkan tiada mana-mana parti komponen, atau pemimpinnya yang berani mengingkari kemahuan Dr Mahathir Mohamad, rela atau tidak rela, apakah Jawatankuasa Disiplin MCA terpaksa 'memancung' Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi) sepertimana yang dikehendaki pengerusi BN itu?"

Nampaknya kedua Adun MCA tersebut akhirnya dikorbankan juga berikutan keputusan Majlis Presiden MCA Isnin lalu untuk menggantung keahlian mereka tanpa had masa sepertimana yang disarankan oleh jawatankuasa disiplin parti itu. Bagaimanapun, mereka masih berpeluang untuk membuat rayuan terhadap hukuman itu dalam masa 14 hari.

Tidak dapat dinafikan 'penggantungan keahlian tanpa had masa' boleh ditafsirkan dalam pelbagai makna. Jika keahlian mereka digantung terus-menerus tanpa sebarang had masa, maka bukankah ia bermakna mereka telah dipecat seperti kehendak Gerakan-Umno?

Jika mereka tidak dipecat, tetapi digantung dalam ertikata sebenar, maka tentu ada had masa, umpamanya tiga bulan, enam bulan atau jangka masa yang dianggap sesuai dan adil. Selepas genap jangka masa yang ditetapkan itu, maka keahlian mereka akan dipulihkan.

'Gantung tanpa had masa' mungkin membayangkan dilema MCA yang tidak rela tunduk kepada tekanan Gerakan-Umno untuk memecatkan kedua-dua Adun terbabit secara terang-terangan. Pada masa yang sama, MCA juga tidak berani mengenakan tindakan disiplin yang akan dianggap 'ringan', misalnya menggantung keahlian Adun terbabit selama tiga atau enam bulan, sepertimana yang pernah diura-urakan oleh pihak yang berkaitan.

Berasaskan latar-belakang ini, 'penggantungan keahlian tanpa had masa' itu lebih mirip kepada tafsiran digantung mengikut had masa yang belum ditentukan. Diharapkan pemimpin MCA, pada masa yang sesuai, penggantungan keahlian Adun berkenaan dapat dibatalkan tanpa bantahan keras dari Gerakan-Umno, khususnya Dr Mahathir.

### ***Berdolak-dalik***

'Tipu-helah' MCA ini rasanya tidak begitu mudah mencapai tujuannya. Dengan serta-merta keputusan Majlis Presiden MCA itu dianggap oleh Presiden Gerakan, Dr Lim Keng Yaik sebagai "tidak ikhlas dan mementingkan diri". Dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula, secara terus terang, meminta MCA memberi penjelasan mengenai keputusan penggantungan tanpa had masa itu.

Kata beliau: "Saya ingin tahu apa maknanya 'indefinitely' (tidak ditentukan), kalau dalam masa singkat ia tak ada makna tapi kalau sampai habis penggal mereka berkhidmat sebagai wakil rakyat BN maka ia dianggap satu keputusan tegas dan keras."

MCA sukar hendak berdolak-dalik kerana penjelasan yang diminta oleh timbalan perdana menteri itu adalah tepat dan jitu. Yang penting bukan keahlian kedua Adun terbabit dalam MCA, tetapi kedudukan mereka sebagai Adun BN.

Dengan lain perkataan, beliau mahukan jaminan bahawa kedua-dua Adun MCA itu dilucutkan kedudukan mereka sebagai Adun BN hingga habis penggal perkhidmatan mereka sebagai wakil rakyat. Yang tersirat ialah seandainya penggantungan keahlian mereka dibatalkan selepas tamat penggal perkhidmatan sebagai wakil rakyat, mereka juga tidak berpeluang untuk menjadi calon BN lagi.

Jika yang ingin dipecat atau lucut ialah kedudukan Lim dan Tan sebagai Adun BN, kenapa kes mereka tidak terus dirujuk kepada Badan Disiplin BN saja?

Jika Dr Mahathir telah bersetuju dengan desakan Gerakan-Umno supaya kedua-dua Adun MCA itu dipecat, mengapa Jawatankuasa Disiplin dan

Majlis Presiden MCA diberi mandat untuk mengambil tindakan disiplin terhadap mereka?

Apa akan jadi sekiranya kedua-dua Adun MCA membuat rayuan dalam tempoh 14 hari, dan MCA pula mengambil keputusan menetapkan tempoh penggantungan itu dalam had masa penggal mereka berkhidmat sebagai wakil rakyat?

### ***Campurtangan BN***

Adakah BN akan mengambil tindakan melucutkan kedudukan kedua-dua Adun MCA itu sebagai wakil rakyat BN? Atau MCA akan terus ditekan supaya mengambil tindakan disiplin yang 'tegas dan keras' seperti yang dikehendaki Gerakan-Umno? Tidakkah itu merupakan campurtangan terang-terangan dalam hal-ehwal parti komponen BN yang lain?

Lebih mengelirukan lagi ialah apabila Presiden MCA, Dr Ling Liong Sik berkata, beliau sudah memaklumkan keputusan itu kepada Dr Mahathir selaku presiden BN, sebelum beliau (Dr Mahathir) berlepas ke Jepun hujung minggu lalu.

Dr Ling berkata: "Ia adalah amalan biasa membabitkan isu penting. Saya sentiasa mendapatkan pandangan Perdana Menteri kerana sebagai bapa BN dan apabila anda berada di atas, anda mempunyai pandangan lebih luas."

Adakah ini bermakna keputusan Majlis Presiden MCA itu merupakan kompromi Dr Ling dengan Dr Mahathir? Akhirnya kedua-dua Adun MCA terbabit yang dikorbankan? Tidak hairan apabila mengetahui keputusan penggantungan keahlian mereka tanpa had masa, kedua-dua Adun MCA terbabit 'merasa sedih dan terkejut', kerana tidak menjangka dikenakan hukuman yang begitu serius sekali.

Kehampaan itu mudah difahami, kerana tindakan mereka berkecuali di Dewan Undangan Pulau Pinang dalam pengundian menolak usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 billion ditangguhkan adalah demi menjaga kepentingan pengundi yang mereka wakili.

### ***Dalang anti-PORR***

Mereka telah diamanahkan oleh 30,000 pengundi yang menandatangani suatu memorandum menentang projek tersebut. Lebih-lebih lagi, ia selaras dengan pendirian majoriti Adun MCA Pulau Pinang. Malah pengerusi MCA Pulau Pinang, Wong Kam Hoong yang dituduh oleh Gerakan sebagai dalang dalam kempen anti-PORR.

Kesal sekali, dalam pertikaian kali ini, kepentingan rakyat Pulau Pinang telah diabaikan, tiada perhatian secukupnya diberikan untuk mengkaji punca-punca kenapa rakyat menentang projek tersebut.

Lantaran itu, rasanya pengantungan keahlian kedua-dua Adun MCA itu tidak menyelesaikan kes berkenaan, kerana:

- (i) Kempen anti-PORR belum diselesaikan;
- (ii) Pertentangan antara MCA dengan Gerakan-Umno, terutama di Pulau Pinang juga belum diselesaikan;
- (iii) Sekiranya Lim dan Tan tidak dibenarkan menjadi calon BN dalam pilihanraya umum akan datang, adakah mereka akan biarkan diri mereka dikorbankan begitu saja?
- (iv) 'Semangat muafakat BN' terbukti retorik kosong saja.

18hb Disember 2002

---

## **37** Ceti Haram Sudah Menjadi Sah?

Gejala berleluasanya ceti haram atau Along adalah satu lumrah dalam masyarakat kita. Kes peminjam diganggu atau dizalimi ceti haram kerana tidak melangsaikan hutang, juga bukan sesuatu yang luar biasa.

Keganasan Along bukan saja merupakan tema yang diulang-ulang dalam karya kesusasteraan dan perfileman, tetapi juga sudah menjadi tajuk harian media massa.

Pembaca juga sudah lali dengan berita bagaimana mangsa Along diugut, dibelasah, diculik, dcedera, malah ditembak mati, yang dipaparkan di sisi berita kemalangan jalanraya, kecurian, rompakan, atau perbalahan samseng.

Tetapi kali ini, kejadiannya berlainan sedikit di mana mangsa Along adalah tiga anak beranak - peniaga M Manimaran (35), isterinya Leela Vellu (27), dan anak mereka Devan Raja (4) - yang dilaporkan membunuh diri dengan meminum racun rumpai, kerana tidak tahan diganggu ceti haram.

Mungkin kes ini lebih tragik daripada apa yang berlaku sebelum ini kerana ia turut membabitkan nyawa seorang anak kecil, dan mungkin juga kerana kes ini ditonjolkan oleh media massa sepertimana mereka menonjolkan kes sumbang mahram dan rogol sebelum ini.

Bagaimanapun, kes itu mendedahkan beberapa fakta yang patut dipandang berat oleh semua pihak terbabit, agar tindakan sewajarnya diambil untuk mengawal keadaan yang sudah menjadi begitu serius.

### **Syarat mudah**

Menurut laporan Utusan Malaysia, dianggarkan 120,000 atau 40 peratus daripada 300,000 peniaga kecil di seluruh negara, meminjam dengan ceti haram kerana prosedurnya yang lebih mudah berbanding pinjaman bank. Anggaran 40 peratus itu mungkin boleh dipertikaikan, tetapi tidak dapat dinafikan keadaan adalah amat buruk!

Mereka dibenarkan meminjam tanpa sebarang jaminan atau cagaran. Jika mereka meminjam RM1,000 misalnya, mereka hanya dikehendaki membayar balik RM13 setiap hari selama 100 hari. Prosedurnya mudah saja, tetapi kadar bunganya amat tinggi sekali.

Justeru prosedurnya mudah, peminjam yang tidak berfikir panjang, suka meminjam dari ceti haram. Jika hutang kian banyak, ditambah pula dengan kadar bunga yang amat tinggi, akhirnya mereka sudah tidak mampu melangsaikan hutang.

Akibatnya, mereka terpaksa menghadapi gangguan dan keganasan Along yang tidak kenal belas kasihan itu, dan berlakulah kes-kes yang tragik dan mengerikan.

Baru-baru ini, dilaporkan mengenai seorang penjaja muda, Sao Zi-cin yang meminjam 10 kali daripada 9 Along, dalam tempoh tidak sampai sebulan (November hingga Disember). Kini dia tidak mampu melangsaikan hutang-hutangnya itu dan senantiasa berada dalam ketakutan kerana diburu 9 Along berkenaan.

Menurut Sao, pertama kali dia meminjam RM2,000, dan dikehendaki membayar RM65 sehari selama 40 hari. Kerana tidak mampu membayarnya, Sao terpaksa meminjam RM2,000 dari Along kedua untuk membayar pinjaman pertama. Bagi pinjaman kedua, dia dikehendaki membayar RM80 sehari selama 35 hari.

### **Keengganan bank**

Setelah beberapa hari kemudian, Sao tidak mampu membayar pinjaman pertama dan kedua. Maka dia pun meminjam lagi dari Along ketiga. Demikianlah halnya sehinggalah dia meminjam dari Along yang kesembilan!

Sao adalah antara penghutang Along yang tidak mampu membayar balik dan terpaksa meminjam lagi dari Along yang lain, sehinggalah jumlah hutang mereka menjadi berpuluh ribu. Akibatnya mereka diburu dan diganggu oleh ramai Along.

Demi mengelak penjaja dan peniaga kecil dari menjadi mangsa ceti haram, Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mewajibkan semua institusi kewangan di negara ini memberi pinjaman kepada peniaga kecil yang layak.

Kata beliau, sebahagian besar institusi perbankan tempatan tidak berminat meyalurkan pinjaman kepada peniaga kecil walaupun dananya disediakan oleh kerajaan. Kenapa ianya boleh berlaku? Kenapa tiada tindakan diambil terhadap institusi perbankan yang lebih suka 'memberi hutang besar kepada syarikat besar' saja?

Keengganan institusi perbankan memberi pinjaman kepada peniaga kecil juga dikatakan berpunca daripada mereka sendiri yang gagal melunaskan pinjaman seperti dipersetujui.

Sehubungan itu, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, Datuk Ramli Noraini tidak menafi terdapat segelintir peniaga terbabit yang gagal melunaskan pinjaman mereka kerana menggunakan wang pinjaman untuk tujuan lain dan bukan sebagai modal pusingan.

### **Muflis**

Namun dasar kerajaan juga perlu disalahkan. Contohnya sewaktu Kempen Mengindahkan Gerai dilancarkan pihak berkuasa pada tahun 90-an. Akibat kempen itu, ada peminjam yang memperolehi RM5,000 sebagai modal pusingan, terpaksa menggunakan RM3,000 untuk mengindahkan gerai mereka. Bakinya baru digunakan sebagai modal pusingan. Ini menyebabkan pulangan yang tidak memuaskan, malah ada yang muflis.

Dan menurut beliau lagi, pada masa itu juga terdapat syarat-syarat pinjaman yang terlalu longgar yang membolehkan peminjam terlepas daripada membuat bayaran balik.

Kes ini agak 'luar biasa' kerana mengikut laporan media, yang disalahkan lumrahnya ialah mengenai syarat ketat (termasuk penjamin dan cagaran) sehingga ada cadangan supaya prosedur ala ceti haram, atau pinjaman kecil segera dilaksanakan oleh institusi perbankan terbabit!

Nampaknya, siasatan lebih rapi mengenai bagaimana ketat atau longgar, sukar atau mudahnya syarat dan prosedur pinjaman oleh institusi perbankan tempatan kepada penjaja dan peniaga kecil hendaklah dilakukan sebelum tindakan penyelesaian yang lebih berkesan dapat dikemuka dan dilaksanakan.

Jika ditanya kementerian manakah yang bertanggungjawab atas hal-ehwal ceti haram ini, tentu sedikit sangat orang yang mengetahui bahawa jawapan yang tepat sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan!

Lagi memeranjatkan apabila diketahui bahawa mengikut Akta Pemberi Pinjaman Wang Haram 1951, ceti haram atau Along, jika dibawa ke mahkamah dan tersabit kesalahannya, hanya boleh dikenakan hukuman denda RM1,000! Begitu ringan sekali dendanya, jadi tidak hairanlah mereka begitu berleluasa!

### ***Along ditaja***

Kenapa akta lapuk yang diluluskan setengah abad dulu, masih belum dipinda? Jika parti pembangkang mengemukakan usul supaya menteri yang berkenaan dipotong gaji RM10, mereka tentu disindir hanya mahu membuat kacau!

Namun, tidakkah kerajaan Barisan Nasional (BN) umumnya dan khasnya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, patut diipertanggungjawabkan di atas kelalaian yang sukar dipercayai ini?

Memang bukan rahsia lagi apa yang didakwa oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat bahawa ada ceti haram atau Along dilindungi dan ditaja golongan berpengaruh, termasuk ahli politik dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan, untuk mendapat kedudukan tinggi dalam masyarakat, di samping menjalankan kegiatan haram mereka.

Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan pula meminta agar institusi kewangan dan bank disiasat kerana didakwa 'mendalangi' ceti haram atau Along dengan cara membekal pinjaman yang besar jumlahnya sebagai modalnya untuk menjalankan urusan pinjaman haram.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika ditanya pemberita, menganggap perkara ini perlu dibincangkan oleh pihak-pihak yang berkaitan, termasuk Bank Negara dan pihak polis.

Menurutnya, perkara itu tidak letak di bawah bidang kuasa kementeriannya. Banyak iklan pinjaman wang disiarkan dalam akhbar dan kita tidak tahu yang mana berlesen dan yang mana pula haram.

Beliau juga tidak pasti siapa yang patut memantau dan mengambil tindakan, serta mengikut akta apa - sama ada Akta Bank, Akta Pajak Gadai atau akta lain? Selagi tiada kawalan, selagi itulah ada orang akan ditawarkan perkhidmatan itu sebagai sesuatu yang sah di sisi undang-undang.

24hb Disember 2002

---

## 38 Tudung Dan Multi-Kulturalisme

Kes larangan memakai tudung yang melibatkan empat pelajar perempuan Islam darjah satu di Singapura telah mengakibatkan dua orang daripadanya digantung sekolah, seorang pindah ke sekolah madrasah, dan seorang lagi terpaksa menanggalkan tudungnya untuk meneruskan pelajaran.

Isu tudung tersebut bukan saja berkaitan dengan kepentingan empat orang pelajar yang masih kecil dan tidak bersalah, ia juga bersangkutan-paut dengan prinsip kebebasan beragama, perpaduan yang berasaskan kesamarataan kaum antara majority dan minoriti, dan mungkin juga hubungan baik antara Singapura dengan Malaysia dan negara-negara Islam yang lain.

Tidak dapat dinafikan bahawa hubungan Singapura-Malaysia padahal bukan begitu mesra akibat persengketaan air yang belum diselesaikan lagi. Kini, suasana menjadi lebih tegang kerana kedua-dua pihak tampaknya telah berpolemik atas isu tudung tersebut.

Tokoh-tokoh politik dan agama dari kerajaan dan pembangkang Malaysia yang jarang menyetujui satu sama lain, telah membidas Singapura kerana melaksanakan dasar yang dianggap sebagai berbau perkauman dan diskriminasi terhadap agama Islam, kerana pelajar Sikh dibenarkan berserban, tetapi pelajar Islam tidak dibenarkan bertudung. Ada pula yang berhujah menutup aurat adalah wajib bagi wanita Islam (ada yang menganggap hanya wajib bagi mereka yang cukup umur).

---

Ada pula yang berhujah menutup aurat adalah wajib bagi wanita Islam (ada yang menganggap hanya wajib bagi mereka yang cukup umur).

Kerajaan Singapura bersikap tegas dan keras. Perdana Menteri Goh Chok Tong memberi amaran supaya negara asing tidak campurtangan dalam urusan dalam negeri Singapura. Sungguhpun prinsip tidak campurtangan oleh negara asing itu satu prinsip yang diakuri semua negara, namun, unsur sejarah kedua negara jiran - Malaysia dan Singapura yang begitu rapat sekali, juga harus diperhitungkan.

### **Anasir pelampau**

Apatah lagi selepas peristiwa Sep 11, identiti Islam telah dicemari, distereotaip dan dikaitkan dengan ekstrimisme dan keganasan ala Taliban dan al-Qaeda. Di Singapura dan Malaysia sahaja, berpuluh-puluh orang "pengganas militan" telah ditahan di bawah ISA, tanpa bukti yang dapat dikemukakan dalam mahkamah terbuka.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong sendiri telah menyeru masyarakat Singapura supaya membanteras ajaran sesat kerana kebanyakan kumpulan militan seperti Jemaah Islamiah, mengambil anggota bagi perjuangan mereka dengan bertopengkan agama.

Di samping itu, tuduhan juga dilemparkan bahawa isu tudung tersebut padahal didalng oleh anasir pelampau. Dari segi ini, dan dalam hubungan dunia tanpa sempadan zaman sekarang, masakan isu yang begitu sensitif sekali boleh dianggap sebagai urusan dalam negeri Singapura semata-mata?

Yang lebih mengkusarkan ialah beberapa hujah lain yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Menteri Pendidikannya Teo Chee Hean, padahal menonjolkan dasar hegemoni kebudayaan kerajaan Singapura yang bertentangan dengan prinsip multi-kulturalisme, antara lain:

- (i) Jika tudung dibenarkan di sekolah maka ia akan memecahkan masyarakat;
- (ii) Nilai budaya dan agama kumpulan hanya dibenarkan diamal dalam ruang mereka sendiri tetapi tidak dibenarkan diamal dalam ruang bersama seperti sekolah;
- (iii) Memandang kedegilan bapa kepada pelajar terbabit untuk terus memastikan anak mereka memakai tudung sebagai bermotif politik;

Kalau pelajar perempuan Islam memakai tudung, ia akan memecahkan masyarakat Singapura; maka menurut logik yang sama, pelajar Sikh yang

dibenarkan berserban tentu akan memecahkan masyarakat Singapura juga, kenapa mereka terus dibenarkan berserban?

### ***Asimilasi paksaan***

Tudung, serban, atau pakaian lain yang beraneka ragam dari pelbagai kumpulan etnik hanya menunjukkan identiti atau ciri lahiriah yang berlainan, sungguhpun berkaitan dengan nilai budaya atau agama yang tertentu, jika diterima dan dihargai dengan sikap toleransi dan semangat hormat-menghormati, ia juga boleh mencapai kesatuan/keharmonian dalam kepelbagaian.

Sebaliknya, uniformiti yang merupakan diskriminasi terhadap nilai budaya dan agama minoriti, malah merupakan asimilasi paksaan melalui dasar pendidikan dan sebagainya, meskipun dengan dalih perpaduan nasional atau retorik membangun sebuah negara (apa yang dinamakan "nation state" barangkali), ia sebenarnya merupakan punca perpecahan masyarakat.

Bandingkan dua keadaan berikut: Pertama, pelajar perempuan Islam terbabit dibenarkan memakai tudung; dan kedua, larangan dikuatkuasa dengan tegas tanpa kompromi. Keadaan manakah yang akan memecahkan masyarakat Singapura?

Jika pelajar perempuan Islam dibenarkan memakai tudung, bagaimanakah ia boleh menyebabkan polarisasi pelajar seperti didakwa? Jika yang pakai tudung dan yang tidak pakai tudung diajar supaya saling hormat-menghormati dan harga-menghargai, bukan saling hina-menghina atau diskriminasi antara satu sama lain, bagaimana ia boleh menyebabkan perpecahan?

Sekarang yang memakai tudung telah digantung sekolah, seolah-olah mereka sudah membuat sesuatu yang jahat dan memudharatkan masyarakat, maka yang memakai tudung tentu dihina atau didiskriminasikan oleh mereka yang tidak memakai tudung, bukankah ia justeru akan menyebabkan perpecahan masyarakat yang pelbagai kaum dan agama seperti Singapura?

### ***Duduk sama rendah***

Teori dua ruang - ruang kumpulan sendiri dan ruang bersama - padahal teori yang akan memecah-belahkan masyarakat kerana ia sebenar merupakan hegemoni kaum dominan dan majoriti.

Di ruang rasmi kebangsaan kaum minoriti langsung tiada tempat, kononnya untuk membangun sebuah negara.

Dengan cara ini kaum minoriti pun dipinggirkan ke ruang mereka sendiri. Mereka tentu berasa lebih selesa dalam ruang mereka sendiri kerana berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, dan nilai budaya dan agama kaum sendiri dapat diamalkan.

Hakikat yang demikian tentu tidak dapat memuaskan kaum dominan yang ingin hendak membangun sebuah negara yang berteraskan nilai budaya dan agama kaum dominan. Oleh itu, kewujudan ruang-ruang tersendiri itu nescaya tidak dapat dihargai malah ditoleransi, ianya perlu terus dipinggirkan sehingga akhirnya ditelan bulat-bulat oleh nilai budaya dan agama kaum dominan, dan terbangunlah sebuah negara!

Demikianlah teori hegemoni budaya dan agama yang bertentangan dengan teori multi-kulturalisme. Teori multi-kulturalisme sebaliknya mengiktirafkan tempat nilai budaya dan agama yang berlainan dalam kedua-dua ruang, ruang tersendiri dan ruang bersama, terutamanya dalam ruang bersama.

Prinsip toleransi dan hormat-menghormati, prinsip kedudukan samarata nilai budaya dan agama yang berlainan, prinsip kedudukan samarata kaum majoriti dan kaum minoriti, adalah antara prinsip utama multi-kulturalisme yang penting dan sewajarnya disanjung tinggi oleh masyarakat pelbagai kaum seperti Singapura dan Malaysia.

Moga-moga kaum dominan kedua-dua negara Singapura dan Malaysia dapat melaksanakan multi-kulturalisme demi perpaduan tulen nasional dan rantau ini.

9hb Februari 2002

## 39 Demokrasi Digundik Oleh Ceramah Umum?

Kejadian serangan ke atas anggota polis di Kampung Kubang Bok, Kuala Ketil dekat Baling yang melibatkan tindakan membaling batu, beg plastik berisi cuka getah dan perbuatan membakar sebuah kenderaan polis pada 10 Februari 2002.

Kejadian itu yang berlaku ekoran tindakan polis menyuraikan ceramah umum anjuran PAS telah menandakan pengorkestraan terbaru terhadap apa yang dinamakan "budaya ganas" PAS seperti yang disiarkan oleh Televisyen RTM baru-baru ini mengenai Peristiwa Kampung Memali pada tahun 1985.

Siapa yang harus bertanggungjawab atas peristiwa tersebut, selain daripada menunggu siasatan polis, rasanya pihak PAS juga perlu mengambil inisiatif untuk menyelidik dan mengkaji apakah yang sebenarnya berlaku dan siapakah yang terbabit dalam kejadian yang tidak diingini itu, supaya pendirian dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Yang menghairankan penulis ialah kenyataan Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang - bahawa PAS tidak akan mengendahkan larangan ceramah umum kerana percaya apa yang dilakukan tidak menyimpang daripada kehendak perlembagaan, demokrasi dan agama - boleh diputarbelitkan sebagai bukti "budaya ganas" PAS yang bersedia untuk menimbulkan huru-hara.

---

Pendirian Abdul Hadi ialah mengadakan ceramah umum merupakan hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita dan agama Islam . Oleh itu, PAS tidak akan mengendahkan larangan ceramah umum.

"PAS tidak akan mengendahkan larangan ceramah umum" bermakna parti itu akan terus mengadakan ceramah umum seperti biasa. Jika ia tidak ditindas dan disuraukan secara paksa dengan penggunaan kekerasan yang tidak munasabah, masakan boleh timbul huru-hara?

### ***Pesta politik***

Ini bukan kata-kata retorik, tetapi telah terbukti oleh ratusan ceramah umum yang telah diadakan oleh PAS dan parti komponen BA yang lain beberapa tahun kebelakangan ini. Ceramah umum bukan saja tidak berkaitan dengan "budaya ganas", malah ia telah mendekatkan politik dengan rakyat melalui cara yang begitu mesra sekali. Mereka yang menghadiri ceramah umum seolah-olah mengunjungi "pasar malam" atau sesuatu pesta yang menggembirakan.

Bukan saja bahan politik seperti buku, akhbar, pita rakaman , CD, dan sebagainya dapat diperolehi dengan harga yang berpatutan, banyak lagi makanan dan minuman tempatan yang lazat, juga dapat dibeli untuk memuaskan selera mereka yang menghadiri ceramah umum.

"Pesta" ceramah umum seperti yang disebut di atas pernah diadakan beberapa kali di Dewan Perhimpunan Cina Selangor yang dihadiri peminat pelbagai kaum. Penulis dan beberapa kawan dari badan bukan kerajaan (NGO) yang hadir, cukup mengagumi "budaya pesta politik" tersebut.

Masakan "budaya pesta politik" ini boleh disamakan dengan "budaya ganas" seperti kejadian di Kampung Memali yang disiarkan oleh Televisyen RTM?

Pendirian PAS untuk memperjuangkan hak untuk berceramah juga selaras dengan saranan Suhakam dalam Laporan "Kebebasan Berhimpun" yang mencadang agar parti-parti politik dan rakyat negara ini dibenarkan berhimpun secara damai dalam bangunan-bangunan tertutup.

Usaha pemimpin Umno dalam memainkan "budaya ganas" PAS boleh difahami. Dalam wawancara yang disiarkan dalam Mingguan Malaysia bertarikh 17 Februari 2002, pensyarah Sains Politik Universiti Utara Malaysia (UUM) , Profesor Madya Dr Mohamed Mustafa Ishak, antara lain, telah menggunakan Insiden Baling untuk mencapai rumusan yang agak ekstrim: kononnya soalnya sekarang adakah kita hendak politik tanpa darah ataupun politik berdarah?

Jawapannya tentu saja kita hendakkan politik tanpa darah, termasuk PAS yang berjuang selama berpuluh-puluh tahun secara berperlembagaan. Namun, mengikut logik Dr Mohamed Mustafa, seolah-olah jika dibenarkan ceramah umum, Insiden Baling sudah tidak dapat dielakkan, dan darah akan tumpah akhirnya.

Mengikut beliau: " Yang tidak dibenarkan ceramah umum di tempat terbuka yang mana berpuluh-puluh ribu penonton datang sehingga keadaan menjadi tidak terkawal dan akhirnya membawa kepada pelbagai masalah" dan "hanya dengan satu percikan api, sentimen dan emosi penonton atau pendengar boleh membakar segala-galanya".

Kenapa ceramah umum tidak boleh diadakan secara damai seperti ratusan ceramah umum yang telah diadakan pada masa yang lepas? Kenapa jika dihadiri berpuluh-puluh ribu penonton ia tidak boleh terkawal? Bagaimana pula sentimen dan emosi penonton atau pendengar boleh membakar segala-galanya hanya dengan satu percikan api saja?

#### ***Andaian ekstrim***

Kesemua ini adalah andaian yang ekstrim, padahal, ceramah umum telah dilarang pada keseluruhannya mulai Julai lalu. Dan yang dilarang bukan hanya ceramah yang akan dihadiri puluhan ribu penonton yang dikhuatiri tidak terkawal atau akan mencetuskan huru-hara, sepertimana yang digambarkan oleh Dr Mohamed Mustafa, tetapi juga semua ceramah umum terbuka, termasuk yang akan dihadiri ratusan orang secara aman, juga dilarang.

Petikan Mao Tse Tung yang berbunyi: "Politik adalah peperangan tanpa darah, dan peperangan itu ialah politik yang telahpun berdarah" digunakan oleh Dr Mohamed Mustafa untuk membuktikan "peperangan yang berdarah itu bukan politik"

Kita semua tidak inginkan politik yang berdarah di negara kita. Tetapi jika mengatakan Mao Tse Tung juga tidak setuju dengan politik yang berdarah atau beliau berpendapat peperangan yang berdarah itu bukan politik, maka bagaimanakah Dr Mohamed Mustafa dapat mengerti strategi Mao yang terkenal sekali: "Mengepung bandar dari desa, dan merampas kuasa politik melalui perjuangan bersenjata"? Serta slogan Mao yang diketahui umum: "Kuasa politik datang dari laras senapan"?

Sebagai seorang profesor sains politik, sukar dipercayai bahawa beliau bukan saja tidak menggosari keadaan demokrasi di negara kita akibat larangan menyeluruh terhadap ceramah umum, sebaliknya beliau berpendapat demokrasi negara kita telah digundikkan oleh ceramah umum

yang sering diadakan.

Bagi beliau, ceramah politik hanya boleh dibenarkan dalam musim pilihanraya. Habis pilihanraya, tamatlah ceramah politik, buat apa sibuk-sibuk berceramah? Kononnya "kerajaan yang diipilih tidak boleh diganggu setiap malam dengan kempen dan ceramah pembangkang seperti sekarang".

22hb Februari 2002

---

## 40 Titisan Air Mata Patricia

Hati penulis berkocak setelah membaca surat terbuka (Forum Utusan Malaysia 26 Februari 2002) Dr Patricia Martinez, Fellow Penyelidik Kanan Universiti Malaya, seorang daripada enam orang yang didakwa menghina Islam, memperkecil-kecilkan Nabi dan menyerang para ulama dalam memorandum Persatuan Ulama Malaysia (PUM) kepada Majlis Raja-Raja bertarikh 4 Februari 2002.

Dalam surat tersebut, Patricia mengatakan beliau menitiskan air mata kerana PUM telah memansuhkan hak demokratiknya dengan mengutuk beliau dan membuat satu laporan serius terhadapnya tanpa menyedari kesan buruk tindakan mereka atas kehidupannya dan keluarganya.

Beliau juga menitis air mata kerana mengetahui betapa etos keadilan, belas kasihan dan rahmat bergema di dalam Islam, dengan setiap surah di dalam Quran bermula dengan kalimah suci yang bermaksud "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani".

Saya hampir tidak dapat mempercayai mata saya sendiri apabila terbaca kesalahan beliau hanya kerana membuat ulasan bahawa di dalam peperiksaan kebangsaan utama seperti PMR, para pelajar dikehendaki menandakan sama ada mereka beragama Islam atau bukan Islam.

---

Apakah kaitan calon PMR dengan agamanya? Jika tidak mendapat jawapan munasabah, tidak dapat dinafikan mungkin ada calon bukan Islam yang akan merasa bimbang.

### ***Kejahilan punca kebimbangan***

Bagaimana hati Patricia tidak hancur setelah cinta dan usaha beliau terhadap agama Islam telah diinjak-injak sebegitu, dengarlah cita-cita luhur dan rintihan hati beliau sebagai seorang ahli akademik yang pakar dalam Islam:

"Saya memilih untuk mengkaji Islam kerana saya dapati ada keperluan untuk meneliti kejahilan yang sedia wujud di kalangan orang-orang Islam dan bukan Islam di Malaysia. Kejahilan yang menjadi punca kebimbangan dan ketaksuban di kedua-dua pihak.

"Tetapi ketaksuban ini dibiarkan dan dikeruhkan dalam keadaan di mana wacana awam dan ruangan awam dikuasai oleh politik. Hasilnya menjadi bertambah polemik dan berpolarisasi, dan saya kerap kali berasa bahawa tiada ruangan objektif atau berkecuali di mana kita sebagai ahli akademik dapat berkongsi pengajian dan penyelidikan yang menjadi tanggungjawab kita dalam masyarakat madani."

Cuba bayangkan jika ahli akademik dan penulis yang berilmu Islam dan lantang bersuara seperti Dr Farish A Noor, Kasim Ahmad, Akbar Ali, Malik Imtiaz Sarwar, Zainah Anwar dan Patricia boleh dengan mudah saja dituduh "menghina Islam" dan disenyapkan oleh PUM, siapakah lagi yang layak dan berani membincang, berdebat atau mengkritik mengenai isu-isu Islam di negara kita lagi?

### ***Hegemoni ulama***

Menurut Dr Chandra Muzaffar (Utusan Malaysia, 20-21 Februari 2002), PUM menegaskan bahawa kerana para penulis ini kononnya telah melanggar hukum Islam dan menghina Nabi, ia tidak perlu lagi berbincang dengan mereka. Apa yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa ialah melaksanakan peruntukan dalam syariah yang menghukum sesiapa yang menghina Islam atau memperkecilkan al-Quran dan Hadith.

Dengan tepat Chandra telah membuat analisis bagaimana ulama ortodoks dan konservatif kekal menjadi cabaran utama. Ini kerana mereka menguasai wacana Islam. Hegemoni ulama terhadap agama menjadi satu daripada halangan besar kepada pembaharuan Islam. Beliau menegaskan hegemoni berorientasikan ulama harus ditolak, kerana ia mengecualikan orang lain daripada terlibat dalam menentukan masa depan masyarakat.

Pemikiran hegemoni seperti itu akhirnya akan membawa kepada autoritarianisme agama, malah pemerintahan diktator agama.

Rencana pengarang Harakah (Bahagian Inggeris edisi 26 Februari 2002) juga meragui kebijaksanaan masa depan politik dipertanggungjawabkan kepada ulama atau golongan ulama dengan hujah bahawa mentadbir negara memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang sama sekali berbeza.

Di samping itu, ia juga secara terus-terang membidas graduan universiti berpendidikan Arab dari Timur Tengah yang menggelarkan diri mereka sebagai ulama di bawah PUM sebagai punca kekeliruan.

### ***Tiga kategori ulama***

Rencana pengarang tersebut menganggap ulama yang benar-benar alim di Malaysia sekarang terlalu sedikit jumlahnya, oleh itu, sebuah negara Islam akan menuju kehancuran sekiranya ia ditadbir oleh mereka yang menyamar sebagai ulama, lebih-lebih lagi dengan tanggapan bahawa mereka merupakan golongan yang mewakili Rasulullah dan oleh itu tidak boleh dikritik.

Rencana pengarang tersebut telah menimbulkan kontroversi dalam PAS sendiri. Mengikut laporan akhbar, penasihat editorial Harakah, Subky Latif telah meminta lembaga pengarah akhbar tersebut menyiasat punca tersiarnya rencana pengarang tersebut.

Dan Ketua Pemuda PAS, Mahfuz Omar malah mengesyaki wujudnya unsur-unsur sabotaj, dan meminta anggota sidang pengarang bahagian bahasa Inggeris akhbar berkenaan dirombak secara besar-besaran. Tampaknya kontroversi ini masih dalam perkembangan.

Polemik siapa sebenarnya ulama dan institusi ulama mana yang lebih berwibawa padahal juga berkaitan dengan saingan Umno dan PAS untuk memenangi sokongan golongan ulama demi memonopoli hak interpretasi terhadap isu-isu berkenaan dengan agama Islam, termasuk murtad, poligami, hudud, jihad, negara Islam dan sebagainya.

Bila ditemubual (Wawancara Mingguan Malaysia, 3 Februari 2002) Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor telah membahagikan ulama negara kita dalam tiga golongan seperti berikut:

- (i) ulama yang berada di luar pemerintah;
- (ii) ulama yang bersama dengan pemerintah untuk menegur pemerintah;

(iii) dan ulama yang bersama dengan pemerintah dan membiarkan segala apa yang dilakukan oleh pemerintah walaupun tindakan-tindakan itu menyimpang daripada al-Quran dan Sunnah.

Klasifikasi tersebut mungkin boleh dipertikaikan, tetapi ia telah menunjukkan bagaimana rapatnya hubungan ulama dengan politik. PUM umpamanya dianggap oleh media arus perdana sebagai pro PAS. Dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan sebagainya tentu dianggap pula sebagai pro kerajaan.

### ***Majlis agama lebih diperlukan***

Ekoran polemik kali ini, kerajaan dengan cepat sekali mengumumkan rancangannya untuk menubuhkan sebuah forum ulama yang dinamakan Majlis Perundingan Ulama Negara.

Rancangan ini tidak begitu disenangi PAS. Maklumlah implikasi politik yang akan menjejaskan PAS, terutama sekali jika penulis-penulis yang dituduh oleh PUM sebagai menghina Islam itu juga diundang untuk menyertai Majlis Perundingan Ulama Negara yang bakal ditubuhkan itu!

Tatkala masalah ulama dan Islam disebut-sebut dalam segala ruangan wacana, di manakah tempat agama-agama lain di negara kita? Dan kenapakah tidak pernah kedengaran kerajaan memikirkan penubuhan Majlis Perundingan Agama-agama Malaysia yang rasanya lebih diperlukan?

Shb Mac 2002

## 41 Kisah Mogok Lapar Saya

Pada 10 April 2002, genaplah 365 hari Tian Chua, Mohd Ezam Mohd Nor, Saari Sungib, Hishamuddin Rais, Dr Badrul Amin Bahron dan Lokman Noor Adam ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mengikut Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) yang dianggotai 81 organisasi badan bukan kerajaan (NGO), enam tahanan politik itu telah mengambil keputusan nekad untuk melancarkan mogok lapar pada hari tersebut, sekiranya mereka tidak dibebaskan atau dihadapkan ke mahkamah.

Memandangkan perkembangan ini GMI mengambil keputusan untuk mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) memohon Suhakam supaya, pertama berusaha dengan apa juga cara dan kuasa yang ada padanya untuk membebaskan enam orang tahanan ISA ini dan tahanan-tahanan ISA yang lain; dan kedua segera menjalankan penyiasatan terhadap penahanan mereka di bawah ISA.

Sebagai sokongan kepada mogok lapar itu, GMI akan menyelaraskan mogok lapar di luar kem tahanan pada masa yang sama. Sebagai persediaannya, penulis ini bersama beberapa teman, selaku bekas pemogok lapar, telah diundang oleh GMI untuk berkongsi pengalaman dengan bakal pemogok lapar pada malam 7 April lalu.

---

"Sepanjang tujuh tahun (1967-1974) sebagai tahanan politik, saya mengadakan empat kali mogok lapar, kali pertama dan kedua secara bersendirian, dan kali ketiga dan keempat secara kolektif. Mengimbas peristiwa tersebut, saya amat sedih atas sengsara tahanan politik sejak berpuluh tahun dahulu, dan berasa amat malu kerajaan Barisan Nasional (dahulu Kerajaan Perikatan) masih bergantung kepada ISA untuk menindas musuh politiknya!

### **Layanan buruk**

Pada 12 Jun 1967, saya ditahan di bawah ISA di Ladang Triang, Negeri Pahang dan disoalsiasat di Balai Polis High Street Kuala Lumpur. Saya ditahan bersama pesalah jenayah yang lain.

Kami dilayan dengan buruk sekali. Bungkus roti (untuk sarapan pagi) dan nasi (bagi makanan tengah hari dan malam) dicampak ke bilik penjara melalui cerah kekisi pintu, dan kole yang berisi teh juga ditolak satu persatu ke dalam bilik, seolah-olah memberi makan kepada anjing dan kucing.

Pada suatu pagi, kole yang ditolak kepada saya itu tumpah. Secara spontan saya mencapai kole itu, dan mencampaknya ke luar bilik. Lalu diumumkan bahawa saya tidak mahu makan lagi. Ketika itu rasanya maruah saya sebagai seorang tahanan politik telah dicabar.

Pada hari keesokan, pegawai cawangan khas datang menyiasat. Dia memberi jaminan akan menyelesaikan perkara tersebut dan seterusnya kami dibenarkan keluar untuk makan di perkarangan dengan lebih selesa dan bermaruah.

Kali kedua saya mogok lapar selama tiga hari pada 10 hingga 13 Ogos 1967 di Tempat Tahanan Khas Batu Gajah (TTK.Batu Gajah) di Perak. Masa itu, Kem Batu Gajah mempunyai tiga blok bangunan. Jika kita berdiri berhadapan dengan pintu besar TTK.Batu Gajah, Blok A terletak di tengah-tengah, Blok B di sebelah kanan manakala Blok C di sebelah kiri.

Saya ditahan di Blok A bersama-sama belasan aktivis pekerja dan kader Parti Buruh dan Parti Rakyat, serta puluhan tahanan yang terlibat dalam peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia. Tahanan di Blok B kebanyakannya kader kedua-dua parti tersebut. Dan Blok C disediakan untuk tokoh politik terkenal seperti Ahmad Boestamam, Dr Burhanuddin Helmi, Dr Rajakumar, Hasnul Hadi, Tajuddin Kahar dan sebagainya. Jika tak silap, jumlah tahanan ketiga-tiga blok itu melebihi seratus orang.

Masa itu tahanan dirampas hak untuk berkumpul dan menjalankan aktiviti bersama, malah menyanyi juga dilarang.

Pada 10 Ogos 1967, ketika saya dan tiga tahanan lain sedang menyanyi di bilik kurungan, tiba-tiba kami diserbu dan ditahan sepasukan warden dan dibawa ke pejabat penjara. Saya membantah dan bertengkar dengan mereka. Selepas diserang, saya dikurung dalam 'bilik roti' ( kerana hanya dibekalkan roti dan minuman) selama tiga bulan, dan sebagai hukumannya saya hilang hak untuk berjumpa keluarga dan surat-menyurat.

Teman-teman saya dalam Blok A tidak dapat berdiam diri. Mereka mengadakan mesyuarat tergepar dan seterusnya mencapai tiga resolusi, iaitu:

- (i) Pihak berkuasa kem meminta maaf kepada saya dan segala hukuman saya dibatalkan segera.
- (ii) Tindakan disiplin diambil ke atas mereka yang menyerang saya.
- (iii) Memberi jaminan peristiwa yang sama tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Tiga resolusi itu juga disokong tahanan Blok B dan Blok C. 'Bilik roti' saya terletak dalam kawasan Blok C, dan Dr Rajakumar berjaya menyampaikan perkembangan terbaru tersebut kepada saya. Saya pun mengemukakan permintaan yang sama dan melancarkan mogok lapar tanpa had masa.

Setelah tiga hari mengadakan mogok lapar, pada 13 Ogos, saya dan wakil ketiga-tiga blok telah dipanggil ke pejabat, dan pengarah kem pun secara terbuka meminta maaf kepada saya di depan mereka. Beliau juga mengumumkan yang pihak berkuasa kem menerima kesemua permintaan kami.

Melalui perjuangan kali ini, hak tahanan untuk menjalankan aktiviti bersama (termasuk menyanyi) dan berkumpul telah dipulihkan, dan hubungan antara blok juga mulai diakui pihak berkuasa.

Apa yang tidak dapat saya lupakan ialah kelazatan makanan yang ditempah khas dari restoran oleh Dr Rajakumar bagi saya 'berbuka puasa', setelah saya menamatkan mogok lapar!

### ***Mogok ketiga***

Mogok lapar kali ketiga saya ialah ketika menyertai tindakan bersama yang melibatkan 118 tahanan politik (termasuk 14 tahanan wanita) di TTK Batu Gajah yang bermula pada 25 Mac 1968 selama 22 hari.

---

Seramai 58 tahanan dari Tempat Tahanan Muar, Johor turut menyertai mogok lapar tersebut pada 31 Mac itu. Lebih 600 tahanan politik di Sarawak juga melancarkan mogok lapar sehari untuk menyokong rakan seperjuangan mereka di TTK Batu Gajah.

Ia berpunca daripada tindakan pihak berkuasa kem menolak permintaan kami untuk menghantar telegram kepada rakan seperjuangan kami Chu Kui-hua yang lumpuh akibat dibelasah anggota unit simpanan persekutuan (FRU) semasa menyertai demonstrasi jalanan.

Masa itu beliau ingin bertolak ke negeri China untuk menjalani rawatan, dan kami ingin menghantar telegram untuk mengucapkan selamat jalan kepadanya.

Sebagai membantah tindakan pihak berkuasa kem itu, kami enggan masuk ke dalam blok ketika pintu besar hendak ditutup pada jam 7 malam. Setelah beberapa hari berkumpul di luar bangunan blok, kami diserbu anggota FRU pada 25 Mac, menyebabkan 37 tahanan mengalami kecederaan. Kami terpaksa melancarkan mogok lapar untuk mempertahankan keselamatan kami dalam kem.

Keluarga tahanan turut gigih menyokong kami. Pada 29 Mac, lebih 100 ahli keluarga tahanan berkumpul di luar TTK Batu Gajah, menuntut dibenarkan berjumpa kami. Peluru pemedih mata digunakan untuk menyurui ahli keluarga yang berkumpul secara damai, dan lebih 40 daripada mereka ditangkap dan ditahan hingga 4 April, sebelum dibebaskan dengan ikat jamin. Mereka telah mogok lapar selama tiga hari dalam tahanan untuk membantah keganasan pihak polis.

Pada masa itu, Parti Buruh dan Parti Rakyat masih kuat. Mereka melakukan demonstrasi jalanan di merata tempat dan memberi tekanan hebat kepada kerajaan dan pihak kem untuk menyelesaikan mogok lapar di TTK Batu Gajah dan Muar.

Mogok lapar tersebut ditamatkan setelah perundingan di antara pihak berkuasa kem dan wakil tahanan diadakan pada 17 April.

Pada hari berikutnya, delegasi pusat Parti Buruh mengadakan perundingan dengan perdana menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman di mana beliau bersetuju dengan 11 permintaan tahanan (kebanyakannya telah disetujui oleh pihak berkuasa kem dalam perundingan dengan wakil tahanan pada hari sebelumnya).

Antara permintaan itu ialah:

- (i) Dua tahanan yang sakit tenat dibebaskan;
- (ii) Menyasiat keganasan FRU, tindakan disiplin akan diambil kepada pesalah;
- (iii) Memberi ganti rugi atas barang-barang yang dirosakkan akibat keganasan FRU;
- (iv) Tahanan tidak akan digari bila keluar dari kem;
- (v) Semua hukuman kami dibatalkan;
- (vi) Ahli keluarga tahanan dibenarkan berjumpa dengan tahanan pada hari Ahad;
- (vii) Kebajikan dan layanan yang lebih baik diberi kepada tahanan.

### **Kejadian 12.29**

Mogok lapar kali keempat adalah yang teruk sekali. Ia merupakan mogok lapar tahanan ISA yang paling lama - 47 hari - yang berlaku pada 29 Disember 1973.

Ia juga dikenali sebagai 'Kejadian 12.29'. (Sila rujuk kepada kisah Sengsara 47 hari, dibelasah FRU (III) yang disiarkan dalam kolum ini pada 12 September 2001 )

Peristiwa itu tercetus selepas kejadian membunuh diri oleh seorang teman seperjuangan bernama Wong Swee Sang. Wong mengidap penyakit tinnitus yang serius tetapi tidak mendapat rawatan perubatan. Beliau membunuh diri sebagai membantah seksaan pihak berkuasa terhadap tahanan ISA.

Saya nyaris cacat kerana luka teruk akibat serangan anggota FRU, dan berpuluh-puluh lagi tahanan turut cedera oleh keganasan pasukan yang sama. Kesemua pemogok telah 'pengsan' berkali-kali, dan dibawa berulang-alik di antara Hospital Batu Gajah dengan Kem Batu Gajah.

Akhirnya mereka menjadi begitu lemah sekali, sehingga pihak Hospital Batu Gajah meminta Hospital Ipoh mengambil alih rawatan ke atas kesemua pemogok kerana tidak berani bertanggungjawab sekiranya mereka mati.

Sekalipun berhenti mogok, kesihatan kebanyakan mereka masih dalam keadaan buruk bagi tempoh jangka panjang.

Pihak berkuasa yang didalangi polis cawangan khas hanya bersedia untuk menyelesaikan masalah pada saat akhir ketika pemogok berada dalam keadaan yang amat serius.

Penyelesaian sering merupakan janji kosong, seperti bersetuju menyasat keganasan FRU. Selama ini, tiada tindakan disiplin diambil ke atas seorang pun FRU atau warder yang mengganasi tahanan.

Tahanan tidak pernah mendapat satu sen pun sungguhpun pihak berkuasa kem bersetuju membayar gantirugi bagi kerosakan hartabenda milik mereka.

Manakala pembaikan layanan dan kebajikan tahanan juga dinafikan dengan sebarang alasan. Bantahan besar-besaran sering dibangkitkan apabila bekalan bola bulu tangkis, bola pingpong, bola keranjang, kertas tandas, sabun, atau kasut sengaja diberhentikan atau dikurangkan.

Pengalaman mogok lapar tahanan politik tahun 60-an dan 70-an telah membuktikan ia merupakan senjata terakhir tahanan untuk mempertahankan maruah, hak asasi dan keselamatan fizikal mereka.

Senjata itu terpaksa digunakan apabila tiada pilihan lain lagi, kerana mogok lapar sendiri memang merupakan tindakan yang mempunyai kesan pasif dan negatif (terutamanya kepada kesihatan pemogok).

Selama berpuluh-puluh tahun tahanan politik ISA terpaksa mogok lapar untuk memperjuangkan hak perundangan mereka untuk diadili di mahkamah atau dibebaskan tanpa syarat. Atau demi mempertahankan keselamatan fizikal mereka.

Adakah rakyat Malaysia akan berpeluk tubuh untuk membiarkan mogok lapar dilakukan semula dan dilanjutkan berpuluh-puluh tahun lagi pada masa yang akan datang seperti zaman dahulu?

Bila digelar sebagai pemogok veteran, saya tidak berasa bangga. Saya sebenarnya merasa sedih memikirkan mereka yang telah mengorbankan kesihatan mereka.

Semoga permintaan adil enam kawan kita di Kem Kamunting itu dapat diterima segera oleh Kementerian Dalam Negeri supaya mogok lapar

---

mereka dapat dielakkan atau diselesaikan dalam jangka masa yang tersingkat, dan tiada sesiapa lagi dalam negara kita terpaksa menggunakan senjata mogok lapar pada masa yang akan datang.

10hb April 2002

---

## **42** Syabas, Pemogok Lapar Anti ISA!

Pada 21 April 2002, setelah mogok lapar diadakan selama 12 hari, enam tahanan politik Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kem Kamunting telah menghentikan mogok lapar mereka, setelah sekali lagi mereka menerima pesanan dari pemimpin dan teman-teman yang prihatin dari luar, khususnya dari Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail agar mereka menghentikan mogok lapar ini.

Keputusan enam tahanan politik ISA ini membolehkan mogok lapar sokongan yang diadakan serentak di dataran Markaz PAS Pusat, Taman Melewar, Gombak serta mogok lapar Anwar dapat dihentikan sekali gus. Dengan kata lain, ancaman terhadap kesihatan dan nyawa pemogok lapar dapat dihentikan meskipun kesihatan beberapa orang pemogok lapar masih agak membimbangkan.

Mengikut kenyataan media enam tahanan politik ISA terbabit tanggal 21 April, sungguhpun dua perkara yang dituntut mereka - agar mereka dibicarakan atau dibebaskan dan Anwar diberikan hak untuk mendapat rawatan perubatan daripada pakar yang beliau pilih - belum dicapai sepenuhnya, namun mogok lapar selama 12 hari ini sudah mencapai tujuan-tujuan yang tertentu, termasuk:

- (i) 183 orang penyokong mereka telah melancarkan mogok lapar serentak (termasuk 15 pemogok lapar total) di luar kem tahanan dan disusuli dengan serentetan aktiviti anti ISA.
- (ii) Perjuangan mereka telah mendapat sokongan penuh Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) yang terdiri daripada 82 NGO dan semua parti pembangkang, dan satu memorandum mendukung tuntutan pemogok lapar telah diserahkan kepada Suhakam pada tanggal 10 April oleh 200 orang wakil badan-badan tersebut.
- (iii) Tuntutan mereka telah mendapat timbalbalik Suhakam yang menggalakkan, termasuk:
  - (a) Ditegaskan melalui kenyataan setelah mendapat memorandum bahawa kesemua tahanan ISA hendaklah dibebaskan atau dibicarakan;
  - (b) Prof Hamdan Adnan dan rombongannya telah melawat enam orang pemogok lapar di Kem Kamunting pada 13 April; dan
  - (c) Keputusan untuk mengadakan satu siasatan (inquiry) mengenai penahanan pemogok lapar di bawah ISA.
- (iv) Berita mogok lapar mereka sungguhpun disekat dalam media arus perdana negara kita, namun telah disiarkan oleh media massa di seluruh dunia, khususnya di Australia, Hong Kong, Switzerland, India, Kanada, Amerika Syarikat, New Zealand, Taiwan, United Kingdom dan hampir keseluruhan negara-negara Eropah lain.
- (v) Puan Bahirah Tajol Aris - isteri kepada tahanan ISA Mohd Ezam Mohd Nor - sebagai wakil keluarga telah menghadiri, menyampaikan memorandum dan berucap dalam perhimpunan tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (UNHRC) di Geneva, dan memberikan gambaran jelas tentang kepincangan hak asasi manusia di negara kita dan mengenai mogok lapar yang sedang dijalankan.
- (vi) Sepanjang tempoh mogok lapar, beberapa siri tunjuk perasaan menentang akta zalim ISA telah dilancarkan di Manila, Hong Kong, Bangkok, Amsterdam, Copenhagen, Kathmandu dan beberapa tempat lain.

### **Kezaliman ISA**

Nyata sekali, perjuangan pemogok lapar di dalam dan luar Kem Kamunting telah secara berkesan mendedahkan kezaliman ISA dalam menindas musuh-musuh politik pemerintah dan suara-suara penentanginya.

Justeru itu, Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi cuba menafikan keberkesanan mogok lapar tersebut dengan mengatakan bahawa pemogok lapar di Kamunting telah gagal mendapat simpati majoriti rakyat dan sudah mulai makan sejak 17 April. Dusta dan penghinaan Timbalan Perdana Menteri tersebut sangat memarahkan pemogok lapar dalam Kamunting, mereka berura-ura hendak mendakwa beliau atas dusta dan penghinaan yang berkenaan.

Kezaliman ISA dan kerajaan Barisan Nasional telah ditonjolkan dalam proses mogok lapar kali ini, terutamanya pihak Kem Kamunting enggan menghantar tahanan Dr Badrulamin Bahron yang sakit tenat untuk rawatan perubatan mengikut nasihat doktor, serta menolak lawatan doktor dan peguam yang diundang oleh keluarga tahanan.

Dr Musa Mohd Nordin, Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia, telah menulis surat kepada Abdullah pada 19 April. Secara perincian, beliau telah menjelaskan bagaimana kesihatan Badrulamin dan pemogok lapar yang lain telah terancam akibat hak perubatan mereka seperti yang tercatat dalam Piagam Pesakit (Patient's Charter) telah dicabuli oleh pihak Kem Kamunting.

Padahal Musa sendiri telah ditolak oleh pihak Kem Kamunting untuk merawat Badrulamin sungguhpun Badrulamin berkeras meminta dirawat oleh beliau.

Kedegilan kerajaan BN dalam penggunaan ISA secara sewenang-wenang terbukti dengan penangkapan terbaru terhadap 14 orang yang dituduh sebagai berhubungan dengan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM). Kini tahanan ISA di Kamunting berjumlah 38 orang, enam berhubungan dengan Reformasi Keadilan, dan 32 dikatakan berhubungan dengan KMM.

Moga-moga siasatan Suhakam terhadap enam tahanan politik Kamunting yang dijanjikan itu dapat diadakan secara terbuka, dan berlandaskan pendirian Suhakam selama ini berkenaan dengan tahanan ISA, iaitu kesemua tahanan politik hendaklah dibebaskan atau dibicarakan.

### ***Rintihan hati***

Saya akhiri rencana ini dengan rintihan hati 11 orang bekas tahanan politik/pemogok lapar tahun 1960an hingga 1980an dari Johor Bahru, petikan berikut ialah terjemahan dari kenyataan akhbar mereka demi menyokong tuntutan mogok lapar enam tahanan politik ISA Kamunting:

"Perjuangan mogok lapar mereka telah menghidupkan kenangan kami mengenai mogok lapar kami yang berjangka panjang dan sukar sekali 30 tahun dahulu. Dalam keadaan hak asasi dirampas, kebebasan dinafi, segala cara telah gagal mempertahankan maruah tahanan politik, tanpa pilihan yang lain, kami terpaksa menggunakan jasad kami, darah kami dan nyawa kami untuk memulakan perjuangan mogok lapar - satu cara memusnahkan diri - untuk menentang keganasan dan kezaliman!"

Tiga puluh tahun telah lalui, keganasan dan kezaliman masih berkekalan. Adakah rakyat Malaysia sanggup berbisu dan berpeluk tubuh buat 30 tahun lagi?

24hb April 2002

---

## **43** Terus Memperjuangkan Kebebasan Media

Kebebasan media boleh ditakrifkan dengan pelbagai definisi. Namun seperti anggapan Saudara Param Cumaraswamy, tiga prinsip dalam 'Deklarasi Windhoek' (1991) di bawah ini adalah "mendalam dan relevan dengan perhatian ramai di Malaysia":

Selaras dengan artikel 19 Deklarasi Sejagat Hak-Hak Asasi Manusia, pewujudan, pemeliharaan dan penggalakan akhbar yang bebas dan majmuk adalah amat penting bagi pembinaan dan pemeliharaan demokrasi dalam sesebuah negara, dan bagi pembangunan ekonomi.

Mengikut takrif kami, akhbar bebas bermakna akhbar yang bebas daripada kawalan kerajaan, kawalan politik atau kawalan ekonomi, atau bebas daripada kawalan bahan dan infrastruktur yang diperlukan untuk pengeluaran dan penyebaran suratkhbar, risalah dan majalah berkala yang berkenaan.

Mengikut takrif kami, akhbar majmuk bermakna menghentikan sebarang jenis monopoli dan mewujudkan bilangan terbesar suratkhbar, risalah dan majalah berkala demi membayangkan pendapat yang sebanyak mungkin dalam komuniti.

Mengikut Saudara Steven Gan, ketua editor Malaysiakini: "bilangan undang-undang yang mencero bohi atau membawa kesan kepada kebebasan

---

akhbar Malaysia bukan sekadar 5 atau 10, tetapi 35. Ianya termasuk Akta Keselamatan Negeri, Akta Rahsia Rasmi, dan undang-undang mengenai hasutan dan fitnah."

Bilangan itu mungkin masih konservatif sedikit, kerana menurut Pesuruhjaya Suhakam, Datuk Prof Hamdan Adnan: "Buat masa ini ada kira-kira 50 undang-undang yang membataskan komunikasi dan media.

Lebih menyedihkan ialah adanya undang-undang yang memberikan kuasa kepada menteri untuk menutup akhbar tanpa sebarang alasan, serta tidak perlu ke mahkamah."

### ***Arahan tutup mulut***

Hak mutlak menteri tersebut telah mengakibatkan lesen tiga suratkhbar ditarik balik pada 1987, dan majalah Detik, Al-Wasilah dan Eksklusif diarah tutup pada tahun 2000. Pada Dis 2001, The Sun yang lebih bebas juga terpaksa dirombak oleh pemiliknya setelah akhbar tersebut menyiarkan laporan plot pembunuhan terhadap Perdana Menteri dan timbalannya.

Di samping kawalan undang-undang yang bertubi-tubi, amalan informal sebagai salahguna kuasa sah oleh menteri, timbalan menteri atau pegawai kanan kementerian yang berkenaan, dan amalan penapisan diri oleh pengamal media sendiri, menjadikan kawalan media di negara kita menjadi begitu ketat dan melemaskan.

Dengan alasan 'keselamatan negeri' atau 'sensitif agama atau kaum', dengan mudah sahaja kerajaan melarang sebarang maklumat yang tidak disenanginya daripada disiarkan dalam media massa.

Demi kepentingan parti pemerintah, media massa juga sering diarah dari masa ke semasa supaya menapis sesetengah maklumat daripada disiarkan. Satu contoh terbaru ialah mengenai 'arahan tutup mulut' menjelang pencapaian Pelan Damai tajaan Dr Mahathir Mohamad. Dilaporkan bahawa editor semua suratkhbar diberitahu supaya 'arahan tutup mulut' Kumpulan A dan Kumpulan B MCA dipatuhi.

Di kalangan media bahasa Cina, luas tersebar satu cerita sinis mengenai seorang pemimpin MCA yang digelar sebagai 'ketua editor kepada ketua-ketua editor' semua media.

---

Alkisah dengan pengaruhnya dalam kerajaan dan bidang politik, pemimpin MCA tersebut telah berjaya mengawal ketua-ketua editor akhbar Cina sebagaimana seorang ketua editor mengawal kakitangannya.

Melalui arahan telefon atau diajak untuk 'minum teh', beliau cuba sedaya upaya untuk menapis maklumat yang tidak disenangi MCA, terutama kumpulannya.

Ini sebenarnya 'rahsia terbuka' kepada wartawan dan penulis rencana akhbar berbahasa Cina kerana mereka sering diberitahu, telah dapat arahan daripada 'orang atas' bahawa isu ini atau isu itu tidak boleh ditulis atau diberi liputan!

### ***Pantang larang***

Ketika saya masih menjadi penulis kolum Nanyang Siang Pau, sebelum bermula kempen memulau menulis bersama-sama 90 penulis rencana yang lain sejak tahun lalu, untuk membantah pengambilalihan akhbar tersebut oleh MCA, editor yang baik hati selalu mengingatkan saya tentang isu-isu yang telah diarah oleh 'orang atas' supaya jangan ditulis kerana ia tidak akan disiarkan.

Setengah isu yang boleh ditulis pun, ada pantang larang yang mesti dijaga, umpamanya pemimpin-pemimpin BN terutamanya Dr Mahathir tidak boleh dikritik, dan kritikan terhadap dasar-dasar BN dan parti-parti komponen BN juga ada batasannya! Jika melintasi batasan, nasibnya ialah dicampak dalam bakul sampah!

Penulis rencana dalam media cetak terpaksa menapis diri jika tidak suka ditapis. Akibat tapis-menapis dan sesuai-menyesuai, kebanyakan penulis rencana lama-kelamaan akan hilang ketajaman penanya serta sifat kritisnya sebagai seorang penulis bebas kerana terpaksa berkompromi.

Namun, penentangan mereka terhadap segala kawalan dan penapisan tercetus akibat pengambilalihan Nanyang Siang Pau oleh MCA pada tahun lalu. Seramai 90 penulis rencana telah melancarkan kempen memulau menulis secara beramai-ramai.

Sungguhpun ruangan dan pojok yang mereka tinggalkan telah diambilalih oleh penulis lain yang sanggup mengkompromikan prinsip kebebasan media yang diperjuangkan oleh 90 teman mereka, imej akhbar yang telah dikuasai parti politik itu, tidak dapat dipulihkan.

Moga-moga akan muncul lebih ramai lagi wartawan dan penulis tulin yang terus memperjuangkan kebebasan media sebagai intelektual yang kritis, berruarah dan bertanggungjawab!

8hb Mei 2002

## 44 Zaman 'Kegemilangan' ISA

Pada 1 Ogos 2002, satu forum untuk orang ramai akan dianjurkan oleh GMI (Gerakan Mansuhkan ISA) bersama Suaram (Suara Rakyat Malaysia) untuk memperingati ulang tahun ke-42 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dikuatkuasakan secara bermaharajalela.

Sebagai bekas tahanan ISA dalam tahun 1960-an, saya telah diundang untuk membuat overview mengenai ISA dalam jangka masa tersebut.

Sebelum ISA digubal dan dilaksanakan, kerajaan penjajah British mengisytiharkan Undang-Undang Darurat pada 18 Jun 1948 untuk menumpaskan perjuangan menuntut kemerdekaan oleh parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan patriotik-demokratik yang berhaluan kiri.

Penjajah British dengan sekali gus mengharamkan Parti Komunis Malaya (PKM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Pembela Tanahair (Peta), Angkatan Wanita Sedar (Awas), Barisan Tani Malaya (BTM), Hizbul Muslimin, New Democratic Youth League, kesatuan-kesatuan buruh dan lain-lain. Ribuan pemimpin dan kader parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan tersebut telah ditahan secara beramai-ramai. Mereka dipenjara, diseksa, dihukum gantung dan dibuang negeri tanpa diadili di mahkamah terbuka.

Menjelang dan selepas negara kita mencapai kemerdekaan, rakyat berbilang kaum telah dengan gigih menuntut dan memperjuangkan

pemansuhan Undang-Undang Darurat yang terkutuk itu. Oleh itu, Kerajaan Perikatan telah berjanji dalam Manifesto pilihanraya umum 1959 untuk memansuhkan undang-undang tersebut sekiranya mereka menang dalam pilihanraya tersebut.

Untuk memenuhi janji tersebut, kerajaan Perikatan terpaksa memansuhkan Undang-Undang Darurat, tetapi pada masa yang sama, digantikan pula dengan ISA. Dengan kata lain, hanya nama sahaja yang berlainan, fungsinya untuk menahan dan menumpaskan musuh politiknya tanpa diadili di mahkamah terbuka tetap sama.

### ***Penangkapan beramai-ramai***

Menurut statistik yang didedahkan oleh Tun Abdul Razak Hussein, Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri merangkap Menteri Pertahanan semasa Undang-Undang Darurat dimansuhkan, selama 12 tahun undang-undang itu dikuatkuasakan, seramai 12,720 orang telah dibuang negeri dan 227 meninggalkan negeri secara sukarela. Bila Undang-Undang Darurat dimansuhkan, masih ada 67 orang tahanan politik meringkuk dalam kem-tahanan di Sungai Petani (Kedah), Batu Gajah (Perak) dan Muar (Johor). Mereka akan terus ditahan di bawah undang-undang baru ISA, "sehingga mereka tidak mengancam keselamatan negara".

Pada penghujung tahun 1950-an, Undang-Undang Darurat sering diguna untuk menindas gerakan pelajar, gerakan kesatuan pekerja dan gerakan politik. Antara lain, ramai aktivis pelajar sekolah menengah swasta Cina telah ditahan kerana terlibat dalam kempen menentang dasar mengusir pelajar yang lebih umur serta mengubah bahasa pemeriksaan daripada bahasa Cina ke bahasa Inggeris.

Pada tahun 1958, Kesatuan Kebangsaan Pekerja Kilang dan Pekerja Am (National Union of Factory and General Workers) (1953-58) yang mempunyai 15,000 orang ahli serta sangat berpengaruh itu telah diharamkan. Gabungan Pemuda Sosialis (1954-1958) yang ditubuhkan oleh V David juga mengalami nasib yang sama. Ramai pemimpin dan petugas kedua-dua pertubuhan tersebut telah ditahan di bawah Undang-Undang Darurat.

Pada 1 Oktober 1958, suatu penangkapan beramai-ramai telah dilancarkan, dan 109 orang, termasuk guru, pelajar, aktivis kesatuan pekerja dan politik telah ditahan dari seluruh negara. Pada 26 Februari 1959, Undang-Undang Darurat digunakan buat kali terakhir untuk menahan 125 lagi tahanan politik dari seluruh negara. Penangkapan ini nyata sekali bertujuan untuk menumpaskan kekuatan pembangkang menjelang pilihanraya umum 1959.

---

Namun demikian, Front Sosialis telah berjaya menawan lapan kerusi Parlimen dan 16 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Pencapaian PAS yang dipimpin Dr Burhanuddin Al-Helmy lebih cemerlang lagi; parti itu dapat menawan 16 kerusi Parlimen dan berjaya menguasai negeri Kelantan dan Terengganu.

Dalam tahun 1960-an, penahanan berlaku dari masa ke semasa di bawah ISA. Di antara tahun 1960-61, lebih kurang 60 orang telah ditahan, kebanyakannya pemimpin dan petugas Parti Buruh dan Parti Rakyat.

### ***Operasi 'Cold Store'***

Pada 2 Februari 1963, rejim Lee Kuan Yew yang bersedia untuk menggabungkan Singapura dalam Malaysia yang akan ditubuhkan pada 16 September 1963, telah bersetuju dengan Kerajaan Perikatan dan Penjajah British untuk melancarkan Operasi 'Cold Store' di mana 113 orang musuh politik Lee Kuan Yew yang menentang penubuhan Malaysia dari Barisan Sosialis, Parti Rakyat, Parti Pekerja, Universiti Nanyang, kesatuan pekerja, kesatuan wanita, kesatuan guru, wartawan dan sebagainya, telah ditahan.

Pada 13 Februari 1963, Ahmad Boestamam, presiden Front Sosialis dan ketua pembangkang Parlimen, ditahan di bawah ISA atas tuduhan beliau ada hubungan sulit dengan Parti Komunis Indonesia, dan terlibat dalam pemberontakan Parti Rakyat Brunei. Beliau ialah Ahli Parlimen pertama yang ditahan di bawah ISA.

Pembentukan Malaysia telah mengakibatkan konfrontasi dari Indonesia. Kerajaan Perikatan telah menggunakan peluang itu untuk menindas pemimpin dan petugas politik Melayu kita, menyebabkan ramai daripada mereka ditahan pada tahun 1964-65.

Antaranya termasuk Roslan Sarif (setiausaha Front Sosialis Johor), Zainani Sulaiman (setiausaha agung National Convention Party), Ibrahim (ahli Majlis Bandaran Johor Baru), Abdul Ghani (timbang pengerusi Front Sosialis Johor) dan Abu Bakar (pengerusi Parti Rakyat Pulau Pinang).

Kerajaan Perikatan telah mengeksploitasikan konfrantasi Indonesia secara habis-habisan; pembangkang dicemuh sebagai penderhaka negara. Akibatnya Perikatan memenangi 89 kerusi daripada 104 kerusi, pembangkang gagal teruk, hanya tinggal 15 kerusi saja, termasuk PAS (9) dan Front Sosialis (2).

Pada awal tahun 1965, Dr Burhanuddin (presiden PAS), Ishak Hj Mohamad (presiden Parti Buruh), Aziz Ishak (presiden National Convention Party), Datu' Raja Abu Hanifa (PAS), Dato' Kampo Rajo (bendahari Front Sosialis), dan Nazar Nong (naib presiden Parti Rakyat) telah ditahan kononnya terlibat dalam pembentukan kerajaan buangan di Indonesia.

### ***Hari Menuntut Hak Manusia***

Oleh kerana terlalu ramai pemimpin dan petugas parti ditahan di bawah ISA, Front Sosialis pun menetapkan 13 Februari (hari Ahmad Boestamam ditahan) 1965 sebagai Hari Menuntut Hak Manusia dan bersiap sedia untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran secara aman di Kuala Lumpur untuk membantah penindasan Kerajaan Perikatan.

Dua hari sebelum Hari Menuntut Hak Manusia, pihak polis dengan sewenang-wenangnya menafikan hak rakyat untuk berkumpul secara aman. Pihak penganjur mengambil keputusan untuk meneruskan demonstrasi tersebut. Pada hari tersebut, beribu-ribu ahli Front Sosialis dari seluruh negara telah berkumpul di Kuala Lumpur untuk menuntut hak manusia rakyat negara kita.

Mereka telah ditindas dengan kejam sekali. Lebih 200 petugas dan ahli parti telah ditahan dan dibawa ke mahkamah, dan puluhan yang lain, termasuk Hasnol Hadi, Tajuddin Kahar, V David, Tan Kai Hee, Tan Puah Kim telah ditahan di bawah ISA.

Pada bulan Jun tahun yang sama, timbalan setiausaha Parti Buruh merangkap pengerusi negeri Selangor, Dr Rajakumar telah ditahan di bawah ISA, bersama ramai lagi pemimpin dan petugas parti dari Perak dan Pulau Pinang.

Setakat ini, boleh dikatakan kebanyakan pemimpin dari Parti Buruh dan Parti Rakyat telah berada dalam Kem Tahanan Politik. Menurut Tan Kai Hee yang suka bergurau, partinya sudah cukup korum untuk mengadakan mesyuarat CEC (jawatankuasa exco pusat) dalam Kem Tahanan Politik!

Pada tahun 1966, penahanan ISA diteruskan. Lebih 100 pemimpin dan petugas Parti Buruh dan Parti Rakyat telah ditahan. Dalam satu hari sahaja pada 25 Oktober, lebih 50 orang telah ditahan. Selangor, Perak, Pulau Pinang, dan Kedahlah negeri-negeri yang tahanan politik ISAnyanya paling ramai.

---

Tahun 1967 menyaksikan senario politik yang amat bergolak. Dalam pertengahan tahun pertama, tercetuslah pemogokan bersejarah di Ladang Bukit Asahan, Melaka dan Ladang Triang, Pahang. Dua puluh pemimpin dan petugas Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Malaya Bersatu, termasuk Karam Singh, Lim Joo dan SN Rajah, telah ditahan di bawah ISA dan pendaftaran kesatuan tersebut juga dibatalkan oleh pihak berkuasa.

Peneroka Telok Gong yang diketuai oleh Hamid Tuah juga melancarkan perjuangan yang gigih untuk membela peneroka yang melaparkan tanah; mereka juga ditindas oleh kerajaan Perikatan yang tidak bersimpati dengan pihak peneroka.

### **Hartal**

Pada bulan November dan Disember di Pulau Pinang, tercetus pula 'Hartal' yang dianjurkan oleh Parti Buruh Pulau Pinang. Sayangnya, perjuangan rakyat menentang susutan nilai mata wang ringgit akibat kejatuhan nilai paun (mata wang Inggeris) telah dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menimbulkan rusuhan perkauman.

Lebih 20 orang pemimpin dan petugas parti, termasuk Naib Presiden Parti Buruh dan ahli Parlimen, Lim Kean Siew, telah ditahan di bawah ISA.

Selain daripada tahanan-tahanan tersebut, puluhan lagi pemimpin dan petugas dari seluruh negara telah ditahan di bawah ISA, termasuk Tan Hock Hin (ahli DUN Parti Buruh, Pulau Pinang), CC Yong (setiausaha Parti Rakyat Johor, ahli Majlis Perbandaran Johor Baru) dan Goh Wee Siong (ahli Majlis Perbandaran Kluang).

Kejadian penangkapan diteruskan pada tahun 1968. Hampir setiap bulan ada juga orang yang ditangkap. Pada 2 Mei, presiden Parti Buruh Xu Qi Zhen telah ditahan. Beliau ialah seorang lagi presiden Parti Buruh yang ditahan selepas Ishak Mohamad (Pak Sako).

Pada Jun 1968, pemogokan pekerja ladang nenas Chuan Seng telah ditindas dengan penangkapan ratusan pemimpin, petugas dan pemogok ladang itu, dan ramai yang ditahan di bawah ISA.

Pada Ogos 1968, Hu Han Kong (pengerusi Parti Buruh Selangor dan ahli DUN) dan Tan Siew Eng (Ketua Wanita Parti Buruh) telah ditahan di bawah ISA kerana memimpin kempen menyelamatkan 11 orang tahanan yang terlibat dalam operasi bersenjata oleh tentera Indonesia ke atas Malaysia dari digantung.

Pada 9-14 November 1968, penangkapan beramai-ramai telah dilancarkan dan 140 orang telah ditahan. Antara lain, dari negeri Johor (54 orang), Selangor (33), Pulau Pinang (20) dan Melaka (10). Kebanyakan mereka yang ditahan ialah petugas Parti Buruh dan Parti Rakyat; yang lain termasuk lima orang daripada kesatuan pekerja, enam graduan Universiti Nanyang, dan 19 pelajar.

### ***Dipukul hingga mati***

Oleh kerana dalam beberapa tahun ini, beratus-ratus pemimpin dan petugas parti-parti politik, kesatuan pekerja, pelajar dan sebagainya telah ditahan, dan gerakan-gerakan rakyat dalam pelbagai bidang sering ditindas oleh kekerasan polis dengan kejam sekali, rakyat terpaksa melancarkan perjuangan massa di jalanraya.

Menurut statistik yang didedahkan oleh Kertas Putih Kerajaan yang disiarkan pada November 1968, dari 1966 hingga 1968 pihak-pihak yang berkenaan telah mengadakan 250 demonstrasi jalanan!

Penunjuk perasaan sering diserang oleh FRU dengan kejam sekali. Orang yang ditahan tidak terbilang banyaknya. Ramai juga yang cedera dan beberapa orang telah korban dalam perjuangan.

Antaranya, Tang Pao Kuang telah dipukul hingga mati pada November 1965 di Perak, Wang Chong dari Ampang, Selangor telah ditembak mati dalam demonstrasi anti pelawatan Presiden Lyndon B Johnson dari Amerika Syarikat pada Oktober 1966.

Chu Kui Hua dari Pulau Pinang telah mengalami cedera tembakan sehingga lumpuh pada Julai 1967 - dia ditembak hanya kerana menulis poster bantahan. Ketiga-tiga yang mati dan cedera parah tersebut ialah ahli Parti Buruh.

Setakat ini, lapisan pimpinan Parti Buruh dan Parti Rakyat telahpun ditumpaskan. Dalam CEC Parti Buruh yang terdiri daripada 19 orang, hanya empat yang masih bebas dan aktif.

Kebanyakan pemimpin dan petugas negeri juga dalam tahanan atau terpaksa melarikan diri untuk mengelakkan penahanan. Malah beberapa bahagian dan cawangan telah diharamkan oleh pihak berkuasa. Pendek kata, Parti Buruh sebenarnya tidak dapat berfungsi lagi!

---

Dalam keadaan demikian, pilihanraya umum 1969 tentu tidak bermakna lagi bagi mereka.

Oleh itu, dalam penghujung tahun 1968, Parti Buruh telah mengambil keputusan untuk memulaukan pilihanraya umum 1969, dan menjelang pilihanraya, ahli Parlimen, ahli DUN dan ahli Majlis Tempatan Parti Buruh dan Parti Rakyat telah diarah untuk meletak jawatan sebagai bantahan kepada kematian demokrasi di negara kita.

### **13 Mei**

Pada 5 Mei 1969, ahli Parti Buruh Cawangan Kepong, Lim Soon Seng, telah ditembak mati ketika dia sedang menulis poster menyeru rakyat memulau pilihanraya umum yang akan datang.

Dalam perarakan pengebumian, dianggarkan 100 ribu orang telah menyertai pasukan perarakan dengan berbagai poster yang mengutuk kezaliman Perikatan. Perarakan dan pengebumian telah dilakukan secara aman dan berdisiplin tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

Penindasan dan kezaliman Perikatan telah menimbulkan kemarahan rakyat. Sungguhpun Perikatan masih memenangi pilihanraya umum tersebut, tetapi ia telah hilang majoriti dua pertiga.

Ia kehilangan kuasa pemerintahan Kelantan dan Pulau Pinang, dan kuasa pemerintahan di Perak dan Selangor juga tergugat kerana Perikatan tidak mempunyai kerusi majoriti yang cukup untuk membentuk kerajaan negeri.

Dalam latar belakang demikian, tercetuslah kejadian 13 Mei. Darurat diisytiharkan sekali lagi, dan Parlimen pun digantungkan. Namun demikian, ISA terus digunakan untuk menahan pemimpin dan petugas pembangkang. Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dan ramai lagi petugas Parti Buruh dan Parti Rakyat telah ditahan atau diburu.

Dari overview yang ringkas ini, ternyatalah dalam tahun 1960-an, Perikatan telah berjaya menggunakan ISA untuk menumpaskan musuh politik utamanya agar kuasa pemerintahannya yang kian goyah itu dapat dikukuhkan! Selepas kejadian 13 Mei, Barisan Nasional terus menggunakan ISA untuk tujuan yang sama hingga sekarang.

Demikianlah halnya kenapa BN bermatian-matian tidak mahu melepaskan ISA yang terkutuk itu, kerana tanpa ISA, BN padahal tidak berdaya untuk menghadapi pembangkang dalam saingan politik secara adil!

31hb Julai 2002

Rujukan:

Koh Swe Yong. Forty years under ISA. 1999.

Jawatankuasa Sejarah Parti Buruh. Sejarah perjuangan Parti Buruh (1952-1972).

---

## 45 Ezam: Kebanggaan Rakyat Malaysia

Mereka yang menghayati kenyataan Mohamad Ezam Mohd Nor di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya selepas dijatuhkan hukuman dua tahun penjara di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) pada 7 Ogos 2002, tentu meyakini bahawa Ezam telah "melaksanakan tanggungjawab moral kepada rakyat dan negara" seperti tajuk kenyataannya.

Sayangnya, belum ada mahkamah bebas yang berani mengadili, menghukum dan membetulkan segala penyelewengan yang didakwa oleh Ezam itu.

Tegas Ezam: "Sekiranya mendedahkan salah laku rasuah dan salahguna kuasa pemimpin menjadikan saya seorang penjenayah, saya rela untuk seribu kali lagi dihukum dan digelar penjenayah."

Seandainya Ezam seorang pengecut, sudah tentu dua dokumen yang dicop "RAHSIA", - mengenai Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik, yang diterimanya melalui kiriman Pos Laju - diserahkan kepada pihak polis seperti yang diwajibkan oleh OSA.

Sekiranya Ezam tidak berani menghadapi risiko, sudah tentu dia tidak berani mengadakan sidang akhbar pada 6 November 1999 untuk

mendedahkan perkara itu, kerana mengikut OSA, perbuatan beliau itu, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara minimum setahun atau maksimum tujuh tahun.

Ezam tidak menyerahkan dua dokumen tersebut kepada polis kerana dia tidak lagi menaruh harapan kepada pasukan itu, setelah "puluhan laporan polis membabitkan penguasa yang rasuah yang pernah saya (beliau) buat bersama raka-rakan lain, kesemuanya lenyap begitu sahaja."

Sungguhpun Ezam memberi kerjasama apabila dipanggil memberi keterangan, tetapi akhirnya dia sedar telah tertipu, kerana "keterangan hanya diambil dari saya. Polis tidak pernah mengambil keterangan daripada individu yang disabitkan dalam laporan polis saya kerana mereka adalah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri serta kerabat dan kroni mereka".

### ***Ditahan di lokap***

Lebih malang lagi, dia telah dilihat sebagai "musuh negara" yang "mengancam keselamatan negara". Dia menghadapi pelbagai tuduhan dan ditahan berkali-kali di lokap polis dan akhirnya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) "untuk memastikan saya tidak tampil lagi ke balai polis untuk membuat laporan yang akan mengancam kedudukan pemimpin rasuah, bukannya keselamatan negara".

"Saya (beliau) digelar penderhaka, pengkhianat, pengganas, penghasut" yang "memfitnah dan memecahbelahkan rakyat", dan ditahan di bawah ISA dan OSA yang melucutkan hak beliau untuk mempertahankan dirinya.

Cabar beliau: "Kalau itu alasannya, mengapa tidak diambil tindakan undang-undang ke atas dakwaan fitnah? Tidak sukar untuk menyaman dan mendakwa saya kerana pendedahan saya spesifik dan khusus - menyebut nama projek, nama syarikat, nama kroni, nama kerabat, nama dana dan jumlah wang rakyat yang disamun."

"Laporan siasatan BPR itu menampilkan bukti dan asas-asas yang kukuh mengenai perlakuan rasuah dan salahguna kuasa dua pemimpin kerajaan, Datuk Seri Rafidah Aziz (kiri) dan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Dalam laporan itu, BPR mencadangkan agar kedua-dua pemimpin kerajaan ini didakwa di mahkamah. Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara dalam laporan yang sama turut menyokong dan memperakukan cadangan BPR itu."

Kata Ezam: "Sesiapa yang meneliti kandungan laporan ini pasti dapat melihat betapa gigihnya pegawai-pegawai BPR menyasat salah laku rasuah dua pemimpin kerajaan ini. Bukti yang ditampilkan kukuh. Maklumat khusus termasuk beberapa akaun bank milik mereka bernilai jutaan ringgit ditampilkan. Maklumat khusus berjuta saham yang diperuntukkan dan pemilikan harta peribadi bernilai jutaan ringgit juga disenaraikan dengan terperinci."

Tambah beliau: "Lebih menjijikkan bila membaca pengakuan menteri itu bahawa beliau terus mempengerusikan mesyuarat itu walaupun sedar ianya merupakan satu kesalahan kerana diarah oleh Perdana Menteri, supaya beliau pastikan anak beliau (Perdana Menteri) juga diberikan peruntukan saham dalam mesyuarat yang sama."

"Persoalannya, bagaimana seorang individu yang telah disiasat dan dibuktikan oleh BPR dan Jabatan Peguam Negara mempunyai asas kukuh untuk didakwa, masih terus lepas bebas? Bagaimana individu ini bukan sahaja bebas, tetapi masih menjadi menteri?" Ini memang suara rakyat Malaysia yang berdhahir (conscience).

### ***Dakwaan serius***

Ezam telah mengemukakan dakwaan-dakwaan yang amat serius sekali terhadap Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri kabinetnya bahawa:

- Keputusan akhir terletak di tangan Perdana Menteri. Laporan siasatan BPR menjadi komoditi untuk dinilai sebagai tukaran kesetiaan politik. Kalau kamu setia, pendakwaan tidak akan berlaku. Bukan sekadar itu, dia dijamin selamat. Kertas laporan siasatan akan dicop "RAHSIA" agar tiada siapa tahu. Inilah yang menjadi asas kepada budaya impuniti - kebal dari tindakan undang-undang - di kalangan elit politik negara ini.

- Saya (beliau) berani menyatakan di sini hampir kesemua menteri kabinet di negara ini mempunyai asas untuk didakwa atas kesalahan rasuah dan salahguna kuasa. Saya (beliau) mengambil tanggungjawab penuh berhubung dakwaan ini dengan syarat BPR diberikan kebebasan untuk menyasat dan mengemukakan laporan siasatan kepada umum. Jangan gunakan cop "RAHSIA" di atas semua laporan siasatan tersebut.

Semua dakwaan tersebut dibuat dalam mahkamah secara rasmi dan terbuka bila beliau dibenarkan membuat "rayuan". Namun, sekiranya rejim Dr Mahathir Mohamad tidak berdaya untuk membersihkan dirinya dari tuduhan-tuduhan Ezam, dan tidak berani menyahut cabaran-cabaran Ezam, rejim itu terbukti "sebuah negara yang rosak (a rotten state)" seperti anggapan Ezam.

---

Kenyataan Ezam tersebut merupakan dokumen bersejarah yang tidak dapat diRAHSIAkan oleh OSA atau mana-mana pihak. Ia merupakan sebahagian daripada kesalahan-kesalahan rejim Dr Mahathir, jika beliau gagal membuktikan tuduhan-tuduhan tersebut adalah palsu!

Bagaimanapun, rakyat Malaysia patut berasa bangga seperti bangganya isteri Ezam, Bahirah: "Saya rasa bangga, bangga apabila beliau mengorbankan kebebasannya kerana menegakkan kebenaran. Ramai yang boleh bercakap, tetapi berapa ramai yang bersedia membayar harganya seperti yang dilakukan suami saya?"

Sekarang Ezam sudah dipenjarakan, salahlaku rasuah dan salahguna kuasa rejim Dr Mahathir masih diterus dan dilindungi oleh ISA , OSA, AH (Akta Hasutan) dan undang-undang zalim yang lain. Patah tumbuh hilang berganti, adakah lebih ramai Ezam akan tampil ke hadapan?

20hb Ogos 2002

## 46 Kes ISA 5 Dan Komplot Politik BN

Pada 7 September 2002, empat orang hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah membuat keputusan sebulat suara terhadap kes permohonan perintah habeas corpus oleh lima tahanan ISA (Mohd Ezam Mohd Nor, Tian Chua, Saari Sungib, Raja Petra Raja Kamaruddin dan Hishamuddin Rais) bahawa penahanan mereka selama 60 hari oleh polis mengikut Seksyen 73(1) ISA April tahun lalu, adalah tidak sah dan mala fide (berniat tidak baik).

Kemudiannya, hakim-hakim yang sama memutuskan bahawa permohonan perintah habeas corpus baru perlu dikemukakan bagi pembebasan tahanan bagi tahanan selama dua tahun atas arahan Menteri Dalam Negeri mengikut seksyen yang lain, iaitu Seksyen 8, ISA.

Nyata sekali, perintah habeas corpus yang dikeluarkan sebelumnya adalah wajar dan logik sekali, kerana sekiranya penahanan 60 hari pertama tidak sah dan mala fide, seperti yang diputuskan oleh Mahkamah, penahanan seterusnya atas arahan Menteri Dalam Negeri mengikut Seksyen 8, ISA, juga tidak mungkin sah kerana ia berasaskan maklumat yang diberikan oleh pegawai penyiasat yang terbabit.

Oleh itu, keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut dipandang sebagai "berdolak-dalik", dan hakim-hakim berkenaan diperli sebagai "sida-sida" (eunuchs) yang tidak berani menegakkan keadilan dengan mengeluarkan

---

perintah secara tegas dan konsisten. Malah mungkin kerana tekanan politik yang nyata atau tersembunyi, dalih teknikal telah digunakan sebagai penutup malu.

Bidas Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, sekiranya bukan kerana kekurangan keberanian kehakiman untuk membebaskan tahanan-tahanan (ISA) yang terbabit, keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut akan menjadi suatu keputusan 'landmark' demi hak-hak asasi manusia dan pemulihan keyakinan dalam sistem perundangan negara kita.

Tambah beliau, hakim-hakim Mahkamah Persekutuan terbabit telah menyimpang dari prinsip yang dipegang oleh bekas Ketua Hakim Salleh Abas dalam kes "Teresa Lim Chin Chin vs Inspector General of Police (1988)" iaitu: penahanan bermula dengan Akta Polis di bawah Seksyen 73, ISA dan diikuti dengan arahan Menteri Dalam Negeri di bawah Seksyen 8 Akta yang sama, kedua-dua penahanan tersebut tidak boleh dilayani secara berbeza.

Dan nasihat hakim supaya permohonan perintah habeas corpus baru dikemukakan, juga dianggap sebagai tidak berguna sama sekali, kerana mengikut Lim, pindaan 1989 ISA telah menyatakan keputusan menteri tidak tertakluk kepada sebarang bentuk kajian semula (review) kehakiman.

### ***Pelakuan polis***

Lebih mengecewakan ialah Dewan Rakyat telah menolak usul Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk membahaskan nasib ISA 5 terbabit supaya mereka dibebaskan dengan segera, dan tindakan diambil terhadap salah laku polis yang tidak sah dan mala fide (berniat tidak baik), serta memberi gantirugi kepada mangsa-mangsa yang telah ditahan secara tidak sah.

Kini, Timbalan Perdana Menteri (TPM) merangkap Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan kembali ke tanahair dari Amerika hari ini, menjadi tumpuan semua pihak.

Justeru seperti komen Ezam:

"Ini adalah satu ujian kepada TPM sama ada beliau mempunyai kekuatan moral untuk bebaskan saya, Tian Chua, Ustaz Badrul [Amin Bahron], Saari Sungib, Hishamuddin Rais dan Lokman [Noor] Adam dan membuktikan beliau layak untuk menjadi seorang PM yang tunduk kepada prinsip undang-undang (rule of law) dan prinsip moral."

Sesungguhnya, implikasi isu ISA 5 lebih mendalam dan meluas daripada ujian peribadi bagi Abdullah kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamadlah yang masih merupakan manusia yang lebih berkuasa yang akan menetapkan nasib ISA 5 terbabit, walaupun dari perhitungan bagi kerjaya politik peribadi, Abdullah mungkin lebih suka agar tahanan ISA terbabit dibebaskan.

Sekiranya Ezam juga percaya perbuatan itu akan memperlihatkan kekuatan moral, prinsip undang-undang dan kelayakan Abdullah sebagai PM, apatah lagi bagi rakyat biasa yang tidak tahu sangat tentang selok-belok politik. Namun demikian, rasanya beliau tidak bebas untuk berbuat demikian.

Namun ini tidak bermakna tidak wujud langsung kemungkinan ISA 5 itu dibebaskan berasaskan perhitungan politik Machiavellian BN, yang tidak kena-mengena dengan kekuatan moral atau prinsip undang-undang mana-mana individu, seperti yang dikemukakan oleh sesetengah penganalisis.

### ***Memesongkan pandangan***

Umpamanya, BN takut kehilangan lebih undi sekiranya ISA 5 terus ditahan dan menimbulkan kemarahan rakyat berbanding dengan mereka dibebaskan.

Atau seperti dibayangkan oleh Menteri Undang-undang de facto Dr Rais Yatim baru-baru ini, bahawa pengundi kini berubah menjadi lebih 'sofistikated', dan sekarang adalah waktu yang sesuai untuk kerajaan mengkaji semula setengah undang-undang bersifat kuku besi seperti ISA.

Atau selaras dengan pendekatan Dr Mahathir yang bersedia mengeksploitasikan kes ini untuk "membuktikan kebebasan badan kehakiman dan sangat bermakna dalam memesongkan pandangan-pandangan yang tidak adil dan berat sebelah terhadap mahkamah Malaysia".

Bagaimanapun, mereka telah ditahan secara tidak sah selama 17 bulan, dan komplot politik BN untuk mensabotaj gerakan reformasi juga tercapai. Apakah rugi sangat sekiranya mereka dibebaskan sekarang?

Namun, tidak mungkin isu ISA 5 ini dapat diselesaikan hanya dengan pembebasan mereka sahaja! Dan pengorbanan serta penyeksaan yang mereka dan keluarga mereka alami akibat kehilangan kebebasan, juga tidak dapat diselesaikan, walaupun dengan wang pampasan sebanyak manapun jumlahnya sekalipun!

Dari segi politik, bagaimana pula bagi gerakan reformasi yang telah disabotaj dengan kejam secara tidak sah, seperti yang dibuktikan oleh keputusan Mahkamah Persekutuan terbabit, dapat dicari penawarnya?

Jika direnung kembali sejarah perjuangan politik negara kita, kes ISA 5 bukan kes pertama bagaimana BN (dahulu Perikatan) menggunakan ISA untuk menindas dan mensabotaj perjuangan rakyat yang sah di sisi perlembagaan (sila rujuk Zaman 'kegemilangan' ISA, 31 Julai 2002).

### ***Kuasa mahkamah***

Justeru kewujudan ISA dan undang-undang zalim yang lain, dan berasaskan fakta dan pengalaman sejarah perjuangan politik negara kita, maka timbullah perdebatan mengenai cara perjuangan - sama ada melalui pilihanraya atau jalanraya (seperti kata Hishamuddin dalam bukunya Pilihanraya atau pilihan jalanraya).

Menjelang pilihanraya umum 1969 lagi, Parti Buruh dan Parti Rakyat Malaya telah berputus asa dan tidak menaruh sebarang harapan lagi terhadap pilihanraya umum yang diadakan setelah barisan pimpinan dan petugas mereka hampir semuanya disapu bersih dan ditahan di bawah ISA. Akhirnya mereka memboikot pilihanraya umum 1969, dan pendekatan perjuangan yang lebih radikal dan militan pun diambil selepas itu.

Oleh itu, perjuangan kita bukan setakat terhadap penyalahgunaan kuasa ISA, tetapi terhadap ISA dan segala undang-undang zalim hasil penyalahgunaan kuasa kehakiman dan perlembagaan.

Mendesak pembebasan segera ISA 5 adalah perlu, kerana keputusan Mahkamah Persekutuan itu harus dipatuhi.

Tiada sesiapaupun, termasuk Menteri Dalam Negeri, dibenarkan melampaui kuasa Mahkamah.

Bagaimanapun, itu tidak memadai. Keputusan Mahkamah Persekutuan itu telah membuktikan ISA sekali lagi diperalatkan untuk melaksanakan suatu komplot politik BN untuk mensabotaj gerakan reformasi yang sah di sisi perlembagaan negara kita, setelah terlaksananya komplot politik yang cuba hendak menamatkan riwayat politik Datuk Seri Anwar Ibrahim dan p e n g i k u t - p e n g i k u t n y a .

Yang perlu bertanggungjawab dalam kes ini tampaknya bukan saja Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Menteri Dalam Negeri, malah Perdana

---

Menteri Dr Mahathir dan seluruh anggota Kabinetnya yang menyokong penggunaan ISA untuk mensabotaj gerakan reformasi melalui penahanan barisan pimpinan gerakan tersebut secara tidak sah.

18hb September 2002

---

## 47 Menteri Diheret Ke Mahkamah

Selaras dengan Perkara 20 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat yang menetapkan setiap orang berhak untuk menubuhkan persatuan, dan menurut Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin setiap warganegara kita mempunyai hak yang sama seperti tersebut di atas, pendaftaran Parti Sosialis Malaysia (PSM) sepatutnya tidak menjadi masalah.

Namun, meskipun permohonan pendaftaran PSM telah dihantar kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (JPP) seawal April 1998, hingga kini, empat setengah tahun telah lalui, PSM masih belum berjaya didaftarkan. PSM diberitahu JPP bahawa mengikut peraturan, perlu ada wakil dari tujuh negeri untuk membolehkan sesuatu pertubuhan didaftarkan sebagai pertubuhan kebangsaan.

Bila ditanya mengikut apa peraturan, mereka berdolak-dalik dan gagal memberi jawapan yang jitu, kerana dalam undang-undang yang terbabit memang tidak wujud peraturan itu.

Setelah puas mencari penjelasan, mendesak, dan mengadu melalui surat-menyurat, panggilan telefon dan temu-janji, permohonan pendaftaran PSM masih tidak dapat mengelakkan nasib malangnya, iaitu ditolak oleh JPP pada 27 Jan 1999.

---

PSM buat rayuan di bawah Seksyen 18 Akta Pertubuhan 1966 kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada Februari 1999, sehingga Julai tahun yang sama, empat surat peringatan telah dihantar kepada KDN untuk meminta maklumbalas mengenai rayuan tersebut, tetapi diberitahu menunggu keputusan Menteri, dan pihak Menteri pula beralih pihaknya sedang menunggu laporan dari polis.

PSM terpaksa membuat aduan kepada Badan Peraduan Awam (BPA) terhadap KDN kerana kelambatan dalam memproses rayuan atas penolakan pendaftaran PSM oleh JPP pada September 1999.

Akhirnya PSM dapat surat dari Ketua Setiausaha KDN bertarikh 15 Sept 1999 mengatakan rayuan parti itu telah ditolak tanpa diberi sebarang alasan, dan keputusan ini dikatakan adalah muktamat.

### **Main tuhan**

PSM sangat marah, dan dikemukakan pelbagai soalan sebagai bantahan terhadap JPP dan KDN, antara lain:

- (i) Mengapa hak berserikat rakyat yang dijamin oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dicabuli oleh pemerintah?
- (ii) Mengapa parti-parti pro kerajaan (umpamanya SAPP, PDS dan Umno Baru) dapat didaftarkan dalam sekelip mata saja, manakala parti lain dimangsakan (sejak 1994 permohonan sebelas parti termasuk PSM telah ditolak)?
- (iii) Mengapa Pendaftar Pertubuhan dan KDN boleh main tuhan untuk menentukan nasib parti?

Soalan-soalan yang berasaskan fakta yang tidak dapat dinafikan ini tentu tidak dapat dijawab oleh JPP dan KDN. Namun, mereka tentu tidak berani menghadapi kenyataan melainkan dicabar dalam mahkamah.

Lantaran itu, PSM telah mencipta sejarah dengan mengheret Menteri Dalam Negeri ke mahkamah pada 26 Okt 1999.

Dalam affidavit Dr Mohd Nasir Hashim, Pengerusi PSM, beliau telah memohon mahkamah untuk mengetepikan keputusan bertulis responden (Menteri Dalam Negeri Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi) bertarikh 15 Sept 1999 yang menolak rayuan PSM dan satu perintah mandamus dikeluarkan untuk PSM didaftar sebagai pertubuhan dan parti politik selaras dengan seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966.

Permohonan beliau diasaskan kepada alasan-alasan bahawa responden telah bertindak secara tidak munasabah kerana mencabuli hak perlembagaan pemohon, melanggar dan ingkari keadilan asasi (natural justice) bagi pemohon kerana tidak diberi peluang membela.

Dalam balasan, Menteri Dalam Negeri mengatakan beliau punyai penuh kepercayaan bahawa Pendaftar pertubuhan telah bertindak munasabah dalam menolak permohonan PSM kerana kegagalan PSM untuk melengkapkan dokumen permohonan.

Dan beliau sebagai Menteri yang bertanggungjawab antara lain terhadap hal-hal keselamatan dalam negeri juga telah memberi pertimbangan kepada aspek keselamatan negara berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak polis yang mana beliau tidak dapat menzahirkan di mahkamah atas sebab kepentingan negara.

### ***Penyelesaian luar mahkamah***

PSM telah mendedahkan apa yang dinamakan "rahsia keselamatan negara" yang tidak dapat dizahirkan di mahkamah atas kepentingan negara itu sebagai "tipu helah" yang direka-rekakan.

Kerana mengikut PSM, setelah parti itu menang pusingan pertama apabila Mahkamah Tinggi pada 21 March 2000 memberi laluan untuk PSM mengetepikan penolakan rayuan PSM untuk mendaftarkan parti itu, lebih dari sekali sejak 22 Nov 2000, pihak Peguam Negara telah meminta PSM agar menyelesaikan kes ini di luar mahkamah.

Pihak AG dikatakan telah meminta PSM tarik keluar kes terbabit dan pohon balik kepada Pendaftar pertubuhan, pihaknya janji akan bercakap dengan Pendaftar agar permohonan baru pendaftaran PSM diluluskan.

Jika balasan Menteri mengenai rahsia yang berkaitan dengan keselamatan negara adalah benar, masakan AG sanggup menawarkan cara penyelesaian di luar mahkamah seperti tersebut di atas?

Mungkin ada pihak yang akan menaruh kesangsian terhadap kebijaksanaan PSM dalam menolak tawaran AG mengenai penyelesaian di luar mahkamah, tetapi kejujuran dan kepraktikalan tawaran AG juga boleh diragui.

Perkembangan perbicaraan kes ini telah mendedahkan strategi utama mereka ialah bersandar kepada "hak mutlak" Menteri atas perkara-perkara yang berkaitan dengan apa yang dinamakan "kepentingan negara" dari segi "keselamatan".

Hujah Dato Zainal Adzam Abd Ghani, Penasihat Persekutuan Kanan (Senior Federal Counsel) yang mewakili KDN pada 26 Nov 2002 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur:

Andainya Menteri Dalam Negeri telah dinasihatkan oleh pihak polis bahawa pertubuhan berkenaan adalah "memudaratkan keselamatan dan kepentingan Malaysia", maka beliau wajib menolak permohonan terbabit di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Untuk menekankan keperluan Menteri memiliki hak mutlak berkaitan dengan perkara-perkara keselamatan negara, beliau malah membabitkan kumpulan-kumpulan pelampau seperti KMM, Al-Maunah dan Al-Qaeda.

### ***Diuji secara objektif***

Hujah hak mutlak Menteri ini telah dipertikaikan oleh peguam PSM Ragu Kesavan di mahkamah yang sama pada 27 Nov 2002. Ragu berpendapat bahawa hak yang diberi kepada Menteri di bawah Akta Pertubuhan 1966 padahal tidak mutlak, oleh itu, keputusan Menteri boleh diuji secara objektif, dan mahkamah berkuasa untuk mengulang-kajinya.

Jika Menteri mempunyai hak mutlak untuk menolak pendaftaran mana-mana parti atau pertubuhan, dan keputusannya tidak boleh dicabar atau diuji secara objektif dalam mahkamah, ini bermakna sekiranya berlaku penyalahgunaan kuasa akibat prasangka atau kepentingan politik Menteri yang terbabit, maka tidak wujud lagi sebarang saluran untuk memperbetulkannya.

Sistem perundangan seumpama ini tentu tidak selaras dengan sistem demokrasi yang didakwa dilaksanakan oleh negara kita. Ia lebih mirip dengan sistem autokrasi atau kediktatoran yang mengutamakan hasrat pemimpin individu yang berkuasa.

Kes ini amat penting memandangkan ia merupakan kes pertama keputusan politik JPP dan KDN dicabar dalam mahkamah. Yang dibicarakan bukan saja Menteri Dalam Negeri, malah sistem negara kita pada keseluruhannya: Adakah negara kita merupakan negara demokrasi yang berpandukan perlembagaan dan kedaulatan undang-undang (rule of law)?

Dan adakah undang-undang kita selaras dengan kebebasan asas yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan negara kita dan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat?

Memandangkan undang-undang berkaitan yang bersifat menindas dan suasana politik negara kita sekarang yang tidak menguntungkan, PSM tidak bersikap optimistik tentang keputusan mahkamah yang bakal diambil, namun seperti dinyatakan parti itu, selaku suatu parti sosialis yang kecil, keberaniannya untuk mencabar sistem negara yang anti-demokrasi dan anti-rakyat sudahpun boleh dianggap sebagai suatu kemenangan yang patut dihargai!

4hb Disember 2002

---



### Bumi Dipajak

Dalam buku BUMI DIPIJAK ini, Lee Ban Chen telah mengemukakan peninjauannya dan memperlihatkan betapa kompleksnya arena politik di Malaysia. Ulasan beliau terhadap pelbagai issue semasa telah membuka minda pembaca serta membolehkan mereka berfikir secara logik. Dengan sederhana, lantang dan berkesan, beliau telah menyuarakan keperluan suatu system demokrasi yang lebih utuh. Dalam keadaan di mana ramai yang terkeliru dan tidak berdaya untuk menghadapi keadaan hegemoni politik masa kini, Ban Chen sebaliknya cuba memberi analisis terhadap kontradiksi-kontradiksi masyarakat kita.

K. Arumugam  
Group of Concerned Citizens

Satu retroduksi sedang berlaku di Malaysia. Apa yang dianggap pinggir mula mengambil tempat di tengah-tengah gelanggang. Tokoh yang cuba dipinggirkan oleh pemerintah hidup semula, segala peristiwa yang cuba dilupakan kembali diingat. Dalam perdebatan isu-isu semasa pandangan-pandangan alternatif mengisytiharkan kehadirannya. Tulisan-tulisan Ban Chen dalam buku ini adalah sebahagian dari proses ini. Kerana beliau juga menulis dalam Bahasa Melayu maka perkara yang beliau angkat ini dengan sendirinya akan bersaing di tengah gelanggang perdana.

Khalid Jaffer  
Institute of Asian Studies (IAS)